

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

قدوة من النور

ISLAM  
&  
BISNES  
JILID II



11  
297-273  
ISL 26 AUG 2003  
f NASKAH PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA  
APB 01112513

*Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin secara bertulis daripada Johor Corporation,  
Menara Johor Corporation, KOTARAYA, 80000 Johor Bahru.*

*Islam Dan Bisnes Jilid II  
ISBN 983-40016-1-4  
Cetakan Pertama 2000*

© Hak Cipta Johor Corporation  
Muka Taip Teks : Palatino  
Saiz Taip Teks : 12 point

*Diterbitkan Oleh  
Masjid An-Nur KOTARAYA  
Plaza KOTARAYA  
80000 Johor Bahru*

# *Kandungan*

 **KATA-KATA ALUAN**  
**TUAN HJ. YUSOF BIN RAHMAT**

 **SIDANG EDITOR**

 **KATA PENGANTAR**  
**YB. DATO' MUHAMMAD ALI HASHIM**



- 1. SEMBILAN PERSEPULUH SUMBER REZEKI  
BOLEH DIPEROLEHI MELALUI BISNES** 1  
*Ustaz Muhammad Uthman El-Muhammady*



- 2. PERNIAGAAN MERUPAKAN SUATU  
JIHAD** 13  
*Datuk Dr. Haron Din*



- 3. PERNIAGAAN MERUPAKAN SUATU  
JIHAD** 27  
*Ustaz Mujahid Yusuf Ar Rawa*



- 4. USAHA DAN PENGORBANAN ASAS  
KEJAYAAN** 41  
*Ustaz Hj. Sulaiman Bin Ibrahim*

# Kandungan



5. KEPENTINGAN ILMU, IMAN, AMAL DAN  
TAQWA DALAM KONTEKS BISNES

53

*Ustaz Ahmad Bin Zainal Abidin*



6. BISNES MENGIKUT AL-QURAN

63

*Ustaz Dr. Abdullah Yasin*



7. PERNIAGAAN DI DALAM AL-QURAN

75

*Ustaz Hj. Sulaiman Bin Ibrahim*



8. MENGHAMPIRI AMAL SOLEH  
MELALUI BISNES

89

*Prof. Madya Dr. Mohd. Daud Bakar*



9. KECEMERLANGAN DUNIA DAN  
AKHIRAT MELALUI BISNES

101

*Ustaz Mujahid Yusuf Ar Rawa*



10. ANTARA BISNES DENGAN  
RUMAHTANGGA

111

*Ustazah Salbiah Bte Omar*

# Kandungan

- |   |  |     |
|---|--|-----|
|    | <b>11. RIBA' DI DALAM PERNIAGAAN DAN CARA-CARA MENGATASINYA</b><br><i>Prof. Madya Dr. Mohd. Daud Bakar</i>               | 119 |
|    | <b>12. PERNIAGAAN GLOBAL BERLANDASKAN LUNAS-LUNAS ISLAM</b><br><i>Tuan Haji Musa Bin Ahmad</i>                           | 131 |
|    | <b>13. KELUASAN ISLAM DI DALAM PERNIAGAAN GLOBAL</b><br><i>Ustaz Alias Bin Othman</i>                                    | 141 |
|    | <b>14. BEBERAPA PERBANDINGAN TEORI ISLAM DAN BARAT DI DALAM KONTEKS BISNES</b><br><i>Dato' Dr. Syed Othman Al-Habsyi</i> | 149 |
|  | <b>15. BUDAYA PERNIAGAAN DI DALAM ISLAM</b><br><i>Ustaz Muhammad Uthman El-Muhammady</i>                                 | 159 |
|  | <b>16. PERANAN BISNES DI DALAM KEBANGKITAN SEMULU UMAT ISLAM</b><br><i>Prof Madya Dr. Badri Abu Bakar</i>                | 171 |

# Kandungan



**17. KEPERIBADIAN PENIAGA MUSLIM  
YANG BERJAYA**

*Datuk Mohd. Idris Bin Hj. Jauzi*

181



**18. CIRI-CIRI KEPERIBADIAN PENIAGA  
MUSLIM YANG BERJAYA**

*Dr. Sidek Baba*

189



**19. KONSEP AMANAH DI DALAM  
PERNIAGAAN**

*Dr. Johari Mat*

199



**20. BEBERAPA RUKHSAH KEPADA PENIAGA  
MUSLIM DI DALAM PERNIAGAAN  
GLOBAL**

*Ustaz Hj. Sulaiman Bin Ibrahim*

211



**21. PERANAN MOHAMMAD AL-FATIH DI  
DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI  
ISLAM**

*Ustaz Hasanuddin Bin Hj. Mohd. Yunus*

223



**22. HIJRAH SEBAGAI PEMANGKIN  
KECEMERLANGAN DI DALAM  
PERNIAGAAN**

*Tan Sri Dato' Abdul Kader Bin Talip*

235

# Kandungan

	<b>23. MENSYUKURI NIKMAT ALLAH SUATU TUNTUTAN KEPADA PENIAGA MUSLIM</b> <i>Ustaz Hj. Morsid Bin Mahrof</i>	<b>245</b>
	<b>24. BEBERAPA PESANAN PENTING KEPADA PENIAGA MUSLIM</b> <i>Ustaz Abdul Haris Bin Bain</i>	<b>251</b>
	<b>25. BEBERAPA PESANAN KEPADA PENIAGA MUSLIM</b> <i>Ustaz Abdul Rahman Bin Rukaini</i>	<b>259</b>
	<b>26. BEBERAPA TAZKIRAH PENTING KEPADA PENIAGA MUSLIM</b> <i>Nik Mustafa Bin Nik Hassan</i>	<b>271</b>
	<b>INDEKS</b>	<b>280</b>
	<b>GLOSARI</b>	<b>286</b>



## Kata-kata Aluan



Ihamdulillahi Rabbil Alamin.  
Segala puji-pujian hanyalah  
milik Allah SWT yang telah  
memberikan hidayah Nya  
kepada umat manusia, selawat  
dan salam ke hadrat  
Junjungan Besar Muhammad SAW  
beserta keluarga, sahabat dan kepada  
mereka yang telah mengikut jejak langkah Baginda SAW  
sehingga ke akhir zaman.



Di atas kesempatan yang dikurniakan oleh Allah SWT, buku Islam dan Bisnes Jilid Kedua ini telah berjaya diterbitkan sebagai kesinambungan buku Islam dan Bisnes Jilid Pertama. Sebagaimana Buku Islam dan Bisnes Jilid Pertama, ia merupakan hasil daripada siri Ceramah Pedoman An Nur yang diadakan di Masjid An Nur KOTARAYA bermula sejak 16hb. Januari 1998. Di dalam Buku Islam dan Bisnes Jilid Kedua ini, sebanyak 26 buah siri ceramah telah ditranskrip dan dikompilasi.

Di dalam Program Ceramah Agama Pedoman An Nur ini, persoalan antara Islam dan bisnes telah dikupas dengan mendalam dan teliti untuk menyingkap fungsi sebenar antara perniagaan dan ajaran Islam. Ternyata ceramah agama yang disampaikan oleh para ilmuwan, agamawan dan mereka yang terlibat dengan perniagaan ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Justeru sebagai penerusan dan perkongsian pengetahuan ceramah ini dibukukan bagi memanjangkan manfaatnya agar dapat dikongsi bersama. Firman Allah

SWT di dalam surah al-Maidah, ayat 2:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْتَّقْوَىٰ وَلَا تَنَعَّمُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْمُدْوَنِ

Maksudnya:

"Dan hendaklah bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan taqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan".

Adalah diharapkan pembukuan ceramah ini akan dapat dijadikan pendorong kepada tokoh korporat, peniaga, usahawan dan kepada sesiapa sahaja yang terlibat dengan perniagaan untuk meningkatkan lagi tahap keilmuan serta kefahaman tentang Islam dan bisnes sekaligus membentuk kualiti keperibadian dan corak pemikiran ke arah melahirkan para peniaga Muslim yang berkualiti bagi menepati hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: "Apabila seseorang kamu memperelokkan Islamnya, setiap kebaikan yang dilakukan ditulis dengan sepuluh kali ganda sehingga tujuh ratus kali ganda. Dan setiap satu keburukan yang dilakukannya ditulis baginya seumpamanya (satu keburukan sahaja)."

Islam menggalakkan umatnya agar sentiasa melakukan kebaikan dan setiap kebaikan yang dilakukan adalah tidak sia-sia. Allah SWT dengan sifat ar Rahman dan ar Rahim akan melimpahkan rahmat kepada sesiapa yang berbelanja di jalan Nya. Di dalam menjalankan perniagaan, keredhaan Allah adalah matlamat utama agar keuntungan yang diperolehi akan membawa berkat. Tanpa keberkatan, nikmat yang diperolehi tidak akan sampai ke mana dan kesenangan yang dimiliki akan menjadi perkara yang melalaikan dan seterusnya

membawa kita ke lembah kemungkaran dan dimurkai Allah SWT. Firman Nya di dalam surah ali-Imran, ayat 135:

وَالَّذِينَ إِذَا فَسَدُوا فَتَحْسَنَهُ أَوْظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ ذَكَرُوا  
اللَّهَ فَاسْتَغْفِرُوا لِذُنُوبِهِمْ وَمَن يَعْفُرُ الذُّنُوبَ إِلَّا  
اللَّهُ وَلَمْ يُصْرِرْ وَأَعْلَمُ مَا فَعَلُوا وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿١٣٥﴾

Maksudnya:

"Dan orang-orang yang apabila mengerjakan perbuatan keji atau menganaya diri sendiri, mereka segera ingat kepada Allah lalu memohon ampun terhadap dosa-dosa mereka dan sememangnya tidak ada yang mengampunkan dosa-dosa melainkan Allah dan mereka juga tidak meneruskan perbuatan keji yang telah mereka lakukan itu sedang mereka mengetahui (akan salah dan akibatnya)"

Islam sebagai ad Din melihat perniagaan merupakan salah satu wadah yang bukan sahaja mendatangkan keuntungan dunia malahan ia juga merupakan salah satu platform yang dapat memberikan keuntungan di hari kemudian seandainya ia dilakukan dengan cara dan kaedah yang menepati syarak. Al Quran juga mengungkapkan bahawa perniagaan dengan Allah merupakan suatu perkara yang sentiasa menguntungkan sebagaimana firman Nya di dalam surah as-Shaf, ayat 10-11:

بِنَاءِهَا الَّذِينَ مَأْمُونُهُمْ أَدْلُكُمْ عَلَىٰ بَخْرَقْ شُجُّكْمْ قِنْ عَذَابَ الْيَمِّ  
تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَتَعْبُدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يَأْمُرُ لِكُمْ وَأَنْهِكُمْ  
ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَفْعَلُونَ

Maksudnya:

"Wahai orang-orang yang beriman !, mahukkah kamu Aku tunjukkan satu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu daripada azab seksa yang tidak terperi sakitnya? Iaitu kamu beriman kepada Allah SWT dan Rasul Nya serta kamu berjuang dalam membela dan menegakkan agama Allah SWT dengan harta benda dan diri kamu, yang demikian itulah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu hendak mengetahui (hakikat yang sebenarnya)."

Adalah diharapkan Buku Islam dan Bisnes Jilid Kedua ini akan dapat dijadikan sebagai salah satu bahan wacana untuk membahaskan persoalan-persoalan yang berkaitan antara Islam dan bisnes di dalam skop yang lebih luas dan mendalam agar segala salah faham dan kekeliruan tentang Islam dapat dihapuskan. Ketidakfahaman ajaran Islam boleh menyebabkan umat Islam berada di dalam keadaan yang lesu, terpinggir daripada kesatuan *ummatal wahidah* sebagaimana yang pernah dibentuk oleh generasi awal Islam di dalam membangunkan ekonomi umat Islam.


Sejakar itu, buku Islam dan Bisnes Jilid Kedua disusun mengikut topik perbincangan yang bersifat semasa dan diolah berdasarkan kepada persepsi fekah, tasawur dan sirah

Islam untuk menjadikan ia bersifat kontemporari dan pelaksanaannya pula bersifat efektif.

Adalah diharapkan penerbitan buku Islam dan Bisnes Jilid Pertama dan Kedua ini akan dapat memupukkan semangat untuk terus membela Islam dan sekaligus mengangkat martabat umat Islam di dalam bidang perekonomian dengan mewujudkan lebih banyak '*networking*' di kalangan kita. Perniagaan di dalam Islam bukan hanya menjadi salah satu aktiviti utama umat manusia malahan ia juga menjadi salah satu saluran kekuatan ekonomi dan seterusnya kekuatan komuniti.

Saya juga ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada mereka yang terlibat di dalam menghasilkan buku Islam dan Bisnes Jilid Kedua ini. Saya juga ingin berterima kasih kepada mereka yang prihatin dan telah memberikan beberapa nasihat serta teguran yang membina sehingga buku ini dapat dihasilkan.

Semoga usaha yang murni ini akan terus dirintis dan mendapat keberkatan Allah SWT. Amin.



**HAJI YUSOF BIN RAHMAT**

Pengerusi

Jawatankuasa Masjid An-Nur KOTARAYA

قَدْ مِنَ النُّورُ

ISLAM  
&  
BISNES  
JILID II

TRANSKRIPSI DAN SUNTINGAN

**KETUA EDITOR**

Hj. Yusof Bin Rahmat

**EDITOR**

Ismail Bin Mat Ali

Razali Bin Awang

Hashim Bin Yusof

Idham Jihadi Bin Abu Bakar

Norlee Haziani Bte Ahmad


Noor Linda Bte Ibrahim



## Kata Pengantar



Ihamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana di atas taufik dan inayah Nya, buku Islam dan Bisnes Jilid Kedua berjaya diterbitkan sebagai pelengkap kepada buku Islam dan Bisnes Jilid Pertama.



Kedua-dua jilid buku ini merupakan kompilasi siri ceramah agama Pedoman An Nur yang diadakan di Masjid An Nur, KOTARAYA yang ditujukan khas untuk mengupas aspek amalan bisnes mengikut perspektif Islam. Matlamat utama penerbitannya ialah untuk dijadikan sebagai panduan kepada ahli perniagaan dan usahawan di dalam menangani cabaran bisnes semasa.

Kehidupan masyarakat pada abad ke 21 dijangka akan didominasi oleh bisnes. Ia akan memainkan peranan sehingga pembangunan masyarakat dan pembangunan negara yang sebelum ini dipengaruhi pada sebahagian besarnya oleh kerajaan melalui perbelanjaan awam, akan berubah. Walaupun pergantungannya kepada sumber kerajaan masih ada khasnya untuk memenuhi keperluan asas, masyarakat akan lebih mengharapkan inisiatif dan daya usaha bisnes sebagai pendorong utama untuk pencapaian tahap prestasi pembangunan yang lebih luas, tinggi tahap dinamismenya dan menyeluruh skop kemajuannya.

Pengaruh ekonomi dan teknologi bisnes yang didominasi korporat antarabangsa akan turut membawa kesan yang berpengaruh dan menyeluruh ke atas

kehidupan masyarakat dengan kuasa kewangan yang mereka miliki. Kini terdapat berpuluhan ribu syarikat gergasi antarabangsa yang memiliki kuasa ekonomi yang mana dari segi nilai kewangannya adalah melebihi jumlah sumber kewangan hasil pendapatan negara membangun.

Di dalam suasana yang serba mencabar ini, negara membangun seperti Malaysia memerlukan penilaian dan pemikiran semula yang lebih tersusun bagi menghadapi sebarang kemungkinan. Ledakan fenomena dominasi bisnes memerlukan persediaan daripada masyarakat Islam supaya ciri-ciri kehidupan dan jatidiri mereka tidak tergugat ataupun diketepikan.

Untuk membebaskan diri daripada penjajahan minda dan juga ekonomi, umat Islam perlu menjayakan sektor bisnes yang dinamik, berdaya saing dan berautonomi mengikut acuan kita sendiri. Walaupun dari sudut fizikalnya kebanyakan umat Islam merdeka daripada penjajahan tetapi sekiranya mereka tidak berhati-hati mereka akan terperangkap dan dijajah semula di dalam skop mentaliti dan ekonomi. Ini merupakan ancaman penjajahan baru hasil daripada sistem ekonomi persaingan bebas, fenomena globalisasi dan konsep *level playing field* di dalam sistem pasaran bebas dan kesan pemangkinan teknologi maklumat dan komunikasi.

Di dalam konteks bisnes yang lebih bersifat dominan, bangsa Melayu tidak mempunyai pilihan selain daripada menghampirkan diri dengan bisnes serta memahami dan mendalami segala yang berkaitan dengan bisnes. Sekiranya kemahiran ini gagal dimaksimumkan, ia akan menyebabkan kita ketinggalan bukan sahaja di dalam konteks peluang perniagaan malahan di dalam pembangunan amnya.

Umat Islam merupakan umat pilihan, justeru kita perlu ada satu corak dan konsep bisnes yang lengkap yang menggabungkan aspek kerohanian dan juga kebendaan. Ini bermakna kita tidak perlu meniru bulat-bulat segala kaedah bisnes dan amalan pengurusan yang dipakai dan diperkenalkan oleh orang lain. Kita tidak boleh melakukan semua ini tanpa mempersoalkan semua pendekatan dan kaedah, mengukur kesesuaianya dengan ukuran prinsip, nilai, pegangan dan akidah Islam.

Di sinilah diharapkan buku Islam Dan Bisnes ini akan dapat memberi serba sedikit sumbangan bagi mengungkap kefahaman kita antara Islam dan bisnes.

Sebagaimana sebelum ini, penerbitan buku Islam dan Bisnes Jilid Kedua adalah salah satu usaha yang dikendalikan di bawah naungan Masjid An Nur, KOTARAYA, iaitu salah sebuah masjid yang dibina dan dikendalikan oleh Johor Corporation. Penerbitan buku ini meluaskan lagi skop dan fungsi Masjid An Nur supaya ia tidak dilihat sebagai rumah untuk ibadat semata-mata. Malah Masjid An-Nur berhasrat untuk kembali kepada fungsi asal masjid iaitu sebagai pusat aktiviti kemasyarakatan.

Selama berdekad, fungsi masjid disisihkan dan peranannya dibataskan kesan daripada sekularisme dan persepsi yang terkeliru. Di dalam Islam masjid berfungsi sebagai pemangkin di dalam perkembangan sosio ekonomi umatnya. Kejulungan masyarakat Islam tentang fungsi masjid perlu diperbetulkan dan kini sudah tiba masanya ia diperbetulkan.

Sebagai salah satu program dari beberapa program untuk meluaskan fungsi masjid, Masjid An Nur, KOTARAYA telah mengorak langkah dengan menganjurkan siri ceramah

agama Pedoman An Nur ini sebagai satu pendekatan untuk menyingkap pemahaman yang tepat antara Islam dan bisnes. Program yang berjalan sebanyak 50 siri ini disampaikan oleh penceramah yang mempunyai latar belakang yang berlainan. Mereka terdiri daripada cendekiawan, agamawan dan individu Islam sama ada yang terlibat secara langsung dengan perniagaan ataupun sebaliknya.

Program mingguan yang diadakan ini pada dasarnya adalah untuk anggota pekerja Johor Corporation dan Syarikat Anak di dalam Kumpulannya tetapi ia akhirnya mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat yang berada di Plaza KOTARAYA dan kawasan sekitarnya.

Pelbagai topik berkaitan dengan perniagaan dikupas sama ada daripada persepsi sirah mahupun semasa. Kupasan demi kupasan di dalam dimensi yang berlainan ini menjelaskan kepada kita betapa sempurnanya Islam sebagai ad Din. Al Quran sebagai kalamullah membicarakan tentang perniagaan di dalam konteks prinsipal. Huraianya pula bergantung kepada hadis Rasulullah SAW, ijma' ulamak, qias dan sebagainya mengikut kaedah-kaedah yang termaktub di dalam ilmu usul fekah.

Sesungguhnya, Johor Corporation sebagai sebuah institusi amanah korporat bangsa Melayu, sedar akan peranan dan tanggungjawabnya untuk menggembeling dinamisme yang ada pada institusi bisnes untuk digabungkan dengan dinamisme yang seharusnya juga terdapat pada institusi masjid. Malah, lebih jauh dari itu, seluruh barisan anggota pekerja di Johor Corporation sebenarnya sedang berusaha memperjuangkan supaya Johor Corporation itu sendiri dapat dijayakan sebagai sebuah institusi amanah korporat untuk memelihara kepentingan ummah.

Johor Corporation telah dibangunkan dan dijayakan sebagai sebuah organisasi korporat bertujuan untuk membina dan membela bangsa, agama dan negara.

Sebagai sebuah badan korporat tanggungjawab asasnya ialah untuk menjana kelebihan kewangan yang dapat membina aset dan himpunan harta yang sentiasa dapat dipertingkatkan nilai jangka panjangnya.

Matlamatnya yang tersirat pula jelas sekali menuntut usaha gigih yang berterusan untuk membina barisan pengurusan intrapreneur yang ahli dalam segala aspek bisnes yang dikendalikannya supaya dapat menjamin kesinambungan Johor Corporation di dalam menangani segala cabaran persaingan sehingga ke tahap global.

Di dalam mengorak langkah bisnes ke tahap global, keuntungan yang diperolehi bukan sahaja dinilai daripada perspektif material. Ia juga perlu diimbangkan dengan matlamat menuju hasanah sama ada di dunia dan juga di akhirat. Peluang ini terbuka kepada sesiapa sahaja sama ada bagi individu, masyarakat, bangsa dan umat.


Di sinilah letaknya kewajipan semua di Johor Corporation untuk terus mencari jawapan kepada banyak persoalan sebagaimana yang dikupas di dalam siri ceramah Pedoman An-Nur ini. Mudah-mudahan cita-cita semua yang terlibat di Johor Corporation untuk menjadikan kerja sehari-hari sebagai suatu usaha yang boleh disifatkan sebagai sebahagian daripada ibadat dan amalan yang soleh akan dapat direalisasikan. Mudah-mudahan usaha yang sama juga akan dapat membawa manfaat kepada pengamal, penyelidik, pengkaji dan juga kepada semua yang terlibat dengan bisnes.

Justeru, saya amat berharap pembukuan Islam dan Bisnes Jilid Kedua ini akan dapat meluaskan skop pandangan kita tentang hubungan antara Islam dan bisnes. Semoga ilmu yang terkandung di dalam buku ini, akan dapat dimanfaatkan untuk kepentingan umat Islam keseluruhannya.

Semoga langkah permulaan yang kecil ini akan diteruskan sama ada oleh pewaris Johor Corporation khasnya atau organisasi korporat dan usahawan Muslim yang cintakan Islam amnya, bagi mengisi kekosongan ilmu di dalam menuju kesempurnaan hidup di dunia dan akhirat.

Masjid An Nur terhutang budi kepada semua yang terlibat di dalam menjayakan Program Dakwahnya, khasnya di dalam penerbitan kedua-dua Jilid Perdoman An Nur ini. Sekali lagi hanya Allah Subhanahu Wataala sahaja yang akan dapat membalas dan memberi ganjaran kepada semua yang telah menyumbang ilmu pengetahuan, berkongsi pengalaman dan mencerahkan segala khidmat bakti menjayakannya.

Sekian, wassalam.



**DATO' MUHAMMAD ALI HASHIM**

Ketua Eksekutif  
Johor Corporation

# SEMBILAN PERSEPULUH **SUMBER REZEKI** *melalui* **BISNES**

Oleh

Ustaz Muhammad Uthman El-Muhammady

B.A., M.A., (Pengajian Islam) (U.M.)

Fellow Kanan, Institut Kefahaman Islam Malaysia (I.K.I.M.)

**B**isnes merupakan salah satu aktiviti yang banyak mempengaruhi manusia sama ada di dalam konteks gaya hidup mahupun budaya. Di dalam Islam, melaksanakan aktiviti perniagaan merupakan suatu tuntutan agama. Ruang lingkup perniagaan amat luas dan mempunyai pelbagai cabang. Islam sebagai agama yang *syumul* pastinya memandu manusia ke jalan kebaikan.

## **Perniagaan Merupakan Suatu Ibadat**

Setiap Muslim yang ingin berjaya hendaklah menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai idola dan sebaik-baik teladan. Sebelum diutuskan, Baginda SAW merupakan seorang peniaga yang berjaya. Aktiviti perniagaan ini bukan hanya terbatas kepada Baginda SAW sahaja malahan ia juga turut sama disertai oleh Saidatina Khadijah, isterinya. Meskipun perniagaan yang djalankan oleh Baginda SAW adalah berlandaskan kepada etika dan landasan moral yang betul namun ia masih beroleh keuntungan bahkan berlipat kali ganda.

Akhlik mulia yang dimiliki oleh Rasulullah SAW dan para sahabat ini telah diungkapkan sebagaimana firman Allah SWT dalam surah an-Nur, ayat 37:

رَبَّ الْأَنْتِهِمْ بَعْدَ رَلَيْلٍ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ  
وَقَامُ الصَّلَاةَ وَإِنَّهُ الرَّجُوْهُ يَخَافُونَ يَوْمًا  
تَنَقَّلُ فِيهِ الْفُلُوْبُ وَالْأَبْسَرُ ﴿٣٧﴾

Maksudnya:-

"(Ibadat itu dikerjakan oleh) Orang-orang yang kuat imannya yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau berjual beli daripada menyebut serta mengingati Allah SWT dan mendirikan sembahyang serta mengeluarkan zakat, mereka takutkan hari (Kiamat) yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan."


Para sahabat merupakan pendokong awal yang rela mengorbankan sebahagian besar harta semata-mata memastikan syiar Islam dapat dikembangkan di atas muka bumi ini. Mereka menjadi payung yang menaungi perjuangan Islam. Walaupun para sahabat sibuk dengan urusan dunia seperti berdagang, namun mereka tidak lupa untuk melaksanakan ibadat-ibadat yang diwajibkan seperti mendirikan sembahyang, berpuasa, berzakat dan lain-lain lagi.

Sungguhpun begitu, keuntungan yang diperolehi bukan sahaja dimanfaatkan pada diri sendiri tetapi ia juga digunakan sebagai platform untuk berdakwah. Rasulullah SAW

dan para sahabat merupakan sebaik-baik ikutan yang sepatutnya diikuti oleh orang Islam. Para sahabat berjaya mengimbangkan antara rohani dan jasmani sejarah dengan kewujudan dua unsur ini di dalam diri manusia.

*Al-Quran meletakkan bisnes dalam konteks rohani yang amat luas skop perbincangannya sehingga keseluruhan hidup ini dikatakan sebagai perniagaan.*

Di dalam Islam, sifat kelelakian bukan hanya dibataskan kepada aspek fizikal semata-mata tetapi ia melangkaui lebih daripada itu termasuk aspek-aspek rohani, psikologi dan mental. Keseimbangan antara faktor fizikal, rohani, psikologi dan mental akan dapat melahirkan *rujulah* (kelelakian). Ia merupakan inspirasi korporat Islam. Islam tidak melihat jantina sebagai faktor yang menjadi batu penghalang untuk menghalang tugas seseorang. Di dalam tradisi kerohanian Islam walaupun kaum perempuan mempunyai beberapa kelemahan, tetapi kelemahan yang dimiliki oleh mereka bukanlah secara mutlak tetapi ia bersifat *resesif*. Seandainya kaum wanita mempunyai kekuatan peribadi sebagaimana yang dimiliki oleh kaum lelaki, mereka juga dikira sebagai *rijal*.



Pemerintah berperanan membangunkan ekonomi sesebuah negara

Islam meletakkan bisnes dalam konteks rohani yang amat luas skop perbincangannya sehingga keseluruhan hidup ini dikatakan sebagai perniagaan. Firman Allah SWT dalam surah as-Shaf, ayat 10:

بِأَيْمَانِهِ الَّذِينَ مَا مَنُوا هُنَّ أَذْلَكُو عَلَىٰ بَخْرَقَ  
تُبَيِّكُمْ فَمَنْ عَذَابَ أَلِيمٌ

Maksudnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Mahukah kamu Aku tunjukkan suatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu dari azab siksa yang tidak terperi sakitnya?"

Konsep perniagaan di dalam Islam merangkumi ruang perbahasan yang amat luas. Konsep *tijarah* sebagaimana yang diajar di dalam al-Quran

sepatutnya menjadi panduan. Selain daripada mengusahakan perniagaan, kegiatan perniagaan dapat dinilai versinya di dalam konteks yang lebih luas iaitu sebagaimana konteks *tijarah* yang diajar di dalam al-Quran. Versi inilah yang telah dihayati di zaman awal Islam dengan ahli-ahli perniagaan seperti Abdul Rahman Bin Auf, Abu Bakar as Siddiq, Uthman Bin Affan dan lain-lain lagi. Mereka meletakkan bisnes dalam konteks sebenar sebagaimana yang disaran dan dituntut di dalam al-Quran.

Melalui pendekatan ini, Islam telah berkembang ke seluruh dunia melalui ahli perniagaan. Selain bermula mereka juga berperanan sebagai *da'i*. Melalui pendekatan ini Islam telah tersebar ke segenap alam termasuklah ke Nusantara. Allah SWT telah berfirman dalam surah al-Baqarah, ayat 275:

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ الرِّبَا

Maksudnya:

"Dan Allah SWT telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba'."

Di dalam Islam, selain daripada keuntungan, mendapatkan keberkatan merupakan salah satu elemen asas yang sering ditekankan. Untuk mendapatkan keberkatan, segala unsur yang bercanggahan dengan syarak hendaklah dijauhi dan ditinggalkan.

Meskipun riba' sering menjadi pilihan para peniaga, Islam melihatnya sebagai sesuatu yang negatif. Riba' merupakan sebahagian daripada aspek penindasan dan penipuan yang wujud dalam perniagaan. Sebagai agama yang melengkapi aspek duniaawi dan *ukhrawi*, Islam telah membuka lembaran yang baru dalam konteks perniagaan sesama manusia. Kegawatan ekonomi yang melanda adalah disebabkan oleh berleluasanya penggunaan riba' di dalam sistem kewangan yang ada pada hari ini. Memerangi riba' merupakan sebahagian daripada jihad.

Nabi Muhammad SAW pernah bersabda:

الْتَّاجِرُ الْأَمِينُ الصَّدُوقُ  
الْمُسْلِمُ مَعَ الشُّهَدَاءِ يَوْمَ  
الْقِيَامَةِ

Maksudnya:

"Ahli perniagaan yang beramal dengan sifat amanah dan sifat benar sebagai seorang Muslim (yang tunduk kepada al-Quran) bersama-sama dengan orang yang mati syahid pada hari Kiamat."

(Hadis Riwayat Ibnu Majah dan Hakim)

Etika bisnes di dalam Islam merangkumi skop akhlak yang luas. Sebagai contoh sifat amanah, jujur dan lain-lain akhlak *mahmudah* akan membawa manusia ke suatu *maqam* yang tinggi. Persepsi sufi ini menekankan nilai-nilai akhlak yang murni sebagai salah satu jalan untuk mendapat *maqam* yang tinggi di sisi Tuhan. Kesemua ini akan dapat dicapai apabila para peniaga melaksanakan segala suruhan agama dan meninggalkan segala yang dilarang.

Dalam sebuah hadis lain Nabi Muhammad SAW telah bersabda:

الْتَّاجِرُ الصَّدُوقُ الْأَمِينُ مَعَ  
النَّبِيِّ نَ وَالصَّدِيقِ نَ  
وَالشُّهَدَاءِ

Maksudnya:

"Ahli perniagaan yang mengamalkan sifat benar dan amanah, akan bersama-sama para anbiya', siddiqin dan syuhada."

(Hadis Riwayat Tirmizi dan Hakim)

Berdasarkan kepada hadis ini dapat disimpulkan betapa tingginya martabat ahli perniagaan yang memiliki

sifat-sifat *mahmudah*. Mereka tergolong sebagai ahli perniagaan yang dirahmati oleh Allah SWT.

Nabi Muhammad SAW juga telah bersabda:

الْتَّاجِرُ الصَّدُوقُ لَا يُخْجَبُ

مِنْ أَبْوَابِ الْجَنَّةِ

Maksudnya:

"Ahli perniagaan yang menghayati sifat *siddiq* tidak terhalang daripada pintu-pintu syurga."

(Hadis Riwayat al Hakim)

Ahli perniagaan yang memiliki sifat-sifat yang mulia akan termasuk di dalam golongan yang diistilahkan sebagai *Tujjarur Rahman*. Mereka akan sentiasa berada di bawah rahmat Allah SWT.

Sabda Rasulullah SAW juga:

الْتَّاجِرُ الْجَيَانُ مَحْرُومُ التَّاجِرُ  
الْمَحْسُورُ مَرْزُوقٌ

Maksudnya:

"Ahli perniagaan yang penakut terhalang daripada mendapat keuntungan dan kejayaan. Ahli perniagaan yang berani dan berhemah akan diberi rezeki (dan keuntungan)."

(Hadis Riwayat al Khudaie)

Perniagaan merupakan salah satu aktiviti yang melibatkan hubungan

sesama manusia. Kebanyakan pendapatan atau mata pencarian manusia adalah bergantung kepada aktiviti ini. Realiti kelebihan perniagaan sebagai salah satu sumber utama rezeki telah diungkapkan oleh Rasulullah SAW di dalam hadisnya yang masyhur:

تِسْعَةُ أَعْشَارِ الرِّزْقِ فِي  
الْتَّجَارَةِ

Maksudnya:

"Sembilan persepuhlus sumber rezeki boleh diperolehi melalui perniagaan."

(Hadis Riwayat Tirmizi)

Hadis ini merupakan pengakuan daripada Baginda SAW bahawa perniagaan merupakan salah satu urusan penting manusia. Penglibatan di dalam perniagaan merupakan salah satu penerusan sunnah Rasulullah SAW dan para sahabat. Perniagaan merupakan satu ibadat sekiranya ia digerakkan di atas landasan yang

Rasulullah SAW telah menegaskan bahawa sembilan persepuhlus sumber rezeki datangnya daripada perniagaan manakala bakinya adalah daripada bidang pertanian dan ternakan.

betul. Memandangkan betapa pentingnya kedudukan perniagaan di dalam kehidupan, Rasulullah SAW telah mengaskan bahawa sembilan persepuhl sumber rezeki datangnya daripada perniagaan manakala bakinya adalah daripada bidang pertanian dan ternakan.

Seorang Muslim yang bertaqwa mempunyai keyakinan yang tinggi kepada qada' dan qadar Allah SWT. Keyakinan ini akan meletakkan kepercayaan yang mendalam bahawa segala rezeki datangnya daripada Ilahi. Manusia hanya sekadar berusaha sahaja manakala segala ketentuan adalah daripada Nya. Penerokaan demi penerokaan yang dilakukan oleh manusia di dalam perniagaan merupakan desakan di atas permintaan semasa dan ia merupakan sebahagian daripada usaha mereka untuk memenuhi keperluan harian.

*Melalui pencerapan nilai-nilai murni di dalam diri peniaga Muslim, ia akan dapat menghindarkan mereka daripada melakukan perkara-perkara yang bukan sahaja bertentangan dengan nilai agama malahan nilai-nilai sangat seperti penipuan, pembohongan, penindasan dan lain-lain.*

Apa jua aktiviti di dalam hidup manusia melibatkan perniagaan. Sejarah telah membuktikan bahawa keperluan manusia telah menggerakkan manusia untuk melakukan aktiviti pertukaran barang. Aktiviti ini dikenali sebagai sistem *Barter* iaitu menukar barang dengan barang yang lain. Inilah sistem awal urus niaga manusia sesama manusia. Di sesetengah tempat yang masih lagi mundur, sistem *Barter* masih lagi digunakan.

Permintaan tinggi terhadap barang-barang keperluan seperti rempah ratus telah menyebabkan manusia menaroka lebih jauh dan pada masa yang sama penerokaan demi penerokaan dilakukan oleh mereka. Tinggalan sejarah ini masih lagi wujud seperti '*Silk Route*' ataupun Laluan Sutera iaitu laluan perdagangan dari China ke Barat. Ia berfungsi sebagai laluan utama perdagangan antarabangsa sebelum laluan laut dijumpai.

Manusia memerlukan barang keperluan asasi dan harian seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan lain-lain lagi. Oleh itu perniagaan merupakan antara jalan yang terbaik untuk manusia memenuhi keperluan mereka.

Perniagaan merupakan salah satu agenda kehidupan manusia yang penting. Allah SWT mengungkapkan kepentingan ini berulang kali di dalam al-Quran dan lebih 500 buah hadis yang menyentuh persoalan perniagaan dan perkara-perkara yang berkaitan. Di dalam Islam perniagaan yang berkat ialah perniagaan yang menepati



Ahli perniagaan yang beramal dengan sifat benar dan amanah, akan bersama-sama para anbiya', siddiqin dan syuhada

kehendak syarak. Islam melalui pendekatan keluhuran akhlak menekankan sifat-sifat murni di dalam perniagaan seperti benar, amanah, jujur, ikhlas dan lain-lain.

Melalui pencerapan nilai-nilai murni di dalam diri peniaga Muslim, ia akan dapat menghindarkan mereka daripada melakukan perkara-perkara yang bukan sahaja bertentangan dengan nilai agama malahan nilai-nilai sejagat seperti penipuan, pembohongan, penindasan dan lain-lain. Apabila sifat *mahmudah* ini berjaya diterapkan, akhlak murni akan terbentuk. Sekiranya aqidah menjadi tunjang kehidupan, akhlak pula menjadi perhiasannya. Di dalam al-Quran, Allah SWT telah memerintahkan supaya berbuat baik dengan orang lain sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah al-Qasas, ayat 77:

وَبَيْعَ فِيمَا أَنْتُكَ اللَّهُ الدَّارُ  
الْآخِرَةُ وَلَا تَنْسِكْ نَصِيبَكَ  
مِنَ الْأَذْيَاوَاحِسِنْ كَمَا أَحَسَّ  
اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِيَ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ  
إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

Maksudnya:

"Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan oleh Allah SWT kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat, dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah SWT) sebagaimana Allah SWT berbuat baik kepadamu (dengan

*pemberian Nya yang melimpah-limpah) dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah SWT tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan."*

Ketaqwaan kepada Allah SWT merupakan aset yang dapat menjamin keyakinan manusia terhadap perniagaan yang diceburi dan tidak mudah melatah dengan apa juar cabaran yang dihadapi. Kegawatan ekonomi yang melanda akan dilihat bukan hanya sekadar cabaran malahan dugaan daripada Allah SWT untuk menguji tahap keimanan yang ada pada diri dan peribadi peniaga Muslim.

Di dalam keadaan ini sikap sabar, jujur dan nasihat menasihati memainkan peranan penting supaya seseorang itu tidak cepat merasa putus asa. Inilah yang dikatakan sebahagian daripada kesan iman dan ia menjadi

tonggak kekuatan seseorang Muslim. Realiti ini amat berbeza dengan fenomena yang berlaku di kalangan bukan Islam. Meskipun mereka mempunyai jatidiri tetapi mereka tidak memiliki kekuatan dalam sebagaimana yang dimiliki oleh orang Islam iaitu iman. Justeru, tidak menghairankan sekiranya mereka mengambil jalan yang mudah apabila berhadapan dengan masalah seperti penyalahgunaan dadah, meminum minuman keras dan yang paling dahsyat, mereka sanggup membunuh diri apabila berhadapan dengan masalah yang kritikal.

Seorang Muslim yang sejati akan sentiasa memikirkan hikmah di sebalik setiap kejadian yang menimpa diri. Di dalam keadaan yang mencabar inilah keimanan dan ketaqwaan berperanan untuk mengawal diri daripada melatah atau mengambil sebarang tindakan yang mungkin membahayakan orang lain dan diri sendiri.

*Kegawatan ekonomi yang melanda negara ini mungkin berlaku disebabkan tatalaku manusia yang melihat keuntungan di dalam versi riba', bersikap boros : sewaktu mewah, menunjuk-menunjuk, riak, takbur dan lain-lain.*

Manusia yang waras akan memberikan reaksi yang positif apabila berhadapan dengan masalah atau perkara-perkara yang di luar sangkaan seperti kerugian, ditipu, ditindas dan sebagainya. Bagi sesetengah individu apabila dilanda masalah mereka lebih suka bersendirian. Pendekatan yang sebegini sebenarnya bersalah dengan konsep persaudaraan di dalam Islam, sedangkan di dalam Islam persaudaraan merupakan salah satu gandingan yang cukup menarik. Di dalam situasi ini, konsep egoisme akan dapat dijauhi kerana Islam itu

dibangunkan di atas dasar persaudaraan. Sabda Nabi Muhammad SAW:

مَا أَمِنَ بِيْ مِنْ بَأْتُ شَبَّعَانًا  
وَجَارَهُ جَائِعٌ وَهُوَ يَعْلَمُ

Maksudnya:

*"Tidak sempurna iman seseorang apabila dia mengetahui jirananya dalam keadaan luar wajah dia tidak dalam keadaan kekenyangan."*

(Hadis Riwayat al Bazar)

Keimanan mempunyai ruang lingkup yang luas. Perekonomian juga termasuk di dalam 70 cabang iman. Hadis Nabi Muhammad SAW:

الإِيمَانُ بِضَعْعٍ وَسَبْعُونَ  
شَعْبَةً أَعْلَاهَا لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَأَدْنَاهَا إِمَاطَةُ الْأَذَى عَنِ  
الطَّرِيقِ

Maksudnya:

*"Cawangan iman itu adalah lebih daripada 70, yang paling tinggi adalah syahadah dan yang paling rendah adalah membuang halangan yang mengganggu di jalan."*

(Hadis Riwayat Muslim)

Kegawatan dan kemalapan yang sedang melanda negara sepatutnya dilihat daripada sudut positif. Setiap perkara yang berlaku mempunyai hikmahnya yang sepatutnya diambil pengajaran. Kegawatan ekonomi yang

melanda negara ini mungkin berlaku disebabkan tatalaku manusia yang melihat keuntungan di dalam versi riba', bersikap boros sewaktu mewah, menunjuk-menunjuk, riak, takbur dan lain-lain.

Kegawatan ini perlu dilihat daripada sudut kebaikan. Ia mengajar manusia supaya berjimat cermat dan terus bekerjasama untuk menguatkan dan seterusnya memulihkan ekonomi. Semua ini akan berjaya dilaksanakan dengan izin Allah SWT. Manakala perbuatan melampaui batas itu adalah sebahagian daripada perbuatan kufur nikmat dan kaum yang tidak syukur nikmat akan dilaknat oleh Allah SWT sebagaimana firman Nya di dalam surah an-Nahl, ayat 112:

وَضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا قَرِيبَةَ كَانَتْ  
أَمَنَةً مَطْمِئْنَةً يَاتِيهَا رِزْقُهَا  
رَغَدَ أَمِنَ مِنْ كُلِّ مَكَانٍ فَكَفَرَتْ  
بِأَنَّمَا أَنْتَ مُنْذِرٌ فَأَذْفَقَهَا اللَّهُ لِيَسَّرَ  
الْجُوعَ وَالْخَوْفَ بِمَا كَانُوا  
يَصْنَعُونَ

Maksudnya:

*"Dan (berhubung dengan hal kaum yang kufur engkar) Allah SWT memberikan satu misalan: sebuah negeri yang aman damai dan tenteram, yang didatangi rezeki Nya yang mewah dari tiap-tiap tempat, kemudian penduduknya kufur akan nikmat-nikmat Allah SWT itu, maka Dia merasakannya kelaparan dan*

*ketakutan yang meliputi keseluruhannya disebabkan apa yang mereka telah lakukan."*

Manusia yang beriman ialah manusia yang sentiasa mensyukuri nikmat Allah SWT sama ada di dalam keadaan susah ataupun senang. Manakala manusia yang tidak mensyukuri nikmat Allah SWT adalah di sebaliknya. Akibat perbuatan mereka yang tidak mensyukuri nikmat, Allah SWT menurunkan balasan sebagai pengajaran. Ia merupakan iktibar yang perlu difikirkan. Pengalaman merupakan sebahagian daripada pengajaran hidup. Melalui pengalaman seseorang akan menjadi lebih matang dan berhemah.

Kegawatan yang melanda juga merupakan sebahagian daripada pengalaman hidup. Situasi ini merupakan antara detik-detik keemasan untuk seseorang merapatkan lagi hubungannya dengan Allah SWT. Ia merupakan saat keemasan untuk bermuhasabah di mana salah silapnya sehingga Allah SWT memberikan dugaan ini. Usaha, doa dan tawakal merupakan langkah terbaik untuk memulihkan keadaan ekonomi semasa. Usaha yang sebegini akan membentuk diri untuk menjadi lebih berdisiplin, berhemah tinggi, memelihara akidah agar tidak rosak dan lain-lain lagi.

Sesetengah manusia apabila berada di dalam kesenangan, akhlak mereka akan berubah menjadi bongkak, takbur, menindas dan juga memperalatkan orang lain untuk ke-

pentingan diri sendiri. Siapa yang mempunyai wang, dialah yang mempunyai kuasa. Sedangkan bagi orang yang beriman wang merupakan amanah yang Allah SWT kurniakan untuk dikongsi bersama dengan mereka yang tidak bernasib baik. Wang sepertutnya dianggap sebagai amanah Allah SWT.

*Untuk mencapai kejayaan, seseorang tidak boleh menggunakan taktik yang kotor untuk menjatuhkan orang lain. Islam sentiasa menggalakkan umatnya supaya mempunyai persaingan yang sihat.*

Di dalam Islam, konsep persaudaraan begitu erat dan sejak dulu sehingga kini ia digarap sebagai salah satu *wasilah* yang begitu murni nilainya. Setiap kesusahan dan kesenangan akan dikongsi bersama. Untuk mencapai kejayaan, seseorang tidak boleh menggunakan taktik yang kotor untuk menjatuhkan orang lain. Islam sentiasa menggalakkan umatnya supaya mempunyai persaingan yang sihat. Bahkan Islam menggalakkan umatnya supaya bersaing untuk melakukan kebaikan tanpa menindas atau mengambil hak orang lain. Para peniaga Islam perlu berlumba-lumba untuk melakukan kebaikan tanpa menindas orang lain.

Di samping itu, berusaha dengan sebaik mungkin untuk mengatasi masalah kegawatan ekonomi yang sedang melanda negara pada masa kini. Allah SWT ingin melihat umat Islam melaksanakan usaha kebaikan sebagaimana firman Nya dalam surah as-Shaf, ayat 4:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَ  
فِي سَبِيلِهِ صَفَّا كَانُوهُمْ بُتَّنَّ  
مَرْصُوصٌ

Maksudnya:-

"Sesungguhnya Allah SWT mengasih orang-orang yang berperang untuk mempertahankan agama Nya, dalam barisan yang teratur rapi, seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun kukuh."

Ada beberapa ayat di dalam al-Quran yang menjelaskan kunci kejayaan sama ada di dunia dan di

akhirat. Di dalam surah al-A'raf, ayat 96, Allah SWT telah berfirman:


وَلَوْأَنَّ أَهْلَ الْقُرْبَىٰ مَا مَنَّا وَأَتَقَوْا  
لَفَنَّحَا عَلَيْهِمْ بَرَكَتٌ مِّنَ السَّمَاءِ  
وَلَأَذْرِقْنَا

Maksudnya:

"Dan (Tuhan berfirman lagi) Kalau sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah kami akan membuka kepada mereka ( pintu pengurian) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi."

Berdasarkan kepada ayat ini, Allah SWT telah menjelaskan bahawa kunci kejayaan manusia ialah iman dan taqwa. Tanpa kedua-dua asas ini hasil yang diperolehi adalah sekadar memenuhi kehendak nafsu dan bukannya menjadikan usaha yang dilakukan sebagai satu wadah jihad.





*"Segala puji bagi Allah SWT yang menjadikan langit dan bumi serta menjadikan suasana gelap dan terang."*

Surah al-An'am: Ayat 1

# PERNIAGAAN *merupakan suatu* **JIHAD**

Oleh

Dato' Dr. Haron Din  
M.A., (Al-Azhar) Dip. Pendidikan (Ain Shams) (Kaherah),  
P.h.D. (Darul Ulum)  
Pengerusi Darul Syifa'

**I**stilah perniagaan banyak disebut di dalam al-Quran. Istilah perniagaan juga kadang kala merujuk kepada perniagaan antara manusia dengan Allah SWT. Di dalam mengupas tajuk "**Perniagaan Merupakan Suatu Jihad**", pemahamannya perlu dilihat terlebih dahulu dari konteks syarak supaya perniagaan dan jihad dapat dihuraikan dengan lebih lanjut. Perniagaan telah disebutkan di dalam al Quran dengan makna *tijarah*. Firman Allah SWT dalam al-Quran surah as-Shaf, ayat 10-11:

بِتَائِبِهِ الَّذِينَ مَأْمَنُوا هُنَّ أَذْكُرُونَ عَلَىٰ يَمْحَرِّقٍ  
شَيْجَكُرُونَ عَلَيْكُمْ أَلَيْمٌ ۝ نَوْمُنُونَ بِاللَّهِ  
وَرَسُولِهِ وَبِجَهَدِهِنَّ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَالُكُمْ  
وَأَنْفُسُكُمْ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتمْ تَعْلَمُونَ ۝

Maksudnya:

"Wahai orang-orang yang beriman mahukan kamu, Aku tunjukkan suatu perniagaan, yang boleh menyelamatkan kamu daripada azab seksa

*yang pedih? Iaitu kamu beriman kepada Allah SWT dan Rasul Nya serta kamu berjuang dalam membela dan menegakkan agama Nya dengan harta benda dan diri kamu yang demikian itulah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu hendak mengetahui (halikat yang sebenarnya).”*

Berdasarkan ayat di atas Allah SWT telah menggunakan perkataan *tijarah* untuk merujuk kepada maksud perniagaan. Al-Quran juga menyebut tentang *tijarah* dengan merujuk suatu peristiwa yang amat penting kepada umat Islam terdahulu dan memperlihatkan kepada umat Islam bagaimana kuatnya tarikan perniagaan sehingga para sahabat sanggup meninggalkan Rasulullah SAW yang sedang menyampaikan khutbah Jumaat.

Diriwayatkan pada suatu hari, ketika Rasulullah SAW sedang berkutbah Jumaat, tiba-tiba satu rombongan kafilah perdagangan yang datang dari luar kota Madinah sampai.

*Jihad di dalam perniagaan akan timbul sekiranya perniagaan yang dijalankan itu terdiri daripada sumber yang halal. Sesuatu yang halal adalah ibadat, tetapi sekiranya aktiviti perniagaan yang dilakukan daripada sumber yang haram, tidak akan timbul istilah jihad.*

Mereka membunyikan gendang dan alatan muzik bagi memaklumkan ketibaan mereka. Sebaik sahaja sampai, orang ramai termasuk sebahagian para sahabat meluru untuk membeli barang dan meninggalkan Rasulullah SAW yang sedang berkutbah. Perbuatan mereka ini telah dirakamkan oleh Allah SWT sebagaimana firman Nya dalam surah al-Jumuah, ayat 11:

وَإِذَا رَأَوْا تَجْرِيَةً أَوْ لَهْوًا نَفَّضُوا إِلَيْهَا  
وَتَرَكُوكَ قَائِمًا فَلَمْ يَعْنِدُ اللَّهُ خَيْرٌ مِّنَ الْهُنْوَ  
وَمِنَ النَّبِيِّ وَاللَّهُ خَيْرُ الرَّزِيقَينَ ﴿١١﴾

Maksudnya:

*“Apabila mereka melihat rombongan perdagangan yang datang bersama dengan adanya suatu muzik (lambaihan) mereka bergegas meninggalkan kamu (yang sedang menyampaikan khutbah Jumaat). Katakanlah sesungguhnya apa yang di sisi Allah SWT itu lebih baik daripada permainan dan perniagaan. Dan Allah SWT adalah sebaik-baik yang memberi rezeki.”*

Sejarah telah memperincikan bahawa kebanyakan para sahabat yang mendengar khutbah Rasulullah SAW meninggalkan khutbahnya sehingga tinggal 12 orang sahaja yang mengikuti khutbah. Peristiwa ini menggambarkan bagaimana daya tarikan aktiviti perniagaan begitu kuat kepada masyarakat Arab sehingga mereka sanggup mengenepikan

khutbah yang sedang disampaikan oleh Rasulullah SAW.

Tijarah pada tafsiran para *fujahah*' Islam, merupakan sebagai suatu urusan jual beli yang tidak mengandungi unsur dan sumber yang *gharar* di mana aktiviti yang dijalankan daripada sumber yang halal dan boleh mendatangkan keuntungan. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 275:

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ الرِّبَا

Maksudnya:

"Dan Allah SWT menghalalkan jual beli dan mengharankan riba'."

Sekiranya urusan jual beli tersebut tidak bercampur dengan unsur yang haram, perniagaan tersebut adalah merupakan suatu ibadat. Sementara itu para *fujahah*' telah mentakrifkan ibadat sebagai tunduk serta taat kepada perintah Allah SWT dengan hati yang redha serta seronok melaksanakannya. Oleh itu sekiranya seseorang merasa keberatan untuk beribadat, ia bermakna mereka ingin lari daripada melakukan suruhan yang diperintahkan Allah SWT.

## Pengertian Jihad

Jihad di dalam perniagaan akan timbul sekiranya perniagaan yang dijalankan itu terdiri daripada sumber yang halal. Sesuatu yang halal adalah ibadat, tetapi sekiranya aktiviti perniagaan yang dilakukan daripada sumber yang

haram, tidak akan timbul istilah jihad tetapi istilah yang timbul adalah istilah jahat pada diri manusia.

Perkataan jihad merupakan perkataan Arab yang berasal daripada kata dasar "jahada" iaitu memerah, mengeluarkan sepuh tenaga yang ada pada diri kamu sama ada dengan perkataan atau perbuatan untuk menuaikan suatu kerja yang berat dan sukar. Kerja yang berat yang dilakukan dengan menggunakan sepuh potensi tenaga itulah yang dipanggil jihad. Firman Allah SWT di dalam surah al-Haj, ayat 78:

وَجَاهَدُوا فِي أَنَّهُ حَقٌّ جَهَادٌ

Maksudnya:


"Dan Berjihadlah kamu pada jalan Allah SWT dengan sebenar-benar jihad."

Allah SWT juga berfirman di dalam surah al-Ankabut, ayat 69:

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِي سَبِيلِنَا  
فَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya:

"Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan Kami dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah SWT adalah berserta orang-orang yang berusaha membuktikan amalan mereka."



Umat Islam perlu menguasai teknologi terkini untuk terus bersaing di pasaran

Jihad pada pandangan syarak bermaksud menggunakan segala potensi yang ada pada diri sama ada dari segi akal, perkataan, bahasa dan percakapan, di mana segala potensi tersebut digunakan oleh umat Islam di dalam usaha menangani perpe-rangan dengan orang kafir dan bertujuan untuk meninggikan agama Allah SWT. Seandainya seseorang berperang dengan orang kafir tanpa bertujuan untuk meninggikan agama Allah SWT, perjuangan tersebut tidak dinamakan jihad yang hakiki.

Jihad yang hakiki ialah memerah keringat dengan sedaya upaya untuk menentang orang kafir, bertujuan meninggikan syiar Islam dan agama Allah SWT. Sekiranya ia tidak dikaitkan kerana Allah SWT, ia akan berlaku sebagaimana berlakunya peristiwa Peperangan Uhud di mana ramai tentera Islam yang telah terkorban, gara-gara terpesona dengan

tinggalan harta rampasan perang tentera musyrikin Quraisy. Ada di kalangan mereka yang terkorban bukan kerana untuk menegakkan Islam tetapi sebaliknya mereka berperang kerana kepentingan dunia.

Terdapat suatu kisah di mana ada beberapa orang tentera Islam di zaman Rasulullah SAW yang berperang kerana inginkan supaya namanya dicatatkan sebagai seorang perjuang dan pahlawan bangsa. Seorang sahabat telah bertanya Rasulullah SAW:

أَنْ رَجُلًا أَعْرَابِيًّا أَتَى النَّبِيَّ  
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ  
يَا رَسُولَ اللَّهِ الرَّجُلُ يُقَاتَلُ  
لِلْمَعْنَمِ وَالرَّجُلُ يُقَاتَلُ

لِيُذْكَرَ وَالرَّجُلُ يُقَاتَلُ لِيُرَىٰ  
 مَكَانُهُ فَمَنْ فِي سَبِيلٍ  
 إِلَّهٌ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ  
 صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ  
 قَاتَلَ لِتَكُونَ كَلِمَةُ اللَّهِ  
 أَعْلَىٰ فَهُوَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ

Maksudnya:

Sesungguhnya seorang lelaki desa iaitu Arab desa datang kepada Nabi SAW dan bertanya: Ya Rasulullah! Ada seorang yang berperang untuk mendapatkan harta rampasan, ada juga seorang yang berperang untuk membuktikan kejantannya dan ada pula seorang yang berperang untuk mempertahankan kemampuannya. Oleh itu, supakah di antara mereka yang berada di jalan Allah? Rasulullah SAW menjawab: Barangsiapa yang berperang demi menegakkan kalimah Allah SWT, maka merekaalah yang berada fi sabillah."

(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Berdasarkan hadis ini jihad bukannya suatu perkara yang mudah. Ia mempunyai syarat yang tersendiri. Begitu juga kaedahnya apabila ingin menjadikan perniagaan sebagai satu jihad, perniagaan itu hendaklah mempunyai syarat yang tertentu misalnya ia hendaklah daripada sumber yang halal. Pengertian jihad dapat difahami seperti bertempur di

*Jihad bukannya suatu perkara yang mudah. Ia mempunyai kriteria yang tersendiri. Begitu juga kaedahnya apabila ingin menjadikan perniagaan sebagai satu jihad, perniagaan itu hendaklah mempunyai syarat yang tertentu misalnya ia hendaklah daripada sumber yang halal.*

medan peperangan, iaitu antara hidup dan mati. Tentera yang pergi berperang tidak akan bersifat sambil lewa dan cuai, bahkan ia merupakan penentuan antara hidup dan mati, antara kemenangan dan kekalahan. Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّمَا قَاتَلُوكُمْ فَأَحْسَنُوا الْفِتْلَةَ  
 وَإِنَّمَا ذَبَحْتُمْ فَأَحْسَنُوا  
 الْذِبْحَةَ .

Maksudnya:

"Sekiranya kamu membunuh, maka perlakukanlah pembunuhan tersebut. Apabila kamu menyembelih maka perlakukanlah sembelihan tersebut."

(Hadis Riwayat Muslim)

Setiap kerja yang dilakukan sebenarnya merupakan amanah tidak kira sama ada ia merupakan amanah daripada Allah SWT ataupun amanah daripada manusia. Justeru, ia perlu

dilakukan dengan bersungguh-sungguh sebagai memenuhi niat jihadnya. Kerja yang berkualiti merupakan kerja yang dirancang dengan mengambil kira pelbagai aspek lain seperti ketelitian, ketekunan dan kesopanan. Bagi melahirkan kerja sebagai ibadat ataupun jihad, niat adalah kunci segalanya.

Tanpa niat, kerja yang dilakukan tidak lagi menjadi ibadat ataupun jihad, sebaliknya ia akan menjadi suatu adat ataupun kebiasaan. Seandainya diteliti, akan ditemui di dalam kebanyakan kitab sama ada kitab hadis ataupun kitab fekah, para pengarang atau para penyusun kitab akan meletakkan niat sebagai salah satu bab yang utama. Misalnya di dalam Sahih al Bukhari, terdapat bab Iman dan antara hadis sahih yang begitu popular dijadikan hujah sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Saidina Umar al Khattab:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَاتِ

*Islam sebagai agama yang syumul tidak melihat matlamat hidup kepada satu arah sahaja tetapi menggabungkan antara kepentingan duniaawi dan juga ukhrawi. Dunia sebenarnya merupakan jambatan akhirat.*

Maksudnya:

"Sesungguhnya setiap amalan (sama ada diterima atau tidak) bergantung dengan niat."

(Hadis Riwayat Muslim)

Di dalam sebuah hadis yang lain Rasulullah SAW bersabda:

لَا يَرْزُنِي الْرَّازِيُّ حِينَ يَرْزُنِي  
وَهُوَ مُؤْمِنٌ وَلَا يَسْرُقُ  
السَّارِقُ حِينَ يَسْرُقُ وَهُوَ  
مُؤْمِنٌ وَلَا يَشْرُبُ الْخَمْرَ  
حِينَ يَشْرُبُهَا وَهُوَ مُؤْمِنٌ

Maksudnya:

"Tidak akan berzina seorang penzina kalau dia beriman, tidak akan mencuri seorang pencuri kalau dia beriman dan tidak akan minum arak seorang pemabuk sekiranya dia beriman."

(Hadis Riwayat Muslim)

Berdasarkan kepada hadis ini, Rasulullah SAW telah memberikan gambaran bahawa niat merupakan penentu kepada apa yang dilakukan. Seandainya seseorang melakukan sesuatu kerana Allah SWT dan Rasul Nya ia akan dikira sebagai ibadat. Tetapi seandainya ia dilakukan kerana sebab yang lain, ia akan dianggap sebaliknya.

Islam sebagai agama yang syumul tidak melihat matlamat hidup kepada

satu arah sahaja tetapi menggabungkan antara kepentingan duniaawi dan juga *ukhrawi*. Dunia sebenarnya merupakan jambatan akhirat. Kehidupan di dunia merupakan peluang yang perlu direbut untuk memperbanyakkan amalan sebagai bekalan bertemu dengan Allah SWT di akhirat kelak. Sesiapa yang telah berusaha dan bekerja keras di dunia ini seperti berjuang di dalam bidang perniagaan dengan sungguh-sungguh, insya-Allah mereka akan menerima balasannya di akhirat kelak.

Mereka yang berusaha di dunia diibaratkan seperti mendapat dua kali hasil tuaian di mana satu daripadanya Allah SWT berikan untuk kejayaan di dunia dan bakinya untuk kebaikan di akhirat.

Allah SWT telah menegaskan di dalam al-Quran surah as-Syura, ayat 20 sebagaimana firman Nya:

مَنْ كَانَ يُرِيدُ حَرَثَ الْآخِرَةِ فَرِزْدَهُ  
فِي حَرَثِهِ، وَمَنْ كَانَ يُرِيدُ حَرَثَ الدُّنْيَا  
تُؤْتَهُ مِنْهَا أَوْ مَالَهُ، فِي الْآخِرَةِ مِنْ  
نَصِيبٍ

Maksudnya:

*"Sesiapa yang menghendaki (dengan amal usahanya) kebaikan di dunia semata-mata, Kami berikan kepada-nya dari kebaikan dunia itu (sekadar yang Kami tentukan), dan dia tidak akan beroleh sesuatu bahagian pun di akhirat kelak."*

*Di dalam merencanakan kehidupan, manusia mesti meletakkan hidup mereka di atas landasan yang sebenar yang berlandaskan kepada ketauhidan Ilahi dan ketentuan syari'e.*

*Apabila ini dilaksanakan, insya-Allah keberkatan akan muncul dan membawa rahmat kepada umat Islam.*

Sebenarnya kesenangan yang dikecapi di dunia hanyalah bersifat sementara sedangkan kesenangan di akhirat bersifat kekal abadi. Kesenangan duniaawi merupakan nikmat secara langsung yang Allah SWT anugerahkan kepada hamba Nya.

Kegagalan manusia memanfaatkan diri dengan amal ibadat sewaktu mereka hidup di atas dunia merupakan punca yang menyebabkan mereka tercampak ke neraka. Ini merupakan balasan daripada Allah SWT kerana mereka mengabaikan segala usia yang dipinjamkan oleh Ilahi. Di dalam surah an-Nur, ayat 37, Allah SWT berfirman:

رِجَالٌ لَأَنَّهُمْ بَخْرَةٌ وَلَا يَعْمَلُونَ ذِكْرَ اللَّهِ  
وَإِقَامُ الصَّلَاةِ وَلِبَيْهِ الْزَّكُورُ بَخَافُونَ يَوْمًا  
نَقْلَبُ فِيهِ الْقُلُوبُ وَالْأَبْصَرُ

Maksudnya:

"(Ibadat itu dikerjakan oleh) orang-orang yang kuat imannya yang tidak dilatakan oleh perniagaan atau berjual beli daripada menjahat serta mengingati Allah SWT dan mendirikan sembahyang serta menge-luarkan zakat; mereka takutkan hari (Kiamat) yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan."

Ayat di atas telah menjelaskan peranan dan tanggungjawab seorang lelaki khususnya para peniaga yang terlibat dalam aktiviti perniagaan. Di dalam Islam kaum lelaki diberi tanggungjawab sebagai ketua bermula daripada rumah sehingga-lah kepada kepimpinan negara.

Di dalam al-Quran terdapat ayat yang menyentuh peranan lelaki terlebih dahulu berbanding peranan perempuan khususnya di dalam perkara yang berkaitan hukum-hakam. Menyentuh berkenaan hukuman mencuri, Allah SWT telah menjelaskan sebagaimana firman Nya di dalam surah al-Maidah, ayat 38:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا  
أَيْدِيهِمْ جَزاءً بِمَا كَسَبُوا كَلَّا  
مَنْ أَنْهَى اللَّهُ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٢٨﴾

Maksudnya:

"Dan lelaki yang mencuri dan perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan di atas

apa yang mereka telah usahakan (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah SWT. Dan (ingatlah) Allah SWT Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana."

Di dalam merencanakan kehidupan, manusia mesti meletakkan kehidupan mereka di atas landasan yang sebenar dengan berlandaskan kepada ketauhidan Ilahi dan ketentuan syarak. Apabila ini dilaksanakan, insya-Allah keberkatan akan muncul dan membawa rahmat kepada umat Islam.

Terdapat satu kisah menarik yang dapat dijadikan pengajaran iaitu kisah salah seorang ulamak mazhab Hanafi iaitu Abu Ishak As Shirazi. Semasa kecil, beliau telah diberikan satu dinar oleh ibunya, dan disuruh ke pasar untuk membayar hutang kepada seorang peniaga yang agak jauh dari rumahnya. Di dalam perjalanan menuju ke pasar beliau telah singgah di sebuah masjid untuk menunaikan sembahyang Asar. Sebaik sahaja selesai sembahyang Abu Ishak terus ke pasar sebagaimana yang diarahkan oleh ibunya. Setibanya di pasar dan apabila berjumpa dengan peniaga tersebut, beliau mengeluarkan duit satu dinar yang diberikan oleh ibunya. Bagaimanapun duit satu dinar itu telah tercicir.

Lantas Abu Ishak berlalu dari pasar itu. Di dalam perjalanan pulang beliau teringat pesanan dan amanah ibunya. Terlintas di fikiran beliau kemungkinan duit satu dinar tersebut tercicir sewaktu beliau menunaikan sembahyang di masjid.

Beliau terus menuju ke masjid tersebut dan pada ketika itu telah hampir masuk waktu Maghrib lalu beliau terus menunaikan sembahyang. Selesai sembahyang Abu Ishak terus pergi ke tempat beliau menunaikan sembahyang Asar tadi. Apabila Abu Ishak melihat di atas tikar berkennaan terdapat satu dinar lalu beliau menghulurkan tangan untuk mengambil duit itu. Ketika ingin mengambilnya, iman yang sedia ada tertanam menggerakkan dirinya bertanya sama ada benar atau tidak duit yang ada di atas tikar tersebut kepunyaannya atau mungkin juga duit itu kepunyaan orang lain lalu dia mengambil keputusan tidak mengambilnya.

Apabila Abu Ishak pulang ke rumah dan menceritakan pada ibunya mengenai apa yang sebenarnya berlaku, beliau telah dimarahi kerana tidak menunaikan amanah ibunya. Apabila keadaan telah reda beliau

telah menceritakan kepada ibunya bahawa pada tanggapannya duit satu dinar yang tercicir tadi mungkin berada di atas tikar masjid tempat beliau bersembahyang tetapi apabila dia hendak mengambil balik wang tersebut, hati dan imannya berkata betulkah duit itu duit saya atau duit orang lain yang jatuh? Ibunya yang begitu marah tadi terus senyum gembira lantas memeluk Abu Ishak. Walaupun cerita ini tiada kaitan dengan perniagaan tetapi sifat amanah yang ditonjolkan Abu Ishak sepatutnya dijadikan teladan.

Di dalam merancang dan mengembangkan perniagaan, para peniaga Muslim tidak sepatutnya leka dan lalai daripada mengingati Allah SWT. Kerana kesibukan terdapat peniaga yang meninggalkan ibadat sembahyang meskipun ia merupakan satu kewajipan. Di dalam sehari, Allah SWT menganugerahkan masa



Sektor pertanian juga merupakan penyumbang kepada kekuatan sistem ekonomi Islam

*Begitu juga dengan harta kekayaan yang dimiliki, ia bukanlah milik mutlak individu tetapi ia adalah amanah Allah SWT kepada golongan kaya di mana di dalamnya terdapat hak orang-orang miskin.*

selama 24 jam. Dengan mengambil kira satu waktu untuk mengerjakan sembahyang tidak sampai 5 minit, dari segi logiknya tidak mungkin seseorang itu tidak cukup waktu untuk mendirikan sembahyang. Sebagai tiang agama, ibadat sembahyang wajib dilaksanakan tanpa mengira tempat dan keadaan walaupun di medan perang kerana kewajipan melakukannya masih diambil kira. Justeru, sembahyang merupakan tiang agama dan merupakan ruang waktu untuk seorang hamba menyerahkan diri kepada Allah SWT. Sekiranya ruang-ruang ini dihayati, ia merupakan sumber kekuatan untuk menghadapi apa jua cabaran yang bakal dihadapi.

Begitu juga dengan harta kekayaan yang dimiliki, ia bukanlah milik mutlak individu tetapi ia adalah amanah Allah SWT kepada golongan kaya di mana di dalamnya terdapat hak orang-orang miskin. Malangnya terdapat ahli perniagaan yang beranggapan bahawa mengeluarkan

zakat akan mengurangkan keuntungan yang mereka kumpul.

Mengeluarkan zakat bukannya sesuatu yang membawa kerugian tetapi ia merupakan usaha pembersihan yang akan menyucikan harta daripada unsur-unsur yang tidak baik. Sebaliknya Allah SWT akan mengurniakan pulangan yang berlipat kali ganda daripada apa yang dikeluarkan. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 261:

مَثُلُ الدِّينِ يُنْفَقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلٍ  
الَّهُ كَمُثُلِ حَجَةٍ أَنْبَتَ سَبْعَ سَنَابِيلَ  
فِي كُلِّ سَنَبِيلٍ مِائَةُ حِجَّةٍ وَاللَّهُ يَضْرِعُ  
لِمَنِ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِ  
٢٦١

Maksudnya:

*"Bandingan (perbelanjaan atau derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah SWT, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai, tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah) Allah SWT akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki Nya dan Allah SWT amat luas (rahmat) kurnia Nya, lagi meliputi ilmu pengetahuan Nya."*

Aktiviti perniagaan yang berteraskan Islam merupakan suatu tugas dan amanah yang perlu dilaksanakan oleh peniaga Islam. Jihad yang hendak diterapkan ke dalam urusan per-

niagaan sudah pasti ada halangannya. Sesuatu perkara mudah dilakukan jikalau ia menuruti nafsu tetapi sesuatu pekerjaan itu akan menjadi payah sekiranya ia berlawan dengan nafsu manusia. Nafsu manusia memang cenderung kepada perkara yang mudah, senang dan berupaya memperolehi keuntungan besar. Antara perkara yang sering bermain di fikiran manusia ialah mendapat keuntungan yang berlipat kali ganda. Oleh itu tidak hairanlah apabila terdapat peniaga memilih riba' sebagai alternatif untuk mendapat keuntungan yang cepat.

Walaupun secara jelas Allah SWT mengharamkan riba', masih ada segelintir ahli perniagaan Muslim yang merasakan begitu sukar untuk meninggalkan sistem ini. Amalan riba' dan sebarang unsur yang berkaitan dengannya akan menyebabkan rezeki yang diperolehi tidak lagi mempunyai keberkatan bahkan akan mendapat kemurkaan Allah SWT. Firman Nya di dalam surah al-Baqarah, ayat 278-279:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَتَقُوَّلُهُ  
وَذَرُوا مَأْيَقَ مِنَ الْرِّبَا إِنْ كُنْتُمْ  
مُّؤْمِنِينَ ﴿٢٧٨﴾ فَإِنْ لَمْ تَعْلُمُوْ فَأَذْنُوا  
يَحْرِبُ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ

Maksudnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah SWT dan tinggalkanlah saki baki

riba' (yang masih ada pada orang berhutang) itu jika benar kamu orang-orang yang beriman. Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukannya (perintah mengenai larangan riba' itu), maka ketahuilah kamu akan adanya perperangan dari Allah SWT dan Rasul Nya (akibatnya kamu tidak menemui selamat)."

Ayat ini ditujukan kepada manusia yang mengingkari perintah Nya di mana Allah SWT menyahut cabaran daripada golongan yang bergelumang dengan riba' dengan mengisyitiharkan perang kepada mereka. Cabaran ini sebagaimana cabaran yang diberikan kepada kaum Nabi Lut di mana Allah SWT telah menurunkan bala dan azab kepada mereka.

*Kuat dan lemahnya sesuatu bangsa adalah bergantung kepada penampilan dan kekuahan ekonomi yang dilaksanakan. Seandainya sesebuah negara mempunyai sistem ekonomi yang kucar-kacir, kemampuannya akan dipertikaikan.*

## Jihad Ke Arah Perbankan Islam

Malaysia merupakan sebuah negara yang begitu dominan di dalam sistem perbankan konvensional yang telah beroperasi di segenap pelusuk tanah air. Pada tahun 1983, detik bersejarah telah bermula di negara ini apabila Bank Islam ditubuhkan. Walaupun sistem perbankan Islam ini telah menawarkan pelbagai pakej kemudahan kepada pengguna tetapi masih terdapat segelintir rakyat yang tidak yakin keberkesanan sistem perbankan ini. Bagi meyakinkan orang ramai, pada Februari 1999 kerajaan telah menukarkan Sistem Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) kepada Sistem Perbankan Islam (SPI).

SPI telah menawarkan pelbagai produk yang berteraskan sistem muamalat Islam dan ia berupaya untuk memberi pelbagai pilihan kepada masyarakat Islam dan juga orang ramai. Kuat dan lemahnya sesuatu bangsa adalah bergantung kepada penampilan dan kekuahan

*Menguruskan dan menjalankan perniagaan bukannya perkara yang boleh dipandang mudah. Peniaga Muslim sebenarnya memikul tugas yang penting sebagai pembela agama, bangsa dan negara.*

ekonomi yang dilaksanakan. Seandainya sesebuah negara mempunyai sistem ekonomi yang kucar-kacir, kemampuannya akan dipertikaikan. Begitu juga dengan kekuatan sesuatu bangsa, kemampunan ekonomi turut diambilkira sebagai faktor penilai. Sesuatu yang malang bagi negara-negara miskin dan mundur ialah kerana mereka menjadi momokan masyarakat antarabangsa dan terpaksa melutut untuk mencari bantuan. Allah SWT telah berfirman di dalam al-Quran surah al-Anfal, ayat 60:

وَأَعْدُوا لَهُمْ مَا أَسْتَطَعُهُمْ مِنْ قُوَّةٍ  
وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِ  
عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوُّكُمْ

Maksudnya:

*"Bersiap sedialah kamu di dalam menyediakan kekuatan sekadar kemampuan yang ada pada kamu yang terdiri daripada tentera berkuda, mudah-mudahan dengannya kamu akan dapat menakutkan musuh Allah SWT dan juga musuh kamu."*

Sekiranya diimbas kembali kekuatan umat Islam di masa lalu, Islam digeruni bukan kerana mempunyai kekuatan tentera, kecanggihan ilmu dan teknologi semata-mata tetapi umat Islam sebenarnya mempunyai sistem ekonomi yang kukuh.

Untuk memartabatkan Islam, semangat sahaja tidak mencukupi.


Martabat Islam boleh dikembalikan sekiranya umat Islam melakukan semua perkara di dalam konteks jihad. Mengurus dan menjalankan perniagaan bukannya perkara yang boleh dipandang mudah. Peniaga Muslim sebenarnya memikul tugas yang penting sebagai pembela agama, bangsa dan negara. Kesemua ini dapat dilaksanakan sekiranya umat Islam menghayati apa yang dilafazkan ketika mengerjakan ibadat solat:

إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي  
وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ  
الْعَالَمِينَ

Maksudnya:

*"Sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku adalah untuk Allah SWT, Tuhan sekelian alam."*





*"Seandainya segala pokok  
yang ada di bumi menjadi  
 pena, dan lautan sebagai  
 tinta, dengan dibantu  
 tujuh lautan lagi nescaya  
 tidak akan habis  
 dituliskan kalimah Allah  
 SWT."*

Surah al-Luqman: Ayat 27



# PERNIAGAAN MERUPAKAN SUATU JIHAD

Oleh

Ustaz Mujahid Bin Yusuf Ar Rawa  
*B.A., (Arabic Studies and Literature) (Mesir)*

Pensyarah

Pusat Pengajian Teras dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Telekom

**D**i dalam Islam konsep kehidupan bukan hanya bermatlamat kehidupan dunia semata-mata malahan ia meletakkan kehidupan *ukhrawi* sebagai suatu kehidupan yang kekal abadi yang perlu dititikberatkan. Kehidupan di dunia hanyalah bersifat sementara tetapi kehidupan akhirat merupakan kehidupan yang kekal abadi. Walaupun kehidupan dunia bersifat sementara, ia merupakan jambatan penghubung dengan kehidupan di akhirat. Sebagai bekalan di hari kemudian, kehidupan dunia mesti dipenuhi dengan aktiviti yang mendatangkan manfaat dan kebaikan bukan sahaja untuk diri sendiri tetapi juga untuk orang lain.

Sejak berbelas kurun yang lalu, Islam telah mensyariatkan perniagaan sebagai salah satu aktiviti utama di dalam kehidupan manusia. Bukan setakat itu sahaja, malahan Islam meletakkan perniagaan sebagai salah satu elemen ibadat yang menjadi *fardhu kifayah*. Inilah keunikan yang ada pada agama Islam, selama mana sesuatu perkara yang dilakukan

itu menepati kehendak syarak, ia dikira sebagai ibadat.

Islam sebagai agama yang sempurna melihat ruang ekonomi sebagai salah satu perspektif yang perlu dikuasai dan dipertahankan. Kekuatan ekonomi merupakan tembok yang dapat menghadang umat Islam daripada diperlekehkan oleh musuh-musuh Islam. Oleh itu menjadi kewajipan kepada umat Islam untuk mempastikan supaya keutuhan tembok ini kekal. Tetapi apa yang berlaku sekarang ini adalah di sebaliknya. Umat Islam di dalam erti kata yang sebenarnya tidak lagi mempunyai kekuatan untuk menahan asakan demi asakan daripada anasir-anasir luar. Sebahagian daripada tembok ini telah dijerlus oleh musuh-musuh Islam.

Sebagai agama yang sempurna Islam tidak meletakkan satu sudut sahaja sebagai temboknya. Di dalam Islam setiap bidang mempunyai tembok masing-masing. Ia bergantung kepada fungsi sesuatu bidang,

misalnya bidang dakwah, pembelajaran, perniagaan, keusahawanan dan lain-lain lagi. Di dalam Islam setiap perkara saling mempunyai pertalian antara satu sama lain. Justeru setiap bidang yang diceburi merupakan kubu yang perlu dipertahankan. Proses menahan ini memerlukan kepada usaha yang bersungguh-sungguh. Usaha yang bersungguh-sungguh ini ditakrifkan sebagai jihad.

Jihad daripada sudut bahasa bermakna melakukan sesuatu dengan bersungguh-sungguh. Mengikut pengertian syarak, jihad bermakna usaha terus menerus yang digunakan untuk memerangi musuh-musuh Allah SWT. Setiap individu Muslim sepatutnya peka bahawa secara tabi'nya musuh Islam tidak akan senang melihat Islam berkembang sama ada di dalam bidang perniagaan, kebajikan, pendidikan, usaha dakwah dan pelbagai bidang lagi. Mereka akan sentiasa mencari jalan untuk menghancurkan Islam dengan apa jua cara. Sebagai salah satu usaha untuk mempertahankan diri daripada dipersendakan oleh musuh-musuh Islam, umat Islam perlu melakukan apa jua perkara dengan lebih berkualiti atau di dalam pengertian yang lebih umum, melakukan setiap pekerjaan sebagai satu jihad.

*Jihad di dalam Islam terdiri daripada jihad di medan perang, jihad melawan nafsu, jihad menangkis golongan munafikin, jihad mempertahankan sistem ekonomi Islam dan lain-lain lagi.*

Jihad mempunyai beberapa sasaran ataupun matlamat. Sasaran pertama ialah mempertahankan Islam, kedua, menegakkan Islam dan ketiga, menyebarkan Islam. Berdasarkan penafsiran ini, jihad bukanlah sesuatu yang bersifat statik bahkan ia terdiri

daripada pelbagai kategori dan tahap yang berbeza. Sesuatu yang malang apabila masyarakat salah faham tentang pengertian jihad. Mungkin juga mereka terpengaruh dengan pandangan Orientalis yang memandang jihad di dalam Islam hanya dengan mata pedang.

Jihad di dalam Islam terdiri daripada jihad di medan perang, jihad melawan nafsu, jihad menangkis golongan munafikin, jihad mempertahankan sistem ekonomi Islam dan lain-lain lagi. Allah SWT menyifatkan jihad sebagai perjuangan yang amat besar matlamatnya sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Quran surah al-Anfal, ayat 39:

وَقَاتِلُوهُمْ حَقَّا لَا تَكُونُ فَتَنَةٌ  
وَيَكُونُ الَّذِينَ كُلُّهُمْ لِلَّهِ  
فَإِنْ أَتَهُوا فَإِنَّ اللَّهَ بِمَا  
يَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

(39)

Maksudnya:

"Dan perangilah mereka sehingga tidak ada lagi fitnah, dan agama itu seluruhnya (bebas) bagi Allah SWT semata-mata. Kemudian jika mereka berhenti (dari kekufturannya dan gangguannya), (nescaya mereka dibalas baik) kerana sesungguhnya Allah SWT Amat Melihat akan apa yang mereka kerjakan."

Daripada definisi yang diberikan terdapat dua ciri jihad yang dapat difahami.

## Pertama, Menepati Spesifikasi Jihad

Bagi menepati spesifikasi jihad, setiap usaha yang dilakukan mestilah dicurahkan tenaga. Inilah pandangan Islam terhadap apa jua usaha yang dilakukan termasuklah perniagaan. Sebagai contoh orang yang melibatkan diri di dalam bidang pelaburan sebenarnya tidak menepati tabi'e perniagaan kerana mereka hanya mengeluarkan modal sahaja. Islam melihat sesuatu melalui pandangan yang tersirat. Apabila ekonomi mengalami kegawatan dan pasaran saham jatuh merudum, ramai broker dan mereka yang terlibat dengan saham turut jatuh. Allah SWT menjelaskan sebagaimana firman Nya di dalam surah an-Najm, ayat 39:

وَأَنَّ لَنَسَنَ إِلَّا مَاسَعَى

Maksudnya:

"Sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya."

Perkataan *sa'a* bermakna usaha atau di dalam erti kata yang lain *sa'a* juga bermaksud melakukan sesuatu dengan bersungguh-sungguh. Apa yang dilakukan akan diperlihatkan oleh Allah SWT sama ada di dunia ataupun di akhirat. Allah SWT yang menentukan sama ada ganjaran itu diberikan di dalam bentuk pahala ataupun balasan dosa. Ia bergantung kepada perbuatan yang dilakukan sama ada perbuatan ma'ruf ataupun perbuatan mungkar.



*Islam meletakkan perniagaan sebagai suatu yang positif dan peluang itu harus direbut bagi menjamin kesinambungan ummah*

Islam mempunyai pandangan yang positif tentang konsep kehidupan. Sebagai agama fitrah, Islam memperakui bahawa dunia hanya bersifat sementara. Manakala alam akhirat merupakan kehidupan yang kekal abadi. Dengan berpegang kepada konsep ini sepatutnya orang Islam berfikir bahawa segala kelebihan atau kekurangan yang mereka miliki hanya bersifat sementara. Sesiapa yang memahami dan menghayati realiti ini tidak akan menggelabah apabila ditimpa musibah. Sebagai contoh, berapa ramai jutawan segera yang hilang pertimbangan dan arah sewaktu ekonomi negara merudum.

Mereka menunding jari mempersalahkan orang lain, mengeluh dan pelbagai reaksi negatif yang diluahkan untuk menggambarkan rasa terkilan dan kecewa. Di dalam situasi ini, sepatutnya mereka berfikir bahawa selama ini keuntungan yang diperolehi hanya berdasarkan kepada spekulasi dan bukannya daripada daya usaha mereka sendiri. Allah SWT telah berfirman di dalam surah an-Najm, ayat 39:

وَأَن لَّيْسَ لِلْإِنْسَنِ إِلَّا مَا سَعَىٰ .  
(٣٩)

Maksudnya:

*“Sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya.”*

Sekilas pandang ayat ini memberikan pengertian bahawa orang yang berniaga saham tidak mempunyai asas usaha yang kukuh. Mereka bergantung kepada spekulasi dan keuntungan yang mereka perolehi disebabkan duit yang mereka laburkan di dalam pasaran saham dan bukannya berusaha dengan titik peluh mereka. Sedangkan Allah SWT telah menetapkan bahawa tabi'e perniagaan mesti disertai dengan usaha. Mencebarkan diri di dalam perniagaan tidaklah bermakna seseorang itu perlu mengeluarkan modal yang besar. Ia banyak bergantung bagaimana seseorang berfikir, kreativiti, bergaul, kepercayaan orang lain dan lain-lain lagi.

## Kedua, Mencapai Matlamat

Islam melihat perniagaan merupakan sesuatu yang positif iaitu sebagai gabungan antara konsep hubungan manusia dengan Allah SWT dan hubungan sesama manusia sebagai landasan mencari keredhaanNya. Kalau dilihat daripada perspektif ini, perniagaan yang dijalankan bukannya matlamat akhir tetapi ia hanya menjadi *wasilah* sahaja. Perniagaan di dalam Islam, harus akan digunakan untuk membantu usaha dakwah, melindungi agama Allah SWT dan lain-lain lagi.

Sejak dahulu sehingga kini, perniagaan menjadi teras kepada aktiviti kehidupan manusia. Melalui aktiviti perniagaan, manusia berupaya memperlengkapkan diri dengan keperluan yang dikehendaki. Duit merupakan medium kepada transaksi. Oleh itu perniagaan merupakan aktiviti utama yang menghasilkan sumber kewangan bukan sahaja kepada individu, keluarga, masyarakat malahan yang lebih utama lagi, ia merupakan salah satu sumber pendapatan utama mana-mana negara yang ada di dunia ini.

Di dalam metodologi dakwah, kewangan yang kukuh merupakan salah satu faktor yang dapat menjayakan usaha dakwah. Ini merupakan fenomena biasa yang berlaku pada hari ini sejajar dengan perubahan waktu. Material merupakan komoditi utama yang menjadi keperluan manusia. Justeru setiap apa yang dilakukan memerlukan duit. Selain menjadi modal asas di dalam

*Matlamat akhir perniagaan  
di dalam Islam harus ia  
digunakan untuk  
membantu usaha dakwah,  
melindungi agama Allah  
SWT dan lain-lain lagi.*

perniagaan, ia juga menjadi penggerak utama gerakan dakwah.

Melaksanakan gerakan dakwah bukannya satu usaha yang mudah. Ia memerlukan komitmen dan kesabaran sebelum mencapai matlamat atau sasarannya. Allah SWT menyatakan matlamat ini sebagaimana firman Nya di dalam surah al-Haj, ayat 41:

الَّذِينَ إِنْ مَكَنُوهُمْ فِي الْأَرْضِ  
أَفَأَمُوْلُ الْصَّلَاةِ وَإِقْرَأُوا الزَّكُوْةَ  
وَأَمْرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَا عَنِ  
الْمُنْكَرِ وَلِلَّهِ عِزْبَةُ الْأُمُورِ  
(٤١)

Maksudnya:

*"Orang-orang yang Kami berikan kekuasaan kepadanya di atas muka bumi, mereka mendirikan solat, mengeluarkan zakat, menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran dan (ingatlah) bagi Allah SWT ialah kesudahan segala urusan."*

Sekiranya kesemua ciri-ciri ini ada di dalam perniagaan, tidak syak lagi,

apa sahaja yang dilakukan tergolong di dalam istilah jihad termasuklah berniaga. Semangat jihad di dalam perniagaan ini merupakan intipati yang akan dapat membentuk individu yang mempunyai jatidiri sebagai Muslim sejati.

Sebelum turun ke padang sebagai seorang peniaga dan juga sebagai seorang mujahid, seseorang itu perlu mengetahui di manakah kedudukan mereka untuk memastikan apa yang dilakukan oleh mereka menepati roh jihad. Ia merupakan elemen penting yang akan mengunkai perniagaan yang dijalankan menepati kehendak maksud jihad.

## Roh Jihad Di Dalam Perniagaan

**Pertama,** *Roh al Infaj*. ia merupakan asas kepada roh Islam di dalam perniagaan iaitu segala kurniaan

*Mereka insaf bahawa harta dan kemewahan yang diperolehi bukannya untuk kepentingan diri dan juga keluarga mereka semata-mata malahan ia juga untuk dikongsi dengan orang ramai. Sesiapa yang membelanjakan rezekinya di jalan Allah SWT akan mendapat rahmat daripada-Nya. Inilah yang menjadi kunci punca rezeki diberkati.*

daripada Allah SWT seperti kemewahan, kekayaan, kesenangan dan lain-lain lagi akan dibelanjakan di jalan Allah SWT. Segala nikmat yang diberikan akan dibelanjakan di jalan yang mendatangkan kebaikan dan bukan membelanjakannya di jalan yang dimurkai dan maksiat seperti majlis tari menari, perjudian, ratu cantik dan lain-lain lagi. Seandainya perkara yang bertentangan dengan roh syari'e dilakukan, *infaj* itu tidak dianggap sebagai jihad bahkan dikira menyumbang kepada perkara maksiat.

Tidak semua orang yang membelanjakan hartanya tergolong di dalam kategori jihad. Al-Quran menceritakannya sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah at-Taubah, ayat 99:

وَمِنَ الْأَغْرَابِ مَنْ يُؤْمِنُ  
بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَيَسْتَحْدِمُ  
يُنْفِقُ فِرِنَتٍ عِنْدَ اللَّهِ وَصَلَوَاتٍ  
الرَّسُولُ أَلَا إِنَّهَا فَرِزْقٌ لَّهُمْ  
سَيِّدُ خَلْقِهِ اللَّهُ فِي رَحْمَةٍ  
إِنَّ اللَّهَ عَفُورٌ وَّرَحِيمٌ ﴿١١﴾

Maksudnya:

"Di kalangan orang-orang Arab, ada orang yang beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat dan memandang apa yang mereka dermakan (pada jalan Allah SWT itu) sebagai amal-amal bakti (yang mendampingkan) di sisi Allah SWT

*dan sebagai (satu jalan untuk mendapat) doa dari Rasulullah SAW (yang membawa rahmat kepada mereka)."*

Membelanjakan harta di jalan Allah SWT merupakan pelaburan manusia yang pasti akan menguntungkan. Manusia yang mencari keredhaan Allah SWT melihat harta yang dibelanjakan bukannya untuk manusia, tetapi ia adalah untuk Allah SWT. Mereka insaf bahawa harta dan kemewahan yang diperolehi bukannya untuk kepentingan diri dan juga keluarga mereka semata-mata malahan ia juga untuk dikongsi dengan orang ramai. Sesiapa yang membelanjakan rezekinya di jalan Allah SWT akan mendapat rahmat daripada Nya. Inilah yang menjadi kunci punca rezeki diberkati. Bahawa keuntungan daripada perniagaan merupakan sebagai satu wadah bukannya penyudah.

**Kedua,** *Roh al Ithar* iaitu mempunyai kesedaran bahawa kekayaan yang dimiliki bukannya untuk diri sendiri tetapi ia dimanfaatkan untuk dikongsi dengan mereka yang memerlukannya. Perkongsian ini merupakan roh jihad yang tinggi yang sepatutnya ada pada setiap diri orang Islam.

Pengalaman ini dapat dipelajari sewaktu Rasulullah SAW berhijrah daripada Mekah ke Madinah. Majoriti golongan Muhibbin berhijrah di dalam keadaan sehelai sepinggang atau di dalam erti kata yang lain mereka berhijrah dengan apa yang ada sahaja. Mereka terpaksa meninggalkan segala

harga benda untuk menyelamatkan akidah. Dorongan dan perasaan cintakan Rasulullah SAW juga merupakan salah satu sebab mereka berhijrah. Tambahan pula pada masa itu umat Islam menghadapi pelbagai tekanan daripada golongan Musyrikin Mekah. Setibanya di Yathrib, nama lama bagi kota Madinah, mereka telah diberi sambutan oleh saudara seagama mereka iaitu golongan Ansar yang terdiri daripada kaum Aus dan Khazraj.

Semangat persaudaraan yang ditegakkan di atas dasar ketauhidan kepada Allah SWT melahirkan ikatan persaudaraan yang kukuh. Golongan Ansar bukannya terdiri daripada golongan yang berada tetapi mereka mempunyai semangat tolong menolong dan sanggup berkongsi susah dan senang dengan golongan Muhibbin. Gambaran ini diungkapkan di dalam al-Quran sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah al-Hasyr, ayat 9:

وَالَّذِينَ تَبَوَّءُوا الدَّارَ وَالْإِيمَانَ مِنْ  
قَبْلِهِرِ يُحِبُّونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا  
يَمْحُدُونَ فِي صُدُورِهِمْ حَاجَةً دُمَّاً  
أُوتُوا وِئَوْثَرَوْنَ عَلَى أَنفُسِهِمْ وَلَوْكَانَ  
بِتِيمَ خَصَّاصَةً

Maksudnya:

*"Dan orang-orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) dan orang yang beriman sebelum mereka, mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka dan tidak*

*ada pula dalam hati mereka perasaan berkehendak kepada apa yang telah diberikan kepada orang-orang yang berhijrah itu dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan sangat-sangat berhajat.”*

Kekayaan bukannya hak milik individu secara mutlak. Kekayaan tidak akan bermakna sekiranya seseorang itu mempunyai sikap pentingkan diri sendiri. Kekayaan yang sebegini merupakan kekayaan yang tidak mempunyai roh Islam. Sepatutnya semakin banyak harta yang dikurniakan oleh Allah SWT, semakin banyak ia dimakmurkan. Abdul Rahman Bin Auf merupakan antara sahabat Rasulullah SAW yang tersohor dengan gelaran sebagai seorang jutawan yang bersifat dermawan.

Kekayaan yang dimilikinya tidak mengekang beliau untuk mencambahkan sikap pemurah di dalam dirinya bahkan kekayaan yang dimiliki dikongsi dengan orang lain.

Apa yang berlaku pada hari ini adalah di sebaliknya. Kekayaan tidak lagi dikongsi dengan mereka yang layak sehingga ada golongan yang terlalu payah untuk mengeluarkan zakat walaupun mereka mengetahui bahawa mengeluarkan zakat merupakan satu kewajipan yang tergolong sebagai rukun Islam.

**Ketiga, Roh Ta'awun.** *Ta'awun* bermakna bekerjasama di dalam perkara ketakwaan dan kebaikan, bukannya bekerjasama di dalam perkara yang membawa kepada kejahanatan dan kerosakan. Bagi mempastikan rezeki yang diperolehi diberkati oleh Allah SWT, seseorang



*Kerjasama dan kesepakatan yang wujud menerusi setiap aktiviti mahupun perniagaan perlu berlandaskan kepada ketakwaan dan nilai-nilai murni*

itu perlu mempastikan bahawa segala kerjasama yang dilakukannya berlandaskan kepada kebaikan dan ketakwaan. Firman Allah SWT di dalam surah al-Maidah, ayat 2:

وَقَاتِلُوا عَلَى الْبِرِّ وَالنَّقْوَىٰ  
وَلَا تُعَاوِدُوْ عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدُونَ

Maksudnya:

"Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan."

Skop kerjasama bukan hanya meliputi aspek kebendaan semata-mata. Ia juga melibatkan di dalam bentuk sumbangan tenaga, fikiran dan sebagainya. Seandainya kemewahan atau kekayaan yang dimiliki digunakan untuk jalan maksiat, ia tidak dinamakan sebagai jihad bahkan mungkin di dalam ertikata yang lebih tepat, mereka dinamakan sebagai pengkhianat.

Kerjasama jihad di dalam konteks syari'e bukanlah kerjasama yang membawa kepada perkara-perkara keburukan sebaliknya ia adalah perkara yang menjurus kepada kebahagian duniaawi dan *ukhrawi*. Pelaksanaannya juga harus dinilai di dalam konteks perniagaan sama ada ia menepati kehendak syarak ataupun di sebaliknya.

*Allah SWT menguji hambanya bukan sahaja dengan kepayahan dan kesukaran tetapi juga diuji dengan kesenangan. Di dalam apa jua situasi yang dilalui, hamba yang beriman akan sentiasa mentaati Allah SWT. Bagi mereka dugaan ini tidak sedikitpun menjelaskan ketaatan mereka kepada Allah SWT.*

**Keempat, Roh Taat.** Allah SWT menguji hamba Nya bukan sahaja dengan kepayahan dan kesukaran tetapi juga diuji dengan kesenangan. Di dalam apa jua situasi yang dilalui, hamba yang beriman akan sentiasa mentaati Allah SWT. Bagi mereka dugaan ini tidak sedikitpun menjelaskan ketaatan mereka kepada Allah SWT. Mereka menganggap semua yang dilalui sebagai dugaan yang menguji keimanan.

Satu fenomena yang menjadi lumrah, bagi manusia yang beragama, tidak kira apa jua agama yang dianuti, ialah apabila dilanda kesusahan mereka tidak lekang untuk meminta pertolongan daripada Tuhan dan sentiasa beribadat serta mematuhi peraturan Nya tetapi apabila dilimpahkan dengan nikmat kesenangan, mereka mulai lupa diri. Daripada

detik ini mereka mula mendekatkan diri dengan perkara-perkara yang melalaikan sebelum terjerumus dengan perkara yang haram. Inilah tabi'e yang ada pada diri manusia.

Sebaliknya, bagi mereka yang beriman, sebanyak manapun rezeki yang dikurniakan oleh Allah SWT, mereka tidak akan leka dan melupai Nya. Mereka juga akan menzahirkan kesyukuran di atas nikmat yang dikurniakan. Firman Allah SWT di dalam surah at-Taubah, ayat 38:

أَرَضِيْتُم بِالْحَيَاةِ الدُّنْيَا مِنْ  
الآخِرَةِ فَمَا مَنَعَكُمْ  
الْحَيَاةُ الْآخِرَةُ إِلَّا قَلِيلٌ

Maksudnya:

"Apakah kamu lebih suka dengan kehidupan dunia daripada akhirat, (kesukaan kamu itu salah) kerana kesenangan hidup di dunia ini hanyalah sedikit juar berbanding dengan kesenangan hidup di akhirat kelak."

Hamba yang taat akan menyedari bahawa kekayaan yang ada pada mereka merupakan kurnian dari Allah. Pemberian ini merupakan satu amanah untuk dikongsi dengan orang lain. Justeru mereka yang beriman melihat ini semua sebagai perkara yang dapat meningkatkan ketaatan mereka. Bahkan mereka bertambah taat dan menuruti perintah Allah SWT. Inilah sepatutnya yang ditanya pada

diri sendiri dan organisasi. Adakah mereka menghitung diri untuk mensyukuri nikmat Allah SWT dan mentaati perintahNya?

Masyarakat sering melihat keiskinan sebagai halangan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Di dalam kebanyakan keadaan, orang ramai melihat kemewahan sebagai batasan kepada konsep *zuhud* di dalam kehidupan. Mereka menggambarkan seolah-olah kehidupan *zuhud* itu sekadar berpakaian dengan compang-camping. Sedangkan pengertian *zuhud* di dalam ertikata yang sebenarnya ialah meredhai setiap kurnian Allah SWT sama ada baik ataupun buruk. Rasulullah SAW menanamkan sifat *zuhud* pada diri peniaga Muslim supaya mereka tidak dilekakan dengan keuntungan yang diperolehi sebagaimana sabda Baginda SAW:

*Saidina Umar, sebagai seorang pemimpin, penakluk dan peniaga merupakan model yang dapat dijadikan teladan di dalam pelbagai bidang. Meskipun seorang yang terkenal, beliau mengamalkan cara hidup yang begitu sederhana.*

مَا أَنَا وَالْدُّنْيَا إِنَّمَا أَنَا وَالْدُّنْيَا  
 كَرَّا كَبِ إِسْتَقْلَلْ تَحْتَ  
 شَجَرَةٌ ثُمَّ رَاحَ وَتَرَاكَهَا

Maksudnya:

*"Bandingan aku dan kehidupan di dunia ini samalah seperti orang yang bermusafir kemudian berhenti sekejap di bawah pokok (bagi menghilangkan penat dan lelah) kemudian meneruskan perjalanan-mya."*

(Hadis Riwayat Tirmizi)

Hadis di atas memberi pengajaran bahawa hidup di dunia ini adalah sesuatu yang bersifat sementara sahaja. Sesiapa yang menyedari realiti ini akan sentiasa berusaha untuk memanfaatkan umur di dunia dengan perkara-perkara yang akan memberikan pulangan yang besar di hari akhirat nanti. Di dunia ini manusia hanyalah seorang pengembara yang berteduh di bawah pepohon. Inilah yang dikatakan *zuhud* di dalam Islam.

Bagi peniaga Muslim, walaupun dapat mengejar nikmat keduniaan, namun dunia itu hanyalah alat untuk memenangkan agama Allah SWT. Saidina Umar, sebagai seorang pemimpin, penakluk dan peniaga merupakan model yang dapat dijadikan teladan di dalam pelbagai bidang. Meskipun seorang yang terkenal namun beliau mengamalkan cara hidup yang begitu sederhana.

Pernah pada suatu ketika Saidina Umar terpaksa meminjam baju daripada anaknya kerana bajunya yang sedia ada telah basah.

Bila bercakap di hadapan orang ramai, seorang rakyat menyuruh Saidina Umar supaya berhenti daripada bercakap. Lelaki itupun bertanya kepada Saidina Umar bahawa dia tidak pernah melihat Saidina Umar memakai baju yang dipakai pada hari itu. Lantas dijawab oleh Saidina Umar, bahawa baju itu bukan bajunya tetapi baju anaknya yang dipinjam kerana bajunya basah. Lelaki itu masih tidak percaya dan menyuruh supaya dibuat penyaksian. Saksi yang dipanggil adalah anak Saidina Umar iaitu Abdullah Bin Umar. Dia pun mengakui bahawa baju yang dipakai oleh Saidina Umar merupakan bajunya kerana baju ayahnya basah.

Walaupun Saidina Umar merupakan seorang negarawan, pemimpin tentera dan juga sebagai seorang yang berada di kedudukan yang tertinggi di zaman pemerintahnya, namun beliau mengamalkan cara hidup yang *zuhud*. Pernah satu ketika, selepas Baitulmaqdis berjaya ditawan oleh tentera Islam, paderi besar yang ada pada ketika itu tidak mahu menyerahkan kunci Baitulmaqdis kepada panglima Islam melainkan kepada Saidina Umar.

Apabila mengetahui kejadian ini, Saidina Umar telah pergi ke sana dengan hanya menunggang kaldi dan bergilir-gilir menunggang dengan

hambanya. Adakalanya Saidina Umar menunggang kaldi dan adakalanya juga beliau mengheret kaldi, sehinggakan hambanya itu merasa malu. Saidina Umar berkata:

*"Bukan pangkat itu yang membzaikan tetapi kita dimuliakan oleh Islam bukan kerana aku Khalifah. Sesiapa yang mencari selain daripada Islam, Allah SWT akan menghinya".*

Roh *zuhud* inilah sepatutnya di tanam di jiwa orang Islam terutamanya di kalangan para peniaga Islam. Sifat *zuhud* merupakan suatu yang relatif.

### **Asas-Asas Perniagaan**

Asas-asas perniagaan yang diceburi mestilah menepati kehendak syarak atau di dalam ertikata yang lain ia terdiri daipada benda yang halal dan

bukannya daripada benda yang haram. Seandainya terdapat elemen haram di dalam perniagaan, ia tidak tergolong sebagai jihad. Asas yang halal hendaklah meliputi semua perkara seperti sumber, pengeluaran, pemasaran, kos dan lain-lain lagi. Seandainya ia dicemari dengan elemen yang haram, perniagaan yang dijalankan akan menjadi haram. Apabila wujudnya unsur yang haram, ia tidak akan mendapat keredhaan Allah SWT.

Bagi mendapatkan keberkatan dan keredhaan Allah SWT, usahawan Muslim sepatutnya memahami bahawa perniagaan yang dijalankannya itu mestilah bebas daripada unsur-unsur haram. Misalnya kesan pengharaman arak bukan hanya kepada orang yang meminumnya malahan ia juga menjadi haram kepada orang yang membuatnya, mengedarkannya, menjualkannya dan selama mana ia berkaitan.

*Berdakwah merupakan usaha yang berterusan dan memerlukan penggembelengan daripada semua individu Muslim. Bukan setakat ini sahaja, faktor kewangan yang kukuh juga merupakan jaminan. Usaha dan penggembelangan sahaja tidak mencukupi seandainya ia menghadapi kekurangan aktiviti dakwah.*

### **Mengagihkan Hasil Perniagaan**

Hasil perniagaan diagihkan ke jalan yang mendarangkan manfaat bagi umat Islam dan juga manusia sejagat. Sebagai contoh, hasil kemewahan dan keuntungan yang diperolehi akan dibelanjakan dan dimanfaatkan di jalan Allah SWT. Sepatutnya rezeki yang dikurniakan oleh Allah SWT dibelanjakan ke jalan yang boleh memakmurkan harta itu seperti mewujudkan tabung bantuan umat Islam, tabung pendidikan umat Islam, pusat aktiviti sosial Islam dan pelbagai lagi.

## **Kegiatan Dakwah Kepada Bukan Muslim**


Berdakwah merupakan usaha yang berterusan dan memerlukan pengembangan tenaga daripada semua individu Muslim. Bukan setakat ini sahaja, faktor kewangan yang kukuh juga merupakan jaminan. Usaha dan penggembelangan sahaja tidak mencukupi seandainya ia menghadapi kekurangan aktiviti dakwah. Justeru sambil berniaga orang Islam juga sepatutnya mengambil kesempatan untuk menyebarkan dakwah kepada mereka yang bukan Islam.

## **Kebajikan Kepada Semua**

Secara keseluruhan, mesti ada kebajikan sama ada kepada para pekerja, orang ramai dan juga kepada masyarakat seperti mewujudkan rumah anak-anak yatim, hospital, rumah kebajikan dan lain-lain lagi.

Matlamat akhir perniagaan di dalam Islam bukanlah keuntungan semata-mata tetapi apa yang mustahak ialah mendapat keredhaan Allah SWT sedangkan kekayaan hanya menjadi *wasilah* sahaja.





*"Siunggunya setiap  
sesuatu bertasbih dan  
memuji Tuhannya,  
akan tetapi kamu tidak  
memahami tasbihnya."*

Surah al-Isra': Ayat 44

# USAHA & PENGORBANAN ASAS KEJAYAAN

Oleh

Ustaz Hj. Sulaiman Bin Ibrahim

B.A, M.A, (Dakwah Islamiah) (Al-Azhar)

Pensyarah, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan

Fakulti Pengajian Islam, U.K.M



i dalam Islam setiap perkara yang dilakukan dinisahkan kepada Nabi Muhammad SAW sebagai contoh ikutan manakala hari-hari kebesaran di dalam kalender Islam pula sering dijadikan sebagai peristiwa yang penuh dengan pengajaran. Maulidur Rasul yang disambut oleh umat Islam, merupakan sambutan ulang tahun detik kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW yang dilahirkan pada 12 Rabiul Awal Tahun Gajah bersamaan 20 April 570M.

Di dalam membicarakan masalah perniagaan, ia merupakan salah satu bentuk usaha yang dilakukan bagi memenuhi keperluan sesama manusia dan di dalam konteks yang lain, hubungan manusia dengan Allah SWT juga merupakan suatu bentuk perniagaan. Usaha merupakan daya upaya iaitu ikhtiar dan kegiatan perbuatan untuk melaksanakan sesuatu. Di dalam bahasa Arab perkataan usaha ini boleh dilihat dengan berbagai istilah. Antaranya perkataan *as sa'yu*. Perkataan *as sa'yu* ini juga

terdapat di dalam rukun haji iaitu *sa'ei* di mana orang yang melakukan ibadat ini hendaklah berjalan dengan bersungguh-sungguh dan bukannya berjalan berlenggang-lengguk.

Perkataan usaha juga dinisbahkan dengan perkataan helah, taktik dan juga perkataan semasa yang sesuai seperti kreatif, inovatif dan lain-lain lagi.

Manakala perkataan pengorbanan bermaksud kesanggupan menanggung risiko di atas usaha yang dilakukan. Untuk berjaya, setiap perkara yang dilakukan mesti ada pengorbanan dan sekiranya tiada pengorbanan usaha yang dilakukan adalah palsu dan berpura-pura.

Perkataan usaha dan pengorbanan ini lebih tepat sekiranya dirangkumkan dengan pengertian *mujahadah*. Ia merupakan suatu perkara yang

mempunyai matlamat iaitu mencapai kejayaan. Tanpa matlamat, sesuatu itu tidak boleh dinamakan *mujahadah*. Misalnya seseorang yang banyak bersembahyang dan berzikir tetapi apabila ditanya apakah tujuan, mereka tidak tahu. Ini tidak dinamakan *mujahadah*. *Mujahadah* mesti ada matlamat.

Perkataan *mujahadah* di dalam kitab-kitab Tasawuf diletakkan di kedudukan yang kedua di dalam *maqam sufi*. Pertama, *maqam at taubah* dan kedua *maqam al mujahadah*. Di atas kepentingan ini ahli tasawuf meletakkan di kedudukan yang kedua. *Maqam taubat* merupakan proses penyucian diri, pemurnian matlamat dan menjelaskan misi seseorang di dalam kehidupan. Inilah yang dinamakan sebagai taubat. Ia merupakan rencah yang saling berkait antara satu sama lain.



Setiap perniagaan mempunyai risiko yang perlu dihadapi dan ditangani oleh para peniaga

## **Hubungan Antara Mujahadah dan Usaha**

Firman Allah SWT di dalam surah al-Ankabut, ayat 69:

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِي سَبِيلِنَا  
وَلِإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٦٩﴾

Maksudnya:

*"Orang-orang yang berjihad pada jalan kami nescaya Kami tunjukkan kepadanya jalan Kami. Dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah SWT adalah berserta orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya."*

Terdapat segelintir umat Islam yang sempit pemahamannya tentang Islam melihat jihad seolah-olah berzikir dan bersembahyang sahaja. Ini merupakan suatu kesilapan kerana memenjarakan konsep *mujahadah* di dalam ruang lingkup zikir dan sembahyang sahaja sedangkan ruangnya lebih luas daripada itu kerana ia merangkumi segenap aspek kehidupan manusia. Sebagai ad-Din, Islam merangkumi segala aspek kehidupan manusia dan sesiapa yang bermujahadah akan beroleh kejayaan. Sewajarnya konsep *mujahadah* perlu diperluaskan di dalam lapangan hidup. Sesiapa yang berusaha dan bermujahadah di dalam aspek ibadah, ekonomi, sosial dan lain-lain lagi yang sebahagiannya fardhu kifayah, ia termasuk jihad di jalan Allah SWT.

*Memajukan sektor ekonomi merupakan fardhu kifayah dan ia merupakan sebahagian daripada **mujahadah fi sabillah**. Pada pandangan ulamak Islam, orang yang bermujahadah untuk memajukan sektor perubatan juga merupakan **mujahadah fi sabillah** kerana ia adalah fardhu kifayah.*

Masyarakat Islam sering terkeliru apabila mereka melihat jihad. Seolah-olah jihad itu perkara yang fardhu ain sahaja. Ini merupakan kekeliruan yang perlu diperbetulkan. Sedangkan ulamak-ulamak dahulu membincangkan agama daripada dua sudut iaitu fardhu ain dan fardhu kifayah.

Fardhu kifayah termasuklah apa yang telah ditakrifkan oleh para ulamak, seperti mesti ada pegawai perubatan ataupun orang yang mempunyai kepakaran tertentu di dalam sebuah kampung, keperluan kedai yang melaksanakan proses jual beli bagi memenuhi keperluan umat Islam dan lain-lain lagi.

Memajukan sektor ekonomi merupakan fardhu kifayah dan ia merupakan sebahagian daripada *mujahadah fi sabillah*. Pada pandangan ulamak Islam, orang yang ber-

من جد وجد

mujahadah untuk memajukan sektor perubatan, juga merupakan *mujahadah fi sabillillah* kerana ia adalah fardhu kifayah.

Usaha dan pengorbanan merupakan tuntutan agama yang tidak pernah diceraikan sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah al-Hijr, ayat 99:

وَاعْبُدْ رَبَّكَ حَقًّا يَأْنِيْكَ الْقَيْمَثُ ﴿٩٩﴾

Maksudnya:

"Dan beribadatlah (bersungguh-sungguh) kepada Tuhan kamu sehingga tiba keyakinan (kematian)."

Firman Nya lagi di dalam surah al-Ahzab, ayat 23:

مِنَ الْمُؤْمِنِينَ رِجَالٌ صَدَقُوا مَا عَاهَدُوا  
اللَّهُ عَلَيْهِ فِيمْهُمْ مَنْ قَضَى نَعْبُدُ  
وَمِنْهُمْ مَنْ يَنْظَرُ رَوَابِطًا لَوْاتِبَدِيلًا ﴿٢٣﴾

Maksudnya:

"Di kalangan orang-orang yang beriman ada golongan yang benar-benar menunaikan janji mereka kepada Allah SWT. Maka di antara mereka ada yang telah menunaikan janjinya itu (lalu gugur syahid) dan di antaranya ada yang menunggu giliran dan mereka pula tidak mengubah (apa yang mereka janjikan itu) sedikit pun."

Manakala pepatah Arab ada menghuraikan maksud ini:

Maksudnya:

"Orang yang bersungguh-sungguh pasti akan dapat."

Pepatah ini menghuraikan sekiranya ada usaha, setiap perkara yang dilakukan pasti akan berjaya. Di dalam hidup ini tiada perkara yang mustahil dan kejayaan yang dicari tidak akan datang bergolek. Bak kata pepatah Arab:

من طلب العلى سهرالي

Maksudnya:

"Menuntut martabat yang agung mesti berjaga malam."

Pepatah di atas merupakan *kinayah* ataupun *metafora* untuk mereka yang berjaga malam. Di dalam konteks kehidupan sehari-hari *kinayah* ini

Kebanyakan negara Islam walaupun mempunyai hasil bumi yang melimpah ruah, mereka sekadar menjadi pengguna kepada teknologi dan bukannya sebagai peneroka teknologi.



Allah SWT mengurniakan rezeki kepada hamba Nya melalui hasil bumi yang banyak

merupakan perlambangan yang sepatutnya dijadikan perangsang untuk terus ke hadapan. Kejayaan yang cemerlang memerlukan pengorbanan kerana ia tidak akan datang dengan sendirinya. Berusaha untuk berjaya juga memerlukan pengorbanan; tanpa pengorbanan usaha yang dilakukan tidak akan ke mana.

Kemunduran yang melanda sebahagian besar umat Islam sejak berabad yang lalu adalah disebabkan mereka kurang berusaha berbanding dengan orang bukan Islam. Kebanyakan negara Islam walaupun mempunyai hasil bumi yang melimpah ruah, mereka sekadar menjadi pengguna kepada teknologi dan bukannya sebagai peneroka teknologi.

Sabda Rasulullah SAW:

إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْإِحْسَانَ عَلَىٰ  
كُلِّ شَيْءٍ فَإِذَا قَاتَلْتُمْ  
فَأَخْسِنُوْا الْقِتْلَةَ وَإِذَا  
ذَبَحْتُمْ فَأَخْسِنُوْا الذِّبْحَةَ

Maksudnya:

"Sesungguhnya Allah SWT mewajibkan ihsan atas segala sesuatu. Apabila kamu membunuh, perlakukanlah pembunuhan. Apabila kamu menyembelih perlakukanlah penyembelihan."

(Hadis Riwayat Muslim)

*Strata rukun ini menunjukkan bahawa Islam mementingkan kualiti.*

*Tahap rukun yang berbeza merupakan penelitian Islam terhadap apa jua aspek yang dilakukan. Sekiranya inginkan yang terbaik, perkara yang wajib akan dilakukan dengan teliti dan ia akan diperkemaskan dengan perkara sunat serta dijauhkan perkara makruh. Manakala perkara yang haram pula dihindari.*

*kamu melihat Nya, jika sekirannya kamu tidak mampu melihat Nya, yakin dan percayalah bahawa Dia melihat kamu.”*

(Hadis Riwayat Bukhari)

*Al ihsan* merupakan justifikasi kualiti di dalam Islam. Ia bukan sahaja terbatas di dalam lingkaran amal ibadat malahan di dalam perbuatan harian. Sehingga sekawtu melakukan penyembelihan, Islam mementingkan kualiti dengan menetapkan beberapa garis panduan.

Islam dan kualiti merupakan dua perkara yang sebatи dan kewujudannya seiring dengan syariat Islam itu sendiri. Banyak perkara yang dapat dipelajari daripada perspektif kualiti di dalam ibadat. Misalnya di dalam kitab fekah, ibadat sembahyang disertakan dengan pelbagai rukun. Ada rukun wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Strata rukun ini menunjukkan bahawa Islam mementingkan kualiti. Tahap rukun yang berbeza merupakan penelitian Islam terhadap apa jua aspek yang dilakukan. Sekiranya inginkan yang terbaik, perkara yang wajib akan dilakukan dengan teliti dan ia akan diperkemaskan dengan perkara sunat serta dijauhkan perkara makruh. Manakala perkara yang haram pula dihindari. Sepatutnya sebagai umat yang mementingkan kualiti, konsep yang sama juga diterapkan di dalam kehidupan.

أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَائِنٌ  
تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ  
فَإِنَّهُ بِرَاءٌ

Maksudnya:

*“(Al ihsan ialah) kamu beribadat kepada Allah SWT seolah-seolah*

Sahsiah yang cemerlang akan dapat dilahirkan apabila aspek-aspek agama diterapkan di dalam kehidupan. Justeru sesiapa yang me-

misahkan antara agama dan kehidupan, ia akan berhadapan dengan pelbagai masalah. Misalnya, kenapa Islam melarang umatnya membuang air besar di bawah pokok tempat orang berteduh, adalah kerana dikhuatir akan mengganggu orang yang berteduh di situ. Islam menekankan akhlak yang berhemah ini, yang merupakan sebahagian daripada kecermerlangan umat Islam.

Manusia yang berkualiti ialah mereka yang menekankan kecermerlangan di dalam apa jua aspek kehidupan dan inilah imej yang dibawa oleh ajaran Islam. Setiap perkara mempunyai adab dan peraturannya. Sekilas pandang, kewujudan adab ini mungkin nampak agak cerewet tetapi ia merupakan satu garis panduan untuk membentuk manusia yang terbaik di dalam segenap lapangan. Kedudukan adab dan peraturan ini bukannya untuk menantang atau menghalang kemauhan manusia tetapi ia mengajar manusia supaya menjadi beradab, bersopan, bertertib dan sekaligus menjadi umat yang terbaik.

Adab sewaktu makan merupakan contoh ke arah melahirkan insan yang bersahsiah yang mengutamakan adab dan etika. Sebelum makan, orang Islam disunatkan membaca *bismillah*, makan dengan menggunakan tangan kanan, tidak makan dengan gelojoh, berhenti makan sebelum kenyang dan lain-lain lagi. Ini merupakan sebahagian contoh yang ringkas di dalam persekitaran umat Islam untuk melahirkan kecermerlangan.

Penerangan di dalam kitab agama adalah lebih terperinci apabila membahaskan aspek-aspek kecermerlangan. Ia memaparkan bagaimana jiwa berfungsi di dalam keadaan yang berbeza seperti di dalam keadaan rindu, marah, gembira dan lain-lain lagi.

Untuk melahirkan generasi yang cemerlang ia perlu bermula di rumah. Mendidik anak-anak merupakan tanggungjawab yang wajib ditunaikan kerana ia merupakan amanah daripada Allah SWT. Anak-anak memerlukan pengawasan daripada kedua ibu bapa supaya setiap tingkah laku mereka dapat diawasi. Sekiranya anak-anak melakukan kesalahan mereka perlu ditegur dan tidak menjadi kesalahan, sekiranya sampai pada suatu tahap, mereka perlu dipukul bagi tujuan untuk mendidik.

*Usaha dan pengorbanan merupakan asas kejayaan Baginda SAW. Begitu juga dengan umat Islam, mereka tidak akan dapat mencapai kejayaan seandainya mereka lokek untuk berkorban apatah lagi jika dihinggapi dengan penyakit malas berusaha. Malangnya terdapat umat Islam yang salah faham tentang fungsi dan kedudukan mereka di dunia.*

Teori pendidikan Islam lebih anjal dan lebih baik kerana manusia dilihat sebagai gabungan antara unsur rohani dan jasmani. Kepincangan yang berlaku pada hari ini disebabkan sistem pendidikan lebih menekankan aspek jasmani berbanding dengan rohani. Justeru tidak hairanlah pelbagai gejala negatif timbul kesan daripada ketidakseimbangan unsur ini termasuklah di dalam melahirkan masyarakat yang cemerlang.

Di dalam mengolah aspek usaha dan pengorbanan, terdapat banyak peristiwa yang dapat diambil daripada kehidupan Rasulullah SAW dan peristiwa persekitaran yang berlaku di sekeliling Baginda SAW. Sewaktu menyampaikan dakwah, pelbagai strategi yang telah disusun oleh Baginda SAW. Antara perancangan yang dilakukan oleh Rasulullah SAW ialah sentiasa berfikir untuk mencari jalan bagi menyelesaikan apa juar masalah yang dihadapi oleh umat Islam. Misalnya sewaktu menghadapi tekanan daripada Musyrikin Mekah, Baginda SAW menghantar rombongan untuk berhijrah ke Habsyah bagi mendapat perlindungan daripada Najasyi. Strategi yang disusun oleh Baginda SAW bukan sahaja umat Islam dapat menyelamatkan diri daripada kekejaman kaum Musyrikin Mekah malahan ia dapat menyelamatkan akidah serta berjaya menyebarkan ajaran Islam.

Usaha dan pengorbanan merupakan asas kejayaan Baginda SAW. Begitu juga dengan umat Islam, mereka tidak akan dapat mencapai kejayaan seandainya mereka lokek

untuk berkorban apatah lagi jika dihinggapi dengan penyakit malas berusaha. Malangnya terdapat umat Islam yang salah faham tentang fungsi dan kedudukan mereka di dunia. Mereka berserah segalanya kepada Allah SWT tanpa melakukan usaha untuk mengubah nasib dan memperbaiki taraf hidup. Terdapat segelintir yang beranggapan bahawa Islam itu agama Allah SWT, Kaabah itu rumah Allah SWT, nescaya Allah SWT akan menolong. Oleh itu apa perlunya umat Islam terlalu sibuk untuk melakukan perubahan? Cukuplah dengan sembahyang dan zikir sahaja. Insya-Allah, Tuhan akan menolong. Tanggapan sebegini merupakan salah faham tentang ajaran Islam.

*Kepincangan yang berlaku pada hari ini disebabkan sistem pendidikan lebih menekankan aspek jasmani berbanding dengan rohani.*

*Justeru tidak hairanlah pelbagai gejala negatif timbul kesan daripada ketidakseimbangan unsur ini termasuklah di dalam melahirkan masyarakat yang cemerlang.*

Apabila berlaku sebarang musibah, golongan inilah yang mula-mula mengeluh dan berputus asa serta marah kepada penentuan Ilahi.

Pengalaman di Mesir dapat dijadikan pengajaran. Pemuda-pemuda yang bersemangat dengan Islam menjadi lemah apabila mereka berhadapan dengan kegagalan. Mereka mula mengeluh dan mempertikaikan kudrat Allah SWT dan menimbulkan persoalan mengapa Tuhan tidak tolong mereka.

Allah SWT tidak akan memenangkan agama ini kerana ia adalah agama Nya. Sebaliknya Allah SWT akan menolong agama Islam dengan usaha yang dilakukan oleh hamba Nya. Oleh kerana itu Syed Qutb memperbetulkan fahaman salah kepada pemuda-pemuda yang kecewa dengan kegagalan mereka ini dengan meminta mereka supaya tidak berputus asa kerana belum cukup usaha dan belum cukup berkorban. Oleh itu belum lagi layak menadah tangan meminta pertolongan daripada Allah SWT semata-mata. Seorang ahli tasawuf iaitu Abu Ali al Daqqiq di dalam kitab, *ar Risalah al Qusyairiah* berkata:

*"Barangsiapa yang menghiasi dirinya dengan mujahadah nescaya Allah SWT akan memperelokannya dengan syahadah. Barangsiapa di peringkat awal kehidupannya tidak merupakan ahli perjuangan, dia tidak akan mendapat obor di akhir kehidupannya."*

Di dalam konteks kehidupan moden ini, seandainya seseorang tidak *bermujahadah* untuk mendapatkan rezeki yang halal, ia akan terjerumus ke kancan maksiat seperti penipuan, pembohongan dan lain-lain. Oleh itu

*Walaupun mereka memerah keringat dan bersengkang mata untuk berniaga tetapi pada masa yang sama tidak menunaikan sembahyang, usaha yang dilakukan tidak menepati spesifikasi mujahadah di dalam Islam.*

di dalam perniagaan *mujahadah* merupakan usaha yang besar.

Skop *mujahadah* bukan hanya berkisar di sekitar berusaha sahaja. Ia mestilah berada di landasan ibadat. Tidak guna seseorang itu bekerja keras tetapi pada masa yang sama mengenepikan hubungannya dengan Allah SWT seperti tidak sembahyang, berpuasa, berzakat dan lain-lain. Pekerjaan yang dilakukan akan menjadi sia-sia. Misalnya peniaga pasar malam. Walaupun mereka memerah keringat dan bersengkang mata untuk berniaga tetapi pada masa yang sama tidak menunaikan sembahyang, usaha yang dilakukan tidak menepati spesifikasi *mujahadah* di dalam Islam.

Walaupun terdapat pihak yang menyempitkan skop *mujahadah* kepada ahli sufi sahaja, sepatutnya ia juga diperaktikkan oleh orang awam

demi untuk mencapai kejayaan. Usaha yang dilakukan akan menjadi sia-sia apabila perintah Allah SWT diketepikan. Kerana mengejar wang, terdapat peniaga yang merasakan menuaikan perintah Tuhan sebagai suatu bebanan. Mereka lupa bertawakal dan kadang-kadang meletakkan kemampuan dan keuntungan sebagai suatu yang mutlak.

Bagi mencapai kemanisan tawakal, bermiaga merupakan salah satu *wasilah* yang dapat memberi kepuasan. Segala usaha dan pengorbanan ada matlamat dan sandarannya. Inilah kelebihan orang yang bertawakal berbanding dengan mereka yang bermiaga tetapi tiada sandaran.

Apabila segala suruhan Allah SWT dilaksanakan dan segala tegahan Nya ditinggalkan dan dijauhi, Allah SWT akan memberikan *musyahadah* iaitu penglihatan hati dengan anugerah ilham dan idea yang baik, di dalam mengembangkan perniagaan yang tidak ada pada orang lain. Ini merupakan kelebihan yang Allah SWT anugerahkan berbanding dengan orang lain. Inilah yang dikatakan oleh Ali al Daqaq, orang yang *bermujahadah* dengan anggota badannya, Allah SWT akan berikan *musyahadah*. Misalnya, sungguhpun mereka sibuk sebenarnya hati mereka tetap senang. Orang yang sebeginilah yang perlu dipertanggungjawabkan di muka bumi ini.

Kemudian Abu Ali al Daqaq berkata:

*"Barangsiaapa yang tidak berdiri di peringkat awalnya, tiadalah di peringkat akhirnya dia duduk."*

Berdiri merupakan *kinayah* kepada usaha, pengorbanan dan kerja kuat yang telah digunakan oleh Abu Ali al Daqaq. Ia menggambarkan bahawa usaha, pengorbanan dan kerja kuat hendaklah dimulakan daripada peringkat awal. Begitu juga dengan hidup ini. Seandainya dari awal malas berusaha, kejayaan tidak akan dicapai. Sekiranya kejayaan dicapai, ia tidaklah sehebat kejayaan orang yang berusaha. Apa yang pasti, kejayaan tidak akan datang dengan sendiri. Pepatah Melayu ada mengatakan : *"Yang pipih takkan datang melayang, yang bulat takkan datang bergolek."*

Inilah peribahasa Melayu yang menggambarkan bahawa untuk mendapat kejayaan bukannya suatu usaha yang mudah dan datang menjelma sekelip mata. Tanpa usaha, apa yang diidamkan hanya akan tinggal cita-cita. Abu Ali al Daqaq

*Sebuah syarikat yang mungkin berjaya dalam operasinya dari sudut kuantitinya ia juga berjaya dari sudut kualiti. Apalah erti keuntungan sekiranya anggota pekerja melakukan pecah amanah, lupa tanggungjawab, curi tulang dan lain-lain lagi.*

berkata lagi:

*"Pergerakan itu berkat. Pergerakan zahir ini membawa kepada keberkatan batin."*

Daripada ungkapan yang diberikan ini dapat difahami bahawa setiap pergerakan yang dilakukan selama mana ia memenuhi kehendak syarak, ia akan membawa kepada keberkatan yang syumul. Keberkatan syumul bermaksud segala usaha yang dilakukan tidak bercanggahan dengan perintah, suruhan dan menjauhi segala larangan syarak. Misalnya sewaktu membuat pemasaran mereka tidak menipu, apabila masuk waktu sembahyang mereka menuaikannya. Ini merupakan nilai-nilai asas yang perlu ada di dalam diri orang Islam apabila mereka menceburkan diri di dalam apa jua bidang.

Sebuah syarikat yang mungkin berjaya dalam operasinya dari sudut kuantitinya belum tentu ia juga berjaya dari sudut kualitinya. Apalah erti keuntungan sekiranya anggota pekerja melakukan pecah amanah, lupa tanggungjawab dan curi tulang.

Justeru kejayaan di dalam diri amat penting untuk menentukan matlamat seseorang. Orang yang kalah dengan kelemahan dirinya sendiri pasti tidak akan ke mana kerana terpaksa tunduk kepada kemahuan diri. Pendapat ini bersamaan dengan pendapat yang dikemukakan oleh Stephen R. Covey di dalam bukunya, *Seven Habits of Highly Effective People* menceritakan tentang ciri-ciri orang yang berjaya. Walaupun Covey tidak menyatakan dari mana dia mengambil sumber

teorinya, tetapi sesetengahnya bagaikan ada persamaan dengan saranan Islam. Misalnya firman Allah SWT di dalam surah al-Fajr, ayat 27 dan 28:

يَأَيُّهَا النَّفْسُ الْمُطَّهِّرَةُ ﴿٢٧﴾ أَنْرِجِعْ  
إِلَى رَبِّكَ رَاضِيَةً مَّا تَصْنَعْ

Maksudnya:

*"Wahai orang-orang yang mempunyai jiwa yang sentiasa tenang tetap dengan kepercayaan dan bawaan baiknya! Kembalilah kepada tuhanmu dengan keadaan engkau berpuas hati (dengan segala nikmat yang diberikan), lagi diredhai (di sisi tuhanmu)."*

Di dalam teori kepimpinan terdapat teori yang menyatakan bahawa pemimpin tidak boleh mengabaikan polisi yang diambil tanpa mengetahui apa yang berlaku di sekeliling. Ini merupakan perkara yang tidak boleh dipandang remeh di dalam melaksanakan usaha yang dirancang.

Ibrahim al Khawas seorang ahli sufi berkata:

*"Tiada sesuatu menggerunkan aku dengan sesuatu, melainkan aku tunggang (menempuhinya)."*


Usaha dan pengorbanan yang dilakukan tidak boleh ditakutkan oleh bisikan-bisikan hati yang akan menghalang usaha seseorang. Kalau tidak bersungguh-sungguh mungkin kecundang dengan dugaan yang

menanti. Untuk mencapai kejayaan, sebahagian hidup ini perlu dikorban-kan. Inilah realiti bagi sesiapa yang ingin berjaya.

Kata-kata al Ustaz Abdul Wahab al Muti'e mempunyai seribu pengertian yang bermakna. Katanya:

*"Kehidupan ini kalau anda inginkan kejayaan dan kebahagiaan anda harus bersedia membayar cukai kehidupan."*

Inilah hakikat pengorbanan. Tanpa usaha dan pengorbanan kejayaan tidak akan datang dengan sendiri.



# KEPENTINGAN ILMU, IMAN, AMAL & TAQWA *dalam konteks* BISNES

Oleh

Ustaz Ahmad Bin Zainal Abidin  
B.A., Hons (Syariah Islam) (Al Azhar)

Penolong Pensyarah  
Pusat Pengajian Teras dan Pendidikan Lanjutan  
Universiti Multimedia (Melaka)



ebagai muqaddimah kepada tajuk “Kepentingan Ilmu, Iman, Amal Dan Taqwa Dalam Konteks Bisnes” eloklah diimbas kembali apakah tujuan manusia dicipta oleh Allah SWT di atas muka bumi ini. Secara ringkasnya tujuan penciptaan manusia di atas muka bumi ini ada beberapa sebab. Antaranya bertujuan untuk mengurus dan menjadi Khalifah Allah SWT bagi mentadbir muka bumi ini. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 30:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ  
فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً فَالْأُولَئِكَ هُمُ الْمُجْعَلُونَ  
مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ  
وَمَنْ حَرَمَ نُسُبَيْحَ مُحَمَّدِكَ وَنُقَدَّسُ لَكَ  
قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا نَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

Maksudnya:

“Dan ingatlah, ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat Nya: Sesungguhnya Aku

*hendak menjadikan seorang khalifah di atas muka bumi” Mereka bertanya: Adakah Engkau hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (ber bunuh-bunuhan) pada hal kami sentiasa bertasbih dengan memuji Mu dan mensucikan Mu? Tuhan berfirman: Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya.”*

Kemudian di dalam ayat yang lain, Allah SWT telah berfirman yang bermaksud manusia mempunyai tugas di atas muka bumi ini iaitu sebagai pemakmur. Firman Allah SWT dalam surah Hud, ayat 61:

وَإِنِّي لَمُؤْمِنُ أَخَاهُمْ صَدِيقًا قَالَ  
يَقُولُمَرَأَبُدُوا إِنَّهُ مَا لَكُمْ مِنِ إِلَهٍ غَيْرِي  
هُوَ أَنْشَأَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَاسْتَعْمَرْ كُفَّارًا  
فَأَسْتَغْفِرُهُمْ لَمَرْتُو بِإِنِّي إِنِّي لَرَبِّ فَرِیبٌ  
مُجِیبٌ

Maksudnya:

*“Dan kaum Thamud, kami utuskan saudara mereka Nabi Soleh, dia berkata: Wahai kaunku sembahlah kamu akan Allah SWT sebenarnya tiada Tuhan bagi kamu selain daripada Nya. Dialah yang telah menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya, oleh itu, mintalah ampun kepada Nya dari perbuatan syirik, kemudian kembalilah kepada Nya dengan taat*

*dan tauhid. Sesungguhnya Tuhanmu sentiasa dekat lagi sentiasa memperkenankan permohonan hamba Nya.”*

Ayat ini antara lain bermaksud Allah SWT yang menjadikan manusia daripada tanah dan menjadikan mereka sebagai pemakmur di atas muka bumi ini.

Selain itu Allah SWT juga telah berfirman di dalam al-Quran surah az-Zaariyat, ayat 56:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّا وَالْإِنْسَانَ إِلَّا  
لِيَعْبُدُونِ

Maksudnya:

*“Aku tidak jadikan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembah dan beribadat (kepada Ku).”*

Daripada firman Allah SWT ini, jelas menunjukkan bahawa manusia itu telah diberi tugas penting iaitu mereka perlu tunduk, patuh, menyembah dan beribadat kepada Allah SWT.

Para ulamak turut membahaskan tujuan penciptaan manusia iaitu sama ada sebagai khalifah, sebagai pemakmur atau untuk beribadat kepada Allah SWT. Justeru, di sinilah wujudnya perbahasan para ulamak di mana dapatlah disimpulkan bahawa apabila ketiga-tiganya disebutkan dalam al-Quran, ia menjadi asas kepada tujuan penciptaan manusia di muka bumi ini. Cuma bagaimana manusia hendak memastikan perkara itu berlaku. Sesungguhnya hanyalah

*Perniagaan di dalam Islam diletakkan di persada yang cukup menarik, bukan sahaja sebagai aktiviti utama manusia malahan juga diiktiraf sebagai satu ibadat. Di dalam sejarah ketamadunan manusia, Islam telah melahirkan ramai tokoh korporat yang mana sumbangan dan jasa mereka tetap dikenang di sepanjang zaman.*

Allah SWT yang menentukan dan Maha Mengetahui akan segalanya. Para ulamak terkenal seperti Dr. Yusof al Qardawi telah memperbaharui kata-kata para ulamak sebelum ini di dalam membicarakan tujuan penciptaan manusia oleh Allah SWT. Menurut beliau, sekiranya ketiga-tiga perkara ini disebutkan dalam al-Quran, ia merupakan tujuan penciptaan manusia. Sehubungan itu manusia adalah bertanggungjawab sebagai khalifah Allah SWT untuk menguruskan muka bumi, memajukan muka bumi iaitu memakmurkan bumi ini dan dalam masa yang sama menjaga ibadat terhadap Allah SWT. Walhal, tugas untuk mengurus dan memakmurkan bumi adalah terangkum dalam tugas untuk beribadat kepada Allah SWT.

Apabila manusia mengetahui tujuan penciptaannya, barulah manusia merasa mulia tanpa mengira

tempat tinggal atau pekerjaan. Apabila manusia melakukan sesuatu kerja atau tugas yang dipertanggung-jawabkan, seharusnya mereka merasakan bahawa itu adalah merupakan sebahagian daripada tujuan mereka diciptakan oleh Allah SWT.

Untuk merealisasikan tujuan penciptaan manusia di atas muka bumi ini, walaupun secara fitrahnya manusia mampu untuk melakukan perkara tersebut, kadang-kala godaan iblis dan syaitan berjaya merosakkan akidah dan iman manusia. Justeru, Allah SWT telah memperkuatkan manusia dengan satu bantuan yang sangat hebat iaitu al-Quran. Dengan panduan tersebut, insya-Allah apa sahaja bidang yang diceburi sama ada di dalam bisnes, perlادangan, akademik atau sebagainya akan berjaya dan dirahmati oleh Allah SWT.

Seandainya diamati secara terperinci, persoalan yang sering timbul ialah di manakah kedudukan mereka yang menceburkan diri di dalam perniagaan? Perniagaan di dalam Islam diletakkan di persada yang cukup menarik, bukan sahaja sebagai aktiviti utama manusia malahan juga diiktiraf sebagai satu ibadat. Di dalam sejarah ketamadunan manusia, Islam telah melahirkan ramai tokoh korporat yang mana sumbangan dan jasa mereka tetap dikenang di sepanjang zaman.

Perbincangan mengenai perniagaan di dalam konteks ibadat merangkumi elemen ilmu, iman, amal dan taqwa.

## **Ilmu**

---

Ilmu boleh ditakrifkan sebagai apa sahaja yang diketahui oleh seorang manusia sama ada ia berbentuk fakta, maklumat, kemahiran (*skills*) serta kefahaman yang diperolehi daripada seseorang sama ada dengan cara pembelajaran atau pengalaman. Apabila seseorang mencebur i bida ng bisnes tentulah ilmu yang diperlukan adalah yang berkaitan dengan bidang bisnes seperti pengurusan, perancangan, penstruktur dan lain-lain lagi. Seseorang yang menjurus di dalam bidang perniagaan mestilah mahir di dalam bidang yang dicebur dan mengambil kira bahawa perniagaan merupakan satu fardhu ain.

## **Iman**

---

Iman dan akidah merupakan ikatan yang kukuh yang saling berkaitan antara satu sama lain. Perkataan akidah berasal dari perkataan Arab iaitu '*Aqoda*', '*Aqoda* bermaksud

mengikat sesuatu itu dengan ikatan yang kukuh dan kerana itulah perkataan '*Aqoda*' juga digunakan di dalam urusan jual beli dan ia diambil sebagai *aqad*. Contohnya, apabila seseorang menandatangani sesuatu kontrak, ia bermakna dia telah mengikat sesuatu perjanjian. Begitu juga dalam hal perkahwinan, apabila seseorang lelaki telah bermkah dengan seseorang wanita cukup dengan maharnya serta saksi dan wali, perkahwinan ini adalah sah. Di dalam Islam, akidah merupakan penentu kepada iman. Seandainya akidah rosak, iman juga turut rosak. *Aqad* di dalam pengertian pengikat merupakan pengikat antara akidah dan iman.

Apabila seseorang itu berikrar mengakui ketuhanan Allah SWT, ia dimanifestasikan melalui rukun iman. Melalui manifestasi ini, seseorang akan yakin dan beriman kepada Allah SWT. Seseorang itu juga mengetahui tujuan Allah SWT mengutuskan para Rasul, menurunkan kitab dan lain-lain lagi.

*Taqwa adalah keupayaan seseorang yang boleh melahirkan dan menghasilkan sifat dan amalan terpuji secara spontan. Kesan daripada keupayaan taqwa ini, tingkah laku dan amalan terpuji seseorang itu lahir secara spontan dan bukan secara berpura-pura.*

## **Amal**

---

Amal bererti pelaksanaan sesuatu perkara di alam nyata dengan berdasarkan kepada keyakinan yang tertanam di dalam jiwa seseorang. Sebagai contoh, sekiranya seseorang itu ternampak seseorang tertinggal wang, dia akan memulangkan atau menyerahkan wang yang dijumpai kepada orang yang berkenaan.

Apabila melakukan ibadat seorang itu perlu tahu yang mana



*Pusat pengajian tinggi diharap dapat melahirkan lebih ramai generasi masa depan yang berilmu dan bertaqwa*

satu ibadat dan yang mana satu adat untuk memastikan perkara yang dilakukan bukannya sia-sia. Antara adat dan ibadat merupakan dua perkara yang berbeza. Di dalam konteks adat, memulangkan barang yang dijumpai merupakan satu perbuatan yang mulia. Manakala daripada perspektif Islam memulangkan wang tersebut merupakan satu ibadat.

yang boleh melahirkan dan menghasilkan sifat dan amalan terpuji secara spontan. Kesan daripada taqwa ini, tingkah laku dan amalan terpuji seseorang itu lahir secara spontan dan bukan secara berpura-pura. Justeru setiap tingkah laku dan amalan orang yang bertaqwa adalah menjurus kepada apa yang dikehendaki oleh Allah SWT dan meninggalkan segala larangan Tuhan seperti rasuah dan lain-lain lagi.

## Taqwa

Di dalam definisi yang masyhur, taqwa bermaksud mengikuti segala perintah Allah SWT dan meninggalkan segala larangan Nya.

Ibnu Taimiyyah berpandangan bahawa taqwa adalah merupakan satu *malakah* (keupayaan). Menurut beliau taqwa adalah keupayaan seseorang

Ketika ditanya oleh Saidina Umar Bin al Khattab mengenai taqwa, Ubai Bin Ka'ab lantas bertanya kembali sama ada Saidina Umar pernah berjalan di suatu tempat yang banyak duri. Beliau seterusnya menjelaskan seorang yang bertaqwa itu ialah orang yang berhati-hati menjalani kehidupan sehari-hari takut-takut terlanggar perintah Allah SWT seperti mana berhati-hatinya seorang yang berjalan

di tempat yang berduri, takut-takut kakinya terpijak duri yang tajam.

Berdasarkan kepada pandangan ini dapatlah disimpulkan bahawa orang yang memiliki sifat taqwa, tentulah di antara lain, akan lebih berhati-hati serta takut agar tidak melanggar sesuatu yang dilarang oleh Allah SWT dan Rasul Nya sewaktu mereka melaksanakan sebarang tugas dan tanggungjawab.

*Ilmu merupakan salah satu pra-syarat yang perlu ada pada setiap individu sebelum mereka menceburkan diri di dalam bidang perniagaan. Ilmu di dalam konteks yang luas merupakan aset penting untuk menjamin kebahagian dunia dan akhirat.*

Sementara itu Ibnu Kathir dalam kitab tafsirnya mengatakan tentang taqwa:

*"Apabila kamu membuat sesuatu perkara atau segala tindakan di atas muka bumi ini, pastikan ia di dalam ruang lingkup ketaatan kepada Allah SWT, dengan harapan bahawa apabila melakukan perkara tersebut akan mendapat rahmat daripada Allah SWT."*

Selain itu terdapat definisi taqwa yang diberikan oleh Saidina Ali seperti berikut:

*"Taqwa adalah kamu beriman kepada Allah SWT, beriman kepada kitab yang diturunkan Nya, mensyukuri nikmat yang telah dikurniakan, bersabar dengan sedikit yang ada pada kamu dan membuat persiapan untuk menghadapi Allah SWT di hari muka".*

Sebagai kesimpulan, taqwa dapatlah diertikan sebagai melaksanakan apa yang disuruh dan meninggalkan segala apa yang ditegah dan dilarang.

### **Kepentingan Ilmu, Iman, Amal Dan Taqwa Dalam Konteks Bisnes**

Ilmu, iman, amal dan taqwa merupakan rencah penting di dalam melaksanakan bisnes mengikut acuan Islam. Kesemua ini merupakan elemen yang menentu jatuh bangunnya seseorang di dalam kegiatan bisnes. Seandainya salah satu unsur ini tidak diambilkira, bisnes yang dilakukan bukan lagi menjadi satu ibadat tetapi hanya satu usaha yang mendapat keuntungan keduniaan semata-mata.

Jelas bahawa sesiapa yang berhajat kepada keduniaan, mereka perlukan ilmu, begitu juga sesiapa yang berhajat kepada akhirat mereka hendaklah berilmu. Manakala sesiapa yang berhajat kepada dunia dan akhirat mereka juga memerlukan ilmu. Justeru ilmu merupakan salah satu pra syarat yang perlu ada pada setiap individu sebelum mereka menceburkan diri di dalam bidang

perniagaan. Ilmu di dalam konteks yang luas merupakan aset penting untuk menjamin kebahagian dunia dan akhirat.

Menurut Ibnu Khaldun, seandainya seseorang itu berhajat kepada kebahagiaan dunia dan akhirat di samping memiliki aspek fizikal seperti rumah yang besar serta cantik atau sebagainya, mereka juga sebenarnya memerlukan aspek kerohanian seperti mempunyai sifat syukur, sabar, tidak dengki, mempunyai keyakinan diri serta bertawakal kepada Allah SWT kerana aspek kerohanian ini akan mendatangkan unsur ketenangan. Melalui aspek kerohanian yang ada dalam jiwa, seseorang itu akan dapat mempastikan perkara yang diceburui akan memperolehi kejayaan.

Islam tidak sekali-kali menghalang umatnya untuk mencari kekayaan dunia tetapi kekayaan yang diperolehi itu hendaklah halal dengan tidak mengenepikan aspek-aspek kerohanian dan juga kejasmanian. Ini merupakan sebahagian daripada penghayatan nilai taqwa yang ada pada diri seseorang.

Sebagai contoh di dalam arena bisnes, kejayaan yang diperolehi oleh seseorang itu hendaklah turut sama dirasai atau disumbangkan kepada masyarakat iaitu dengan cara memanfaatkan harta benda serta melaksanakan tanggungjawabnya kepada Allah SWT iaitu dengan cara membayar zakat, atau memberikan lebihan hartanya untuk dimanfaatkan oleh masyarakat.

*Bagi mereka yang melihat keuntungan sebagai matlamat utama di dalam perniagaan mereka akan menimbulkan persoalan yang menimbulkan keraguan kepada orang lain seolah-olah perniagaan yang berlandaskan syarak merupakan perniagaan yang kurang menguntungkan.*

Firman Allah SWT dalam surah ad-Dhuha, ayat 11:

وَأَمَّا بِنِعْمَةِ رَبِّكَ فَمَحَثَ

Maksudnya:

*"Adapun nikmat Tuhanmu, maka hendaklah engkau sebut-sebutkan sebagai menzahirkan kesyukuran."*

Bagi orang yang beriman mereka akan tertanya-tanya dengan kekayaan yang diperolehi adakah ia mengikuti kehendak syarak ataupun rezeki kekayaan yang diperolehi itu diberkati dan direhdai oleh Allah SWT. Bagi mendapatkan hasil yang berkat, ilmu memainkan peranan agar seseorang tidak terkeliru antara halal dan haram serta tidak diperlekehkan oleh orang lain. Bagi mereka yang melihat keuntungan sebagai matlamat utama di dalam perniagaan mereka akan menimbulkan persoalan yang


menimbulkan keraguan kepada orang lain seolah-olah perniagaan yang berlandaskan syarak merupakan perniagaan yang kurang menguntungkan.

Di dalam keadaan ini iman memainkan peranan yang menjadi batasan atau penghalang kepada manusia antara perkara yang halal dan haram. Bagi manusia yang mengenepikan iman dalam urusan seharian mereka akan mudah melakukan perkara yang mungkar sama ada secara terang-terangan ataupun secara bersembunyi.

Mengikut fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah, iman manusia bukannya perkara yang bersifat *jumud* tetapi ia bersifat berubah-ubah iaitu turun dan naik. Perubahan tahap keimanan ini merupakan keistimewaan manusia

berbanding dengan makhluk Allah SWT yang lain seperti malaikat, binatang dan lain-lain lagi. Iman manusia yang berubah-ubah sama ada naik atau turun merupakan cabaran kepada manusia untuk memperbaikinya sehingga ke tahap yang lebih mulia daripada para malaikat. Tetapi seandainya manusia melakukan kejahanan, tahap keimanan yang ada pada diri mereka adalah rendah serta lemah. Berhubung dengan masalah keimanan ini, Rasulullah SAW bersabda:

وَلَكُلُّ عَمَلٍ شَرِّهُ وَلِكُلِّ شَيْرَهِ  
فَتَرَهُ فَمَنْ كَانَتْ فَتْرَهُ عَلَىٰ  
سَتَّهُ فَقَدِ اهْتَدَىٰ



Masjid Sultan Abu Bakar, Johor Bahru - Masjid turut berfungsi sebagai pusat menjana ilmu



# BISNES


*mengikut* AL-QURAN

Oleh

**Dr. Abdullah Yassin**

B.A. (Tarbiyah) (I.A.I.N), L.C. (Dakwah dan Usuluddin) (Madinah),  
M.A. (Pengurusan Tinggi Kehakiman) (Riyadh), Ph.D. (Pengajian Islam)  
(Louisiana)

Islamic Counsellor,  
Kedutaan Arab Saudi, Kuala Lumpur



Al-Quran merupakan *kalamullah* di mana isi kandungannya menjelaskan aspek-aspek yang berkaitan dengan kehidupan manusia sama ada di dunia maupun di akhirat. Ia merupakan mukjizat yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW. Sebagai sebuah kitab suci yang sempurna, Allah SWT menjelaskan segala aspek yang berkaitan dengan kehidupan manusia sama ada berbentuk umum ataupun terperinci. Al-Quran dan Hadis, mempunyai hubungan yang erat di antara satu sama lain kerana kedua-duanya merupakan asas kepada sumber hukum syarak.

Perniagaan ataupun bisnes merupakan salah satu aktiviti harian yang dijalankan oleh manusia untuk memenuhi keperluan hidup mereka. Perniagaan di dalam bentuk yang simbolik adalah merupakan dimensi perhubungan yang bukan sahaja untuk kepentingan sesama manusia malahan ia juga merupakan salah satu wadah untuk mencari keredhaan Allah SWT.

أَنْتُمْ أَعْلَمُ بِأَمْرِ دُنْيَاكُمْ

Perniagaan atau *tijarah* merupakan *fardhu kifayah* dan ia tergolong sebagai *fardhu kifayah yang utama*. Kerana keutamaannya di dalam kehidupan, perniagaan telah diungkapkan di dalam al-Quran berulang-ulang kali.

Maksudnya:

"(Dalam masalah akidah dan ibadat khusus tanyalah pada aku.) Tetapi tentang masalah dunia, kamu lebih tahu masalah dunia kamu."

(Hadis Riwayat Muslim)

Berdasarkan kepada hadis ini, ia memberi isyarat bahawa Nabi Muhammad SAW tidak mahu mencampuri secara terperinci akan perkara-perkara yang bersifat *muamalat*. Ini bersesuaian dengan salah satu kaedah usul fekah:

الاصل في عبادة ما حرام الا  
ما أمر الله ورسوله

Maksudnya:

"Asal usul sesuatu ibadat itu ialah haram kecuali yang diperintahkan oleh Allah SWT dan Rasul Nya."

Berdasarkan kepada kaedah ini dapat difahami bahawa di dalam ibadat khusus seperti sembahyang, puasa, zakat dan haji yang dilakukan, ia berkaitan dengan perintah Allah SWT dan juga Rasulullah SAW. Tetapi di dalam perkara-perkara yang bersifat keduniaan, seperti *muamalat*, kaedah usul ada menyebut:

الاصل في معاملة مباح الا ما  
حرم الله ورسوله



Pembangunan ekonomi perlu seiring dengan pembangunan insan

Maksudnya:

*"Asal setiap perkara yang berkaitan muamalat adalah harus kecuali apa yang diharapkan oleh Allah SWT dan Rasul Nya."*

Apa yang jelas di antara *ibadat khusus* dan *ibadat am* terdapat perbezaan yang jelas sama ada di dalam konteks hukum mahupun skop ibadat. *Muamalat* merupakan sebahagian daripada *ibadat am* dan ia terangkum di dalam skop yang lebih luas.

Bisnes di dalam bahasa Arab di sebut dengan pelbagai istilah, kadang-kadang ia disebut sebagai *tijarah, al bai'e* dan *as syirid*. Ia bukan sahaja mengatur hubungan sesama manusia malahan hubungan antara manusia dengan Allah SWT. Perniagaan atau *tijarah* merupakan fardhu kifayah dan ia tergolong sebagai fardhu kifayah

yang utama. Kerana keutamaannya di dalam kehidupan, perniagaan telah diungkapkan di dalam al-Quran berulang-ulang kali.

Sejarah ketamadunan manusia telah membuktikan bahawa kebanyakannya daripada utusan Allah SWT merupakan mereka yang terlibat di dalam perniagaan. Antaranya Nabi Adam sebagai pekebun, Nabi Daud yang terkenal sebagai tukang besi, Nabi Musa terkenal sebagai tukang tulis, Nabi Zakaria terkenal sebagai tukang kayu, Nabi Isa terkenal sebagai tukang tenun serta pencelup kain dan lain-lain lagi.

Bahkan Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW juga terkenal sebagai seorang ahli perniagaan sebelum zaman kerasulannya. Begitu juga dengan sebahagian besar para sahabat Baginda SAW. Generasi awal Islam telah menggunakan perniagaan

sebagai salah satu wadah untuk menegakkan dan mengembangkan syiar Islam. Sumbangan yang diberikan oleh mereka terlalu besar dan tidak ada tolok bandingnya oleh generasi yang terkemudian. Ummul Mukminin Saidatina Khadijah, Saidina Abu Bakar, Saidina Umar, Saidina Uthman, Abdul Rahman Bin Auf dan lain-lain lagi merupakan antara para sahabat Baginda SAW yang sepatutnya dijadikan teladan oleh umat Islam di dalam memakmurkan harta kekayaan yang dimiliki ke jalan Allah SWT.

Di atas pengorbanan dan komitmen yang tinggi untuk berjihad di jalan Allah SWT di samping kemantapan akidah, Rasulullah SAW sering kali menyebut-nyebut kelebihan yang ada pada diri para sahabatnya. Kelebihan ini diungkapkan sebagaimana sabda Baginda SAW :

إِنَّ حَبْرَ كُمْ قَرْنَيٰ ثُمَّ الَّذِينَ  
يُلُونَهُمْ ثُمَّ الَّذِينَ يُلُونَهُمْ ثُمَّ  
الَّذِينَ يُلُونَهُمْ

Maksudnya:

*Di dalam konteks perniagaan, terdapat segelintir individu yang melanggar ketentuan Allah SWT semata-mata mengejar habuan keduniaan.*

"Sesungguhnya yang terbaik dari kalangan kamu ialah sezaman denganku, kemudian orang yang hidup selepas zamanku, setelah itu orang yang hidup selepas merdeka."

(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Sebagai satu jalan hidup yang lengkap, Islam telah menyediakan landasan *muamalat* yang menepati atau memenuhi fitrah dan keperluan manusia. Konsep *muamalat* di dalam Islam menekankan prinsip-prinsip kesejahteraan seperti kebebasan, kerelaan, keadilan, jujur, bersopan dan lain-lain lagi. Kesopanan merupakan salah satu pendekatan yang sepatutnya diberikan penekanan oleh orang Islam. Ini merupakan garis kasar yang telah dijelaskan oleh Islam. Ia bertepatan sebagaimana maksud firman Allah SWT di dalam surah al-Ahzab, ayat 36:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ  
وَرَسُولُهُ، أَمْ رَأَى يَكُونُ لَهُمُ الْخَيْرَ مِنْ  
أَمْرِهِمْ وَمَنْ يَعْصِي اللَّهَ وَرَسُولَهُ، فَقَدْ  
ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا

Maksudnya:

"Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan apabila Allah SWT dan Rasul Nya menetapkan keputusan bagi sesuatu perkara mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah SWT

*dan Rasul Nya, maka sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata."*

Seorang Muslim sejati yang beriman dengan Allah SWT akan sentiasa patuh dengan hukum-hakam yang telah ditentukan serta ikhlas di dalam mematuhi apa jua larangan dan suruhan daripada Allah SWT dan juga Rasulullah SAW. Mereka tidak akan berpura-pura ataupun munafik di dalam melakukan sesuatu perkara. Mereka meletakkan keikhlasan sebagai kunci ibadat.

Namun begitu, sejak dahulu sehingga kini masih ada golongan yang munafik iaitu mereka yang bercakap tidak serupa bikin atau lain yang diucap dan lain pula yang dibuat. Di dalam konteks perniagaan, terdapat segelintir individu yang melanggar ketentuan Allah SWT semata-mata mengejar habuan keduniaan. Di dalam al-Quran, Allah SWT telah menjelaskan larangan ini. Firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah, ayat 275:

وَأَحَلَ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ الرِّبَا

Maksudnya:

*"Allah SWT menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba."*

Allah SWT juga berfirman di dalam surah al-Muthaffifin, ayat 1:

وَيَلِّلْ لِلْمُطَّغِينَ ①

Maksudnya:

*"Kecelakaanlah ke atas orang yang curang di dalam timbangan."*

Begitu juga Rasulullah SAW telah bersabda:

مَنْ غَشَّنَا فَلَيْسَ مِنَّا

Maksudnya:

*"Sesiapa yang menipu bukan daripada kalangan kami."*

(Hadis Riwayat Muslim)

Islam dan perniagaan adalah dua perkara yang sinonim dengan kehidupan manusia. Perniagaan merupakan salah satu wadah di dalam membentuk masyarakat madani. Kerana kepentingan ini, ulamak mengatakan bahawa terdapat tidak kurang 500 buah hadis yang diucap oleh Baginda SAW berkaitan dengan perniagaan. Ini menunjukkan bahawa perniagaan merupakan salah satu aktiviti yang penting dan ia mendapat perhatian daripada Rasulullah SAW.

Perniagaan merupakan salah satu saluran yang diharuskan oleh Allah SWT di dalam memenuhi keperluan antara satu sama lain. Keperluan antara setiap orang adalah berbeza dan mempunyai keinginan yang berlainan sedangkan kudrat yang ada pada manusia amat terbatas. Justeru manusia tidak dapat menyempurnakan keinginannya tanpa ada pertolongan daripada orang lain. Manusia sebenarnya saling memerlukan antara satu sama lain. Menyedari kepada hakikat inilah

manusia perlu kepada kerjasama dan perniagaan merupakan alternatif yang dapat memenuhi kehendak ini.

Perniagaan bukan sahaja membentuk hubungan sesama individu malahan masyarakat dan juga negara. Apabila negara gagal memenuhi kehendak rakyatnya, pemerintah akan cuba memenuhi dengan cara mendapatkan bantuan daripada pihak lain.

Sejak dahulu sehingga kini tidak ada negara di dunia yang tidak perlu menjalankan kegiatan perniagaan. Pencapaian tamadun sesebuah negara diukur dengan kemajuan perniagaan. Misalnya, kegagalan menangani masalah ekonomi boleh menyebabkan sesebuah negara diperlekeh dan dipandang rendah serta maruah rakyat juga dipandang rendah.

Penghijrahan Rasulullah SAW daripada Mekah ke Madinah mempunyai banyak unsur pengajaran. Sewaktu sampai ke Madinah, Rasulullah SAW telah mendirikan masjid dan pada masa yang sama Baginda SAW juga telah mendirikan pasar. Apakah yang dapat dipelajari daripada peristiwa ini? Ia merupakan satu simbolik bahawa masjid merupakan tempat beribadat yang mengatur hubungan manusia dengan Allah SWT, sedangkan pasar merupakan pusat perniagaan yang mengatur hubungan sesama manusia.

Inilah kelebihan yang ada pada manusia berbanding dengan makhluk Allah SWT yang lain. Walaupun malaikat itu merupakan makhluk

*Kegagalan menangani masalah ekonomi boleh menyebabkan sesebuah negara diperlekeh dan dipandang rendah serta maruah rakyat juga dipandang rendah.*

yang mulia, namun manusia boleh mengatasi darjah kemuliaan yang dimiliki oleh para malaikat. Misalnya kemuliaan Nabi Muhammad SAW mengatasi kemuliaan penghulu segala malaikat iaitu Jibril. Kemuliaan yang dimiliki oleh Baginda SAW terbukti sewaktu peristiwa Isra' dan Mikraj iaitu ketika Baginda SAW sampai di Sidratul Muntaha, Jibril tidak mampu naik lebih tinggi lagi tetapi Nabi Muhammad SAW telah diberi perkenan oleh Allah SWT untuk naik ke tahap yang lebih tinggi. Ini memberi gambaran bahawa walaupun para malaikat sentiasa beribadat dan akur dengan setiap perintah Allah SWT, mereka tidak mampu mengatasi kemuliaan yang dimiliki oleh manusia kerana manusia ini diuji dengan akal dan juga nafsu.

Ini menunjukkan bahawa seandainya manusia mampu mengawal akal dan nafsunya, mereka mempunyai darjah yang lebih tinggi dan menjadi sebaik-baik makhluk di dunia ini. Begitu juga disebaliknya, sekiranya manusia gagal mengawal nafsu dan memanfaat akalnya, manusia akan

menjadi sehina-hina makhluk bahkan mengatasi kehinaan yang ada pada binatang.

Allah SWT telah berfirman di dalam surah al-A'raf, ayat 179:

وَلَقَدْ ذَرَنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنْ  
الْجِنِّ وَالْإِنْسَانِ

Maksudnya:

*"Sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam ramai dari kalangan jin dan manusia."*

Allah SWT dengan sifatnya sebagai Maha Pengasih dan Maha Penyayang telah menjelaskan ciri-ciri jin dan manusia yang bakal dicampakkan ke neraka jahanam. Ia telah diperincikan oleh Allah SWT sebagaimana firman-Nya di dalam surah al-A'raf, ayat 179:

لَهُمْ قُلُوبٌ لَا يَفْقَهُونَ بِهَا وَقُلُومٌ لَا  
يُبَصِّرُونَ بِهَا وَقُلُومٌ مَّا ذَانُ لَا يُسْعَوْنَ  
بِهَا وَلَيْكَ كَلَّا لَتَعْنَمِ بِلَهُمْ أَضَلُّ  
أُولَئِكَ هُمُ الْمُنْقَلِبُونَ

Maksudnya:

*"Mereka mempunyai hati yang tidak mahu memahami dengannya ayat-ayat Allah SWT, dan mempunyai mata yang tidak mahu melihat dengannya bukti keesaan Allah SWT, dan mempunyai telinga yang tidak mahu mendengar dengannya ajaran dan nasihat, mereka itu seperti binatang ternak,*

*bahkan mereka lebih sesat lagi, mereka itulah orang-orang yang laik."*

Pemahaman dan penghayatan kitab suci al-Quran merupakan asas yang perlu ada pada setiap individu Muslim bagi mencapai apa juga bentuk kejayaan. Seandainya diteliti penurunan wahyu yang pertama iaitu surah al-'Alaq, ia merangkumi banyak pengajaran dan bukan hanya tertumpu kepada membaca sahaja malahan sebahagian ulamak mengatakan bahawa *iqra'* itu bermaksud membaca alam, membaca situasi semasa, membaca keadaan persekitaran dan lain-lain lagi.

Meskipun Allah SWT menurunkan surah al-'Alaq kepada Nabi Muhammad SAW sebagai satu manifestasi tetapi realiti yang berlaku pada hari ini berlawanan dengan natijah surah al-'Alaq. Kebanyakan umat Islam pada hari ini berada di dalam keadaan yang sebaliknya. Umat Islam bukan sahaja malas membaca malahan mereka juga tidak begitu mencintai ilmu pengetahuan sebagaimana yang pernah dilakukan oleh generasi awal Islam.

Situasi ini amat berbeza sama sekali dengan orang bukan Islam yang gemar membaca dan cintakan ilmu pengetahuan. Seorang cendekiawan Timur Tengah mengatakan bahawa kecerdikan orang Yahudi bukannya secara semulajadi tetapi menurut analisanya, orang Yahudi dapat menghabiskan tiga buah buku di dalam tempoh seminggu. Orang yang suka membaca juga gagal seandainya

mereka tidak menghayati keadaan persekitaran yang ada di sekeliling mereka.

Di dalam Islam, konsep *epistemologi* bukan hanya datang daripada pembacaan malahan ia datang daripada pelbagai sumber. Rasulullah SAW menjelaskan:

أَغْدِ عَالِمًا أَوْ مُتَعَلِّمًا أَوْ  
مُسْتَمِعًا أَوْ مُحْبِيًّا وَلَا تَكُنْ  
الخَامِسُ فَتَهَلَّكُ

Maksudnya:

"Jadilah kamu orang yang alim, orang belajar, orang yang banyak mendengar atau orang yang cintakan ilmu dan jangan kamu menjadi yang kelima nanti kamu akan binasa."

(Hadis Riwayat Al-Baihaqi)

Ulamak tafsir mengatakan di dalam al-Quran terdapat sembilan belas kali perkataan yang menyebut lafadz mendengar dan melihat yang disebut secara bergandingan. Di dalam gandingan ini hanya dua kali Allah SWT menyebut melihat dahulu, kemudian barulah disebut mendengar. Sebanyak tujuh belas kali disebut mendengar dahulu, kemudian disebut melihat. Ini seolah-olah memberi isyarat walaupun melihat dan mendengar itu penting, tetapi mendengar itu lebih penting lagi. Menurut pengamal perubatan Islam antara sebab mengapa didahulukan mendengar daripada melihat kerana mendengar itu berfungsi lebih awal berbanding dengan melihat. Janin di dalam perut telah dibuktikan dapat mendengar tetapi bayi berkenaan tidak dapat melihat.

Kedua, bahawa pendengaran lebih penting daripada melihat. Bila bayi lahir di dalam keadaan pekak secara



*Amalan Syura* merupakan tuntutan Islam yang berupaya menghasilkan keputusan bijaksana

automatik bayi berkenaan menjadi bisu kerana pertuturan terhasil daripada peniruan melalui pendengaran.

Allah SWT berfirman di dalam al-Quran surah an-Nahl, ayat 78:

وَاللَّهُ أَخْرَجَكُمْ مِنْ بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ  
لَا تَعْلَمُونَ شَيْئًا وَجَعَلَ لَكُمْ  
الْأَسْمَاعَ وَالْأَبْصَرَ وَالْأَفْعَدَةَ  
لَعَلَّكُمْ تَشَكُّرُونَ

Maksudnya:

"Dialah Allah SWT yang telah mengeluarkan kamu daripada perut ibu kamu dengan keadaan kamu tidak mengetahui sesuatu pun, dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran), supaya kamu bersyukur."

Hanya sedikit sahaja manusia yang mensyukuri ketiga-tiga nikmat yang telah diberikan Allah SWT sebagaimana firman Nya di dalam surah as-Sajdah, ayat 9:

ثُمَّ سَوَّنَهُ وَنَفَخَ فِيهِ مِنْ رُوحِهِ  
وَجَعَلَ لَكُمُ الْأَسْمَاعَ وَالْأَبْصَرَ  
وَالْأَفْعَدَةَ قَلِيلًا مَانَشَكُورُونَ

Maksudnya:

"Kemudian Dia menyempurnakan kejadiannya, serta meniupkan padanya roh ciptaan Nya dan Dia

mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran), (supaya kamu bersyukur), tetapi amatlah sedikit kamu bersyukur."

*Allah SWT menegaskan apabila selesai sahaja solat Jumaat, orang Islam perlu bertebaran di atas muka bumi untuk mencari rezeki.*

*Ulamak tafsir mengatakan bahawa di dalam ayat ini Allah SWT ingin menyamakan taraf antara perniagaan dan solat.*

Walaupun ilmu berkenaan perdagangan ini merupakan fardhu kifayah tetapi ulamak fekah mengatakan apabila seseorang itu terjun ke dalam bidang perniagaan ia sudah menjadi fardhu ain.

Di dalam Islam perbahasan bukan hanya bertumpu kepada perkara akidah dan ibadat semata-mata, malahan ia lebih jauh daripada itu. Di dalam konteks keusahawanan, ganjaran yang diberikan oleh Allah SWT adalah lebih, berbanding dengan mereka yang hanya menumpukan diri kepada hanya beribadat sahaja.

Kata dasar *tijarah* (perniagaan) adalah mirip kepada *ujrah* (upah), *jariah* (mengalir) dan *ajrun* (pahala). Perniagaan itu merupakan sesuatu yang perlu berterusan dan mengalir. Segala usaha yang dilakukan di atas muka bumi ini termasuk perniagaan tidak boleh lepas daripada kehendak Allah SWT dan Rasulullah SAW. Istilah *tijarah* bukan sahaja digunakan oleh Allah SWT di dalam perkara untung rugi sesama manusia tetapi dilebarkan penggunaan istilah ini di dalam konteks manusia dengan Allah SWT. Sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah, ayat 16:

أُولَئِكَ الَّذِينَ أَشْرَوْا الصَّدَلَةَ  
بِأَنَّهُمْ دَيْنٌ فَمَا رَحِتْ بَعْدَهُمْ  
وَمَا كَانُوا مُهْتَدِينَ ﴿١٦﴾

Maksudnya:

*"Mereka adalah orang-orang yang membeli kesesatan dengan petunjuk. Maka tiadalah beruntung perniagaan mereka dan tidaklah mendapat petunjuk."*

Di dalam diri orang munafik sebenarnya mempunyai dua unsur iaitu unsur kufur dan juga unsur iman tetapi unsur kufur itu mengatasi unsur iman. Golongan munafik sanggup membeli kesesatan dengan hidayah atau petunjuk. Golongan ini telah diherdik oleh Allah SWT.

Di dalam al-Quran Allah SWT telah menyamakan urusan perniagaan yang dijalankan sama dengan ibadat solat dan haji. Allah SWT telah menjelaskan

kelebihan ini sebagaimana firman Nya di dalam surah al-Jumuah, ayat 10:

فَإِذَا قُصِيَتِ الْأَضَالَةُ فَأَنْتَ شُرُوفٌ  
أَلَّا زَرْضٍ وَآبَغُوا مِنْ فَصْلِ اللَّهِ وَآدَكُرُوا  
اللَّهَ كَثِيرًا عَلَى كُلِّ ذُنْبٍ حُوَنَّ

Maksudnya:

*"Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah SWT, serta ingatlah akan Allah SWT banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya."*

Berdasarkan kepada ayat ini, Allah SWT menegaskan apabila selesa sahaja solat Jumaat, orang Islam perlu bertebaran di atas muka bumi untuk mencari rezeki. Ulamat tafsir mengatakan bahawa di dalam ayat ini Allah SWT ingin menyamakan taraf antara perniagaan dan solat. Pernah pada suatu ketika segelintir sahabat merasa was-was kemungkinan ibadat haji yang mereka lakukan rosak disebabkan perniagaan yang dilakukan di musim haji. Bagi menjelaskan kekeliruan ini, Allah SWT telah menurunkan surah al-Baqarah, ayat 198:

لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَبَغُوا فَضْلًا مِنْ رَبِّكُمْ

Maksudnya:

"Tidak ada dosa bagimu untuk mencari kurnia rezeki hasil perniagaan daripada Tuhanmu (sambil menunaikan fardhu haji.)"

Besar atau kecilnya ganjaran yang Allah SWT akan berikan kepada seseorang terhadap amalnya adalah bergantung sejauh mana hasilnya akan dimanfaatkan untuk orang lain. Mungkin di sini ada hubungkaitnya antara perniagaan dengan *ajrun*, *tijarah* dan *jariah*.

Orang yang keluar bermiaga adalah lebih baik daripada orang yang menghabiskan waktu dengan hanya beriktitif di masjid. Alasannya orang yang keluar bermiaga mendatangkan manfaat kepada orang yang sekeliling berbanding dengan orang yang beriktitif yang mana manfaatnya hanya untuk individu sahaja. Di zaman Nabi Isa pernah terjadi satu peristiwa di mana Nabi Isa telah menegur seorang yang asyik beribadat. Lalu Nabi Isa bertanya, 'siapa yang menyara hidup kamu?' Lantas dijawab oleh oleh pemuda itu, 'adik saya'. Nabi Isa menjawab, 'ganjaran yang diperolehi oleh adik kamu lebih besar daripada yang kamu perolehi.'

Ulamak tafsir mengatakan zikir kepada Allah SWT terbahagi kepada tiga. Pertama **zikir lisan** iaitu mengingati Allah SWT dengan berzikir melalui lidah sahaja. Kedua **zikir qalbi** (hati), iaitu hati yang sentiasa mengingati Allah SWT dan zikir yang paling tinggi ialah **zikir amal** iaitu

*Berzikir itu ialah sentiasa mengingati Allah SWT tanpa mengira tempat dan waktu. Seseorang yang sentiasa mengingati Allah SWT akan merasa Allah SWT itu hampir dengannya dan sentiasa tergerak untuk melakukan amal kebaikan dan menjauahkan kemungkaran.*

melaksanakan ketentuan Allah SWT dan Rasul Nya seperti meninggalkan apa yang dilarang dan melaksanakan apa yang disuruh. Senjata inilah yang ada pada generasi awal Islam sehingga mereka mampu menundukkan kuasa-kuasa besar yang ada pada ketika itu iaitu Empayar Rom dan juga Parsi.

Sebagai umat pilihan, orang-orang Islam dikurniakan dengan kekuatan. Ia diungkapkan oleh Allah SWT sebagaimana firman Nya di dalam surah al-Anfal, ayat 45:

وَذُكْرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ فَتَلْحُونَ  
19

Maksudnya:

"Dan berzikirlah kamu kepada Allah SWT banyak-banyak semoga kamu mendapat kejayaan."

Ulamak tafsir mengatakan zikir yang dimaksudkan di dalam ayat di atas merupakan zikir amal. Batasan zikir bukan hanya terbatas kepada bibir mulut sahaja. Kejujuran dan amanah di dalam pekerjaan juga merupakan sebahagian daripada zikir amal. Kesahihan zikir amal ini diungkapkan melalui sebuah hadis Qudsi sebagaimana yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim:

يَا بْنَ آدَمَ إِنْ ذَكْرَنِيْ فِيْ  
نَفْسِكَ ذَكْرٌ لَكَ فِيْ نَفْسِيْ  
وَإِنْ ذَكْرَنِيْ فِيْ مَلَأِ  
ذَكْرٌ لَكَ فِيْ مَلَأٍ خَيْرٌ مِنْهُمْ

Maksudnya:

*"Wahai anak cucu Adam sekiranya kamu mengingatiKu dalam diri kamu nescaya Aku mengingati mu dalam diri Ku, sekiranya kamu berzikir pada Ku di khayayak ramai nescaya Aku akan mengingati kamu dengan lebih baik di khayayak ramai."*

(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Apabila dikatakan berzikir, ia tidak bermakna seseorang itu sentiasa memegang tasbih tetapi yang dikatakan berzikir itu ialah sentiasa mengingati Allah SWT tanpa mengira tempat dan waktu. Seseorang yang sentiasa mengingati Allah SWT akan merasa Allah SWT itu hampir dengannya dan sentiasa tergerak untuk melakukan amal kebaikan dan menjauhkan kemungkaran.





# PERNIAGAAN *DI DALAM* AL-QURAN

Oleh

**Ustaz Hj. Sulaiman Bin Ibrahim**  
*B.A., M.A. (Dakwah Islamiah) (Al-Azhar)*

Pensyarah,

Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, U.K.M



erkataan *tijarah* atau perniagaan secara langsung memang dinyatakan di dalam al-Quran di mana hampir sepuluh ayat di dalam al-Quran menyebut tentang perkataan ini. Selain itu perkataan yang menyebut mengenai jual atau beli tidak terkira banyaknya terutamanya perkataan beli begitu banyak sekali diperkatakan di dalam al-Quran. Ada kalanya perniagaan yang dinyatakan di dalam al-Quran bererti pelaksanaan dakwah Islamiah. Ia boleh ditafsirkan sebagai perniagaan dengan Allah SWT secara langsung dan ada kalanya perniagaan juga bererti perniagaan sesama manusia.

## **Perniagaan Barang Allah SWT**

Perniagaan barang Allah SWT bermaksud menyebarkan dakwah Islamiah atau ajaran agama Islam itu sendiri. Memperniagakan barang Allah SWT bererti menjadi jurujual dakwah Islamiah, umpamanya dengan menjadi pendakwah. Seseorang yang berniaga barang Allah SWT telah diberikan jaminan akan



memperolehi keuntungan selama-lamanya di dunia dan di akhirat sekalipun barang itu tidak mendapat sambutan. Inilah keuntungan yang amat besar bagi orang-orang yang menjadikan dirinya sebagai jurujual atau pendakwah barang Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah as-Shaf, ayat 10-12 :

يَأَيُّهَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا هَلْ أَدْلُكُمْ عَلَى تَحْرِيرِ  
 شَيْجُوكُمْ مِّنْ عَدَابِ أَلِيمٍ ۝ إِنَّمَا تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ  
 وَرَسُولِهِ وَمَا يَهْدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يَأْتُوكُمْ  
 وَأَنفُسُكُمْ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنْتُمْ  
 تَعْمَلُونَ ۝ يَغْفِرُ لَكُمْ ذُنُوبُكُمْ وَيُدْخِلُكُمْ  
 جَنَّتَ بَخْرِي مِنْ تَحْمِلِ الْأَثْرَرِ وَمِنْ كَنْطَةٍ  
 فِي جَنَّتِي عَدْنَ ذَلِكَ الْقَوْزُ الْعَظِيمُ ۝

Maksudnya:

"Wahai orang-orang yang beriman, mahukkah kamu Aku tunjukkan suatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu daripada seksaan yang tidak terperi sakitnya? lalu kamu beriman dengan Allah SWT, Rasul Nya dan kamu berjuang dalam membela dan menegakkan agama Allah SWT dengan harta benda dan diri kamu, yang demikian itu lebih baik bagi kamu, jika kamu hendak mengetahui (hakikat yang sebenarnya). (Dengan itu) Dia akan mengampunkan dosa-dosa kamu, dan akan memasukkan kamu ke dalam taman-taman yang

*mengalir di bawahnya sungai-sungai dan ditempatkan kamu di tempat tinggal yang baik dalam syurga yang kekal. Itulah kemenangan yang besar."*

*Allah SWT secara terus-terang menyatakan bahawa Allah SWT mahu membeli jiwa raga serta harta kekayaan hamba-hamba Nya dengan tawaran harga yang paling lumayan iaitu dengan balasan syurga. Perniagaan dengan Allah SWT adalah perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian.*

Berdasarkan kepada ayat di atas, Allah SWT telah menjanjikan kepada orang-orang yang bermiaga barang Allah SWT atau berdakwah akan mendapat beberapa kelebihan di antaranya:

1. Menyelamatkan tuannya daripada azab neraka yang pedih
2. Keampunan daripada dosa-dosa
3. Jaminan masuk syurga
4. Mendapat pertolongan Allah SWT
5. Mendapat kemenangan

Sebagaimana Allah SWT menyebut tentang perniagaan yang menguntungkan, Dia juga menyebutkan di dalam al-Quran tentang perniagaan yang amat merugikan sebagaimana firman Nya di dalam surah al-Baqarah, ayat 16:

أُولَئِكَ الَّذِينَ أَشْرَوْا الصَّلَةَ  
بِالْهُدَىٰ فَمَا رَحِتْ بِمَحْرَثِهِمْ  
وَمَا كَانُوا مُهَتَّدِينَ ﴿١٦﴾

Maksudnya:

"Mereka itulah orang-orang yang membeli kesesatan dengan meninggalkan petunjuk, maka tiadalah beruntung perniagaan mereka dan tidak pula mereka beroleh petunjuk hidayah."

Dalam surah at-Taubah, ayat 111, Allah SWT berfirman:

إِنَّ اللَّهَ أَشَرَّى مِنَ الْمُؤْمِنِينَ  
أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَالُهُمْ يَأْتُ لَهُمْ  
الْجَنَّةَ يَقْرَبُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ  
فَيَقْتُلُونَ وَيُقْتَلُونَ وَعَدَ اللَّهُ  
كَثُرًا فِي الْتَّورَةِ وَالْإِنجِيلِ  
وَالْقُرْآنِ إِنَّمَا أَوْفَى بِعَهْدِهِ  
مِنَ اللَّهِ فَأَسْتَبِرُوا وَلَا يَغُرُّكُمُ الَّذِي  
بَايَعُتُمْ بِهِ وَذَلِكَ هُوَ الْفُرُزُ  
الْعَظِيمُ ﴿١٦﴾

Maksudnya

"Sesungguhnya Allah SWT telah membeli dari orang-orang yang beriman jiwa raga dan harta benda mereka dengan (balasan) bahawa mereka akan beroleh syurga,

(disebabkan) mereka berjuang pada jalan Allah SWT; maka (di antara) mereka ada yang dibunuh dan terburuh. (Balasan syurga yang demikian ialah) sebagai janji yang benar yang ditetapkan oleh Allah SWT di dalam (kitab-kitab) Taurat, dan Injil serta al-Quran; dan siapakah lagi yang lebih menyempurnakan janjinya daripada Allah SWT? Oleh itu, bergembiralah dengan jualan yang kamu jalankan jual belinya itu, dan (ketahuilah bahawa) jual beli (yang seperti itu) ialah kemenangan yang besar."

Dalam ayat di atas, Allah SWT secara terus-terang menyatakan bahawa Allah SWT mahu membeli jiwa raga serta harta kekayaan hamba-hamba Nya dengan tawaran harga yang paling lumayan iaitu dengan balasan syurga.

Perniagaan dengan Allah SWT adalah perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian. Firman Allah SWT dalam surah Faathir, ayat 29:

إِنَّ الَّذِينَ يَنْتَلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا  
الصَّلَاةَ وَأَفْقَهُوا مَارِزَقَهُمْ سِرًا  
وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ بِحَرَزَةَ لَنْ  
كَبُورَ

Maksudnya:

"Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca kitab Allah SWT dan tetap mendirikan sembahyang serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka,

secara bersembunyi atau secara berterang-terangan, mereka (dengan amalan yang demikian) mengharapkan satu perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian."

Selain itu juga, perniagaan dengan Allah SWT adalah bererti kejayaan. Firman Allah SWT dalam surah al-Imran, ayat 104:

وَلَا تُكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ  
وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ  
الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Maksudnya:

"Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru kepada kebijakan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta malarang dari pada segala perkara yang salah

(buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian, ialah orang-orang yang berjaya."

Perniagaan dengan Allah SWT bererti keuntungan yang berpanjangan. Allah SWT menjamin suatu amalan digandakan paling kurang sepuluh kali ganda, dan paling banyak 700 kali ganda. Namun tidak ada pula halangan untuk ditambah melebihi 700 kali ganda. Firman Allah SWT berfirman menerangkan balasan yang berlipat kali ganda bagi orang yang membelanjakan hartanya *fi sabillah* dalam surah al-Baqarah, ayat 261:

مَثُلُ الدِّينِ يُنْفَعُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَيِّلِ  
اللهِ كَمْثُلِ حَجَّةِ أَنْبَتَ سَبْعَ سَنَابِلَ  
فِي كُلِّ سَنَبِلَةٍ مَائَةُ حَجَّةٍ وَاللهُ يَصْعِفُ  
لِمَنِ يَشَاءُ وَاللهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِ ﴿٢٦١﴾



*Islam sebagai agama yang sempurna menjadikan perniagaan sebagai salah satu wadah dakwah*

Maksudnya:

*"Bandingan orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah SWT, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan ingatlah Allah SWT akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki Nya, dan Allah SWT amat luas (rahmat) kurnia Nya, lagi meliputi ilmu pengetahuan Nya."*

Seorang Mukmin amat beruntung kerana berpeluang untuk bermiaga. Mereka boleh bermiaga barang akhirat, dunia atau kedua-duanya sekali. Perniagaan hakiki di sisi Allah SWT ialah perniagaan barang Nya, iaitu mempromosikan dakwah Islamiah ke seluruh pelusuk dunia. Ia dianggap perniagaan yang hakiki kerana keuntungannya adalah

terjamin walaupun barang yang dipromosikan tidak laku. Satu persoalan yang membuat seseorang itu berfikir dan merasa hairan melihat bagaimana generasi terdahulu yang benar-benar memahami hakikat ini. Mereka sanggup mengenepikan keuntungan dunia dan memilih jalan sebagai jurujual barang Allah SWT kerana perniagaan dengan Allah SWT merupakan urusan yang terjamin keuntungannya.

## Perniagaan Konvensional

Aktiviti-aktiviti perniagaan konvensional juga disebut di dalam al-Quran sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 275:

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ الْرِّوَا

Maksudnya:

*"Dan Allah SWT telah menghalalkan jual beli dan mengharangkan riba'."*

Di dalam surah al-Jumuah, ayat 11, Allah SWT telah berfirman:

وَإِذَا رَأَوْتُمْ حَنَدَةً أَوْ لَهْوًا نَفَضُوا إِلَيْهَا  
وَتَرَكُوكُمْ فَإِيمَانُكُمْ مَا عَنَّ اللَّهِ خَيْرٌ مِّنَ اللَّهِ  
وَمِنَ الْتَّجْرِيَ وَاللَّهُ خَيْرُ الرَّازِقِينَ ﴿١١﴾

Maksudnya:

*"Dan apabila mereka mengetahui kedatangan rombongan perdagangan (yang baru tiba) atau (mendengar)*

hiburan, mereka bersurai (lalu pergi) kepadanya dengan meninggalkan engku berdiri (di atas mimbar - berkutbah). Katakanlah (Wahai Muhammad: "Pahala - balasan) yang ada di sisi Allah SWT, lebih baik daripada hiburan dari barang-barang dagangan itu, dan Allah SWT sebaik-baik pemberi rezeki."

Antara sebab penurunan ayat di atas oleh Allah SWT ialah kerana ingin menerangkan hal berkaitan pembacaan khutbah Jumaat yang dibacakan selepas sembahyang Jumaat sebagaimana khutbah hari raya. Selepas peristiwa tersebut barulah Rasulullah SAW mendapat wahu untuk mengubahkan pembacaan khutbah Jumaat kepada sebelum sembahyang Jumaat dilaksanakan.

Allah SWT juga telah berfirman di dalam surah an-Nisa', ayat 29:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ إِمْنَوْا لَا تَأْكُلُوا  
أَمْوَالَكُمْ يَتَسَاءَلُونَ  
عَنِ الْبَطْلِ إِلَّا أَن  
تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ  
وَلَا قَتْلُوا أَنفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ  
يَعْلَمُ رَحِيمًا ﴿٢٩﴾

Maksudnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu di antara kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan (jalan) perniagaan yang dilakukan

secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berburuh-buruh sesama sendiri. Sesungguhnya Allah SWT sentiasa mengasihi kamu."

Firman Nya lagi dalam surah at-Taubat, ayat 24:

قُلْ إِنَّ كَانَ إَبَّا أُوّلَمْ وَابْنَاؤُكُمْ  
وَإِخْوَنُكُمْ وَأَزْوَاجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ  
وَأَمْوَالُ أَقْرَفُهُمْ هَا وَبَخْرَةً  
مَخْشَوْنَ كَسَادَهَا وَمَسْكِنَنَّ رَضْوَنَهَا  
أَحَبَّ إِلَيْكُمْ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ  
وَجَهَادِ فِي سَبِيلِهِ فَتَرْبُصُوا حَتَّى  
يَأْفَقَ اللَّهُ بِأَشْرِقِهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي  
الْقَوْمَ النَّاسِقِينَ ﴿٦٣﴾

Maksudnya:

"Katakanlah (wahai Muhammad): Jika bapa-bapa kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan isteri-isteri (atau suami-suami) kamu, dan kaum keluarga kamu, dan harta benda yang kamu usahakan, dan perniagaan yang kamu bimbangkan akan merosot, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu suka, (jika semuanya itu) menjadi perkara-perkara yang kamu cintai lebih daripada Allah SWT dan Rasul Nya dan (daripada) berjihad untuk agama Nya, maka tunggulah sehingga Allah SWT mendatangkan keputusan Nya (azab seksa Nya);

*kerana Allah SWT tidak akan memberi petunjuk kepada orang yang fasik."*

Perkara seumpama ini berlaku di zaman sekarang khususnya di zaman yang penuh dengan segala kemewahan dan kemegahan dunia. Justeru disebabkan kecintaan kepada mengejar harta keduniaan, keuntungan yang banyak dan lebih menumpukan kepada hal-hal yang berkaitan keduniaan melebihi kecintaan kepada Allah SWT. Di dalam al-Quran, Allah SWT memberi amaran tentang balasan azab seksa yang tidak terhingga di akhirat kelak kepada ahli-ahli perniagaan yang lalai dan mengingkari perintah Nya.

Justeru, untuk menguatkan kembali ekonomi Islam, umat Islam harus kembali ke jalan asal sebagaimana laluan yang pernah direntas oleh Rasulullah SAW dan para sahabat iaitu meletakkan harta benda itu sebagai *wasilah* dan bukannya sebagai matlamat kehidupan. Di dalam mengorak langkah ini, menanam rasa kecintaan kepada Allah SWT merupakan suatu pemangkin.

Di dalam al-Quran begitu banyak kisah-kisah yang mengungkap bagaimana Allah SWT membinasakan sesuatu kaum apabila mereka lupa daratan lantas mengingkari perintah Nya. Kisah para *anbiya'* sebenarnya mengandungi pelbagai kisah yang dapat diambil pengajaran. Misalnya, di zaman Nabi Noh AS kerana keingkaran mereka Allah SWT telah memandulkan wanita-wanita kaum Nabi Noh AS selama 40 tahun

*Untuk menguatkan kembali ekonomi Islam, umat Islam harus kembali ke jalan asal sebagaimana laluan yang pernah direntas oleh Rasulullah SAW dan para sahabat iaitu meletakkan harta benda itu sebagai wasilah dan bukannya sebagai matlamat kehidupan. Di dalam mengorak langkah ini, menanam rasa kecintaan kepada Allah SWT merupakan suatu pemangkin.*

(mengikut huraihan sesetengah ulamak) dan selama 40 tahun juga kaumnya telah ditimpah dengan kemelesetan ekonomi dan kemarau yang panjang. Tujuan Allah SWT memandulkan wanita-wanita tersebut ialah supaya apabila diturunkan azab ia tidak akan melibatkan kanak-kanak yang tidak berdosa. Kata-kata Nabi Noh AS, yang dijelaskan di dalam al-Quran surah Hud, ayat 52:

وَنَقُومْ أَسْتَعِفُ رَوَابِّكُمْ شَدَّ  
ثُوبُأَلِيَّهُ تِرْسِيلْ أَسَمَّاءَ عَيْنَكُمْ  
مَدْرَارًا وَبِزِدْكُمْ قَوَّةً إِلَى فَوَّتِكُمْ  
وَلَانْتُلُوا مُجْرِمِينَ

Maksudnya:

*"Wahai kaumku! Minta ampun kepada Tuhan kamu, kemudian*

kembalilah taat kepada Nya, supaya Dia menurunkan kepada kamu hujan yang lebat serta menambahkan kamu kekuatan di samping kekuatan kamu yang sedia ada dan janganlah kamu membelakangkan seruanku dengan terus melakukan dosa."

Firman Allah SWT di dalam surah an-Nur, ayat 37:

رِجَالٌ لَا نُلْهِمْهُنْ تَحْذِيرٌ وَلَا يَعْلَمُونَ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ  
وَلَا يَأْتِي الصَّلَاةَ وَلَا يَأْتِي إِلَزَّاً كَوْهٌ يَخَافُونَ يَوْمًا  
تَنْقَلِبُ فِيهِ الْقُلُوبُ وَالْأَبْصَرُ  


Maksudnya:

"(Ibadat itu dikerjakan oleh) orang-orang yang kuat imannya yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau berjual beli daripada menyebut serta mengingati Allah SWT dan mendirikan sembahyang serta mengeluarkan zakat; mereka takutkan hari (Kiamat) yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan."

### Keharusan Jual Beli dan Pengharaman Riba'

Allah SWT telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba' sebagaimana firman Nya di dalam surah al-Baqarah, ayat 275:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الْرِبَاً لَا يَعْوُمُونَ  
إِلَّا كَمَا يَأْكُلُونَ مَا لَمْ يَتَحَطَّهُ السَّيِّطَنُ  
مِنَ النَّعِيسِ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَاتُلُوا إِنَّمَا أَبْيَعُ  
مِثْلَ الرِّبَا وَأَحَلَ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحْرَمَ الرِّبَا  
فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةً مِنْ رَبِّهِ فَلَمْ يَهْمِ  
مَآسِفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ  
فَأُولَئِكَ أَصْحَابُ أَنَارَاتٍ هُمْ فِيهَا  
  
خَلِيلُونَ

Maksudnya:

"Orang-orang yang memakan (mengambil) riba' itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk oleh syaitan, dengan terhoyong-hayang kerana sentuhan (syaitan yang merasuk) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: Bahawru sesungguhnya berjual beli itu hanyalah seperti riba'. Padahal Allah SWT telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba'. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba'), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya (terserahlah) kepada Allah SWT. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba' itu) maka mereka itu ahli neraka, mereka kekal di dalamnya."

Atau ini membawa maksud bahawa Allah SWT tidak akan membangkitkan orang yang mengamalkan atau memakan riba' kecuali dibangkitkan sepertimana orang yang telah dirasuk oleh syaitan seumpama terhoyong-hayang, meraung-raung dan seperti mereka yang kurang siuan.

## Hikmah Pengharaman Riba'

Riba' telah diharamkan oleh Allah SWT sebagai hukum *ibtila'* kepada hamba-hamba Nya. Ia adalah hukum *ta'abbudie* dan tidak perlu seseorang itu mencari alasan logik untuk menghuraikan kenapa riba' diharamkan. Namun, manusia tetap diberikan peluang untuk mengetahui apakah hikmah di sebalik pengharaman riba':

1. Riba' mengasyikkan manusia daripada bekerja secara halal, kerana pengamal riba' akan berpada dengan mengambil riba' dan malas berusaha. Tanpa berusaha keras keuntungan akan tetap diperolehi dengan cara memerah keringat orang lain.
2. Riba' membawa kepada permusuhan dan kebencian, kerana ia mencabut perasaan rahmat dan belas kasihan daripada hati.
3. Allah SWT mahu menjadikan cara perhubungan manusia dalam kehidupan mereka bahawa setiap mereka mengambil faedah daripada pihak lain dengan pertukaran, namun riba' adalah pengambilan faedah tanpa pertukaran yang wajar.

4. Riba' akan membawa kehancuran kerana ia akan membuatkan manusia porak-peranda.

## Definisi Jual Beli

Para ulamak atau *fugaha'* Islam memberikan definisi perniagaan sebagai pemindahan milik sesuatu barang dengan suatu harga secara khusus atau pertukaran harta dengan harta.

## Tafsir Ayat Jual Beli

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 282:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا أَنْدَلَتْ  
بِدِينِكُمْ أَجْعَلُ مُسْكِنًا فَإِنْ شَوَّهَ  
وَيُنَكِّثُ بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْمَكْذُلِ  
وَلَا يَأْبَ كَاتِبٌ أَنْ يُنَكِّثَ كَمَا  
عَلِمَهُ اللَّهُ فَلَيَكْتُبْ وَلِيُمْلِلْ  
الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ وَلَيُسْقِطْ اللَّهَ رَبَّهُ  
وَلَا يَبْخَسْ مِنْهُ شَيْئًا فَإِنْ كَانَ الَّذِي  
عَلَيْهِ الْحَقُّ سَفِيهًّا أَوْ  
لَا يَسْتَطِعُ أَنْ يُؤْلَمْ هُوَ فَلِيُمْلِلْ وَلَيُهُ  
بِالْمَكْذُلِ وَاسْتَشْهِدُوا شَهِيدَنِ  
مِنْ رَجَالِكُمْ فَإِنْ لَمْ يَكُونَا رَجُلَيْنِ  
فَرَجُلٌ وَامْرَأَتَكَانِ مِنْ تَرْضُونَ

مِنَ الشَّهَدَاءِ أَنْ تَضْرِبَ إِحْدَى نِسَمَاتِ  
 فَذَكَرَ إِحْدَى نِسَمَاتِ الْأُخْرَى وَلَا  
 يَأْبَ الشَّهَدَاءِ إِذَا مَاءَ دُعْوَاهُ وَلَا تَسْتَعْوِي  
 أَنْ تَكْتُبُوهُ صَغِيرًا أَوْ كَبِيرًا إِنَّ  
 أَجْلَهُ ذَلِكُمْ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ  
 وَأَقْوَمُ لِلشَّهَدَةِ وَأَذَنَ اللَّهُ تَرْبَابُهُ  
 إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجْزِئَةً حَاضِرَةً  
 تُدِيرُونَهَا بِيَنَتِكُمْ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ  
 جُنَاحٌ إِلَّا تَكْتُبُوهُمَا وَأَسْهُدُوا  
 إِذَا تَبَأْتُمْ وَلَا يُضَارَّ كَاتِبٌ  
 وَلَا شَهِيدٌ وَإِنْ تَفْعَلُوا فَإِنَّهُ  
 فُسُوقٌ بِكُمْ وَأَنْعَوْا اللَّهُ  
 وَيُعْلَمُ كُمْ اللَّهُ وَاللَّهُ يُكَلِّ  
سَنٌ عَلَيْهِ  
(Tafsir)

Maksudnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang-piutang (yang diberi tempoh) hingga ke suatu masa yang tertentu, maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu. Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan adil (benar). Dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah SWT telah mengajarkannya. Oleh itu, hendaklah ia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (isi

surat hutang itu dengan jelas). Dan hendaklah dia bertaqwa kepada Allah SWT, dan janganlah dia mengurangkan sesuatu pun dari hutang itu. Kemudian jika orang yang berhutang itu bodoh atau lemah atau dia sendiri tidak dapat hendak merencanakan (isi surat itu), maka hendaklah direncanakan oleh walinya dengan adil (benar); dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi selaki dari kalangan kamu. Kemudian kalau tidak ada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang-orang yang kamu setujui menjadi saksi, supaya jika yang seorang lupa (dari saksi-saksi perempuan yang berdua itu) maka dapat ditingatkan oleh yang seorang lagi. Dan janganlah saksi-saksi itu enggan apabila mereka dipanggil (menjadi saksi). Dan janganlah kamu jemu menulis perkara hutang yang bertempoh masanya itu, sama ada kecil atau besar jumlahnya. Yang demikian itu, lebih adil di sisi Allah SWT dan lebih membetulkan (menguatkan) keterangan saksi, dan juga lebih hampir kepada tidak menimbulkan keraguan kamu. Kecuali perkara itu mengenai perniagaan tunai yang kamu edarkan sesama kamu, maka tiadalah salah jika kamu tidak menulisnya. Dan adakarlah saksi apabila kamu berjual beli. Dan janganlah mama-mana jurutulis dan saksi itu disusahkan. Dan kalau kamu melakukan (apa yang dilarang itu), maka sesungguhnya yang demikian adalah perbuatan fasik (derhaka) yang ada pada kamu. Oleh itu hendaklah kamu bertaqwa kepada

*Allah SWT, dan (ingatlah), Allah SWT (dengan keterangan ini) mengajar kamu, dan Allah SWT sentiasa mengetahui akan tiap-tiap sesuatu."*

Ayat di atas membicarakan hukum perniagaan dengan jelas. Skop perniagaan di dalam al-Quran hanya memfokuskan perbahasan di dalam bentuk konsep dan falsafah, bukannya secara terperinci.

### **Jual Beli Bai'e Bithaman Aajil**

Jualan *Bai'e Bithaman Aajil* ialah suatu *aqad* jual beli ke atas sesuatu barang yang diterima oleh pembeli semasa *aqad* tetapi bayarannya dijelaskan secara beransur-ansur dalam tempoh yang tertentu, berdasarkan persetujuan oleh kedua-dua pihak.

**Contoh Aqad:** Saya fulan bin fulan bersetuju membeli televisyen warna jenama NADA, model CE3, dengan harga RM1,500.00 secara bayaran beransur-ansur selama setahun dengan bayaran muka RM300.00 dan bayaran bulanan sebanyak RM100.00 selama 12 bulan.

### **Hukum Jual Beli Bai'e Bithaman Aajil**

*Aqad* jual beli ini adalah sah di sisi majoriti ulamak dan *fujahu*' termasuk di kalangan empat Imam mazhab yang masyhur. Kemungkinan penjual menawarkan 2 atau 3 skim harga berbeza-beza, berdasarkan umpamanya RM1,200 bagi bayaran tunai

RM1,500 bagi bayaran ansuran selama setahun, RM1,700.00 untuk bayaran ansuran selama 18 bulan dan RM2,000.00 untuk bayaran ansuran selama 2 tahun. Sekiranya di dalam *aqad* jual beli dinyatakan hanya salah satu daripada harga-harga tersebut dengan jelas, *aqad* itu sah. Jika disebut secara rambang, *aqad* itu tidak sah kerana ia boleh membawa kepada pergaduhan di kemudian hari.

Kesilapan yang sering terjadi di kalangan orang yang membahaskan soal ini ialah kerana mereka memetik kata-kata ulamak yang mengatakan bahawa *aqad* tersebut tidak sah, tanpa memetik keseluruhan petikan kata-

*Dan adakanlah saksi  
apabila kamu berjual beli.  
Dan janganlah mana-mana  
jurutulis dan saksi itu  
disusahkan. Dan kalau  
kamu melakukan (apa yang  
dilarang itu), maka  
sesungguhnya yang  
demikian adalah perbuatan  
fasik (derhaka) yang ada  
pada kamu. Oleh itu  
hendaklah kamu bertaqwa  
kepada Allah SWT, dan  
(ingatlah), Allah SWT  
(dengan keterangan ini)  
mengajar kamu, dan Allah  
SWT sentiasa Mengetahui  
akan tiap-tiap sesuatu.*

kata mereka, sedangkan yang mereka (ulamak-ulamak) maksudkan jual beli itu tidak sah jika disebutkan harga secara rambang seumpama *aqad* yang berbunyi:

"Saya fulan bin fulan bersetuju membeli televisyen warna jenama NADA, model CE3, dengan harga RM1,500.00 secara bayaran beransur-ansur selama setahun dengan bayaran muka RM300.00 dan bayaran bulanan sebanyak RM100.00, atau dengan harga RM1,700.00 selama 18 bulan dengan bayaran muka RM350.00 dan bayaran bulanan sebanyak RM75.00, atau dengan harga RM2,000.00 selama 30 bulan dengan bayaran muka RM500.00 dan bayaran bulan sebanyak RM50.00".

*Aqad* rambang sebegini yang merangkul ketiga-tiga tawaran harga tanpa menentukan pilihan yang mana satu mahu dijadikan atas *aqad*, adalah batal dan jual beli tersebut tidak sah. Penjual dan pembeli mesti menentukan, apakah harga pilihan yang dipersetujui sebelum mereka meneruskan *aqad*?

*Ibnu Taimiyah, Ibnu Al-Qaiyim, Ibnu Al-Musaiyib, Ibnu Sairin, Thowus, Al-Hakam, Hammad dan Zaid bin Ali, mereka semuanya berpandangan harus jual beli Bai'e Bithaman Aajil.*

Ada kalangan yang mendakwa bahawa *jumhur fiqahah* berpendapat bahawa jual beli harga bertangguh (*Bai'e Bithaman Aajil*) adalah batal dan tidak sah dengan sebab ia adalah helah bagi mengharuskan riba'. Mereka mendakwa hanya Imam Syafie dan Abu Thaur yang mengharuskannya.

Dakwaan bahawa majoriti *fiqahah* berpendapat bahawa jualan *Bai'e Bithaman Aajil* adalah jual beli yang tidak sah, adalah meleset sama sekali. Penulis tidak tahu siapakah yang dimaksudkan dengan majoriti itu? Setahu penulis ulamak-ulamak mazhab Hanafi, Maliki dan Syafie, semuanya mengharuskan jualan *Bai'e Bithaman Aajil*. Imam Ahmad memakruhkannya sekiranya si penjual hanya menjual barangannya secara harga tangguh sahaja tanpa menjualnya dengan harga tunai. Di samping itu Ibnu Taimiyah, Ibnu Al-Qaiyim, Ibnu Al-Musaiyib, Ibnu Sairin, Thowus, Al-Hakam, Hammad dan Zaid bin Ali, mereka semuanya berpandangan harus jual beli *Bai'e Bithaman Aajil*.

Untuk menenangkan hati pembaca, penulis hidangkan beberapa petikan ulamak *muktabar* dalam kitab-kitab yang *muktabar* yang memberikan kesimpulan bahawa jualan *Bai'e Bithaman Aajil* adalah harus.

1. Dalam *Kitab Majmuk Fatwa*, juzuk 29, mukasurat 501, tersebut bahawa Syeikhul al Islam, Ibnu Taimiyah pernah ditanya tentang seorang lelaki yang memiliki seekor kuda, yang dia beli dengan harga 300

dirham, lalu seorang lelaki meminta beli (kuda itu) dengan harga 300 dirham secara bertangguh 3 bulan, adakah halal? Beliau menjawab: Alhamdulillah, jika pembeli itu membelinya untuk digunakan atau untuk diperdagangkan, tidak ada apa-apa (iaitu halal dan harus/tidak haram dan tidak berdosa) dia jual secara bertangguh. Ibnu Taimiyyah ditanya soalan seumpama ini beberapa kali semuanya dijawab boleh dan harus.

2. Dalam Sahih al Bukhari, bab jual beli binatang dengan binatang secara bertangguh, ada disebut Rafie bin Khadij telah membeli seekor unta dengan bayaran dua ekor unta, lalu beliau memberikan salah seekor daripadanya, dan beliau berkata: "Nanti keesokannya saya bawakan seekor lagi, insya-Allah". Ibnu al Musayyib berkata: Tiada riba' pada binatang, seekor unta dengan dua ekor unta, seekor kambing dengan dua ekor kambing secara bertempoh, dan Ibnu Sairin berkata: Seekor unta dengan dua ekor unta tidak ada apa-apa.
3. Al-Qistollani, dalam kitabnya "*Irsyad al-Sari*", semasa menghuraikan hadis di atas beliau berkata:  
*Di dalam mazhab Syafie, bahawa tiada riba' pada binatang secara mutlak, seperti kata Ibnu al Musayyib, kerana ia tidak dimakan dalam bentuk asalnya, maka*

*haruslah jual beli seorang hamba dengan seorang hamba secara bertangguh, dan jual beli seorang hamba dengan dua orang hamba atau lebih (daripada dua orang) secara harga bertangguh.*

- Ini menunjukkan bahawa pertambahan harga kerana tempoh diharuskan. Jika tidak harus, kenapa mereka boleh sedangkan jual beli binatang dengan binatang adalah jualan yang hampir-hampir menyamai barang-barang riba' yang dipertikaikan oleh ulamak, seperti emas dengan emas, perak dengan perak. Sekiranya dalam masalah binatang diharuskan, maka jual beli barang-barang dengan wang lebih utama untuk diharuskan walaupun harganya bertambah dengan sebab bayarannya bertangguh, sebab dalam hadis tersebut, harganya juga bertambah, iaitu seekor unta dijual dengan harga dua ekor di samping bayarannya memang bertangguh-tangguh.
4. Dalam kitab *al Mughni* karya Ibnu Qudamah, halaman 177, Juzuk 4:

Dan sesungguhnya telah diriwayatkan daripada Thawus, Al Hakam dan Hammad, bahawa mereka berkata:

*Tidak menjadi kesalahan seseorang berkata (dalam aqad jual belinya): Saya jual kepada engku harga tunai sebahagian dan harga tangguh sebahagian, maka ia akan menjadi salah satu daripada kedua harga itu.*

- Dalam *Kitab Nail al-Authar*, karya Imam as-Syaukani, beliau memetik, selepas menghuraikan perbahasan makna hadis (2 jual beli dan 1 jual beli): (Dan telah berkata ulamak-ulamak mazhab Syafi'e, mazhab Hanafi, Zaid bin Ali dan majoriti ulamak, sesungguhnya *Bai'e Bithaman Ajil* adalah harus kerana umumnya dalil-dalil yang menghukumnya sebagai harus dan ia (iaitu pandangan ini) adalah jelas.
- Dalam kitab "*al-Mufid Fi al-Fiqh al-Islamic*" karangan Prof. Dr. Abdul Rahman al-'Adawie menjelaskan bahawa *Bai'e Bithaman Ajil* adalah harus di sisi empat mazhab. Ketika ditanya secara lisan, beliau tetap mempertahankan pandangan *fugatu'* yang berpandangan bahawa *Bai'e Bithaman Ajil* adalah halal.
- Dalam majalah *Nur Islam*, jilid 3 muka surat 241, terdapat fatwa berhubung *Bai'e Bithaman Ajil* dalam bentuk yang sedang dibahaskan sekarang. Syeikh Yusuf al-Dajwie, seorang anggota Pertubuhan Ulamak-Ulamak Besar al-Azhar menjelaskan bahawa: *Bai'e Bithaman Ajil* adalah jual beli yang halal, tidak ada apa-apa halangan, kerana ulamak telah berterus terang menyatakan bahawa tempoh masa

adalah suatu juzuk daripada harga, maka tidak hairanlah kalau berbeza harga-harga (barang) dengan berbezanya tempoh-tempoh pembayaran. Di dalam suatu keluaran yang lain, Syeikh Ibrahim al-Jibali pula menjawab soalan berhubung *Bai'e Bithaman Ajil* juga dengan jawapan yang sama iaitu halal dan menyifatkan sebagai suatu perkara yang cukup jelas.



*Islam sebagai ad-Din menjamin kesejahteraan ummah*



# MENGHAMPIRI AMAL SOLEH MELALUI **BISNES**

Oleh

Prof. Madya Dr. Mohd Daud Bin Bakar

B.A. (Syariah) (Kuwait), P.h.D. (St. Andrews)

Timbalan Dekan (Akademik), Kuliyyah Undang-Undang,

Universiti Islam Antarabangsa (UIA)

**K**onsep khalifah di atas muka bumi merangkumi satu tanggungjawab yang besar. Begitu juga dengan bidang perniagaan, ia merupakan sebahagian daripada tugas manusia sebagai khalifah yang berperanan untuk memakmurkan alam ini. Kerana tugas ini, aktiviti perniagaan dianggap sebagai salah satu alternatif untuk menghampiri amal soleh.

Allah SWT menciptakan jin dan manusia dengan satu tujuan yang jelas iaitu untuk beribadat kepada Nya sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah az-Zariyat, ayat 56:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّةِ وَالْأَنْسَاءَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Maksudnya::

*"Tidak Aku ciptakan jin dan manusia melainkan untuk beribadat kepada Ku. "*

Manusia dijadikan berada di dalam lingkungan beramal soleh. Seandainya umat manusia hidup di luar kerangka ini, ia tidak termasuk di dalam istilah amal soleh, meskipun berada di dalam masjid. Misalnya duduk di dalam masjid tanpa niat iktikaf, ia akan menjadi perbuatan yang sia-sia. Berbeza dengan mereka yang datang ke masjid dan duduk di dalam masjid dengan niat iktikaf. Mereka yang beriktikaf akan mendapat pahala kerana telah melakukan sebahagian ibadat sunat.

Sewaktu Allah SWT ingin mengutuskan manusia sebagai khalifah di atas muka bumi ini, makhluk yang lain seperti malaikat dan iblis telah mempersoalkan kenapa Allah SWT memilih manusia sedangkan manusia merupakan makhluk yang suka menumpahkan darah. Manusia diutuskan ke dunia dengan satu misi sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah, ayat 30:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ  
فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً

Maksudnya:

*"Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan Khalifah di atas muka bumi."*

Khalifah di dalam bahasa Arab bermakna pengganti diri. Di dalam erti kata yang lain, Allah SWT melantik pentadbir bagi mentadbir muka bumi ini mengikut perintah Nya meskipun

mempunya kekuasaan mutlak dengan hanya dirangkumkan di dalam dua kalimah iaitu *kun fayakun*. Ini merupakan konsep kebesaran Ilahi. Konsep manusia sebagai khalifah di atas muka bumi membawa misi penting meskipun mempunyai matlamat yang sama dengan jin iaitu untuk beribadat.

Sebelum manusia dilantik sebagai khalifah, Allah SWT menawarkan tugas ini kepada makhluk yang lain. Oleh kerana tugas ini terlalu berat, makhluk lain menolak tawaran ini sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah al-Ahzab, ayat 72:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ  
وَالْأَرْضِ وَالْجَبَالِ فَأَبَيْتُ أَنْ يَحْمِلْنَا  
وَأَشْفَقْنَاهُمْ مِنْهَا وَجَهَلُهُمْ بِإِنْ كَانَ  
ظَلَّوْمًا جَهُولًا

Maksudnya:

*"Sesungguhnya Kami telah bentangkan amanah (khalifah) kepada langit, bumi dan bukit-bukit, semua mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakan (kerana tidak ada bagi mereka persediaan untuk memikulnya), dan pada (ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah!) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan."*



Setiap ciptaan Allah SWT mempunyai hikmah yang tersendiri

Manusia merupakan makhluk yang terbaik untuk mengimarahkan muka bumi ini kerana sifatnya yang terdedah kepada cabaran. Allah SWT tidak memilih di kalangan malaikat sebagai khalifah kerana sifatnya yang sentiasa taat beribadat.

Rasulullah SAW memberi ingatan bahawa sesuatu amanah sekiranya diberikan kepada mereka yang tidak berkelayakan meskipun kepada orang soleh, ia akan membawa kepada kehancuran sebagaimana sabda Baginda SAW:

إِذَا أَسْنَدَ الْأَمْرُ إِلَى غَيْرِ  
أَهْلِهِ فَانْتَظِرُ السَّاعَةَ

Maksudnya:

*"Apabila sesuatu urusan itu diserahkan kepada orang yang bukan ahlinya maka tunggulah saat kelancuran (kiamat)."*

(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Tugas manusia untuk memakmurkan dunia ini merupakan tugas yang diamanahkan oleh Allah SWT. Ia merupakan satu kontrak untuk menjadikan dunia ini keseluruhannya di dalam lingkungan yang diredhai Nya. Ini bersesuaian dengan konsep 'imaratul ard' mengikut hukum dan peraturan Allah SWT. Di dalam masyarakat hari ini apabila disebut perkataan perniagaan terdapat persepsi yang salah pada masyarakat yang menyempitkan hubungan antara bisnes dan amal soleh. Mereka melihat

*Saidatina Khadijah sebagai seorang ahli perniagaan telah memberikan sokongan bukan sahaja di dalam bentuk moral malahan fizikal dengan membelanjakan hartanya ke jalan Allah SWT. Begitu juga sebelum berhijrah daripada Mekah ke Madinah, urusan dakwah dibantu oleh para pedagang seperti Abu Bakar as Siddiq dan Abdul Rahman Bin Auf.*

seolah-olah bisnes dan amal soleh itu dengan hanya mencetak dan menjual al-Quran dan kitab-kitab agama. Ini merupakan salah anggap yang perlu diperbetulkan.

Ketidakfahaman kemurnian ajaran Islam dan kelebihan perniagaan di dalam Islam menyebabkan umat Islam meletakkan seolah-olah ahli perniagaan merupakan golongan yang sukar untuk masuk syurga. Walhal di antara sepuluh orang yang dijamin masuk syurga sebahagiannya terdiri daripada ahli peniagaan seperti Abdul Rahman Bin Auf, Uthman Bin Affan, Abu Bakar as Siddiq dan Thalhah Bin Ubaidillah dan lain-lain lagi.

Sejak hari pertama wahu ditutuskan, perniagaan begitu bermakna bagi orang Islam kerana ia merupakan sebahagian daripada saluran dakwah. Saidatina Khadijah sebagai seorang ahli perniagaan telah

memberikan sokongan bukan sahaja di dalam bentuk moral malahan fizikal dengan membelanjakan hartanya di jalan Allah SWT. Begitu juga sebelum berhijrah daripada Mekah ke Madinah, urusan dakwah dibantu oleh para pedagang seperti Abu Bakar as Siddiq dan Abdul Rahman Bin Auf.

Selepas wahu diturunkan dan Saidatina Khadijah diislamkan, Rasulullah SAW berusaha untuk berdakwah kepada Abu Bakar yang merupakan seorang ahli perniagaan pada ketika itu. Apabila Rasulullah SAW menceritakan tentang Islam dan kemuliannya, Abu Bakar tidak teragak-agak lagi dan terus menerima Islam.

Pada hari yang ketiga keislamannya Saidina Abu Bakar pergi ke pasar dan berjumpa dengan Uthman Bin Affan, Abdul Rahman Bin Auf dan lain-lain lagi. Pada hari yang sama mereka telah menganut Islam. Ini menunjukkan generasi yang awal menganut Islam juga terdiri daripada ahli-ahli perniagaan. Ternyata golongan peniaga merupakan orang-orang yang diberi keutamaan oleh Rasulullah SAW dan Saidina Abu Bakar di dalam usaha dakwah yang dilakukannya terutamanya pada peringkat permulaan dakwah Islam.

Sewaktu Nabi SAW memerlukan pusat dakwah di kota Mekah, al Arqam Bin Abi al Arqam telah menawarkan rumahnya untuk dijadikan pusat dakwah. Selama tiga tahun Rasulullah SAW menggerakkan dakwah secara sulit. Orang kafir mengesyaki Baginda SAW menjalan-

kan kegiatan di luar kota Mekah tetapi pada hakikatnya Rasulullah SAW telah menjadikan pasar yang berada di sekitar Mekah sebagai tempat pertemuan mereka.

Di dalam ertikata yang lain, sejarah perjuangan umat Islam disokong oleh golongan peniaga. Sewaktu orang-orang Islam dipulau oleh kaum Musyrikin Mekah, Baginda SAW dibantu oleh Saidatina Khadijah. Sewaktu berhijrah ke Madinah, Rasulullah SAW dibantu oleh Saidina Abu Bakar. Meskipun penghijrahan daripada Mekah ke Madinah nampak begitu ringkas, ia sebenarnya telah diatur dengan suatu perancangan yang rapi. Misalnya, Rasulullah SAW dan Saidina Abu Bakar telah dibantu oleh Abdullah Bin Uraiqat, seorang pakar penunjuk arah bagi laluan yang luar biasa. Segala upah Abdullah dibayar oleh Saidina Abu Bakar.

Begitu juga ketika Baginda SAW dan Zaid Bin Harithah pergi ke Thaif sewaktu ingin menyampaikan dakwah di sana, segala perbelanjaan adalah ditanggung oleh Saidatina Khadijah.

Ketika berhijrah ke Madinah, Abu Bakar as Siddiq telah menyumbangkan sebahagian hartanya seperti membina masjid, membina rumah Nabi SAW dan seterusnya menyumbangkankekayaannya bagi menegakkan syiar Islam di atas muka bumi ini. Pada suatu ketika Rasulullah SAW bertanya kepada Saidina Abu Bakar, "Apakah yang tinggal denganmu wahai Abu Bakar?" Jawab Abu Bakar, "Allah SWT dan Rasul Nya". Ini memberi gambaran betapa besarnya pengorbanan Abu,

Bakar di dalam usaha menjayakan dakwah Islam sehingga sanggup menyerahkan segala hartanya untuk *fikrabilillah*.

Ini merupakan sebahagian daripada sumbangan awal para peniaga Islam. Setiap sumbangan yang diberikan oleh mereka akan mendapat ganjaran yang besar di sisi Allah SWT. Umat Islam sememangnya digalakkan saling membantu antara satu sama lain. Sabda Rasulullah SAW:

الْيَدُ الْعُلِيَا خَيْرٌ مِّنَ الْيَدِ  
السُّفْلَى

Maksudnya:

*"Tangan yang memberi lebih baik daripada tangan yang menerima".*

(Hadis Riwayat Bukhari)

*Meskipun penghijrahan daripada Mekah ke Madinah nampak begitu ringkas, ia sebenarnya telah diatur dengan suatu perancangan yang rapi. Rasulullah SAW dan Saidina Abu Bakar telah dibantu oleh Abdullah Bin Uraiqat, seorang pakar penunjuk arah bagi laluan yang luar biasa. Segala upah Abdullah dibayar oleh Saidina Abu Bakar.*

Ibadat merupakan amalan yang terkandung kaedah dan hukum tertentu bagi mempastikan keberkesanannya. Sebagai contoh ibadat sembahyang, ia mempunyai syarat dan rukun sebelum ia dilaksanakan berbanding dengan perkara mungkar, ia tidak terikat dengan apa-apa rukun ataupun syarat. Justeru, untuk melakukan maksiat lebih mudah berbanding untuk melakukan amal kebajikan.

Konsep ibadat sebenarnya merupakan suatu proses pembinaan sahsiah, penampilan dan setiap perbuatan dilakukan yang menepati maksud ibadat pastinya akan mendapat pahala daripada Allah SWT. Dinamika Islam dapat dilihat kerana ia tidak meletakkan ibadat itu khusus pada masa dan keadaan yang tertentu. Setiap perbuatan selama mana menepati kehendak syarak merupakan ibadat. Inilah kelebihan Islam sebagai agama yang sempurna sehingga ke akhir zaman.

Ibnu Qayyim al Jawzi di dalam kitabnya, *Zaadul Maad* ada membahaskan beberapa persoalan yang menimbulkan ketidakfahaman orang Islam tentang konsep ibadat dan ke-

pentingan ibadat di dalam kehidupan sehari-hari. Beliau membawakan contoh orang yang kuat berwirid yang menerima tetamu sebelum wiridnya selesai. Dia lebih mengutamakan wiridnya daripada menerima tetamu. Ini merupakan salah faham kerana pahala mengutamakan tetamu lebih tinggi berbanding dengan berwirid.

Begitu juga qiamullail sewaktu wuquf di Padang Arafah hukumnya adalah makruh kerana tugas dan masanya yang tidak sesuai. Sewaktu melakukan ibadat haji seseorang itu memerlukan stamina dan tenaga yang lebih. Adalah dikhawatir mereka yang melakukan qiamullail ia boleh menjelas untuk melakukan ibadat khusus. Mereka yang berwuquf juga dilarang berpuasa kerana dikhawatir akan mengganggu wuquf.

Di dalam membahaskan fakta ini, peristiwa yang berlaku di zaman Nabi Muhammad SAW dapat dijadikan teladan, iaitu peristiwa Bani Salamah. Kisah ini telah dikupas oleh Imam as Syatibi di dalam kitabnya *al Muwaffaqat*. Bani Salamah merupakan penduduk asal kota Madinah. Bani Salamah mendiami satu kawasan yang agak jauh daripada Masjid Nabi dan berada betul-betul di hadapan pintu masuk kota Madinah. Oleh kerana kedudukan yang jauh, mereka berasa rendah diri berbanding dengan para sahabat yang lain yang sentiasa sempat berjemaah dengan Rasulullah SAW sedangkan mereka sering ketinggalan. Ini membuatkan Bani Salamah merasa sedih kerana sering terlepas untuk hampir dan bersama dengan Nabi SAW. Mereka mengambil

*Setiap perbuatan selama mana menepati kehendak syarak merupakan ibadat. Inilah kelebihan Islam sebagai agama yang sempurna sehingga ke akhir zaman.*

keputusan untuk berjumpa dengan Baginda SAW dan menceritakan masalah mereka serta mengambil keputusan untuk berpindah.

Setelah berjumpa Rasulullah SAW dan meluahkan rasa hati mereka, Baginda SAW menyuruh Bani Salamah ini terus kekal di tempat asal mereka. Rasulullah memberikan alasan sekiranya Bani Salamah berpindah ke kawasan yang berhampiran dengan masjid, siapakah yang akan memberitahu sekiranya musuh datang menyerang dan Baginda SAW memberi jaminan bahawa pahala mereka adalah sama sebagaimana pahala yang diberikan kepada para sahabat yang berjemaah berimamkan Nabi SAW. Ini disebabkan mereka menjaga salah satu posisi yang penting.

Berdasarkan peristiwa ini ulamak mengambil iktibar bahawa Nabi SAW tidak memberi sebab bahawa semakin susah mereka datang ke kota Madinah

semakin banyak pahala yang akan mereka perolehi. Kebanyakan ulamak percaya bahawa pahala diukur dengan kesusahan. Kisah ini amat menarik kerana Nabi SAW tidak membenarkan mereka berpindah semata-mata untuk sembahyang berjemaah. As Syatibi menyatakan di dalam Islam tidak ada konsep bahawa pahala itu diukur dengan darjah kesusahan. Malah di dalam Islam pahala itu diukur berdasarkan kepada posisi kepentingannya.

Walaupun kerja yang diberikan oleh Rasulullah SAW tidak mempunyai kaitan seperti ibadat yang lain, ia tetap dikira sebagai ibadat. Islam melihat posisi sebagai salah satu perkara yang penting meskipun ia hanya satu adab.

Pernah pada suatu ketika Khalid Al Walid sewaktu sampai di kota Madinah pada waktu Maghrib dan ketika itu Rasulullah SAW telahpun



Gua Hira' ... Di sinilah bermulanya wahyu pertama

selesai mengimamkan sembahyang. Khalid telah dipilih menjadi imam kerana dia yang paling tua. Sewaktu membaca surah al-Ikhlas, Khalid tidak boleh membacanya dengan lancar kerana beliau tidak banyak menghafal. Di dalam keadaan ini, Khalid tidak boleh dipersalahkan kerana tugasnya adalah sebagai panglima perang yang mengatur strategi peperangan, bukannya menjadi hafiz al-Quran.

Sabda Nabi Muhammad SAW:

الْتَّاجِرُ الصَّدُوقُ الْأَمِينُ مَعَ  
الْبَيْنَ وَالصَّدِيقِيْنَ  
وَالشَّهَادَاءِ

Maksudnya:

"Peniaga-peniaga yang jujur dan amanah (akan ditempatkan) beserta dengan para nabi, siddiqin dan para syuhada'."

(Hadis Riwayat Tirmizi)

Persoalan yang timbul ialah mengapa Allah SWT meletakkan para peniaga setanding dengan *anbiya'*, *syuhada'* dan solihin. Ini menunjukkan bahawa Allah SWT memberikan keutamaan ini kerana pentingnya peranan yang dimainkan oleh para peniaga terhadap Islam.

### **Apakah Bentuk-Bentuk Amal Soleh**

Setiap kerja yang dilakukan sebenarnya mempunyai ruang untuk se-

orang melakukan amal soleh. Apa jua kerja yang dilakukan ada ganjarannya di sisi Allah SWT. Tidak kira lah apa kerja yang dilakukan dan selama mana ia menepati kehendak syarak, ia tetap dikira sebagai ibadat. Sehingga gakan kerja menyupu sampah pun ada pahala di sisi Allah SWT. Konsep ini perlu dijelaskan bahawa yang penting bukannya sama ada kerja itu kritikal ataupun sebaliknya tetapi sumbangannya terhadap Islam.

Di zaman Nabi SAW terdapat satu peristiwa di mana terdapat banyak peluang-peluang kebaikan yang dapat dilakukan oleh orang kaya sedangkan orang miskin tertanyatakan apakah sumbangan yang dapat diberikan oleh mereka. Namun Nabi SAW menegaskan apa yang dilakukan oleh orang miskin akan mendapat pahala yang sama selama mana mereka melakukan usaha yang termampu oleh mereka. Islam tidak zalim kepada umatnya sehingga gakan

*Setiap bentuk kerja yang baik boleh dijadikan sebagai ibadat kerana setiap amalan diterima atau tidak bergantung kepada niat. Justeru ia perlu direbut.*

*Malangnya ada di kalangan orang Islam yang tidak merasa kerja yang dilakukan berada di dalam lingkungan ibadat kerana mereka melihat skop ibadat di dalam ruang lingkup yang sempit.*

mengucapkan kata-kata yang baik pun dikira sebagai satu kebaikan sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

الْكَلِمَةُ الطَّيِّبَةُ صَدَقَةٌ

Maksudnya:

"Berkata baik merupakan sedekah."

(Hadis Riwayat Muslim)

Allah SWT berfirman di dalam surah az-Zukhruf, ayat 32:

عَنْ قَسْمَنَا بَيْنَهُمْ مَعِيشَتُهُمْ فِي  
الْحَيَاةِ الدُّنْيَا

Maksudnya:

"Sesungguhnya Kami membahagikan keperluan hidupnya dalam kehidupan dunia ini."

Setiap bentuk kerja yang baik boleh dijadikan sebagai ibadat kerana setiap amalan diterima atau tidak bergantung kepada niat. Justeru ia perlu direbut. Malangnya ada di kalangan orang Islam yang tidak merasa kerja yang dilakukan berada di dalam lingkungan ibadat kerana mereka melihat skop ibadat di dalam ruang lingkup yang sempit.

Niat memainkan peranan untuk menentukan bahawa apa yang dilakukan menepati konsep ibadat dan mendapatkan rezeki yang halal itu merupakan satu ibadat kepada Allah SWT. Rezeki yang halal akan menjamin keberkatan yang diperolehi. Sebabnya ringkas, iaitu mencari rezeki

yang halal adalah halal dan mencari rezeki yang haram adalah haram.

Sejarah telah memberikan pengajaran kepada umat Islam bahawa kelemahan ekonomi merupakan punca yang menyebabkan umat Islam dijajah di dalam pelbagai konteks seperti politik, ketenteraan, pemikiran dan lain-lain lagi.

Amalan perniagaan ialah amalan yang menghubungkan antara pembeli dan penjual. Ia juga merupakan sebahagian daripada ibadat. Tanpa peniaga, pengeluar sukar memasarkan barang manakala pembeli sukar mendapatkan perkhidmatan. Peniaga adalah orang yang menyatukan dua pihak di dalam masyarakat iaitu pengeluar dan pengguna. Tanpa aktiviti perniagaan, masyarakat akan menempuh kesukaran.

Imam al Ghazali di dalam kitabnya *Ihya' Uloomuddin* menjelaskan tentang kelebihan konsep ini. Beliau menjelaskan bahawa tanpa peniaga, manusia terpaksa banyak menghabiskan waktu. Cuba bayangkan manusia terpaksa menanam padinya sendiri, menangkap ikan sendiri dan lain-lain lagi untuk hidup. Kewujudan urusniaga sesama manusia akan memendekkan masa dan ia dapat

digunakan untuk beramal ibadat serta melibatkan diri di dalam pembangunan duniaawi.

Ekonomi yang kukuh dan mampan akan menentukan kelangsungan umat Islam pada hari ini dan masa hadapan. Sejarah telah memberikan pengajaran kepada umat Islam bahawa kelemahan ekonomi merupakan punca yang menyebabkan umat Islam dijajah di dalam pelbagai konteks seperti politik, ketenteraan, pemikiran dan lain-lain lagi.

Apa yang berlaku di Korea Selatan dapat dijadikan pengajaran apabila kelemahan ekonominya telah menyebabkan negara itu huru-hara dan kesempatan ini telah diambil oleh George Soros untuk menguasai sistem ekonomi negara ini. Bayangkan apa

*Di dalam mengatasi kesulitan, berdoa sahaja belum cukup bagi mengatasi masalah ini. Ia mesti disertakan dengan usaha. Bekerja kuat akan menjadi lebih berkualiti sekiranya ia termasuk di dalam susunan ibadat. Seseorang yang bekerja akan menganggap setiap detik yang dilakukan merupakan peluang baginya menghampirkan diri kepada Allah dan bukannya usaha yang sia-sia.*

yang berlaku apabila sistem ekonomi dan masa depannya dikuasai oleh individu dan kumpulan tertentu. Rakyat Korea Selatan tidak mempunyai pilihan kerana mereka telah terlambat dan terpaksa menerima sahaja segala cadangan daripada pihak luar yang telah mencaturkan sistem ekonominya.

Terdapat pendapat yang mengatakan bahawa dunia global kini dikuasai oleh empat F pertama **food** ataupun makanan seperti Mc Donald's, KFC, kedua **fashion**, ketiga, **fun** ataupun hiburan dan keempat **fund** bantuan kewangan. Bagi mengharungi ini semua orang Islam haruslah mempunyai kekuatan ekonomi agar segala rintangan dapat ditempuhi.

Perniagaan merupakan satu aktiviti dan juga ibadat yang menjaga kelangsungan umat Islam. Walaupun umat Islam mempunyai populasi yang ramai, seandainya ekonomi mereka dijajah, ia tidak mempunyai nilai. Bagi menghadapi halangan ini umat Islam perlu menceburkan diri di dalam perniagaan dan mempunyai wawasan untuk menjadi kuasa ekonomi yang unggul.

Zaman selepas merdeka merupakan satu era bagi masyarakat Islam di negara ini membina ekonomi Islam meskipun pada masa sekarang ini mereka berhadapan dengan kegawatan ekonomi. Kegawatan ekonomi menyedarkan bahawa fenomenanya adalah hampir sama dengan zaman sebelum merdeka di mana kekayaan negara dikaut oleh

orang lain disebabkan pertukaran matawang yang tidak menguntungkan.

Bekerja kuat merupakan salah satu jalan untuk menjamin kelangsungan ekonomi dan juga akidah orang Islam. Seandainya masalah ini tidak ditangani dengan betul, umat Islam akan menjadi miskin, papa kedana dan diperlekehkan oleh mereka yang bukan Islam. Apabila keadaan ini berlaku sudah tentu imej umat Islam akan rosak dan musuh-musuh Islam akan memberi tanggapan yang negatif tentang ajaran Islam.

Selepas perang Korea, Korea Selatan merupakan salah sebuah negara Asia yang begitu pesat membangun dan mempunyai Kadar Keluaran Negara Kasar (KDNK) yang tinggi. Apabila negara ini berhadapan dengan spekulasi matawang dan kejatuhan ekonomi, ia menjadi lemah dan terpaksa meminjam daripada pihak luar sehingga digelar *From Tiger to The Beggar*. Bayangkan sebuah negara yang pernah mengecapi kemewahan dan kestabilan ekonomi, tiba-tiba terpaksa meminta-minta dengan kuasa luar semata-mata untuk menyelamatkan ekonomi negaranya.

Di dalam mengatasi kesulitan, berdoa sahaja belum cukup bagi mengatasi masalah ini. Ia mesti disertakan dengan usaha. Bekerja kuat akan menjadi lebih berkualiti sekiranya ia termasuk di dalam susunan ibadat. Seseorang yang bekerja akan menganggap setiap detik yang dilakukan merupakan peluang baginya menghampirkan diri kepada Allah SWT dan bukannya usaha yang sia-sia.

Perniagaan menolong meluaskan kekayaan ekonomi negara. Firman Allah SWT di dalam surah al-Hasyr, ayat 7:

كُلَا مِنْ دُولَةٍ بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْ كُمْكُمٍ

Bermaksud:

*"Supaya harta itu tidak hanya berlegar di kalangan orang-orang yang kaya daripada kamu."*

Perniagaan melibatkan banyak aktiviti termasuklah pemasaran, pengiklanan, pengangkutan dan lain-lain lagi. Ini merupakan bentuk pengagihan kekayaan kepada orang lain apabila peluang pekerjaan diwujudkan. Secara umumnya perniagaan memberikan ruang supaya kekayaan diaghikhan di dalam masyarakat.

Amalan perniagaan lazimnya mendatangkan pulangan yang tidak mampu diperolehi oleh aktiviti-aktiviti yang lain. Apabila memperolehi keuntungan, orang Islam juga diwajibkan mengeluarkan zakat. Ia merupakan salah satu alternatif dan jalan yang begitu berkesan di dalam membasmi kemiskinan. Di Malaysia belum ada undang-undang yang memberi galakan zakat korporat. Oleh itu di dalam perbadanan dan sektor korporat, mereka terpaksa membayar di dalam dua bentuk cukai iaitu cukai hasil pendapatan dan juga zakat. Ini mengurangkan keuntungan yang bakal dibayar kepada pelabur.

*Untuk menghampiri amal soleh, ia tidaklah bermakna seseorang itu perlu menukar profesi, misalnya daripada peniaga menjadi ustaz, imam atau sebagainya. Islam melihat setiap perkara yang membawa kepada kebaikan adalah merupakan ibadat.*

Realitinya, zakat perniagaan merupakan salah satu alternatif yang cukup berkesan untuk membasmikan kemiskinan memandangkan terdapat ramai peniaga dan badan korporat di negara ini. Jumlah yang ramai sudah tentu memberikan pungutan yang besar.

Amalan perniagaan merupakan amalan yang mendedahkan para peniaga kepada pelbagai lapisan masyarakat tanpa ada batasan darjah dan pangkat. Setiap hari para peniaga akan menemui orang yang berlainan. Ia berbeza dengan guru dan pensyarah di mana skop mereka

hanya di bilik darjah atau di dewan kuliah sahaja. Ini merupakan peluang yang baik bagi para peniaga untuk menyebarkan dakwah kepada para pengguna. Inilah cara yang pernah digunakan oleh para peniaga daripada Yaman dan Gujerat sewaktu mereka datang berniaga ke kepulauan Melayu. Mereka tidak menggunakan mata pedang untuk menyebarkan dakwah, sebaliknya mereka menggunakan perniagaan sebagai salah satu pendekatan menyebarkan dakwah Islamiyah.

Persoalan yang sering timbul ialah, kenapa tidak ada sebuah organisasi yang besar mengambil pendekatan sebegini? Antara jawapannya ialah kurangnya keprihatinan di kalangan umat Islam untuk menyebarkan dakwah. Untuk menghampiri amal soleh, ia tidaklah bermakna seseorang itu perlu menukar profesi, misalnya daripada peniaga menjadi ustaz, imam atau sebagainya. Apa yang penting ialah membuat penjajaran atau di dalam erti kata lain tidak perlu mencari masa yang lain untuk membuat ibadat seandainya ibadat khusus dilakukan. Islam melihat setiap perkara yang membawa kepada kebaikan adalah merupakan ibadat.

# KECEMERLANGAN DUNIA & AKHIRAT MELALUI BISNES

Oleh  
Ustaz Mujahid Yusuf Ar Rawa  
B.A. (Arabic Studies and Literature) (Mesir)  
Pensyarah, Universiti Telekom Malaysia



etiap insan yang sempurna pemikirannya pasti mempunyai wawasan begitu juga dengan sesebuah organisasi. Tanpa matlamat sesuatu kejayaan sukar didekati. Sebelum menuju ke arah itu, umat Islam memerlukan pendedahan dan pengetahuan supaya apa yang diidamkan dapat difokuskan dengan lebih cemerlang. Cita-cita yang besar tidak akan dapat dicapai sekiranya umat Islam tidak diberi penjelasan tentang langkah-langkah yang sesuai bagi merealisasikan impian mewujudkan aktiviti yang dapat menjamin kecemerlangan di dunia dan juga di akhirat. Firman Allah SWT di dalam surah al-Hadid, ayat 7:

إِمَّا مُشْرِكُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ، وَإِنْفَقُوا مِمَّا جَعَلَكُمْ شَرِيكَيْنَ فِيهِ فَالَّذِينَ إِمَّا نَحْنُ مَنْ كُنَّا وَإِنْفَقُوا مِمَّا حَرَكَهُمْ

Maksudnya:

"Berimanlah kamu dengan Allah SWT, Rasul Nya dan belanjakanlah (pada jalan kebaikan) sebahagian daripada harta benda (pemberian Allah SWT) yang dijadikan Nya

*kamu menguasainya sebagai wakil. Maka orang-orang yang beriman di antara kamu serta mereka membelanjakan (sebahagian dari harta itu pada jalan llahi), mereka tetap beroleh pahala besar.”*

Penggunaan *anfiqu* (berbelanja) di dalam ayat ini merupakan skop yang menjelaskan tentang perniagaan. Berdasarkan kepada ayat ini juga Allah SWT telah meletakkan perniagaan merupakan suatu pekerjaan yang mulia dan mendapat ganjaran besar di sisi Nya. Allah SWT meletakkan perniagaan sebagai salah satu perbuatan yang mulia. Ke-seimbangan dunia dan akhirat akan membawa manusia ke suatu darjat yang tinggi di sisi Allah SWT.

Rasulullah SAW telah bersabda:

الَّتَّاجِرُ الصَّدُوقُ الْأَمِينُ مَعَ  
النَّبِيِّنَ وَالصَّدِيقِينَ  
وَالشُّهَدَاءِ

Maksudnya:

*“Peniaga yang jujur dan amanah akan dibangkitkan bersama para anbiya’, siddiqin dan syuhada’.”*

(Hadis Riwayat Tirmizi)

Hadir ini merupakan jaminan betapa ahli perniagaan yang jujur dan amanah akan dibangkitkan oleh Allah SWT bersama golongan yang mulia di akhirat kelak seperti para *anbiya’* dan

jugu para *syuhada’*. Gambaran darjat kemuliaan yang bakal dikurniakan oleh Allah SWT kepada ahli perniagaan ini menggambarkan betapa mereka memikul satu tugas dan tanggungjawab yang penting sehingga Allah SWT memberikan balasan jaminan surga kepada mereka.

Perniagaan menjanjikan satu ruang dan lingkungan yang luas yang memuatkan kepentingan umat manusia sebagai salah satu perantara perniagaan. Di atas dasar kepentingan ini, kecemerlangan merupakan salah satu elemen khusus yang perlu ada pada perniagaan bagi menjamin kesinambungannya dan bukan setakat kecemerlangan di dunia malahan di akhirat.

*Amalan di dunia menjadi  
aset yang menjamin  
kelangsungan di akhirat.*

*Sekiranya di dunia  
seseorang melakukan  
amalan yang baik, mereka  
akan mendapat balasan  
surga tetapi sebaliknya  
pula sekiranya seseorang  
melakukan amalan yang  
buruk mereka akan  
mendapat siksaan dan  
balasan azab.*

Di dalam mengimbangi kecemerlangan ini, tuntutan dunia ini seharusnya dilakukan sebaik mungkin bagi tujuan memakmurkan bumi Allah SWT. Amalan di dunia menjadi aset yang menjamin kelangsungan di akhirat. Sekiranya di dunia seseorang melakukan amalan yang baik, mereka akan mendapat balasan syurga tetapi sekiranya seseorang melakukan amalan yang buruk mereka akan mendapat siksaan dan balasan azab. Di dalam menjana kecemerlangan ini, ada beberapa perkara yang perlu diambil kira, antaranya:

## **1. Niat Sebagai Asas Tindakan**

Di dalam kebanyakan sistem pengurusan terkini, kesesuaian antara niat dan matlamat sebagaimana yang diketengahkan di dalam perilaku organisasi. Ia merupakan elemen penting yang akan menjamin kecemerlangan bukan sahaja kepada individu malahan organisasi. Kesesuaian merupakan neraca yang akan membentuk tingkah laku sama ada ia akan menjurus kepada kebaikan ataupun melenceng kepada perkara yang maksiat. Di dalam Islam niat merupakan kunci kepada amalan yang dilakukan sebagaimana hadis Rasulullah SAW:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَاتِ

Maksudnya:

*"Sesungguhnya setiap amalan mengikut apa yang diniatkan."*

(Hadis Riwayat Bukhari Dan Muslim)



*Selama mana manusia berpegang kepada ajaran al-Quran, selama itulah mereka akan beroleh kejayaan*

Niat bukannya benda yang zahir kerana ia terbit daripada hati. Apa yang dilafazkan di bibir bukannya niat tetapi lafadz yang diucapkan bertujuan untuk *tahsinun niat* (memperelokkan niat). Masalah yang timbul sekarang ini ialah orang ramai suka meletakkan *tahsinun niat* sebagai kesempurnaan berbanding dengan hati.

Di dalam teori *congruence* dan *incongruence* diakui bahawa perilaku manusia merupakan hasil tindakan yang lahir daripada dalaman dan bukannya luaran. *Perfect congruence* merupakan apa yang disebutkan dengan lafadz dan diluahkan melalui tindakan. Manakala *incongruence* ialah ketidaksesuaian antara niat, lafadz dan tindakan.

Di dalam urusan perniagaan, niat memainkan peranan yang mencorakkan perniagaan sama ada ia menjadi suatu ibadat ataupun ia hanya menjadi suatu adat. Di dalam mengupas persoalan niat ini, al Fadlu Ibnu Ziyad pernah bertanya kepada Abu Abdullah, apakah ia niat? Abu Abdullah telah menjawab:

*"Bahawa niat itu ialah sesiapa yang ingin membersihkan hatinya. Orang yang dikatakan berniat ialah orang yang ingin membersihkan jiawanya dan tidak mahu ada perbuatan yang disebabkan oleh manusia".*

Persoalan yang sering dibahaskan di dalam perniagaan ialah adakah niat sudah ada di dalam diri sebelum bermiaga ataupun niat datang kemudian? Ulamat bersepakat bahawa niat hendaklah bermula daripada awal dan bukannya selepas melakukan perbuatan. Di dalam erti kata yang lain, niat menjadi asas kepada perbuatan. Masalah yang timbul sekarang ialah niat datang kemudian. Sebagai contoh, orang yang bermiaga, selepas mendapat keuntungan barulah mereka berniat atau terlintas di hati mereka untuk bersedekah dan tidak berniat sewaktu mula-mula bermiaga.

*Di dalam urusan perniagaan, niat memainkan peranan yang mencorakkan perniagaan sama ada ia menjadi suatu ibadat ataupun ia hanya menjadi suatu adat.*

Oleh kerana niat itu merupakan perkara yang asas, ia akan menentukan perilaku seseorang. Perilaku ini memainkan peranan yang akan menentukan corak sesuatu organisasi ataupun bentuk perniagaan yang dijalankan. Sekiranya manusia tidak konsisten dengan niatnya, berlakulah keceluaran yang bukan sahaja menjelaskan prestasi yang ada pada diri sendiri malahan kepada organisasi dan juga persekitaran. Di dalam membina struktur perniagaan yang bersandarkan kepada kesimbangan dunia dan akhirat, umat Islam perlu menghindarkan diri mereka agar tidak terjebak sebagai golongan tidak sekata antara niat, lafadz dan perbuatan.

Di dalam teori *incongruence*, orang yang tidak bersamaan antara niat dan tindakan dikatakan sebagai orang yang berpura-pura. Di dalam Islam, orang seperti ini dikatakan sebagai munafik ataupun sifat *nifak*. Manusia seperti ini mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri seperti, sebahagian manusia ingin dunia dan sebahagian manusia hendakkan akhirat. Mereka tidak sekata. Golongan ini menepati firman Allah SWT di dalam surah ali-Imran ayat 152:

*وَمِنْكُمْ مَنْ يُرِيدُ الدُّنْيَا  
وَمِنْكُمْ مَنْ يُرِيدُ الْآخِرَةَ*

Maksudnya:

*"Di antara kamu ada orang yang menghendaki keuntungan dunia semata-mata dan di antara kamu ada yang menghendaki akhirat."*

Ayat ini dinisbahkan kepada tentera Islam sewaktu perperangan Uhud. Apabila melihat harta perang yang ditinggalkan oleh tentera Musyrikin Mekah, pasukan pemanah Islam yang berada di atas bukit Uhud telah turun ke bawah dan mengambil harta rampasan perang yang ditinggalkan oleh Musyrikin Mekah. Di dalam situasi ini tentera Islam terbahagi kepada dua, satu pihak terus bertahan kerana menuruti arahan Rasulullah SAW dan satu pihak lagi meluru ke medan perang untuk mengambil harta rampasan perang.

Tentera Islam telah terbahagi kepada dua, satu pihak masih lagi konsisten dengan arahan Rasulullah SAW dan satu pihak lagi mulai tidak konsisten dengan arahan Baginda SAW supaya terus bertahan. Ketidakpatuhan yang berlaku menyebabkan kestabilan tentera Islam tergugat dan akhirnya tewas di dalam perperangan ini.

Perkara yang sama juga perlu diketengahkan di dalam organisasi sama ada di dalam organisasi korporat ataupun sebaliknya. Di dalam organisasi korporat seandainya aliran wang masuk tidak seimbang dengan aliran wang keluar, ia akan menyebabkan ketidakstabilan berlaku. Selain itu sumber manusia yang terdapat pada sesuatu organisasi perlu diambil kira bagi memastikan ia sentiasa seimbang. Keseimbangan ini mustahak bagi menjamin perkhidmatan yang diberikan memenuhi kehendak para pelanggan. Begitu juga dengan pengubal dasar, mereka perlu konsisten dengan dasar-

dasar yang digubal supaya ia tidak mendatangkan kesan negatif kepada orang lain.

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan ketidaksesuaian antara niat dan tindakan. Tingkah laku manusia yang lebih cenderung hawa nafsu menyebabkan sering kali berlaku pertentangan antara niat dan tindakan. Secara tabi'nya, jiwa manusia cenderung kepada kebendaan sedangkan Allah SWT inginkan akhirat. Misalnya di dalam mengejar keduniaan, manusia yang tidak beriman sanggup melakukan apa sahaja asalkan ia menguntungkan. Justeru tidak menghairankan jika terdapat pihak yang sanggup bergelumang dengan riba' meskipun



Keseimbangan rohani dan jasmani akan dapat melahirkan sahsiah cemerlang

Allah SWT mlarang keras perbuatan itu. Allah SWT mengherdik golongan ini dengan firman Nya di dalam surah ar-Rom, ayat 39:

وَمَاءِ ائْتَسْمَنْ رَبِّا لَيْرُبُّا فِي أَمْوَالِ النَّاسِ  
فَلَا يَرُبُّوا عِنْدَ اللَّهِ وَمَاءِ ائْتَسْمَنْ  
رَكْوَقْ تُرْبِدُونَ وَجَهَ اللَّهَ فَأَوْلَىٰكَ  
هُمُ الْمُضْعَفُونَ ﴿٣٩﴾

Maksudnya:

*"Dan (ketahuilah bahawa) harta yang didatangkan daripada hasil riba', supaya bertambah kembangnya dalam pusingan harta manusia maka ia tidak sekali-kali akan berkembang di sisi Allah SWT (tidak mendatangkan kebaikan). Dan sebaliknya sesuatu pemberian sedekah yang kamu berikan dengan tujuan mengharapkan keredhaan Allah SWT semata-mata, maka mereka yang melukannya itulah orang-orang yang beroleh pahala berganda-ganda."*

### **Kebaikan Niat Kepada Perbuatan**

Niat memainkan peranan di dalam mencorakkan perbuatan seseorang. Baik buruk sesuatu perbuatan ditentukan oleh niat. Sekiranya seseorang itu berniat buruk, walaupun dia berpura-pura melakukan kebaikan, ia tidak kekal lama kerana keburukan itu akan terbongkar juga akhirnya. Menyentuh tentang persoalan niat ini, seseorang yang ikhlas di dalam

niatnya, sebenarnya mereka mengharapkan amalan yang dilakukan semata-mata kerana Allah Taala dan mengharapkan keredhaan Nya.

Ini memberikan pengajaran kepada umat Islam betapa Allah SWT dengan sifat *ar Rahman* dan *ar Rahim* sentiasa memberi ruang kepada manusia untuk melakukan kebaikan sehinggakan apabila berdetik sahaja di hati untuk melakukan kebaikan, Allah SWT tetap memberikan pahala.

### **Niat Sebagai Pengawal Polisi**

Oleh kerana niat itu sesuatu yang terletak di hati, ia mampu berfungsi sebagai pengawal polisi. Pengawalan ini amat mustahak bagi memastikan keberkesanannya sebuah organisasi dan juga individu. Apabila niat menjadi asas perbuatan ia akan menjadi pengawal polisi. Semua yang berlaku pada masa sekarang disebabkan oleh polisi. Di dalam apa jua sistem pengurusan, sekiranya polisi dilaksanakan dengan baik, ia akan memberikan pulangan yang positif dan berterusan. Sekiranya polisi ini disalahguna ia akan menyumbang kepada keceliaruan dan kerosakan sistem pentadbiran.

Polisi merupakan aspek penting yang mengawasi keberkesanannya pentadbiran dan pengurusan. Di dalam konteks ini, niat menjadi neraca yang menentukan ke manakah hala tuju sesuatu perbuatan. Oleh itu sekiranya polisi yang dibentuk menjurus ke arah kebaikan, ia akan menguntungkan, tetapi sekiranya menjurus ke arah maksiat, ia akan merugikan.

Niat juga akan menjadi pemantau yang akan mengawasi gerak laku manusia. Sekiranya mereka mempunyai niat untuk melakukan perkara yang baik, niat akan mengawasi perilaku seseorang. Apabila seseorang berniat kerana Allah SWT, ia mestilah diikuti dengan perbuatan seperti berbuat baik, sedekah jariah, berzakat dan lain-lain lagi.

Di atas dasar kepentingan inilah niat dapat dijadikan benteng yang dapat menghalang seseorang daripada bersifat rakus dan ghairah. Niat akan dapat menyedarkan seseorang tentang tujuan utama perbuatan mereka. Ini dinamakan niat utama. Selain itu terdapat juga yang dinamakan niat sampingan sebagaimana sebuah kisah yang berlaku di zaman Rasulullah SAW.

Suatu hari sahabat melihat seorang lelaki yang perkasa, lantas sahabat berkata, sekiranya dia berjihad *fi sabillillah* itu lebih baik. Rasulullah SAW mendengar dan menyebut, sekiranya lelaki ini keluar berusaha untuk memberi makan kepada anak kecilnya, dia berada *fi sabillillah*. Kalaulah dia keluar untuk memberi makan kepada kedua ibu bapanya, dia juga berada *fi sabillillah*. Dan kalau lelaki ini keluar berusaha mencari rezeki untuk dirinya, dia juga berada *fi sabillillah*.

Asas perbincangan di sini ialah niat adalah kerana Allah Taala, tetapi untuk merealisasikan niat, ia juga turut dibantu oleh perkara lain. Misalnya di dalam hadis di atas walaupun berjihad di jalan Allah SWT merupakan yang terbaik, ia tidak semestinya menghalau

*Di dalam organisasi korporat seandainya aliran wang masuk tidak seimbang dengan aliran wang keluar, ia akan menyebabkan ketidakstabilan berlaku. Selain itu sumber manusia yang terdapat pada sesuatu organisasi perlu diambilkira bagi memastikan ia sentiasa seimbang.*

kepada satu cara sahaja. Banyak juga perkara lain yang dapat dilakukan seperti memberi makan kepada anak kecilnya dan sebagainya.

Niat sampingan ialah niat manfaat kepada manusia dan makhluk yang lain. Contohnya seperti bermiaga. Masalahnya, orang sekarang bermiaga kerana kepentingan diri. Mereka mengenepikan kebajikan orang lain bagi memenuhi kepentingan diri sendiri.

## **2 Akhlak Sebagai Suatu Sistem Di Dalam Perniagaan**

Di dalam apa juga aspek kegiatan yang dilakukan, akhlak merupakan elemen asas yang perlu ada pada diri setiap manusia. Ia menjadi pengantar imej sama ada baik ataupun buruk penampilan seseorang. Akhlak tidak boleh dianggap sebagai benda yang remeh kerana ia akan mengawal dan memantau perilaku seseorang

termasuklah para peniaga. Justeru, ia tidak boleh dianggap sebagai perkara sampingan atau di dalam erti kata yang lain mengambil mana yang disukai dan meninggalkan apa yang tidak disukai. Di dalam konteks perniagaan, akhlak diterjemahkan sebagai *ethical framework* ataupun ruang lingkup akhlak.

Di dalam menjana akhlak sebagai elemen dalaman, ketaqwaan perlu ditekankan. Begitu juga dengan *muraqabah* kepada Ilahi kerana ia akan merupakan jatidiri yang dapat menjurus kepada kejayaan dunia dan akhirat. Inilah kelebihan yang ada pada diri orang Islam berbanding dengan mereka yang bukan Islam. Ia merupakan pemisah bukan sahaja di bawah lingkaran akidah malahan sahsiah.

Lantaran itu akhlak dan *muraqabah* menjadi asas penting di dalam perniagaan kerana ia akan menjadi garis panduan yang dapat menghalau ke arah kebaikan dan ke jalan yang diredhai. Apakah taqwa dan *muraqabah*? Satu persoalan yang mungkin membuatkan seseorang tertanya-tanya. Persoalan taqwa ini telah dijelaskan oleh Saidina Umar: "Taqwa itu samalah seperti kamu berjalan di waktu malam dan di tengah jalan itu banyak terdapat onak atau duri dan apabila engkau berusaha mengelak diri daripada onak atau duri, itu merupakan taqwa".

Daripada pengertian ini taqwa bermakna mengelak diri dari perkara-perkara yang boleh mendatangkan mudharat atau apa juar perbuatan yang dimurkai Allah SWT.

Secara fitrahnya adalah mustahil untuk menjadikan semua manusia itu bertaqwa. Namun begitu sebagai usaha, sistem ketaqwaan boleh diserapkan di dalam pelbagai bidang termasuklah pengurusan dan perniagaan. Di dalam membentuk insan yang bertaqwa di dalam sesebuah organisasi, ia hendaklah dimulakan daripada awal semasa pengambilan anggota pekerja. Di dalam pemilihan ini, beberapa kriteria khusus perlu ditekankan seperti sembahyang, puasa, beramal soleh dan lain-lain lagi.

Ketaqwaan memainkan peranan utama sebagai penentu kejayaan bukan sahaja individu malahan kejayaan organisasi. Sekiranya ketaqwaan tidak diambilkira ia akan menyebabkan organisasi itu pincang kerana tenaga kerja yang dihasilkan gagal mengimbangi antara tuntutan rohani dan jasmani. Di dalam pengurusan moden, kecemerlangan merupakan salah satu agenda yang ditekankan dengan mengenepikan

*"Taqwa itu samalah seperti kamu berjalan di waktu malam dan di tengah jalan itu banyak terdapat onak atau duri dan apabila engkau berusaha mengelak diri daripada onak atau duri, itu merupakan taqwa".*

aspek-aspek kerohanian. Kecemerlangan yang menghala kepada satu arah sahaja akan menyebabkan timbulnya pelbagai kecelaruan seperti penyalahgunaan kuasa, pecah amanah, memonopoli kepentingan umum dan lain-lain lagi, di mana ia akhirnya akan menyumbang kepada kerugian individu dan organisasi.

Apabila ketaqwaan menjadi elemen utama di dalam pengurusan, perkara-perkara *ruhi* akan diambil kira dan ia merupakan salah satu pendekatan ke arah kekuatan jiwa. Ketiadaan kekuatan jiwa menyebabkan ada pihak memperlekehkan urusan agama di dalam pekerjaan. Ketiadaan kekuatan jiwa menyebabkan mereka mengambil kira perkara agama sebagai kepentingan kedua berbanding perniagaan. Seandainya sifat *ruhi* ini diterapkan di dalam diri, ia akan memantau perbuatan seseorang supaya sentiasa menghampiri ke-taqwaan. Setiap organisasi mesti ada prosedurnya apatah lagi bagi organisasi mempunyai ISO (*International Organisation for Standardization*).

Apabila akhlak dijadikan sebagai suatu sistem di dalam pengurusan, manusia yang dihasilkannya ialah manusia yang mementingkan ke-manusian di dalam apa jua tindakan yang diambil. Di dalam ertikata yang lain, manusia tidak akan berlaku zalim kepada orang lain dan juga makhluk yang ada di atas muka bumi ini.

Pemilihan manusia sebagai khalifah di atas muka bumi sebenarnya ialah memikul satu tanggungjawab yang berat. Sebahagian daripada

tanggungjawab itu ialah berlaku adil sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah al-Maidah, ayat 8:

أَعْدُ لَوْا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ  
وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ حَسِيرٌ بِمَا  
تَعْمَلُونَ

Maksudnya:

*"Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqualah kepada Allah SWT, sesungguhnya Allah SWT amat mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan."*

Berdasarkan kepada ayat ini, Allah SWT menyuruh manusia supaya berlaku adil. Di dalam erti kata yang lain adil di dalam segala segi. Konsep adil di dalam Islam berbeza dengan konsep adil mengikut ideologi kapitalis dan juga sosialis. Konsep adil tidak boleh difahami di dalam bentuk yang literal, ia mestilah di sesuaikan dengan *maslahah* dan kepentingan umum. Firman Allah SWT di dalam surah an-Nisa', ayat 32:

وَلَا تَنْهَمُوا مَا فِي الْأَرْضِ  
بَعْضُكُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ

Maksudnya:

*"Dan janganlah kamu iri hati terhadap (limpah kurnia) yang Allah SWT telah berikan kepada sebahagian daripada kamu (untuk*

*(menjadikan mereka) melebihi sebahagian yang lain (tentang harta benda, ilmu pengetahuan atau pangkat kebesaran).*

### **3. Menjadikan Perniagaan Sebagai Ibadat**

Apakah yang dikatakan imbangan di dunia dan akhirat? Apakah perancangan perniagaan bersepudur sebagai syarat ibadat?

Bagi merealisasikan perniagaan sebagai suatu ibadat, perancangan perniagaan bersepudur hendaklah kembali kepada konsep bahawa segala apa yang dimiliki adalah milik mutlak Allah SWT. Manusia hanya pemegang amanah yang memikul tanggungjawab untuk memakmurkannya. Di dalam memakmurkan sumber alam, ia juga dapat digunakan sebagai alat untuk memerhati dan melihat kebesaran Allah SWT. Tetapi ramai orang yang tidak mengambil kesempatan ini sebagai suatu ruang untuk meningkatkan keimanan mereka. Mungkin ada juga yang menyedari realiti ini tetapi hanya di dalam bentuk individu dan bukannya di dalam bentuk organisasi.

Apabila manusia menyedari bahawa apa sahaja yang dimiliki merupakan milik Allah SWT mereka akan insaf matlamat sebenar kewujudan manusia di atas muka bumi. Ini akan menghindarkan mereka daripada bersifat angkuh dan bongkak. Oleh itu apa jua undang-undang dan peraturan yang ada, seharusnya meletakkan konsep bahawa segala perkara adalah milik mutlak Allah SWT.

Di dalam merealisasikan pekerjaan sebagai suatu ibadat, ia hendaklah berpegang kepada perkara yang halal di dalam *muamalat*. Di dalam Islam, keluasan perkara halal adalah lebih luas berbanding dengan perkara haram. Kesempatan perkara halal yang banyak ini perlu direbut kerana ia merupakan peluang bagi orang Islam, bukan sahaja untuk bermula malahan untuk beribadat.

Perniagaan tidak akan menjadi ibadat sekiranya terdapat unsur-unsur yang haram sama ada ia disebabkan oleh perniagaan yang dijalankan ataupun ia merupakan sesuatu yang mendatangkan kemudarat kepada individu, masyarakat dan juga negara. Ia perlu dijauhi dan ditinggalkan.

# Antara **BISNES** dengan **RUMAHTANGGA**

Oleh

Ustazah Salbiah Bte Omar  
B.A. (Syariah Islam) Al Azhar  
Dip. Pendidikan (UKM)  
Penceramah Bebas


## Pendahuluan

**D**i dalam kehidupan seharian, isu-isu rumahtangga adalah isu yang perlu dititikberatkan. Apatah lagi sekiranya isu rumahtangga dan bisnes digabungkan menjadi aktiviti harian. Sebelum mengkaji lebih lanjut mengenai topik ini, seseorang mestilah memahami konsep bisnes sebagaimana yang digambarkan oleh Allah SWT di dalam al-Quran surah as-Shaf, ayat 10-11:

بَلَىٰ إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا هُنَّ أَذْكُرُونَ عَلَىٰ تَحْزِيرٍ  
شُعْجُوكُمْ مِّنْ عَذَابِ أَلِيمٍ ۝ تَوْمَئُونَ إِلَيْهِ  
وَرَسُولُهُ وَمَنْهُدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يَأْمُوْلُكُمْ  
وَأَنْفِسُكُمْ ذَلِكُمْ حِزْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَقْلِيْمَنَ

Maksudnya:

"Wahai orang-orang yang beriman, mahukah kamu Aku tunjukkan sesuatu perniagaan yang boleh menyelamatkan



*kamu dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya? lalu kamu beriman kepada Allah SWT dan Rasul Nya, serta kamu berjuang dalam membela dan menegakkan agama Nya dengan harta benda dan diri kamu, yang demikian itulah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu hendak mengetahui (halakat yang sebenarnya)."*

Natijah daripada ayat ini, walau apapun bisnes yang diceburi, hendaklah dengan syarat bisnes itu berupaya menyelamatkan pelaksanaannya daripada seksa azab api neraka yang cukup pedih.

Ayat ini mengingatkan kisah yang berlaku pada Malik Bin Dinar, iaitu seorang yang kaya raya dan pada masa yang sama merupakan ahli perniagaan yang hebat. Malangnya kemewahan yang dimiliki menjadikannya lupa diri dan menghabiskan waktu dengan berfoya-foya. Ternyata kehidupan yang dilalui

oleh Malik Bin Dinar merupakan kehidupan yang menghampirkannya kepada azab Allah SWT. Pada suatu hari beliau telah bermimpi dan diberi sekasan api neraka yang pedih. Apabila terjaga daripada tidur beliau mendapatkan kulitnya terasa perit dan terdapat kesan terbakar. Mimpi tersebut telah memberikannya kesan yang sangat mendalam. Mulai hari itu beliau telah mula berubah sehingga Malik kemudiannya menjadi seorang Muslim yang warak dan kemudiannya menjadi seorang yang *zuhud*.

Perubahan zaman yang berlaku turut sama membawa angin perubahan kepada kedudukan wanita dan juga institusi rumah tangga. Bagi wanita yang mempunyai kerjaya atau di dalam ertikata yang lain bagi ibu-ibu yang bekerja mereka terpaksa membahagikan tanggungjawab sebagai seorang isteri, ibu dan juga sebagai seorang pekerja. Di dalam konteks kerjaya sudah tentu wanita bekerja sama ada untuk meringankan beban keluarga ataupun kerana memenuhi masa lapang. Manakala pada masa yang sama mereka juga mengharapkan kebahagiaan rumah tangga. Kedua-dua aspek ini memerlukan komitmen. Pembahagian masa yang saksama akan dapat mengelakkan timbulnya konflik antara rumah tangga dan kerjaya.

*Kemanisan iman merupakan puncak segala amalan yang dilakukan. Bagi mencapai tahap ini ia memerlukan latihan dan mujahadah. Apabila keimanan dapat dihayati, seseorang akan melakukan ibadat dengan mengharapkan keredhaan daripada Allah SWT.*

Jika hendak meletakkan bisnes dan rumah tangga pada tahap yang sama, syarat yang pertama hendaklah beriman dengan Allah SWT dan Rasul-Nya. Iman adalah teras kehidupan manusia. Sama ada di alam rumah tangga maupun di dalam urusan



*Al-Quran bukan setakat dibaca tetapi pemahaman dan penghayatannya akan dapat membentuk generasi gemilang*

bisnes, begitu juga untuk menjadi seorang suami yang baik, iman memainkan peranan yang penting.

Di dalam Islam, ruang lingkup iman bukan hanya sekadar terbatas kepada kepercayaan kepada Allah SWT semata-mata. Tetapi ia merupakan rantai atau jalinan beberapa rukun. Apabila beriman, manusia disuruh beriman bukan hanya kepada Allah SWT sahaja bahkan juga kepada para rasul, para malaikat, kitab, hari qiamat dan percaya kepada qada' dan qadar. Rasulullah SAW merupakan idola yang paling ideal kerana ia merupakan contoh bergerak, contoh yang boleh menterjemahkan al-Quran. Rasulullah SAW merupakan sebaik-baik ikutan.

Kemanisan iman merupakan puncak segala amalan yang dilakukan.

Bagi mencapai tahap ini ia memerlukan latihan dan *mujahadah*. Apabila keimanan dapat dihayati seseorang akan melakukan ibadat dengan mengharapkan keredaan Allah SWT semata-mata. Ibadat yang dilakukan adalah untuk mencari kepuasan di dalam konteks *hablun minna llaah* (hubungan antara manusia dengan Allah SWT) tanpa mengecualikan *hablun minna nas* (hubungan sesama manusia). Apabila sampai tahap ini tiada lagi kepura-puraan.

Terdapat sesetengah individu yang beribadat mengikut tempat tertentu. Sebagai contoh, sewaktu berada di Mekah mereka bersungguh-sungguh beribadat kerana mengambil berkat Mekah sebagai tempat mulia. Malangnya apabila pulang ke tanahair semakin hari ibadat yang dilakukan semakin kurang kualitinya.

*Al-Quran dibaca bukannya untuk pahala semata-mata tetapi pembacaannya merupakan suatu tuntutan.*

*Sebagai orang Islam tuntutan sebenar membaca al-Quran ialah mesti melepassi lima kaedah iaitu kita perlu mahir membaca, mahir menulis, mahir mentafsir dan menghayati tuntutan al-Quran.*

Melalui penghayatan iman, ia akan mencambahkan keihsanan di dalam diri. Kewujudan ihsan di dalam diri akan menambahkan kemanisan iman. Ihsan ialah melakukan sesuatu seolah-olah Allah SWT berada di hadapan. Rasulullah SAW menegaskan bahawa orang yang beriman bermakna seseorang itu mempunyai sifat-sifat ihsan di dalam kerjanya. Sesiapa yang memiliki sifat ihsan apabila melakukan sesuatu perkara, mereka menyedari bahawa Allah SWT melihat apa yang dilakukannya. Bagaimanapun kebanyakan manusia biasa tidak menyedari hakikat ini.

Syarat utama beriman kepada Allah SWT ialah berpegang teguh kepada al-Quran. Al-Quran dibaca bukannya untuk pahala semata-mata tetapi pembacaannya merupakan suatu tuntutan. Sebagai seorang Islam tuntutan sebenar membaca al-Quran

ialah mesti melepassi lima kaedah iaitu perlu mahir membaca, mahir menulis, mahir mentafsir dan menghayati tuntutan al-Quran. Hal ini ada dinyatakan di dalam surah at-Talaq, ayat 2-3:

وَمَنْ يَعْقِلَ اللَّهُ يَجْعَلُ لَهُ حَرَجًا ﴿١﴾  
وَرِزْقُهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْسِبُ وَمَنْ يَوْكِلَ  
عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ إِنَّ اللَّهَ بِلِغَ أَقْرَبَ  
فَذَجَّعَ اللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرَ إِذَا ﴿٢﴾

Maksudnya:

*"Sesiapa yang bertaqwa kepada Allah SWT nescaya Dia akan menjadikan jalan keluar (dari segala yang menyusahkannya) serta memberi rezeki daripada jalan yang tidak terlintas di hatinya. Sesiapa yang bertawakal kepada Allah SWT, maka Dia cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah SWT tetap melakukan segala perkara yang dikehendaki Nya. Allah SWT telah menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu."*

Di dalam persoalan pahala, tiada bezanya pahala yang dilakukan oleh seorang suami atau isteri. Sekiranya si isteri yang melakukan ibadat, dia akan mendapat pahalanya dan bukannya si suami. Sekiranya ingin membentuk keluarga yang sempurna, keimanan merupakan teras ataupun tunjang. Tanpa asas ini kebahagiaan yang cuba dibentuk akan mudah goyah.

Sifat saling percaya dan mempercayai juga merupakan kunci utama kebahagiaan rumahtangga. Keperihatinan suami membangun dan mengembangkan potensi isteri merupakan satu langkah terpuji. Ada individu yang memberikan kefahaman yang salah seolah-olah apabila berkahwin segala potensi yang ada pada si isteri telah tertutup. Sedangkan di dalam Islam, perkahwinan bukan bermakna tertutupnya potensi atau bakat yang sedia ada sebaliknya ia merupakan proses pengembangan.

Apa yang pernah dilakukan oleh Rasulullah SAW sepatutnya dijadikan ikutan untuk membentuk keluarga bahagia. Selepas berkahwin dengan Saidatina Khadijah, Rasulullah SAW tidak mematikan potensi yang ada pada isterinya malahan menggalakkan Saidatina Khadijah bermiaga. Apa yang menarik, perniagaan yang dijalankan oleh Saidatina Khadijah sentiasa beroleh keuntungan dan beliau telah mengagihkan sebahagian daripada keuntungan yang diperolehi kepada perkembangan dakwah Islamiyah. Saidatina Khadijah telah menunjukkan pekerja yang begitu mulia iaitu membelanjakan sebahagian rezeki yang diperolehi di jalan Allah SWT.

Isteri yang bekerja sebenarnya berhadapan dengan pelbagai risiko termasuklah di dalam konteks hubungan suami isteri. Sokongan daripada suami merupakan tonggak kejayaan seorang isteri. Seorang isteri yang berjaya bukan sahaja memerlukan sokongan di dalam bentuk material tetapi mereka juga memerlu-

kan sokongan moral. Inilah yang paling mustahak di dalam pembentukan kejayaan seorang isteri. Namun begitu sehingga kini masih ramai suami yang terlepas pandang untuk menunaikan tanggungjawab sebagai seorang suami. Rasulullah SAW ada menyebut di akhirat kelak, setelah seorang suami bersih dari dosa-dosa, akan tinggal satu dosa besar yang ditimbunkan untuk dilihatkan kepada Allah SWT iaitu dosa kerana membiarkan isteri yang dikahwini semakin jahil atau menjadikannya jahil.

Bagi isteri yang bekerja mereka sebenarnya perlu bijak membahagikan masa sebagai isteri, ibu dan juga sebagai pekerja. Sebagai seorang isteri yang bekerja, keseimbangan di antara kerjaya dan rumahtangga perlu dijaga

*Islam tidak pernah meletakkan kekayaan sebagai suatu halangan untuk melakukan amal ibadat. Bahkan Islam melihat harta kekayaan sebagai satu perspektif yang dapat menjamin kesinambungan pahala di dunia apabila seseorang itu meninggal dunia.*

supaya semakin lama tempoh perkahwinan, semakin erat hubungan antara suami isteri.

Amanah memainkan peranan yang penting bagi isteri yang bekerja supaya tanggungjawab yang diberikan tidak disalahguna. Seorang pekerja yang baik akan mengutamakan amanah di dalam setiap perbuatan mereka seperti melakukan sesuatu dengan bersungguh-sungguh, mengenepikan kepentingan diri dan yang paling mustahak tidak mencampurkan urusan rumah tangga dengan urusan pejabat atau sebaliknya.

Semangat jihad merupakan salah satu pemungkinan di dalam melaksanakan apa jua tugas yang diamanahkan tidak kira sama ada tugas di rumah ataupun di pejabat. Semangat jihad akan mencetuskan

bahawa sesuatu yang dilakukan ada matlamatnya seperti melakukan sesuatu kerana mengharapkan ke-redaan Allah SWT dan sebagainya. Rentetan daripada itu, ia juga menanamkan rasa ikhlas di dalam diri.

Islam tidak pernah meletakkan kekayaan sebagai suatu halangan untuk melakukan amal ibadat. Bahkan Islam melihat harta kekayaan sebagai satu perspektif yang dapat menjamin kesinambungan pahala di dunia apabila seseorang itu meninggal dunia. Ramai para sahabat merupakan orang yang berada dan mereka tidak lokek untuk membelanjakan harta untuk dimanfaatkan di jalan Allah SWT. Antara sepuluh orang sahabat Baginda SAW yang dijamin masuk surga adalah terdiri daripada mereka yang berharta seperti Saidina Abu Bakar, Saidina Umar, Saidina Uthman dan lain-lain lagi.



Melentur buluh biarlah daripada rebung

Walaupun para sahabat ini mendapat keuntungan berlipat kali ganda, mereka tidak mudah gelap mata sebaliknya para sahabat menggunakan keuntungan yang diperolehi untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT kecuali sedikit sahaja yang digunakan untuk keperluan mereka. Tetapi hari ini berapa ramaikah antara umat Islam yang mengikuti jejak para sahabat ini? Satu persoalan yang tidak mudah untuk dijawab. Bahkan ada segelintir umat Islam yang begitu berkira untuk mengeluarkan belanja membeli kitab-kitab agama untuk dimanfaatkan oleh ahli keluarga sebaliknya mereka begitu bermurah hati membelanjakan rezeki yang diperolehi ke jalan yang dilarang atau menghabiskannya sekadar untuk berhibur.

Melahirkan keberkatan di dalam rumah tangga dan di dalam bidang kerjaya memerlukan penelitian dan kepekaan bagi memastikan rezeki yang diperolehi diberkati Allah SWT. Al-Quran merupakan panduan yang dapat menghindarkan seseorang daripada menceburkan diri ke jalan yang dimurkai Allah SWT. Orang yang tidak menghayati ajaran al-Quran, walau apapun bisnes yang dilakukan, tidak akan mendapat keberkatan.

Penghayatan al-Quran di dalam rumah tangga juga merupakan satu jaminan kepada orang Islam bagi melahirkan keluarga yang diberkati. Penghayatan ajaran al-Quran akan dapat melahirkan sebuah keluarga yang aman, harmoni atau di dalam erti

kata yang lain, ia akan dapat melahirkan keluarga *as Sakinah*.

Keberkatan dan kenikmatan hidup sebagai seorang Islam akan dapat dikehendaki selama mana seseorang itu tidak melanggar ketentuan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Realiti ini diungkapkan sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah al-Jin, ayat 16:

وَأَلَّوْ أَسْتَقْمُوا عَلَى الظِّرِيقَةِ  
لَا سَيِّئَاتُهُمْ مَمَّا عَذَّقُوا

Maksudnya:

*"Sesungguhnya kalaupun mereka (manusia dan jin) itu berjalan betul di atas jalan (Islam), sudah tentu Kami (akan memberikan mereka sebab-sebab pembawa kemewahan, terutama) menurunkan hujan lebih daripada yang mereka sangkakan."*

Berdasarkan kepada ayat berkenaan dapat diambil iktibar maksud yang tersirat. Oleh yang demikian, di dalam mengimbangi antara rumah tangga dan bisnes, seseorang itu hendaklah beriman kepada Allah SWT dan Rasul-Nya, bersifat amanah, berjihad dan sentiasa menjaga keberkatan. Seseorang itu hendaklah mengagihkan sebahagian daripada harta dan pendapatan demi membelanjakannya ke jalan Allah SWT. Sekiranya manusia menyerahkan hartanya ke jalan Allah SWT dengan penuh ikhlas, mereka akan mendapat rahmat dan balasan yang berlipat ganda dari Nya.



*"Sesiapa yang menyuburkan tanah tandus, akan mendapat pahala, dan apa-apa yang dimakan oleh binatang, merupakan sedekahnya."*

Riwayat an-Nasa'i dan Ibnu Hibban

# RIBA' DI DALAM PERNIAGAAN

---

## DAN CARA-CARA MENGATASINYA

Oleh

Prof. Madya Dr. Mohd Daud Bin Bakar

B.A. (Syariah) (Kuwait), Ph.D. (St. Andrews)

Timbalan Dekan (Akademik), Kuliyyah Undang-Undang,

Universiti Islam Antarabangsa (U.I.A)



iba' bukanlah suatu perkara yang pelik bagi orang Islam. Rata-rata mereka mengetahui bahawa hukum riba' adalah haram, tetapi sejauh manakah mereka mengenali riba'? Satu persoalan yang mungkin juga sensitif bagi sesetengah individu Muslim apabila menyentuh masalah riba' dan kehidupan. Sekali pandang, di dalam sistem ekonomi konvensional seolah-olah riba' merupakan sesuatu yang bersifat dominan.

Di dalam kedaifan sistem ekonomi yang dimonopoli oleh sistem konvensional, masih adakah jalan keluar bagi umat Islam untuk membebaskan diri mereka daripada sistem kewangan yang berteraskan riba' ini? Sedangkan pengharaman riba' merupakan sesuatu yang jelas di dalam Islam sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah, ayat 275:

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ الرِّبَا

Maksudnya:

*"Dan Allah SWT menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba."*

Persoalan ini adalah agak mencabar kerana perkembangan dunia yang ada pada hari ini adalah dipengaruhi secara langsung oleh institusi riba'. Ia seolah-olah menjadi nadi umat manusia. Oleh kerana besarnya pengaruh riba' pada hari ini, perubahan terhadap kadar faedah negara akan membuatkan dunia menjadi panik. Sekiranya berlaku perubahan kadar faedah yang ditawarkan oleh bon kerajaan Amerika Syarikat, keseluruhan pasaran saham dunia akan terjejas. Begitu juga kesan yang akan dirasai oleh obligasi hutang syarikat sekiranya terdapat perubahan di dalam kadar faedah.

*Seandainya pihak bank membayar faedah sebanyak 8 peratus kepada pihak pendeposit, pihak bank akan mengenakan faedah sebanyak 10 peratus atau lebih terhadap para pengguna dana. Perbezaan 2 peratus margin tersebut adalah merupakan keuntungan kepada pihak bank. Ini merupakan sistem yang telah diamalkan pada hari ini, mudah dan senang.*

Di dalam kehidupan sehari-hari sebahagian besar kehidupan manusia dikuasai oleh mekanisme riba' secara langsung ataupun secara tidak langsung. Islam secara terang-terangan menjelaskan bahawa riba' adalah haram. Islam mengharamkan sistem riba' kerana kesan negatifnya yang terlalu tinggi bukan sahaja kepada individu, masyarakat tetapi juga kepada negara.

Kadar faedah pinjaman yang turun naik memberikan impak kepada sistem ekonomi dan keharmonian sesebuah negara. Kesan ini bukan sahaja dirasai oleh satu golongan sahaja malahan ia akan melibatkan segenap lapisan masyarakat tanpa mengira sama ada golongan kaya ataupun miskin. Apa yang pasti yang lemah makin tertindas kerana mereka menjadi mangsa kepada sistem yang ada.

Persoalan yang bermain di fikiran, seandainya sistem riba' itu merupakan sistem yang terbaik mengapa ia banyak menimbulkan masalah kepada orang lain dan hanya menguntungkan satu pihak sahaja. Pihak yang berada di atas terus menindas manakala yang berada di bawah terus tertindas. Adakah sistem ini merupakan satu sistem yang betul-betul mampan dan berkesan dalam pengarahan sistem ekonomi yang berdaya maju pada masa kini dan sampai bila kita harus meletakkan segala aktiviti perekonomian di atas dasar faedah?

Di dalam amalan sistem perbankan, selalunya pihak bank akan meminjam daripada pihak pendeposit

yang meletakkan wang di bank menerusi pelbagai akaun. Pihak bank akan menetapkan pulangan yang tetap untuk setiap akaun di dalam bentuk faedah dan keuntungan yang diperolehi ini adalah merupakan riba'. Dalam masa yang sama, wang yang terkumpul di bank akan disalurkan semula kepada pengguna, peminjam atau pelanggan di mana mereka juga akan dikenakan faedah. Kadar faedah yang dikenakan di peringkat ini adalah lebih tinggi daripada kadar faedah yang diberikan kepada pihak pendeposit.

Seandainya pihak bank membayar faedah sebanyak 8 peratus kepada pihak pendeposit, pihak bank akan mengenakan faedah sebanyak 10 peratus atau lebih terhadap para pengguna dana. Perbezaan 2 peratus margin tersebut adalah merupakan keuntungan kepada pihak bank. Ini merupakan sistem yang telah diamalkan pada hari ini kerana ia mudah dan senang.

Sistem perbankan konvensional telah bermula di Venice, Itali pada tahun 1875 Masehi. Berdasarkan kepada pengalaman pertama bank ini, bahawa tidak semua orang yang menyimpan wang akan mengeluarkan wang mereka pada hari yang sama. Oleh itu terdapatnya lebihan tunai atau likuiditi dalam simpanannya. Setelah pengamatan dilakukan, lebihan tunai atau likuiditi ini boleh digunakan atau disalurkan kepada pihak pengguna dana dan ia dikenakan kadar faedah. Konsep ini kemudiannya dikembangkan dan seterusnya di-

gunakan di seluruh dunia sehingga hari ini.

Firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah, ayat 278 dan 279:

يَنَاهَا أَذْيَكَ مَاءِنُوا أَتَعْوَأَهُ  
وَدَرُوا مَابِقَ مِنْ أَرْبُوَا إِنْ كُشَّ  
مُؤْمِنِينَ ﴿٢٧٨﴾ فَإِنَّمَّا تَفْعَلُو فَادْنُوا  
يَحْرِبُ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ

Maksudnya:

*"Wahai orang-orang yang beriman, bertawwalah kepada Allah SWT dan tinggalkan daripada apa yang kamu amalkan daripada riba', jika benar-benar beriman. Sekiranya kamu masih mengamalkan riba', seolah-olah kamu telah mengisyiharkan pering kepada Allah SWT dan Rasul Nya."*

Berdasarkan kepada ayat ini Allah SWT secara keras mengertak mereka yang mengamalkan riba' dengan mengisyiharkan perang kepada mereka. Secara logiknya tiada manusia yang akan berani berperang dengan Allah SWT kerana pastinya manusia akan kalah kerana manusia hanyalah makhluk sedangkan Allah SWT adalah Khalik.

Bagi mereka yang meletakkan keuntungan yang berlipat kali ganda sudah pastinya mereka akan memilih sistem riba' kerana keuntungannya secara zahirnya terjamin dan menjanjikan pulangan yang besar berbanding dengan sistem kewangan

*Riba' adalah merupakan konsep yang menentukan pulangan atau pendapatan yang tetap dalam keadaan mana sekali pun. Konsep ini seterusnya akan menyisihkan amalan perkongsian keuntungan, persahabatan dan persaudaraan dalam masyarakat sebagaimana yang telah dianjurkan oleh Islam.*

Islam. Ini merupakan sebahagian fakta yang menyebabkan mengapa orang ramai memilih sistem kewangan konvensional.

Hakikatnya, agak sukar untuk memisahkan diri daripada sistem perbankan konvensional hari ini. Sekiranya kadar faedah adalah tinggi pada hari tersebut, orang ramai akan mengeluarkan wang mereka daripada pasaran saham dan memasukkannya ke dalam bank dan sekiranya kadar faedah diturunkan, orang ramai akan mengeluarkan wang daripada bank dan memasukkannya pula ke dalam pasaran saham.

Persepsi orang ramai terhadap sistem kewangan keseluruhannya adalah diasaskan kepada kadar faedah. Pada hari ini telah terdapat pasaran hadapan untuk kadar faedah antara bank iaitu KLIBOR (Kadar Faedah Antara Bank). Riba' bukan sahaja diharamkan oleh Islam malahan oleh syariat yang terdahulu.

## **Rasional Pengharaman Riba**

1. Amalan riba' akan menyisihkan prinsip ekuiti atau prinsip perkongsian untung dan rugi di dalam masyarakat. Konsep perkongsian untung dan rugi di antara pihak pemodal dengan pihak pengusaha ini telah menjadi teras kepada Islam semenjak 13 kurun yang terdahulu. Konsep riba bukan merupakan konsep perkongsian untung rugi. Pihak pengusaha yang meminjam wang dari bank terpaksa membayar balik keseluruhan pinjaman termasuk faedah tanpa mengambil kira prestasi syarikat.

Di dalam konsep Islam, keuntungan akan dibahagikan sebagaimana yang dipersetujui dengan pihak bank yang menyediakan modal dan begitu juga sekiranya mengalami kerugian. Sementara itu, riba' adalah merupakan konsep yang menentukan pulangan atau pendapatan yang tetap dalam keadaan mana sekalipun. Konsep ini seterusnya akan menyisihkan amalan perkongsian keuntungan, persahabatan dan persaudaraan dalam masyarakat sebagaimana yang telah dianjurkan oleh Islam.

2. Amalan riba' lebih mementingkan kepada aspek jaminan atau cagaran. Sekiranya seseorang itu perlu untuk membuat pinjaman daripada bank, mereka perlu memiliki aset yang banyak yang boleh dicagarkan. Bagaimana pula dengan peniaga kecil yang sudah



Kini sudah terdapat sistem perbankan dan insuran secara Islam

tentu mereka sukar untuk mendapat pinjaman kerana lazimnya mereka tidak memiliki aset yang banyak. Keadaan ini akan memberi kesan yang besar terhadap masyarakat di mana peniaga-peniaga kecil akan disisihkan daripada sistem perbankan. Justeru, terdapat beberapa skim telah diperkenalkan di Malaysia pada hari ini bagi membantu para peniaga kecil kerana mereka tidak berupaya untuk memperolehi pinjaman melalui saluran biasa kerana tidak

mampu menyediakan jaminan yang mencukupi.

Kesan daripada masalah ini, akan wujudlah jurang perbezaan yang besar di antara mereka yang berada dan mereka yang kurang berada di dalam masyarakat. Di dalam Islam, perkara yang penting adalah projek itu hendaklah berdaya maju dan menguntungkan sama ada perniagaan kecil atau besar dan cagaran bukanlah perkara yang mestii bagi mendapatkan dana daripada pihak pembiaya.

3. Amalan riba' dalam masyarakat tidak akan menggalakkan kreativiti dan pembaharuan di dalam aktiviti ekonomi kerana pihak yang menggunakan dana atau modal terpaksa menjalankan aktiviti yang dianggap biasa bagi memperolehi keuntungan. Mereka akan menghadapi tekanan untuk membayar pinjaman serta faedah dan kerugian sekiranya ada. Penekanan mereka terhadap penyelidikan kepada suatu yang baru di dalam aktiviti perekonomian akan terpaksa dikurangkan supaya perhatian dapat diberikan terhadap keuntungan bagi membayar balik pinjaman serta faedah. Sekiranya amalan perkongsian keuntungan dapat digalakkan, lebih banyak syarikat baru akan muncul dengan lebih produktif, kreatif dan inovatif.
4. Amalan riba' adalah merupakan tulang belakang kepada sistem kapitalis Barat di mana orang yang paling beruntung adalah mereka

yang mempunyai modal yang banyak. Mereka boleh melambakkan keseluruhan wang yang ada di dalam bank atau pasaran saham dan mendapat pulangan yang besar tanpa sebarang risiko kerana pulangan kadar faedah adalah tetap dan terjamin. Ini bukan merupakan dasar Islam kerana harta yang ada tidak boleh melahirkan harta, manakala wang pula tidak boleh melahirkan wang tambahan melainkan disertakan dengan usaha, risiko, pengurusan dan perniagaan. Seandainya wang dijadikan sebagai komoditi, kita akan melihat banyak krisis berlaku di dunia kerana wang bukanlah suatu komoditi tetapi hanya merupakan medium pertukaran.

Untuk melihat kepada alternatif atau cara untuk mengatasi riba', Allah SWT telah menyebut di dalam al Quran dalam surah al-Baqarah, ayat 275:

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ الرِّبَا

Maksudnya:

"Dan Allah SWT menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba'."

Namun, persoalan yang mungkin timbul apabila ingin memulakan sesuatu perniagaan, syarikat atau sebagainya, adalah keperluan modal. Modal yang diperlukan sama ada dalam bentuk modal kerja atau di dalam menyediakan peralatan bagi menyiapkan sesuatu projek. Keseluruhan kemudahan pembiayaan

yang ditawarkan pada masa kini adalah merupakan pembiayaan berdasarkan kepada unsur riba'. Apakah alternatif atau jalan keluar untuk peniaga membersihkan diri daripada amalan riba' ini?

Di Malaysia pada masa sekarang telahpun wujud dua bentuk sistem perbankan iaitu sistem perbankan secara konvensional dan skim perbankan Islam. Skim perbankan Islam yang telah diperkenalkan ini mempunyai banyak alternatif yang kadang kala lebih baik daripada skim perbankan konvensional. Ketidakfahaman sesetengah individu Islam secara empirikal tentang sistem perbankan Islam menyebabkan mereka mengambil jalan yang begitu mudah melihat kepada keuntungan semata-mata, sedangkan produk perbankan Islam yang ditawarkan adalah lebih kompetitif berbanding dengan perbankan konvensional sama ada untuk pembiayaan peribadi atau perseorangan, perniagaan dan sebagainya. Skim pembiayaan secara Islam ini memerlukan sokongan setiap

*Di dalam sistem konvensional, kadar faedah yang dikenakan adalah tidak konsisten dan akan mengalami penurunan atau peningkatan. Setiap kali kadar faedah meningkat, bayaran ansuran bulanan juga akan turut meningkat dan begitu pula sebaliknya.*

daripada kita secara peribadi dan juga syarikat.

Di dalam skim pembiayaan yang telah ditawarkan sekarang, di dalam konteks modal kerja, modal pusingan dan sebagainya, terdapat dua pilihan sumber pembiayaan iaitu sama ada menerusi pembiayaan secara hutang atau yang lebih dikenali sebagai *al-Bai' Bithaman Ajil* (Bayaran Tertangguh) ataupun *al-Murabahah* (Jualan Secara Untung).

Menerusi pembiayaan konvensional, sesebuah syarikat yang layak untuk mendapatkan pinjaman bagi membiayai pembelian peralatan akan mendapatkan pinjaman yang berbentuk tunai. Seterusnya peminjam dikehendaki untuk membayar balik jumlah pinjaman serta kadar faedah sebagaimana yang telah ditentukan. Menerusi sistem perbankan Islam, apa yang dilakukan adalah pihak bank akan terlebih dahulu membeli peralatan yang diperlukan secara tunai daripada pengeluar atau pemilik dan kemudiannya akan menjual semula peralatan kepada pihak pengusaha pada harga tertangguh serta dengan kadar keuntungan tertentu. Dengan yang demikian, hubungan di antara pihak bank dan pengusaha adalah hubungan di antara penjual dan pembeli. Pembiayaan sebagaimana yang telah dianjurkan oleh Islam adalah lebih mudah dan jelas.

Persoalan yang sering ditimbulkan ialah apakah perbezaan di antara pembiayaan secara Islam dan pembiayaan secara konvensional? Menyentuh persoalan ini ia

memerlukan kepada penelitian jangkamasa panjang. Sebagai contoh, dua jiran yang tinggal di dalam satu kawasan perumahan yang sama tetapi mengambil pinjaman yang berlainan iaitu pembiayaan perumahan konvensional dan secara Islam.

Pihak yang mengambil pembiayaan secara konvensional sering kali membayar ansuran lebih rendah berbanding dengan pembiayaan secara Islam.

Sebenarnya hal ini tidak sebagaimana yang digambarkan. Walaupun pembiayaan secara Islam kelihatan seolah-olah lebih mahal, bayaran balik secara bulanan adalah di dalam jumlah yang konsisten dan tetap sehingga keseluruhan pinjaman habis dibayar. Di dalam sistem konvensional, kadar faedah yang dikenakan adalah tidak konsisten dan akan mengalami penurunan atau peningkatan. Setiap kali kadar faedah meningkat, bayaran ansuran bulanan juga akan turut meningkat dan begitu pula sebaliknya. Hal sebegini tidak akan dimaklumkan kepada pembeli sehingga tamat tempoh bayaran balik dan pihak bank kemudiannya akan memaklumkan masih terdapat baki hutang yang belum diselesaikan kesan dari peningkatan atau penurunan kadar faedah. Analisis terakhirnya, pembiayaan secara Islam akan memerlukan bayaran bulanan yang tetap sehingga segala hutang diselesaikan dan hal ini tidak berlaku di dalam pembiayaan konvensional.

Bagi syarikat pula, pembiayaan secara Islam adalah lebih baik kerana

pihak syarikat berupaya untuk membuat anggaran atau belanjawan yang lebih baik memandangkan perbelanjaan mereka adalah tetap. Di dalam konsep konvensional, hal ini tidak dapat dilakukan kerana kadar faedah terhadap pinjaman adalah sering turun dan naik. Di dalam konteks Islam, terdapat penjelasan dan kepastian yang membolehkan anggaran yang tepat terhadap perbelanjaan syarikat di dalam konsep ekonomi hari ini.

Konsep perbankan secara Islam dikatakan agak 'merugikan' pada hari kini kerana kadar faedah yang dikenakan oleh bank-bank konvensional agak rendah. Apa yang dilakukan sekarang ialah pihak perbankan Islam akan memberikan diskaun kepada pihak pelanggan ataupun telah dicadangkan agar satu produk baru diperkenalkan berdasarkan kadar terapung.

Di dalam konteks syarikat, pihak bank boleh membeli barang atau peralatan dan kemudiannya menjual atau menyewakannya semula kepada pelanggan. Kadar sewa bulanan tersebut boleh diapungkan untuk setiap bulan atau tahun, berdasarkan kepada perubahan kos dana di dalam pasaran masyarakat hari ini. Ini adalah merupakan pendekatan *al-ijarah* yang merupakan di antara pendekatan yang mencerminkan pasaran dana semasa dalam masyarakat. Banyak syarikat khususnya syarikat luar negara yang mempunyai projek jangka panjang, mengambil skim pembiayaan secara Islam atau lebih tepat lagi *al-ijarah* memandangkan anggaran perbelanjaan masa hadapan dapat dilaksanakan dengan lebih tepat.

Seandainya seseorang merasa kurang selesa terhadap pembiayaan secara hutang, pendekatan pem-



Pembiayaan pembelian rumah secara Islam adalah menguntungkan pada jangka panjang

biayaan yang paling baik dalam Islam adalah pembiayaan ekuiti ataupun perkongsian untung dan rugi. Ini adalah merupakan pendekatan yang memberi kekuatan kepada masyarakat. Pembiayaan secara konvensional tidak akan melaksanakan konsep ini memandangkan mereka tidak mempunyai kepercayaan, kefahaman, keimanan dan keyakinan kepada dasar perkongsian keuntungan dan konsep perkongsian keuntungan sering kali dianggap sebagai telah ketinggalan zaman.

Konsep perkongsian ini adalah konsep yang diasaskan oleh Islam dan di antaranya adalah konsep *Mudharabah*. Konsep ini adalah di mana satu pihak akan menyumbangkan modal manakala satu pihak lagi akan menyumbangkan kapakaran. Keuntungan akan dibahagikan berdasarkan kepada nisbah tertentu yang dipersetujui bersama.

Sekiranya perkongsian ini mengalami kerugian, ianya akan ditanggung oleh pihak pemodal manakala pihak pengusaha akan menanggung kerugian masa, tenaga dan sebagainya. Ini adalah konsep yang telah dibawa oleh Rasulullah SAW ketika berniaga bersama Saidatina Khadijah RA sebelum beliau dilantik sebagai Rasul.

Sejarah telah membuktikan bahawa tamadun Islam selama 14 kurun yang terdahulu adalah berdasarkan kepada prinsip pembiayaan secara ekuiti. Pemodal akan menyediakan dana dan berkongsi untung dan rugi manakala

*Untuk syarikat, pembiayaan secara Islam adalah lebih baik kerana pihak syarikat berupaya untuk membuat anggaran atau belanjawan yang lebih baik memandangkan perbelanjaan mereka adalah tetap. Di dalam konsep konvensional, hal ini tidak dapat dilakukan kerana kadar faedah terhadap pinjaman adalah sering turun dan naik.*

pengusaha akan menyumbang kapakaran dan tenaga.

Konsep yang kedua adalah konsep *Musyarakah* di mana kedua-dua pihak akan menyediakan modal dan juga kapakaran serta tenaga. Mana-mana pihak boleh mengundurkan diri daripada terlibat secara langsung dalam pengurusan. Pasaran saham yang dilihat hari ini adalah berkonseptan *Musyarakah*. Pembeli hanya membeli saham atau modal dan tidak terlibat dengan pengurusan secara langsung.

Hal yang menarik bagi konsep *Musyarakah* ini ialah sebagaimana yang telah dilaksanakan di Halifax, Kanada di mana terdapat 200 keluarga Islam yang kebanyakannya berhijrah dari India, Pakistan dan juga negara Arab. Di antara keperluan mereka ialah pembelian rumah. Untuk membeli rumah tersebut, mereka perlu mendapatkan pinjaman secara

konvesional. Memandangkan pinjaman tersebut bukanlah berlandaskan kepada hukum Islam, mereka telah mengambil langkah mewujudkan satu dana di kalangan masyarakat Islam bagi membeli rumah berdasarkan konsep *Musyarakah Mutanaqisah* atau konsep persyarikatan yang semakin menurun. Sebagai contohnya, sebuah rumah berharga \$100,000, pihak pembeli perlu menyediakan 10 peratus atau \$10,000 bagi mendapatkan rumah tersebut. Baki sebanyak \$90,000 akan disediakan oleh pihak komuniti Islam yang lain dengan menyumbangkan kepada dana tersebut. Jumlah sebanyak \$100,000 akan terkumpul dan seterusnya digunakan untuk membeli rumah secara tunai daripada pemaju.

Dalam hal yang demikian, mereka telah membentuk satu persyarikatan. Rumah tersebut adalah merupakan milik bersama yang kemudian akan disewakan kepada pembeli yang telah menyediakan bayaran sebanyak 10 peratus. Sewa bulanan akan dikenakan dan dibayar kepada syarikat berkenaan. Sewa bulanan yang dibayar akan dibahagikan kepada dua entiti iaitu entiti komuniti dan entiti pemilik dengan nisbah 90:10. Nisbah entiti pemilik tidak akan digunakan oleh pemilik tetapi akan digunakan bagi menebus semula (*redeemed*) peratus saham komuniti dan rumah tersebut. Pada setiap bulan peratus pemilikan saham akan berkurangan hingga pada akhirnya saham tersebut habis ditebus dan rumah berkenaan menjadi miliknya sendiri. Cara begini bukanlah mudah, tetapi di atas dasar keimanan, mereka

berupaya melaksanakannya. Akhirnya keseluruhan keluarga telah berupaya memiliki rumah menerusi kaedah pembiayaan Islam ini.

Pada masa kini telah wujud di Malaysia pembiayaan secara Islam. Di dalam konteks syarikat, syarikat yang hendak mengendalikan perniagaan juga boleh menggunakan konsep sebagaimana yang telah digunakan oleh masyarakat Islam di Kanada.

Sudah sampai masanya umat Islam menyediakan infrastruktur kewangan yang cukup sebagai satu pusat kewangan yang lengkap dengan insuran, surat kredit, diskaun surat kredit dan sebagainya. Kemudahan ini adalah penting terutamanya apabila melaksanakan sesuatu projek di mana pembiayaan secara Islam telah pun menyediakan alternatif seperti boleh "menjual hak" menerima bayaran daripada pihak pemaju kepada bank dan pembeli seterusnya akan membayar kepada bank secara terus ke atas bayaran yang telah didahulukan oleh pihak bank.

Infrastruktur sebegini telahpun wujud di dalam skim perbankan Islam dan tiada alasan tidak boleh melaksanakan projek atau menjalankan perniagaan berlandaskan pembiayaan secara Islam dan mengatasi riba'. Sekiranya ingin mengekspot barang, skim *Takaful* telah menyediakan kemudahan yang boleh mengawal risiko perjalanan, malahan satu skim takaful yang boleh menanggung risiko pergolakan politik dan pertukaran matawang telah diperkenalkan di Jeddah. Masyarakat

Islam perlu didedahkan bahawa telah ada pusat kewangan yang lengkap terhadap produk-produk perbankan secara Islam di dalam usaha menjauhkan diri daripada amalan riba' yang dilaknat oleh Allah SWT.

Sebagai rumusannya, banyak kemudahan telah wujud di dalam skim perbankan secara Islam bagi mengatasi riba'. Di peringkat peribadi atau syarikat, dalam konteks akaun simpanan adalah disarankan agar masyarakat Islam menukar akaun simpanan secara konvensional kepada akaun simpanan *al-Wadiah*. Dalam akaun semasa konvensional syarikat, bank tidak akan membayar sebarang faedah ke atas simpanan tersebut tetapi di dalam produk Islam simpanan tersebut akan dibayar keuntungan. Syarikat juga boleh membeli nota-nota dan bon-bon Islam yang banyak di dalam pasaran sebagai pelaburan.


Begini juga dengan pasaran saham, terdapat lebih daripada 500 kaunter di bursa saham yang merupakan kaunter-kaunter Islam. Pada masa kini, kita boleh melabur di dalam 13 amanan saham yang telah diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti, dan begini juga dana-dana Islam yang telah wujud di luar negara seperti di Bahamas.

Kesimpulannya, telah wujud pelbagai produk Islam yang mampu memberikan jawapan yang jelas kepada masyarakat Islam untuk keluar daripada larangan Allah SWT. Umat Islam merupakan manusia yang

diamanahkan oleh Allah SWT. Umat Islam perlu mempastikan rezeki yang diperolehi itu adalah halal. Matlamatnya ialah rezeki yang diperolehi mesti bersih dan membawa berkat.

*Sudah sampai masanya umat Islam menyediakan infrastruktur kewangan yang cukup sebagai satu pusat kewangan yang lengkap dengan insuran, surat kredit, pendiskaunan surat kredit dan sebagainya.*

Satu fakta yang tidak dapat disangkal ialah umat Islam sebenarnya masih di peringkat awal untuk melaksanakan sistem kewangan secara keseluruhan meskipun Islam telah memperkenalkan kaedah ini sejak 14 kurun yang lalu. Adalah diharapkan niat yang murni ini akan dapat dilaksanakan meskipun ia akan berhadapan dengan pelbagai halangan dan cabaran. Perlu diketengahkan bahawa Islam membawa yang terbaik di dalam semua aspek termasuklah di dalam sistem kewangan dan perbankan. Sistem kewangan konvensional kini telah terbukti mempunyai pelbagai kekurangan dan mendatangkan impak yang negatif kepada para pengguna. Justeru di dalam keadaan sebegini sistem kewangan dan perbankan Islam merupakan yang terbaik.



"Kalaularah tidak kerana  
Nabi Yunus termasuk  
di kalangan orang  
yang berfasih, nescaya  
dia akan kekal di dalam  
perut ikan (Nian)  
hingga hari Kiamat."

Surah as-Shalaat:  
Ayat 143 – 144



# PERNIAGAAN GLOBAL

*berlandaskan*

# LUNAS-LUNAS ISLAM

Oleh

Hj. Musa Bin Ahmad

D.P.A. (IHTM), B.A., M.P.A. (Syracuse), CRP, (Maxwell)

Pengurus Besar, Pusat Zakat Melaka

Majlis Agama Islam Melaka



andangan Islam terhadap dunia perniagaan adalah amat jelas di mana Islam menggalakkan umatnya supaya melibatkan diri dalam kegiatan perniagaan. Ia merupakan salah satu aspek yang tidak boleh diperkecilkan kerana perniagaan adalah kegiatan yang sangat penting untuk sebuah negara. Justeru, hubungan Islam dengan urusan perniagaan ini telah banyak dinyatakan di dalam hadis Nabi SAW:

أَفْضَلُ الْكَسْبِ عَمَلُ الرَّجُلِ  
بِيَدِهِ وَكُلُّ بَعْثَرٍ مَبُرُورٌ

Maksudnya:

"Mata pencarian yang paling afidhal adalah bermiaga yang penuh kebijakan dari daya usaha tangannya."

(Hadis Riwayat Tabrani)

Nabi SAW sendiri telah menggalakkan umat Islam agar menceburkan diri di dalam

perniagaan. Sumber mutlak rezeki itu sememangnya adalah daripada Allah SWT dan perniagaan adalah merupakan salah satu daripadanya. Nabi SAW telah mengatakan bahawa:

تِسْعَةُ أَعْشَارِ الرِّزْقِ فِي  
الْتَّجَارَةِ

Maksudnya:

*"Sembilan persepuhlus sumber rezeki boleh diperolehi melalui perniagaan."*

(Hadis Riwayat Tirmizi)

Perniagaan merupakan sektor yang sangat penting dalam perekonomian negara dan di dalam konteks masyarakat setempat, penglibatan umat Islam di dalam dunia perniagaan adalah perlu bagi meneruskan sunnah Nabi SAW.

Nabi SAW telah menunjukkan satu contoh teladan yang baik dengan menceburkan diri di dalam dunia

perniagaan. Para sahabat, telah banyak memberi sumbangan yang besar terhadap dakwah Islamiah bagi mengembangkan syiar Islam dan meletakkan lambang Islam di tempat yang dikagumi hasil daripada keuntungan-keuntungan yang telah mereka perolehi daripada perniagaan. Di dalam sirah Rasulullah SAW, banyak disebut di dalamnya bagaimana para sahabat telah menabur bakti dan khidmatnya apabila bermiaga sambil mereka tidak lupa dalam soal-soal untuk mengembangkan dakwah Islamiah. Sekiranya tuntutan hadis ini diterjemahkan dengan lebih mendalam, dunia ekonomi boleh ditakluki menerusi perniagaan.

Masyarakat Melayu yang beragama Islam khususnya di Malaysia, berkat kegigihan dan semangat untuk membangunkan negara, mereka telah mula menceburkan diri dalam bidang perniagaan di dalam pelbagai sektor sama ada secara kecil-kecilan ataupun



Perdagangan global telah bermula sejak di zaman Rasulullah SAW

secara besar-besaran. Pada hari ini masyarakat Melayu Islam telahpun berjaya di dalam pelbagai sektor termasuklah sektor pembuatan. Bagi menjayakan usaha yang murni ini, ia memerlukan sokongan daripada semua pihak agar ia mampu direalisasikan dan dikembangkan.

Namun kuantiti orang Melayu Islam yang benar-benar berjaya di dalam bidang perniagaan pada hari ini masih kecil jika dibandingkan dengan usahawan yang bukan Islam. Masih terdapat di kalangan usahawan Islam yang belum mencapai tahap persaingan yang tinggi terutama di dalam dunia perniagaan global.

Di dalam Islam, perdagangan global ini telahpun bermula sejak di zaman Nabi Muhammad SAW lagi. Ia bertepatan dengan kedudukan orang-orang Quraisy dan sebahagian daripada bangsa Arab pada ketika itu sebagai pemegang kunci perdagangan di Semenanjung Tanah Arab manakala kota Mekah berperanan sebagai pusat perdagangan.

Perkongsian perniagaan sebegini perlu dihayati dan diterapkan di dalam tafsiran perniagaan secara global pada hari ini. Tahun-tahun yang akan datang adalah dikatakan tahun-tahun yang penuh dengan cabaran dan akan membawa perubahan besar kepada ekonomi dunia. Pada hakikatnya perlu dilihat perniagaan sebagai salah satu wadah untuk beramal ibadat, manakala rezeki yang diperolehi adalah untuk disyukuri dan bukannya untuk bermegah-megah.

*Perdagangan global ini telah bermula semenjak di zaman Nabi Muhammad SAW lagi, bertepatan dengan kedudukan orang-orang Quraisy dan sebahagian daripada bangsa Arab pada ketika itu sebagai pemegang kunci perdagangan di Semenanjung Tanah Arab dan kota Mekah sebagai pusat perdagangan.*

Perspektif globalisasi Barat adalah amat jauh berbeza dengan perspektif globalisasi Islam. Perniagaan global yang berlandaskan lunas-lunas dan nilai-nilai Islam yang dihayati oleh golongan sektor korporat adalah isu yang sering dibahaskan. Menyentuh tentang isu nilai dan etika dalam budaya korporat pada hari ini, kebanyakan ahli sarjana menulis tentang budaya korporat di dalam perspektif Islam adalah menyentuh hal-hal seperti amanah, adil, ikhlas, berkerja keras dan lain-lain. Ia merupakan elemen utama di dalam meningkatkan produktiviti dan kualiti barang dan perkhidmatan.

Unsur-unsur yang dimaksudkan tersebut adalah merupakan segala usaha dan ikhtiar yang telah dikerjakan dan seterusnya berserah serta bertawakal kepada Allah SWT. Unsur berserah kepada Allah SWT tidak

dibawa oleh orang-orang Barat kerana mereka mengamalkan kehidupan yang memisahkan di antara agama dan perniagaan. Tumpuan terakhir sesuatu usaha atau perjuangan hendaklah ditujuarahkan kepada Allah SWT.

Setiap kali melakukan sesuatu, orang Islam perlu ingat bahawa mereka hanya mampu merancang, yang menentukan adalah Allah SWT. Ini merupakan prinsip yang perlu didokong oleh semua orang Islam bahawa di dalam merencanakan apa juga perbuatan, kudrat yang ada pada mereka sebenarnya amat terhad dan terbatas. Apabila prinsip ini dihayati, walau apapun dugaan yang diterima orang Islam akan menjadi lebih tabah dan ia akan dapat menjauhkan diri daripada cepat merasa berputus asa.

Di dalam merealisasi apa juga usaha dan perbuatan, tawakal merupakan kekuatan dalaman yang perlu ada pada setiap diri orang Islam. Apabila bertawakal, seseorang itu menyerahkan segala-galanya kepada Allah SWT dan pada masa yang sama juga doa digunakan sebagai sumber kekuatan untuk mempastikan apa yang diinginkan dimakbulkan.

Inilah perbezaan yang ketara antara perniagaan orang-orang Islam dengan mereka yang bukan Islam. Walaupun perniagaan global yang direncanakan mereka sebenarnya lemah di dalam aspek-aspek dalaman ataupun kerohanian. Oleh itu tidak menghairankan sekiranya mereka berhadapan dengan masalah-masalah yang kronik, mereka menjadi hilang arah dan berputus asa.

Ahli perniagaan Islam yang meletakkan ketauhidan kepada Allah SWT sebagai tunjang pastinya tidak akan mudah melatah apabila ditimpa musibah. Tauhid adalah merupakan sumber kepada tawakal iaitu kepercayaan yang penuh dan bulat kepada Allah SWT baik tentang kekuasaan Nya mahupun ketentuan yang telah ditetapkan oleh Nya. Inilah konsep di dalam Islam yang dipanggil *ubudiah* atau mengabdikan diri kepada Allah SWT semata-mata untuk mendapatkan keredhaan Nya. Islam sebagai satu cara hidup yang berteraskan kepada ilmu, iman dan amal menekankan bahawa matlamat hidup ini adalah semata-mata untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT. Matlamat Allah SWT mencipta manusia dan jin adalah semata-mata untuk beribadat kepada Nya. Inilah yang perlu dibawa dalam pendekatan perniagaan global ini.

*Tidakkah engkau melihat  
(Wahai Muhammad)  
bagaimana Allah SWT  
mengemukakan satu  
perbandingan, iaitu: Kalimah  
yang baik adalah ibarat  
sepohon pokok yang baik,  
yang pangkalnya (akar  
tunjangnya) tetap teguh, dan  
cabang puncaknya  
menjulang ke langit.*



Perniagaan global berlandaskan lunas-lunas dan nilai-nilai Islam perlu dihayati oleh golongan sektor korporat

Firman Allah SWT di dalam surah Ibrahim, ayat 24:

الْمَرْكِفُ ضَرِبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً  
صِبَّةً كَشْجَرَةٍ صَبَّةً أَصْلَهَا  
ثَابِتٌ وَفَعَّاهَا فِي السَّكَاءِ

Maksudnya:

*"Tidakkah engkau melihat (Wahai Muhammad) bagaimana Allah SWT mengemukakan satu perbandingan, iaitu: Kalimah yang baik adalah ibarat seohon pokok yang baik, yang pangkalnya (akar tunjangnya) tetap teguh, dan cabang puncaknya menjulang ke langit."*

Berdasarkan kepada ayat ini, Allah SWT telah memberikan contoh bahawa dalam kehidupan manusia perlu ada apksi pegangan yang kuat iaitu di atas

dasar tauhid. Dengan pegangan tauhid yang kuat, manusia tidak akan merasa gentar terhadap sebarang cabaran yang datang kerana segala-galanya adalah ketentuan Allah SWT. Sekiranya matlamat hidup ini ditujukan untuk mengabdikan diri semata-mata kepada Allah SWT, hubungan manusia dengan Allah SWT tidak akan putus bahkan menjadi semakin erat. Demikian juga dituntut usaha untuk mempertingkatkan produktiviti dan kualiti dalam dunia perniagaan. Sekiranya pendekatan ini dibawa di dalam kehidupan seharian, nescaya manusia akan berjaya dan sudah tentu dunia perniagaan yang dibawa hari ini dapat keberkatan Allah SWT. Ajaran Islam meletakkan harta benda itu sebagai pemberian Allah SWT yang seharusnya dinikmati oleh pemakainya dan perlu dijaga agar tidak digunakan untuk sesuatu yang tidak berfaedah.

*Ajaran Islam meletakkan harta benda itu sebagai pemberian Allah SWT yang seharusnya dinkmati oleh pemakainya dan perlu dijaga agar tidak digunakan untuk sesuatu yang tidak berfaedah.*

Harta benda adalah keperluan di dalam kehidupan seharian dan umat Islam dituntut agar berusaha untuk mencari kekayaan agar dapat dimanfaatkan untuk orang lain seperti mengeluarkan zakat, sedekah jariah, wakaf dan lain-lain. Misalnya, dengan mengeluarkan zakat, harta yang sedia ada akan bertambah subur dan diberi keberkatan. Sekiranya zakat perniagaan dikeluarkan daripada harta perniagaan yang cukup *haul* dan *nisab* serta barang-barang itu sememangnya untuk diperniagakan, ia merupakan satu bentuk penyucian harta, diri dan akhlak manakala baki harta yang tinggal akan menjadi lebih berkat, subur, berkembang serta akan berkekalan hingga ke akhirat.

Di dalam mengejar keuntungan, ahli peniaga Islam mesti memahami bahawa terdapat hak orang lain terhadap setiap harta yang dimiliki iaitu hak-hak orang yang kurang bernasib baik dan ia perlu diagih-agihkan agar faedahnya dapat dirasai bersama. Hal ini dapat dilaksanakan

apabila manusia bersandar kepada tauhid dan kembali menyerahkan diri kepada Allah SWT. Sikap dan cara hidup sebeginilah yang telah digambarkan oleh al-Quran. Sekiranya Allah SWT telah mengurniakan nikmat, manusia seharusnya tidak melupakan kepada yang memberi nikmat iaitu Allah SWT juga.

Di dalam sebuah artikel *Dewan Budaya September 1995, Korporat Melayu Di Ajak Meningkat Mertabat* di mana artikel tersebut menggambarkan kejayaan orang-orang korporat sebelum kegawatan ekonomi. Korporat Melayu yang kaya telah mula melakukan pembaziran dengan pembelian jet-jet mahal, kapal-kapal layar dan kereta-kereta mewah. Selain daripada itu juga golongan korporat Melayu ini telah mula menukar haluan dan pedoman hidup akibat dirangsang oleh kemewahan. Kadang kala wang yang banyak yang diperolehi daripada hasil perniagaan itu tidak dapat memberi faedah kepada masyarakat kerana tidak digunakan untuk kebaikan bersama. Di antara golongan korporat Melayu tersebut telah berjaya meletakkan diri mereka setanding dengan golongan korporat di Barat sebagai jutawan yang hebat.

Pengertian terhadap perniagaan global adalah luas dan sudah tentu untuk mengendalikannya perlulah berlandaskan kepada lunas-lunas Islam yang tidak bercanggah dengan al-Quran dan as-Sunnah dan bukan sebagaimana peradaban yang dibawa oleh Barat. Oleh itu, Nabi Muhammad SAW telah meletakkan pesanan bahawa tidak akan sesat umat Islam

hari ini dan akan datang jika berpandukan kepada al-Quran dan as-Sunnah. Fenomena ini tidak akan berlaku sekiranya ahli perniagaan Islam menyedari siapa dia mereka di sisi Allah SWT. Malangnya, terdapat ahli perniagaan yang lupa diri bahawa Allah SWT telah mengurniakan nikmat yang melimpah ruah tetapi manusia sering kali terlupa kepada yang memberi nikmat hingga kancan nikmat atau harta benda digunakan kepada sesuatu yang tidak berfaedah.

Umat Islam tidak seharusnya mencontohi budaya Barat di mana cara hidup yang diamalkan oleh mereka amat jelas berlawanan dengan cara hidup Islam. Kerana kemewahan mereka telah lupa diri dan mengamalkan cara hidup yang berfoya-foya, meminum arak dan lain-lain. Sekiranya sifat-sifat ini diamalkan secara terus menerus, ia akan mengakibatkan seseorang itu ter-

jerumus di dalam kancan kehidupan yang tidak diredhai oleh Allah SWT.

Umat Islam seharusnya mengambil iktibar, apabila telah dianugerahkan kekayaan atau mendapat nikmat, seorang itu harus mengingati dari mana datangnya nikmat atau rezeki itu. Setiap insan seharusnya membuktikan kepada diri mereka sendiri, keluarga dan masyarakat bahawa jiwa mereka adalah terdidik untuk *ta'bud* kepada Allah SWT.

Di dalam Islam tidak ada pengasingan antara pekerjaan dan ibadat selama mana pekerjaan yang dilakukan itu memenuhi kehendak syarak. Islam menekankan imbangan antara pekerjaan dan ibadat. Allah SWT telah menerangkan di dalam al-Quran surah al-Jumuah, ayat 9:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ  
مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَلَا سُبُّوا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ  
وَذَرُوهُ أَلْبَعَ دَلِيلَكُمْ خَيْرٌ كُمْ إِنْ كُنْتُمْ  
تَعْلَمُونَ ﴿١﴾

Sekiranya zakat perniagaan dikeluarkan daripada harta perniagaan yang cukup haul dan nisab serta barang-barang itu sememangnya untuk diperniagakan, ia merupakan satu bentuk penyucian harta, diri dan akhlak dan baki harta yang tinggal akan menjadi lebih berkat, subur, berkembang serta akan berkekalan hingga ke akhirat.

Maksudnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka bersegeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah SWT (dengan mengerjakan sembahyang Jumaat) dan tinggal-kamlah berjual beli (pada saat itu; yang demikian adalah baik bagi kamu jika kamu mengetahui hakikat sebenarnya.)"

Manusia hidup di dunia ini adalah ingin mendidik jiwa supaya *ta'bud* kepada Allah SWT. Umat Islam perlu mencari harta dengan sebanyak yang mungkin dan harta yang dicari itu hendaklah diperolehi daripada sumber yang halal, dibelanjakan sebagiannya untuk sedekah jariah dan lain-lain lagi.

Cara hidup begini adalah merupakan cara hidup yang dianjurkan oleh Islam di mana Allah SWT membeli diri dan harta benda seseorang Muslim dan akan dibayar dengan syurga. Allah SWT telah berfirman di dalam al-Quran surah at-Taubah, ayat 111:

إِنَّ اللَّهَ أَشْرَقَ إِلَيْنَا مِنَ الْمُؤْمِنِينَ  
أَنفَسَهُمْ وَأَمْوَالُهُمْ إِنَّا لَهُمْ  
الْجَنَّةَ يَقْتَلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ  
فَيُقْتَلُونَ وَيُقْتَلُونَ وَعَدَ اللَّهُ  
حَقًّا فِي الْأَنْوَارِ وَالْإِنْجِيلِ  
وَالْقُرْآنَ

Maksudnya:

"Sesungguhnya Allah SWT telah membeli daripada orang-orang yang beriman akan jiwa mereka dan harta benda mereka dengan (balasan), bahawa mereka akan beroleh syurga, (disebabkan) mereka berjuang pada jalan Allah SWT; maka (di antara) mereka ada yang membunuh dan terbunuh. Ini adalah janji yang sebenar yang terdapat di dalam kitab Taurat, Injil dan al-Quran."

Cetusan peradaban yang dibawa oleh Islam membawa pelbagai pengajaran yang dapat dijadikan panduan di dalam kehidupan seharian. Kesempurnaan yang ada pada Islam menjadikannya agama yang lengkap di dalam semua bidang, termasuklah di dalam bidang perniagaan.

*Umat Islam seharusnya  
melepaskan minda  
mereka daripada  
kepompong yang  
membelenggu diri dan  
membawa kefahaman  
bahawa dalam  
perniagaan global ini  
Allah SWT tidak  
memungkiri janjinya.*

Nabi Muhammad SAW telah menunjukkan contoh perniagaan yang terbaik melalui pengalamannya. Baginda SAW telah mengambil pengalaman berniaga di Basrah dengan modal Saidatina Khadijah RA dan sebahagian keuntungan daripada perniagaan tersebut kemudiannya dibelanjakan kepada jalan Allah SWT. Ini adalah merupakan konsep yang dianjurkan oleh Islam, tidak sebagaimana Qarun yang menghimpunkan segala harta perolehan perniagaan dan enggan mengeluarkan zakat walaupun telah diminta untuk berbuat demikian sehinggalah dihancurkan oleh Allah SWT.

Ummah dan negara boleh membangun melalui kekuatan ekonomi perniagaan global. Umat Islam seharusnya melepaskan minda mereka daripada kepompong yang membelenggu diri dan membawa kefahaman bahawa dalam perniagaan global ini Allah SWT tidak memungkiri janjinya. Orang-orang bukan Islam menyangka bahawa mereka berbahagia dengan kekayaan yang diperolehi tetapi sebenarnya mereka meremehkan kebenaran dengan jumlah harta kekayaan yang mereka miliki.

Di dalam satu hadis Nabi SAW bersabda:

لَوْ أَنْكُمْ تَوَكُّلُونَ عَلَى اللَّهِ  
حَقَّ تَوْكِيلِهِ لِرَزْقَكُمْ كَمَا  
يَرْزُقُ الظَّرِيرَ تَعْدُوا بِحِمَاصًا  
وَتَرُوحُ بَطَائِنًا

Maksudnya:

"Jika kamu bertawakal kepada Allah SWT, sebagaimana yang sepatutnya kamu lakukan, Allah SWT akan mengurniakan rezeki sebagaimana Allah SWT mengurniakan rezeki kepada burung-burung yang keluar pada waktu pagi dengan perut yang kosong dan pulang pada waktu petang dengan perut yang kenyang."

(Hadis Riwayat Ahmad)

Biarpun Islam menggalakkan umatnya supaya melibatkan diri

dalam perniagaan, umat Islam tidak seharusnya menjadi hamba kepada harta seperti melengah-lengahkan sembahyang apabila masuk waktu, bakhil untuk berbelanja di jalan Allah SWT ataupun lokek untuk mengeluarkan zakat. Korporat Muslim sepatutnya perlu berlapang dada apabila mempunyai kesempatan untuk *infaq* harta.

Di dalam al-Quran, seorang yang dipanggil *rijal* itu ialah seorang yang melibatkan diri di dalam perniagaan namun hatinya tidak larai bagi melaksanakan perintah Allah SWT walau di mana sahaja mereka berada. Perniagaan itu adalah merupakan suatu sunnah. Kebanyakannya berpunca daripada hati, itulah yang sering disebut bahawa apabila hati telah rosak maka rosaklah seluruh anggota.

Faktor globalisasi yang dikendalikan oleh Barat adalah berbeza dengan globalisasi yang dikendalikan oleh syariat Islam. Landasan yang dianjurkan oleh Islam adalah untuk mentauhidkan Allah SWT, mengabdikan diri sebagaimana konsep *ubudiah* atau cara hidup Islam. Walau di mana sahaja berada, selama mana ketauhidan kepada Allah SWT menjadi paksi di dalam diri, ia akan memberikan pulangan kejayaan sama ada di dunia ataupun di akhirat.

Manusia yang berjaya ada digambarkan di dalam al-Quran sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah al-Mukminun, ayat 1:

## فَدَأْلِحُ الْمُؤْمِنُونَ

Maksudnya:

*"Sesungguhnya berjayaalah orang-orang yang beriman."*

Bagi memastikan penerusan kejayaan, umat Islam perlu me-

melihara jiwa, harta dan juga keturunan. Apabila diri menjadi cemerlang, masyarakat akan cemerlang dan seterusnya negara juga akan cemerlang. Apabila ummah tidak lari daripada lunas-lunas Islam dengan menunaikan sembahyang, mengeluarkan zakat dan sebagainya, rahmat akan diturunkan oleh Allah SWT.



# KELUASAN ISLAM *di dalam* PERNIAGAAN GLOBAL

Oleh

Ustaz Alias Bin Othman

B.A., (Syariah) (Y.P.T.I.K), M.A., (Siasat Syariah) (Al Azhar)

Dekan Fakulti Pengajian Islam

Kolej JAIPETRA



Islam telah memberikan satu ruang yang cukup luas kepada umat Islam untuk melakukan aktiviti perniagaan di dalam semua bentuk urusniaga. Secara umumnya Islam telah memberikan kepada umatnya peluang yang sangat luas untuk mereka berniaga dengan sesiapa jua pun di dalam dunia ini, tidak kira sama ada berniaga dengan orang Islam ataupun dengan orang bukan Islam.

Keluasan yang dimaksudkan di dalam tajuk ini boleh dibahagikan kepada dua bentuk.

**Pertama** - Keluasan dalam bentuk perniagaan yang dilakukan.

**Kedua** - Keluasan di dalam bentuk tempat perniagaan iaitu sama ada di dalam negara Islam atau di luar negara Islam.

Menurut pandangan Islam, negara-negara yang disebutkan di dalam fekah Islam boleh dibahagikan kepada beberapa kategori.

**Pertama** - Negara kafir yang mengambil sikap tidak mahu berdamai dengan negara Islam atau kafir harbi.

**Kedua** - Negara kafir yang mengambil sifat berdamai dengan negara Islam.

**Ketiga** - Negara-negara yang tertakluk di bawah naungan pemerintah Islam. Negara ini tidak mengisyiharkan ia sebagai negara Islam tetapi mahu tunduk dan tertakluk dengan peraturan yang dikenakan oleh negara Islam.

Oleh itu, di dalam konteks keluasan aktiviti berniaga di dalam Islam, tempat yang dibolehkan untuk orang-orang Islam berniaga sangat luas sehingga ke negara yang paling teruk sekalipun di dunia ini, termasuklah juga di negara yang

mengisyiharkan perang dengan negara Islam dan negara yang tidak mahu mengambil sikap berdamai dengan negara Islam. Di zaman kegemilangan Islam, laluan sutera merupakan laluan rentas benua yang pernah dipopularkan oleh para pedagang Islam sehingga ke abad ke-17. Laluan yang bermula di Xian, China berakhir di Instabul, Turki.

Islam menjanjikan keluasan perniagaan yang global. Secara umumnya, orang Islam dibenarkan untuk berniaga dengan negara bukan Islam selagi perniagaan yang dijalankan bukannya sesuatu yang mendatangkan kemudaran dan bersalah dengan kehendak syarak. Islam tidak menyempitkan hubungan perdagangan sebagaimana yang dipraktikkan oleh negara komunis dan sosialis yang mengamalkan dasar ekonomi tertutup. Sebaliknya Islam mem-



Tidak menjadi suatu kesalahan kamu melakukan aktiviti perniagaan sambil menunaikan ibadat haji

praktikkan sistem ekonomi yang fleksibel yang menjanjikan kepentingan penjual dan pembeli.

Di dalam sirah Rasulullah SAW, rombongan perniagaan Islam telah melepas semenanjung Tanah Arab sehingga ke segenap penjuru alam termasuklah ke alam Nusantara. Islam sebagai *ad Dīn* membawakan konsep kemanusiaan yang sejahtera yang menekankan konsep Islam adalah milik semua dan bukan hanya milik bangsa Arab semata-mata. Di atas dasar konsep kesejahteraan inilah, ia diterapkan di dalam perniagaan.

Di dalam Islam perniagaan bukan hanya untuk mendapat keuntungan semata-mata. Malahan ia merupakan wadah yang mempunyai pelbagai fungsi termasuklah sebagai wadah untuk berdakwah. Kesempatan untuk bercampur gaul dengan pelbagai bangsa merupakan proses pencernaan yang akan dapat memberikan impak kepada perkembangan Islam. Melalui proses pergaulan di atas dasar perdagangan, ia telah menyebabkan Islam tersebar. Keindahan Islam bukan hanya terpancar melalui ajarannya malahan nilai akhlak yang ada pada umat Islam itu sendiri. Keindahan akhlak yang dimiliki menyebabkan ramai yang menganut Islam secara tidak langsung. Misalnya pengislaman Melaka bukannya melalui perang tetapi melalui akhlak yang ditonjolkan oleh para pedagang Islam.

Ketaqwaaan kepada Allah SWT menjadikan para pedagang Islam mempunyai nilai dan budi pekerti yang murni yang tidak dimiliki oleh

*Penentuan hukum halal dan haram di dalam Islam merupakan elemen penting yang menjanjikan kepentingan semua pihak yang berurusniaga. Perniagaan itu juga hendaklah terjamin dan terhindar daripada perkara-perkara yang mendatangkan kemudaratian*

orang lain. Halal dan haram menjadi panduan sewaktu berurusniaga dengan orang ramai. Inilah yang membezakan antara perniagaan orang Islam dengan mereka yang bukan Islam. Penentuan hukum halal dan haram di dalam Islam merupakan elemen penting yang menjanjikan kepentingan semua pihak yang berurusniaga. Perniagaan itu juga hendaklah terjamin dan terhindar daripada perkara-perkara yang mendatangkan kemudaratian. Ini sejajar dengan konsep Islam sebagai agama fitrah.

Di dalam menentukan hukum-hakam, al-Quran dan as-Sunnah merupakan sumber utama yang akan membimbing manusia ke arah kebahagiaan dunia dan *ukhrawai*. Seandainya masalah yang ditimbulkan tidak terdapat di dalam al Quran dan al Hadis, maka kaedah seterusnya digunakan iaitu *ijmak* ulamak dan *qias* serta kaedah-kaedah yang disepakati di dalam menentukan sesuatu hukum.

Sebagai sumber utama hukum, nas ataupun dalil al Quran tidak boleh diperlekehkan ataupun dinafikan. Sesiapa yang mengingkarinya akan menerima padah daripada Allah SWT, sebagaimana firman Nya di dalam surah al-Maidah, ayat 45:

وَمَنْ لَمْ يَحْكُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ  
فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ (15)

Maksudnya:

"Sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah SWT, mereka itu terdiri daripada orang-orang yang zalim".

Di dalam konteks perniagaan Islam, Allah SWT menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba'. Terdapat nas al-Quran yang menjelaskan bahawa semua jenis riba' adalah haram sebagaimana firman Nya di dalam surah al-Baqarah ayat 275:

وَأَحَلَ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ الرِّبَا

Maksudnya:

"Dan Allah SWT menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba'."

Dengan adanya nas-nas al-Quran dan juga hadis yang berkaitan, tiada lagi keraguan berhubung dengan hukum riba'. Selagi manusia menguruskan aktiviti jual beli, ia adalah halal dari segi hukum syarak tetapi jika terdapat unsur riba', ia menjadi haram dan sesiapa yang melanggarinya adalah berdosa.

Perniagaan dalam konteks Islam adalah luas dan tidak terbatas selama mana ia menepati peraturan dan batas-batas yang dibenarkan oleh syarak. Islam cukup fleksibel di dalam konteks perniagaan kerana ia memberikan satu ruang yang begitu luas kepada umatnya untuk menceburii bidang ini. Di dalam menyatakan keluasan perniagaan sebagai salah satu sumber rezeki, Rasulullah SAW bersabda:

تَسْعَةُ أَعْشَارِ الرِّزْقِ فِي  
الْتَّجَارَةِ

Maksudnya:

"Sembilan persepuhluh sumber rezeki boleh diperolehi melalui perniagaan."

(Hadis Riwayat Tirmizi)

Di dalam kaedah usul fekah selain daripada al-Quran dan al-Hadis, sumber hukum yang seterusnya ialah *ijmā'* para ulamak dan *qias* serta kaedah-kaedah lain yang dibincang secara terperinci di dalam *Qawaid Fiqhiyyah*.

*Walaupun asal sesuatu perkara adalah harus, ia tidak bermakna seseorang itu boleh melakukan sesuatu secara sembarang. Keharusan ini bukanlah bermakna sesuatu yang boleh diambil mudah.*



Sebagai Ad-din, Islam membawa konsep perniagaan yang global

Di dalam penggunaan kaedah yang hendak digunakan, tidak boleh diqiasakan secara sembarangan, tetapi hendaklah dipelajari. Terdapat kaedah yang tidak boleh digunakan di dalam *qias*, umpamanya *qias maa'l fariq* iaitu *qias* di dalam keadaan wujud perbezaan di antara dua benda yang diqiaskan itu. Salah satu daripada peraturan *qias* ialah hendaklah terdapat persamaan di antara perkara yang diqiaskan. Ringkasnya masalah atau kes baru hendaklah sama dengan masalah atau kes lama. Proses *qias* ini boleh digunakan untuk menentukan sesuatu aktiviti perniagaan itu boleh dijalankan ataupun sebaliknya.

Sebagai salah satu kaedah yang menjadi garis panduan hukum untuk orang Islam, antara kaedah usul fekah yang tersohor ialah *al aslu fil asyia' mubah* (أَكْسُلُ فِي الْأَشْيَاءِ مُبَاحٌ) yang

bermaksud asal hukum kepada semua perkara adalah harus. Ini merupakan kaedah asas sesuatu perkara mengikut kaedah usul fekah. Kaedah ini begitu umum dan ia menggambarkan keluasan Islam di dalam perniagaan global. Namun di dalam keluasan, Islam menetapkan batasan iaitu selama mana ia tidak berlawanan dengan hukum syarak, ia diharuskan tetapi sekiranya ada pertembungan kelonggaran ini akan terbatal.

Walaupun asal sesuatu perkara adalah harus, ia tidak bermakna seseorang itu boleh melakukan sesuatu secara sembarangan. Ke-harusan ini bukanlah bermakna sesuatu yang boleh diambil mudah. Meskipun di dalam kaedah hukum terdapat kelonggaran dan pengecualian tetapi ia tidak boleh digunakan sembarangan kerana masih ada

*Sewaktu menjalankan perniagaan dengan orang bukan Islam, mereka berhak untuk menerima apa yang orang-orang Islam terima dan mereka bertanggungjawab untuk menunaikan apa yang orang-orang Islam wajib tunaikan.*

nas atau kaedah yang akan membataskannya seperti kaedah *la dharara wila dhirar*.

Antara kaedah usul fekah yang sering digunakan di dalam kehidupan sehari-hari dan juga di dalam perniagaan, ialah tidak boleh memudharatkan orang lain, tidak boleh memudharatkan diri sendiri dan tidak boleh membala mudharat itu dengan mudarat. Kaedah inilah yang menjadi garis panduan kepada umat Islam apabila melakukan sesuatu perkara. Seandainya sesuatu perkara itu mendatangkan kemudaratian, ia hendaklah ditinggalkan dan dijauhi.

Di dalam al-Quran dan hadis terdapat beberapa prinsip dasar yang menunjang seluruh aktiviti kehidupan manusia. Antara aspek yang ditekankan di dalam Islam ialah keadilan, persamaan dan kebebasan. Sekiranya terdapat perlakuan yang menyalahi ataupun berlawanan dengan syarak ia hendaklah dijauhi.

Antara kaedah usul fekah yang sering digunakan ketika urusniaga dengan negara kafir ialah '*almuamalah bil misli*'. Kaedah ini boleh berlaku dalam bentuk yang positif dan juga negatif. Perniagaan di dalam bentuk positif ialah orang bukan Islam berurusniaga dengan orang Islam. Manakala bentuk negatif ialah apabila orang bukan Islam memulaukan barang orang Islam.

Sewaktu menjalankan perniagaan dengan orang bukan Islam, mereka berhak untuk menerima apa yang orang-orang Islam terima dan mereka bertanggungjawab untuk menunaikan apa yang orang-orang Islam wajib tunaikan.

Di dalam menjalankan perniagaan terdapat kaedah *maslahah* atau untuk kepentingan umum. Di dalam kaedah ini, terbahagi kepada tiga tahap iaitu:

- i) *Maslahah muktabarah* (مصلحة معترفة) (yang diterima oleh syarak)
- ii) *Maslahah ghair muktabarah* (مصلحة غير معترفة) (iaitu *maslahah* yang tidak diterima oleh syarak)
- iii) *Maslahah mursalah* (مصلحة مرسلة) iaitu *maslahah* yang tidak ditentukan haram dan halalnya.

Penentuan halal dan haram ini bergantung kepada kerajaan, mufti dan juga mereka yang arif di dalam sesuatu bidang. Di dalam menentukan *maslahah* ini, umat Islam perlu

# BEBERAPA PERBANDINGAN TEORI ISLAM & BARAT DALAM KONTEKS BISNES

Oleh

Datuk Dr. Syed Othman Al Habshi

B.A. (Hons) (Statistic), (U.M), M.Sc. (Statistic) (Wisconsin),

Ph.D. (Econometric) (Birmingham).

Presiden,

Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR)



eori adalah suatu perkara yang memberikan penjelasan yang ringkas dan padu kepada perkara yang umum.

Ia juga boleh dianggap sebagai prinsip yang mampu menerangkan tentang gelagat sesuatu perkara.

Misalnya:

- **'Apabila permintaan bagi sesuatu barang itu bertambah harga barang berkenaan akan meningkat.'**

Ini merupakan teori permintaan yang menunjukkan kaitan antara kuantiti permintaan dengan harga sesuatu barang.

- **'Pendidikan tinggi boleh mengurangkan kadar pertambahan penduduk.'**

Ini merupakan teori penduduk yang mengaitkan antara peringkat pendidikan dengan bilangan penduduk.

Kedua-dua teori ini dibina atas asas maklumat yang dikumpulkan tentang kelakuan atau amalan manusia di beberapa tempat dan tempoh masa. Setelah mendapati bahawa

pengamatan itu benar beberapa kali, kenyataan itu dianggap sebagai teori. Ia juga dijadikan panduan untuk masa akan datang atau di tempat lain.

Di dalam ertikata yang lain, teori itu memberi panduan tentang sesuatu perkara secara umum. Seseorang boleh mengatakan bahawa jika permintaan bagi sesuatu barang itu meningkat pada umumnya, harganya akan turut bertambah. Dan begitulah sebaliknya. Ataupun, jika taraf pendidikan sesuatu kaum atau masyarakat itu meningkat, pada umumnya, masyarakat tersebut akan mengurangkan bilangan anak. Oleh itu, kadar pertambahan penduduk juga akan berkurangan.

Teori seperti di atas biasanya digubal berdasarkan pemerhatian atau pengamatan tentang gelagat masyarakat itu sendiri. Teori ekonomi atau sosial seperti itu biasanya didasarkan kepada penyelidikan yang rapi yang dijalankan beberapa lama. Oleh kerana keputusan yang di dapati itu serupa sahaja, akhirnya penyelidik membuat rumusan ke atas hasil penyelidikan-nya.

Adakalanya sesuatu teori itu digubal atau dibentuk tidak berdasarkan kepada gelagat manusia. Sebaliknya, ia didasarkan kepada kepercayaan atau pegangan hidup masyarakat, misalnya, masyarakat akan menganggap bahawa sesuatu kelakuan atau sifat itu baik jika ia mendatangkan faedah kepada manusia atau kebaikan kepada manusia seperti bercakap benar itu dianggap baik kerana ia tidak

membawa keburukan kepada masyarakat, bahkan ia boleh membawa kebaikan kepada manusia. Sebaliknya, berdusta itu boleh mendatangkan keburukan kepada masyarakat. Oleh itu berdusta itu adalah sesuatu yang dikeji oleh masyarakat.

*Bisnes merupakan salah satu amalan manusia. Banyak teori yang telah digubal mengenai bisnes. Ada di antaranya berkaitan dengan kecekapan kita mengamalkan bisnes. Misalnya, jika diturunkan kos, seseorang boleh mendapat keuntungan yang banyak. Ataupun, jika ditambahkan jualan ia boleh mengembangkan bisnes.*

Perkara yang berkaitan dengan sifat atau amalan seperti ini sebenarnya diletakkan di bawah falsafah. Ia merupakan satu pegangan manusia yang mengukur atau membezakan antara yang baik dengan yang buruk. Falsafah banyak berkaitan dengan sifat, gerak laku, tabiat atau amalan manusia. Falsafah juga menjadi dasar hidup manusia.

Sebenarnya falsafah banyak mempengaruhi teori yang berkaitan dengan gelagat manusia. Di dalam ertikata

lain, falsafah menentukan banyak teori tentang gelagat manusia.

Bisnes merupakan salah satu amalan manusia. Banyak teori yang telah digubal mengenai bisnes. Ada di antaranya berkaitan dengan kecekapan mengamalkan bisnes. Misalnya, jika diturunkan kos, seseorang boleh mendapat keuntungan yang banyak. Ataupun, jika ditambah jualan, ia boleh mengembangkan bisnes. Teori seperti ini digubal mengikut apa yang berlaku di sekeliling. Ia tidaklah berkaitan dengan soal betul atau salah dari segi pandangan masyarakat atau kepercayaan manusia.

Teori seperti ini terletak di bawah falsafah. Oleh itu cara bisnes dijalankan akan bergantung kepada falsafah yang dipegang. Misalnya, menipu atau merasuh di dalam bisnes itu dianggap sesuatu yang tidak baik atau salah mengikut ajaran

Islam. Orang Islam tidak akan menipu atau terlibat dengan rasuah kerana agama Islam milarang perbuatan itu. Walaupun demikian, ada orang yang melakukan perbuatan ini kerana pada pandangan mereka perbuatan sebegini tidak salah. Ataupun mereka menganggap perkara itu sudah menjadi amalan biasa, walaupun ia dianggap salah dari segi kepercayaan atau agama. Soalan-soalan seperti inilah yang sebenarnya membezakan antara teori bisnes daripada segi Islam dengan teori bisnes daripada kaca mata Barat.

Untuk membandingkan antara teori bisnes Islam dengan Barat ini, ia perlu dilihat kepada apakah asas falsafahnya. Ini kerana, falsafah yang akan membezakan kedua-dua teori ini. Dari segi teori mengenai kecekapan membuat bisnes, boleh dikatakan tidak banyak berbeza kerana ia berdasarkan kepada amalan umum.



*Teori bisnes di dalam Islam amat mengutamakan konsep musyawarah*

## Falsafah Barat

Falsafah Barat merujuk kepada semua falsafah yang dihasilkan daripada zaman Yunani, Romani dan Eropah hingga ke zaman Amerika. Semua ini digolongkan sebagai falsafah Barat bukan sahaja kerana tempat terbitnya falsafah ini, tetapi juga kerana kesamaan mereka dari beberapa segi. Antara ciri penting yang terdapat di dalam falsafah Barat ini ialah asasnya yang banyak menggunakan pemikiran manusia. Bagi mereka, falsafah tersebut hendaklah mengikut logik yang bersesuaian dengan pemikiran manusia itu sendiri.

Sebagai contoh, sekiranya seseorang merasakan sesuatu perkara itu sesuai pada pemikirannya, itulah yang patut dan boleh diikuti. Oleh yang demikian, kesesuaian dengan akal fikiran itu amatlah penting di dalam menilai sesuatu. Perkara yang tidak sesuai pada akal ini ditolak sebagai tidak logik atau tidak munasabah. Mana-mana perkara yang berlawan atau bercanggahan dengan tanggapan mereka akan ditolak dan dianggap sebagai sesuatu yang kurang baik.

Apabila akal boleh menerima sesuatu perkara, itulah yang akan dijadikan falsafah mereka. Sebaliknya, jika akal tidak boleh menerima sesuatu pemikiran, ia tidak boleh diterima sebagai falsafah.

Di zaman Greek, perkara penting yang dijadikan pegangan hidup adalah ketaatan kepada negara. Justeru, tujuan falsafah ketika itu adalah untuk menjadikan seseorang

itu taatsetia kepada negaranya. Kelakuan seseorang manusia yang menunjukkan ia taat kepada negara dianggap kelakuan yang baik. Sebaliknya, jika kelakuan seseorang itu menunjukkan yang dia tidak taat kepada negara, kelakuan itu dianggap tidak baik.

Walaupun tujuan falsafah pada umumnya adalah untuk menentukan sesuatu kelakuan itu buruk atau baik, kriteria yang digunakan ialah sama ada kelakuan itu menunjukkan ketaatan kepada negara atau sebaliknya seperti berbohong itu dianggap tidak baik bukan kerana berbohong itu berdosa, tetapi kerana berbohong boleh membawa keburukan kepada orang lain atau masyarakat secara umumnya.

*Pemikiran manusia  
digunakan kerana agama  
Islam itu adalah agama  
benar yang berdasarkan  
fakta yang tepat dan selaras  
dengan pemikiran yang  
waras dan baik. Oleh yang  
demikian, sepatutnya tidak  
wujud sebarang  
pertentangan di antara  
wahyu dan pemikiran  
manusia. Tambahan pula al-  
Quran sendiri memperakui  
bahawa ia diturunkan  
kepada mereka yang berfikir.*

Ada juga yang menggunakan kebahagiaan (*happiness*) sebagai kriteria atau penentu sama ada kelakuan atau tindakan itu baik atau sebaliknya. Kebahagian ini boleh didapati melalui cara yang baik atau tidak baik. Misalnya, seseorang pencuri akan rasa senang atau bahagia jika dia dapat mencuri. Berdasarkan kepada kriteria ini, mencuri itu adalah sesuatu yang baik bagi pencuri itu, walaupun pada orang yang barangnya kena curi sudah tentu tidak bahagia. Jelas bahawa falsafah seperti ini begitu cetek sekali dan sudah tentu mempunyai banyak kekurangannya.

## Falsafah Islam

---

Sebaliknya falsafah Islam tidak berdasarkan kepada pemikiran manusia semata-mata. Walaupun pemikiran manusia itu diterima sebagai salah satu kaedah atau cara menjawab soalan-soalan falsafah untuk mencari kebenaran, namun ia didasarkan juga kepada wahyu. Pemikiran manusia digunakan kerana agama Islam itu adalah agama benar yang berdasarkan fakta yang tepat dan selaras dengan pemikiran yang waras dan baik. Oleh yang demikian, sepatutnya tidak wujud sebarang pertentangan di antara wahyu dan pemikiran manusia. Tambahan pula Al-Quran sendiri memperakui bahawa ia diturunkan kepada mereka yang berfikir. Ringkasnya, falsafah Islam mempunyai tiga ciri penting:

- Ia datang dari apa yang diwahyukan oleh Allah SWT.

- Segala perkara yang diterima dari wahyu itu amat selaras sekali dengan fikiran yang cukup waras dan bertujuan baik. Hanya pemikiran yang tidak baik sahaja yang akan bertentangan dengan wahyu.
- Ia tidak perlu kepada bukti-bukti empiris (*empirical evidence*) yang merupakan maklumat yang dikumpul berdasarkan kepada pengamatan terhadap kelakuan manusia yang ramai.

Berdasarkan kepada ciri ketiga yang di atas, falsafah Islam tetap akan kekal, tanpa berubah mengikut zaman atau tempat. Sekiranya ia bergantung kepada kelakuan manusia sezaman dan setempat, ia akan berubah kerana kelakuan, tabiat, cita rasa serta pendapat manusia itu boleh berubah mengikut zaman dan tempat.

Apa yang penting dalam falsafah Islam, ia adalah berdasarkan ke-tauhidan kepada Allah SWT dan ia perlu dihayati. Seperti yang diketahui, tauhid dalam erti kata yang lebih luas merangkumi kelakuan manusia dalam perhubungan dengan Allah SWT (*hablum minallah*) dan perhubungan dengan manusia lain (*hablum minan nas*).

Sebagai memenuhi kehendak perhubungan dengan Allah SWT, bisnes yang diamalkan seharusnya sentiasa membesar Nya, ber-pandukan kepada apa yang dituntut oleh Nya dan berikhtiar untuk meningkatkan lagi syiar Islam itu

sendiri. Ringkasnya, bisnes yang diamalkan itu tidak langsung mengeneptikan ajaran Islam dalam bisnes, bersyukur kepada rezeki yang dikurniakan melalui bisnes (misalnya membayar zakat) dan sentiasa menyedari bahawa segala kekayaan yang dikumpulkan itu merupakan amanah dari Allah SWT.

*Di dalam Islam, bisnes itu dianggap sebagai ibadat.  
Segala tugas atau kegiatan itu haruslah mencerminkan kebesaran Allah SWT. Inilah tujuan bisnes yang sebenarnya. Ini tidak bermakna bahawa keuntungan itu tidak penting kepada Islam. Bahkan, keuntungan itu amat penting sekali kerana tanpa keuntungan sudah tentu bisnes tidak dapat diteruskan.*

pentingnya ialah dengan menjauahkan diri dari melakukan sesuatu yang boleh merugikan orang lain.

Oleh kerana teori bisnes itu mempunyai falsafahnya, teori bisnes Islam seharusnya juga mempunyai falsafahnya sendiri, iaitu falsafah Islam. Berdasarkan falsafah Islam yang bersandarkan kepada tauhid, teori bisnes haruslah bersandarkan kepada prinsip yang sama iaitu mengesakan Allah SWT. Berdasarkan prinsip ini ia dianggap sebagai suatu ibadat dan dijanjikan ganjaran yang setimpal sama ada di dunia ataupun di akhirat.

### **Tujuan Bisnes**

Dalam teori Barat, bisnes melibatkan pengumpulan sejumlah perkara yang hendak digunakan bagi menghasilkan sesuatu barang yang dapat ditukar dengan barang lain atau perkhidmatan ataupun wang. Dalam hal ini, pengeluar barang atau penjualnya bertujuan mendapatkan kembali kos yang telah dikeluarkan dan juga keuntungan sebagai balasan kepada perkhidmatannya.

Di dalam mengejar peluang-peluang perniagaan yang ada, hak-hak makhluk Allah SWT yang lain tidak boleh diketepikan. Manfaat perniagaan tersebut hendaklah dikongsi bersama. Manfaat yang dimaksudkan bukan sahaja dalam bentuk faedah yang boleh dinikmati oleh makhluk lain (misalnya kerana dapat menggunakan barang atau perkhidmatan yang dikeluarkan) tetapi yang tidak kurang

Umumnya, tujuan bisnes tidak lain daripada mendapatkan keuntungan melalui cara atau kaedah yang paling cekap, kos yang paling rendah dan harga yang paling baik. Dalam melaksanakan bisnes ini, sudah tentulah keuntungan menjadi pengukur yang sangat penting, kerana keuntungan itu boleh menjamin penerusan sesuatu bisnes. Tanpa keuntungan sudah tentu bisnes itu

tidak dapat diteruskan. Biasanya, bisnes dijalankan kerana keuntungan.

Jika dilihat daripada perspektif keuntungan ini, kadang-kadang tidak ada perkiraan lain yang diambil kecuali keuntungan semata-mata, sehingga segala tugas atau kegiatan yang dilaksanakan haruslah membawa keuntungan, tidak kira sama ada cara yang digunakan mendatangkan kebaikan atau keburukan kepada masyarakat. Misalnya, dalam keadaan kegawatan ekonomi, ada orang yang membunuh diri kerana kerugian, ada yang membuang pekerja, ada juga yang tidak membayar hutang. Sama ada cara sebegini patut dilakukan atau tidak, bukan menjadi perkiraan langsung, yang penting, syarikat itu harus terus hidup.

Di dalam Islam, bisnes itu dianggap sebagai ibadat. Segala tugas atau kegiatan itu haruslah mencerminkan kebesaran Allah SWT. Inilah tujuan bisnes yang sebenarnya. Ia tidak bermakna bahawa keuntungan itu tidak penting kepada Islam. Bahkan, keuntungan itu amat penting sekali kerana tanpa keuntungan sudah tentu bisnes tidak dapat diteruskan.

Perbezaannya di sini ialah, bisnes itu harus mencari jalan yang paling baik untuk mengurangkan kos melalui jimat cermat, memberikan perkhidmatan yang terbaik atau cemerlang (*ihsan*) dan menetapkan harga yang amat berpatutan. Barang atau perkhidmatan yang dihasilkan haruslah mencapai taraf atau mutu yang paling tinggi supaya pembeli merasa berpuas hati apabila mem-

belinya. Sekiranya, semua ini dilakukan dengan baik sudah tentulah bisnes itu akan berjaya kerana ia ditujukan untuk memuaskan pelanggan. Memuaskan pelanggan dengan meningkatkan kecekapan akan menurunkan kos pengeluaran. Dengan ini, harga yang ditetapkan dapat dikurangkan bagi menarik lebih ramai lagi pelanggan. Sekiranya barang yang dikeluarkan bermutu tinggi dengan harga yang berpatutan dan layanan yang sangat baik, sudah tentu itu ia akan dapat menarik pelanggan. Apabila kesemua faktor ini diambil kira dan dilaksanakan, ia akan memberikan pulangan yang lumayan.

Sekiranya seseorang meletakkan niat atau tujuan bisnes itu adalah semata-mata untuk mendapatkan keuntungan yang lumayan dengan mengenepikan aspek kualiti, ia tidak akan dapat bertahan dengan lama. Lama-kelamaan, pelanggan akan lari kerana mereka tidak mendapat kepuasan yang maksimum. Sebaliknya, jika tujuan bisnes adalah untuk memuaskan pelanggan, dengan barang berkualiti, ia akan memberikan pulangan keuntungan di dalam jangkamasa yang panjang.

Berdasarkan kepada fakta ini, niat memainkan peranan yang penting di dalam perniagaan. Bagi mereka yang berniat semata-mata untuk mendapatkan keuntungan, sudah tentulah dia hanya akan mendapatkan keuntungan mengikut niatnya sahaja. Sebaliknya, jika tujuan bisnes adalah untuk melaksanakan suatu ibadat, peniaga itu akan bukan sahaja mendapat keuntungan malahan mereka juga

mendapat ganjaran pahala daripada Allah SWT.

Menurut Imam Ghazali, untuk menjadikan bisnes itu suatu ibadat, orang yang mencebur dalam bisnes hendaklah berilmu. Ini bermakna tidak harus terus mencebur bidang perniagaan tanpa mengetahui rakaniaga, skop perniagaan dan operasi perniagaan.

Umumnya, bisnes itu boleh dilakukan kepada siapa sahaja tanpa mengira warna kulit, agama mahupun bangsa, kecuali golongan berikut:-

1. Kanak-kanak yang belum *mumayyiz*, yakni yang belum boleh membezakan antara yang kotor dan bersih, mahupun di antara yang baik dan yang buruk;
2. Hamba yang tidak dibenarkan oleh tuannya;
3. Orang buta yang tidak ada wakil bersamanya untuk mengetahui apa yang benar atau sebaliknya;
4. Orang gila

Tujuan Islam melarang menjalankan bisnes dengan empat golongan ini adalah untuk mengelakkan daripada sebarang kezaliman melalui penipuan dan sebagainya.

Barang-barang yang diniagakan juga mestilah halal dan bersih. Najis atau benda yang tidak bermanfaat kepada manusia tidak boleh diniagakan. Setiap urusniaga itu pula

*Riba itu jelas haramnya dari keterangan di dalam al-Quran dan hadis. Umumnya, riba itu mempunyai dua jenis. Pertama, riba yang terbit dalam pinjaman iaitu sebarang lebihan dari pinjaman. Kedua, riba yang terbit dalam pertukaran barang yang sejenis dari enam jenis yang disebut di dalam sebuah hadis iaitu emas, perak, gandum, trigu, kurma dan garam.*

harus disudahi dengan ijab kabul untuk memeteraikan urusniaga tadi. Ijab kabul ini boleh dilakukan secara lisan atau tulisan (perjanjian).

Dua perkara yang diharamkan semasa menjalankan bisnes ialah:-

1. Riba'
2. Gharar

Riba' itu jelas haramnya daripada keterangan di dalam al-Quran dan hadis. Umumnya, riba' itu mempunyai dua jenis. Pertama, riba' yang terbit dalam pinjaman iaitu sebarang lebihan dari pinjaman. Kedua, riba' yang terbit dalam pertukaran barang yang sejenis dari enam jenis yang disebut di dalam sebuah hadis iaitu emas, perak, gandum, trigu, kurma dan garam.

Gharar ialah suatu keadaan yang tidak pasti atau tidak jelas. Misalnya membeli barang yang tidak ada atau tidak pasti boleh diadakan.

## Penutup

Perlu dijelaskan di sini tentang bisnes sebagai ibadat. Ia tidak bermaksud hanya melaksanakan segala hukum-hukum mengenai bisnes yang ditetapkan oleh Islam. Sebenarnya, ibadat yang dimaksudkan bukan setakat melakukan ibadat itu, tetapi yang lebih penting ialah bersungguh-sungguh dalam melakukannya. Di dalam istilah Islam, cara melakukan apa juga ibadat ialah dengan ihsan. Pengertian ihsan ini dapat dijelaskan sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Saidina Umar Bin al-Khattab RA, sabda Rasulullah SAW:

أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَمَا كَانَتْ تَرَاهُ فِي أَنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَكُ

Maksudnya:

"(Al Ihsan ialah kamu) Beribadat kepada Allah SWT seolah-olah kamu melihat Nya. Sekalipun kamu tidak dapat melihat Nya tetapi yakintlah bahawa Allah SWT melihat kamu."

(Hadis Riwayat Muslim)

Dalam konteks bisnes, al ihsan sudah bermakna seseorang harus cekap, rajin, bersungguh-sungguh untuk berjaya dengan cemerlang.

Sekiranya melakukan bisnes dengan ihsan seperti yang dimaksudkan di atas, sudah tentu seseorang akan berjaya. Seseorang itu tidak perlu menjadikan keuntungan sebagai tujuan utama. Sebaliknya, menjadikan 'kepuasan pembeli' sebagai tujuan utama. Kepuasan pembeli ini bukanlah suatu yang mudah diusahakan tanpa berusaha bersungguh-sungguh. Memenuhi kehendak pelanggan mengikut prosedur yang digariskan oleh syarak akan menjamin kepuasan bukan sahaja kepada para pengguna malahan kepada para penjual.

Konsep ini berlainan di Barat di mana mereka menjadikan keuntungan sebagai matlamat. Beberapa teori telah dikemukakan untuk mencapai tujuan ini. Misalnya, mereka telah mencipta 'teori inventori' iaitu suatu teori yang mengajukan pengawalan stok. Stok barang itu sudah tentu mengikat modal. Sedangkan jika dikawal stok barang itu dengan baik, seseorang tidak perlu menyimpan stok yang banyak, supaya menjauhkan modal daripada terikat. Teori ini boleh mengurangkan kos modal dan akhirnya meningkatkan keuntungan.

Masyarakat Barat mengutamakan tentang kualiti kerana kualiti yang tinggi boleh memberi kepuasan yang maksimum kepada pembeli atau pengguna. Pengguna hari ini tidak lagi menerima apa sahaja yang dijual. Tetapi mereka memilih barang yang berkualiti tinggi walaupun mereka terpaksa membayar pada harga yang

*Syarikat yang kekal adalah syarikat yang menekankan tentang akhlak murni para pekerja janya. Walaupun akhlak pekerja mereka tidak berdasarkan kepada akhlak Islam, tetapi nilai-nilai murni yang mereka terima itu sebenarnya adalah juga nilai-nilai yang baik dalam Islam.*

lebih tinggi. Mereka juga sentiasa mengajukan teori baru untuk menjayakan bisnes.

Di dalam penulisan yang terkini, orang-orang Barat sudah mula melihat pekerja sebagai aset yang terbesar. Penyelidikan yang dibuat atas 20 buah syarikat gergasi di Amerika Syarikat, Jepun dan Eropah menunjukkan bahawa syarikat yang berjaya adalah mereka yang memberikan keutamaan kepada perasaan, perhubungan dan kerjasama antara majikan dan pekerja. Mereka juga mengutamakan pekerja yang berakhhlak murni untuk menghadapi

pengguna. Pekerja menjadi begitu produktif dan membawa keuntungan yang besar kepada syarikat. Syarikat yang kekal adalah syarikat yang menekankan tentang akhlak murni para pekerja janya. Walaupun akhlak pekerja mereka berasaskan kepada nilai murni setempat, tetapi nilai murni yang mereka tonjolkan itu sebenarnya adalah nilai-nilai yang murni yang ada di dalam ajaran Islam seperti rajin, benar, jujur dan adil, semuanya adalah nilai-nilai yang dikehendaki dalam Islam. Oleh yang demikian, lama kelamaan perkara yang ada nilai murni Islam akan lebih menonjol tanpa disedari bahawa ia sebenarnya datang daripada ajaran Islam.

Bagi mereka yang menjalankan bisnes untuk mendapatkan keuntungan semata-mata, mereka akan mendapat keuntungan untuk jangka waktu yang pendek tetapi bagi mereka yang mempunyai matlamat bisnes yang lebih luas seperti untuk memberi perkhidmatan yang baik kepada masyarakat, pulangan yang mereka perolehi akan berterusan dan seterusnya ia akan dapat menjamin kelangsungan perniagaan yang dijalankan.


# BUDAYA PERNIAGAAN DI DALAM ISLAM

Oleh

Ustaz Muhammad Uthman El Muhammady

B.A., M.A. (*Pengajian Islam*) (UAM)

Fellow Kanan, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)



**P**

enggunaan perkataan budaya seringkali dikaitkan dengan ketamadunan. Kadang-kadang penggunaannya sering dijadikan garis pengukur kemajuan yang pernah dicapai oleh sesuatu bangsa. Di dalam konteks perniagaan, penggunaan perkataan budaya menggambarkan bukan sahaja tingkah laku, nilai dan etika malahan ia bermaksud lebih daripada itu. Bangsa Yahudi, Cina dan lain-lain lagi seringkali digambarkan sebagai bangsa yang berkebolehan di dalam perniagaan dan dengan kelebihan ini mereka mampu menguasai sistem ekonomi terutamanya di dalam konteks kontemporari.

Justeru mereka digambarkan sebagai bangsa yang mempunyai budaya perniagaan yang berjaya. Walaupun ajaran Islam amat mengalakkan umatnya supaya menceburkan diri di dalam perniagaan namun penguasaan umat Islam terhadap perekonomian amat lemah berbanding dengan bangsa lain. Kenapa fenomena ini berlaku? Apakah kemiskinan menjadi halangan? Ini

merupakan soalan yang perlu dijawab untuk mengungkap budaya perniagaan di dalam Islam.

Islam sebagai agama yang sempurna melihat perniagaan sebagai sesuatu yang menguntungkan bukan sahaja di dalam hubungan sesama manusia tetapi yang lebih mustahak lagi ia juga membawa keuntungan antara manusia dengan Allah SWT. Oleh itu Islam menggalakkan umatnya supaya menceburkan diri di dalam perniagaan kerana ia merupakan sumber rezeki utama manusia sebagaimana sabda Baginda SAW:

تِسْعَةُ أَعْشَارِ الرِّزْقِ فِي  
الْتَّجَارَةِ

Maksudnya,

"Sembilan persebelas sumber rezeki boleh diperolehi melalui perniagaan."

(Hadis Riwayat Tirmizi)

Untuk mengungkap budaya perniagaan di dalam Islam, al-Quran dan as-Sunnah merupakan sumber utama yang dapat dijadikan panduan. Ia bukan sahaja menjadi asas perundangan di dalam Islam tetapi ia juga akan menjelaskan semua perkara berkaitan dengan budaya hidup masyarakat Islam meskipun kadang-kadang nas yang terdapat di dalamnya hanya menjelaskan prinsip-prinsip asas sahaja. Perniagaan merupakan salah satu aktiviti yang mendatangkan keuntungan bukan sahaja di dunia tetapi juga di akhirat selama mana ia tidak menyalahi kehendak syarak. Ungkapan ini ada dijelaskan oleh Allah SWT sebagaimana firman Nya di dalam surah as-Shaf, ayat 10:

بَلَّا يَأْتِيهَا الَّذِينَ إِمْنَوْهُ أَذْكُرُكُمْ عَلَىٰ بَخْرَقَرِ  
تُحِيْكُمْ مِنْ عَذَابِ أَلِيمٍ ﴿١٠﴾



Islam menggalakkan mencebur perniagaan kerana ia merupakan sumber rezeki

Maksudnya:

*"Wahai orang-orang yang beriman! hendaklah kamu Aku tunjukkan suatu perniagaan yang dapat menyelamatkan kamu daripada azab yang pedih"*

Di dalam merealisasikan budaya perniagaan Islam, selain pemahaman terhadap al-Quran dan as-Sunnah, pelaksanaan dan penghayatan ajaran agama juga merupakan salah satu agenda penting yang akan membezakan antara ahli perniagaan Islam dengan ahli perniagaan bukan Islam. Apabila perkara sebegini dilaksanakan, ia akan dapat melahirkan jatidiri sebagai seorang ahli perniagaan Muslim sejati sebagai mana yang pernah dipamerkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat. Di dalam konteks ini, iman, taqwa, jihad, usaha, jujur, amanah, ikhlas dan lain-lain lagi merupakan adunan yang akan dapat membentuk ahli perniagaan Muslim yang berjaya.

Apabila seseorang berusaha di jalan Allah SWT dengan diri dan hartanya, sesungguhnya mereka melibatkan diri dalam satu urusan perniagaan seluruh hayat. Seluruh hayat ini membawa makna satu transaksi iaitu '*Mega Business Transaction*'.

Sekiranya seseorang itu berjaya di dalam hidup dengan usaha yang gigih untuk mencari keredhaan di jalan Allah SWT, mereka adalah tergolong sebagai golongan yang berjaya. Neraca kejayaan di sisi Allah SWT adalah berbeza dengan neraca kejayaan di sisi

*Walau sesibuk manapun,  
mereka akan tetap  
menunaikan sembahyang  
Jumaat kerana kembali  
kepada matlamat iaitu  
menjaga perniagaan yang  
menyeluruh dengan  
mengingati Allah SWT dan  
tidak menjadikan kesibukan  
sebagai alasan untuk  
mengingkari suruhan Nya.*

manusia. Allah SWT dengan sifat Nya Yang Maha Adil akan menilai manusia dengan seadil-adilnya sedangkan penilaian manusia sesama manusia amat terbatas. Manusia sering menilai kejayaan seseorang berdasarkan kepada faktor-faktor yang berbentuk materialistik seperti kejayaan kerjaya, membina empayar perniagaan, penglibatan di dalam kerja-kerja kebajikan dan lain-lain lagi. Inilah persepsi Barat terhadap kejayaan seseorang. Mereka kurang memekankan kejayaan kekeluargaan apatah lagi perkara yang berkaitan dengan kerohanian dan ketuhanan.

Di dalam Islam, di mana jua seseorang berada, mereka hendaklah memperingati Allah SWT. Mengingati Nya bukanlah halangan untuk seseorang itu lebih maju ke hadapan malahan ia menjadi kunci kekuatan rohani. Ia akan dapat membentuk disiplin supaya seseorang sentiasa mematuhi perintah Allah SWT dengan

melaksanakan apa yang disuruh dan meninggalkan apa yang dilarang. Kesibukan bukannya halangan tetapi ia merupakan cabaran untuk menentukan sejauh mana ketaatan seseorang terhadap Allah SWT. Sebagai contoh sembahyang Jumaat, walau sesibuk manapun, para peniaga yang beriman akan tetap menunaikan sembahyang Jumaat kerana kembali kepada matlamat iaitu menjaga perniagaan yang menyeluruh dengan mengingati Allah SWT dan tidak menjadikan kesibukan sebagai alasan untuk mengingkari suruhan Nya. Firman Nya di dalam surah an-Nur, ayat 37:

رَجُالٌ لَا تُنْهِمُ بِحَرَجٍ وَلَا يَعِي عَن ذِكْرِ اللَّهِ  
وَإِقْرَأْ الصَّلَوةَ وَإِبْنَاءَ الرَّحْمَةِ بِخَافُونَ يَوْمًا  
تَنَقَّلُ فِي الْقُلُوبِ وَلَا يَنْصُرُ  
TV

Maksudnya:

"(Ibadat itu dikerjakan oleh) orang-orang yang kuat imannya yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau berjual beli daripada menyebut serta mengingati Allah SWT dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat, mereka takutkan hari (kiamat) yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan."

Ayat ini memberi penumpuan kepada para sahabat. Sesungguhnya para sahabat adalah *rijal* (lelaki). Mereka mempunyai sifat kelelakian yang sebenar dan tidak menyeleweng dengan kegiatan-kegiatan yang melalaikan. Sepatutnya kejayaan generasi

awal Islam ini perlu dijejaki agar kegemilangan Islam dapat dikembalikan semula. Para sahabat telah berjaya membuktikan bahawa mereka bukan sahaja hidup sebagai mukmin malahan seorang peniaga yang berjaya.

Sebaliknya, sekiranya seseorang itu gagal di dalam menjayakan kehidupan kelelakiannya daripada segi ke-rohanian, walaupun mereka lelaki, dia sudah hilang sifat kelelakiannya yang hakiki. Sebaliknya kelelakian yang tinggal hanyalah kelelakian fizikal dan bukannya kelelakian spiritual.

Di dalam perniagaan, modal merupakan salah satu kriteria utama sebelum sesuatu perniagaan beroperasi. Lazimnya sebelum memulakan perniagaan seseorang akan menghadapi masalah modal. Ke wujudan intitusi kewangan terutamanya sistem kewangan Islam telah memudahkan para usahawan dan peniaga Islam mendapatkan modal dengan cara pinjaman. Namun masih ada segelintir yang enggan membayar

*Allah SWT sebenarnya menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba' meskipun ia merupakan sesuatu yang nampak menguntungkan pada pandangan manusia.*

balik pinjaman atau di dalam ertikata yang lain mereka enggan menjelaskan hutang. Perbuatan ini merupakan sesuatu yang di luar budaya perniagaan di dalam Islam. Di dalam Islam setiap janji yang dibuat hendaklah ditunaikan. Di dalam surah al-Maidah, ayat 1, Allah SWT berfirman:

بِتَائِهَا الَّذِينَ كَامَنُوا وَقَوْمًا يَعْقُودُونَ

Maksudnya:

*"Wahai orang-orang yang beriman! Penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian."*

Konsep perniagaan di dalam Islam mempunyai perbezaan yang ketara berbanding dengan apa yang di praktikkan di dalam sistem perniagaan konvensional yang melihat keuntungan semata-mata dengan mengeneピkan konsep ketaqwaan, keihsanan dan keinsanan. Islam sebagai agama yang syumul melarang keras sebarang unsur-unsur penindasan dan kezaliman di dalam apa jua bidang termasuklah di dalam perniagaan. Allah SWT sebenarnya menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba' meskipun ia merupakan sesuatu yang nampak menguntungkan pada pandangan manusia. Sekilas pandang riba' nampak mendatangkan pulangan tetapi sebenarnya ia akan membawa kerugian dan jika diperhalusi ia penuh dengan unsur-unsur penindasan yang berlawanan dengan fitrah kemanusiaan. Firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah, ayat 276:

يَمْحُقُ اللَّهُ أَلْيَوْا وَيُرْتِبُ الصَّدَقَاتَ  
وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ كُفَّارٍ أَشِيمٍ

Maksudnya:

*"Allah susutkan (kebaikan harta yang dijalankan dengan mengambil riba', dan Dia mengembangkan berkat harta yang dikeluarkan) sedekah-sedekah dan zakatnya."*

Sesuatu yang baik memang payah untuk diterapkan. Ini adalah realiti. Di sekitar tahun 60-an, masyarakat Malaysia memberikan sambutan yang dingin terhadap konsep perniagaan tanpa riba'. Bagaimanapun apabila usaha mengatasinya dilakukan pada tahun 1970-an, terdapat kenyataan yang membuktikan bahawa sistem tersebut adalah yang terbaik dan memberikan manfaat seperti dapat menghindarkan daripada berlakunya spekulasi liar.

Peniaga yang berusaha mengikuti perintah Allah SWT seperti bersifat jujur dan amanah di dalam urusan bisnesnya diberi penghormatan oleh Rasulullah SAW sebagaimana sabda Baginda SAW,

الْتَّاجِرُ الصَّدُوقُ الْأَمِينُ مَعَ  
النَّبِيِّنَ وَالصَّدِيقِينَ  
وَالشُّهَدَاءِ

Maksudnya:

*"Ahli perniagaan yang jujur dan amanah (akan ditempatkan) berserta*

*Budaya perniagaan di dalam Islam juga memberikan sumbangan yang besar terhadap ketamadunan manusia apabila pusat-pusat perniagaan menjadi kota yang ternama di abad pertengahan dan di zaman kegemilangan Islam.*

*dengan para nabi, siddiqin dan syuhada'."*

(Hadis Riwayat Tirmizi)

Ini merupakan kenyataan positif yang menunjukkan bahawa perniagaan sebenarnya termasuk antara faktor keduniaan yang memberikan pulangan di dalam bentuk kerohanian sehingga ia mampu mengangkat darjat manusia ke suatu tempat yang mulia di sisi Allah SWT.

Mengangkat darjat manusia merupakan satu usaha berterusan yang mungkin pulangannya akan dapat dirasai oleh diri sendiri ataupun generasi selepasnya. Penglibatan Rasulullah SAW dan para sahabat serta tokoh fuqaha' seperti Imam Abu Hanifah di dalam perniagaan sewajarnya dijadikan teladan.

Manusia yang bijak merupakan manusia yang belajar daripada peris-

tiwa silam. Sewaktu mula berhijrah daripada Mekah ke Madinah, kaum Muhibbin tidak memiliki apa-apa. Namun mereka mempunyai semangat untuk meletakkan diri mereka setanding ataupun lebih baik berbanding dengan apa yang dimiliki oleh kaum Yahudi. Berkat kesungguhan dan usaha berterusan dengan berbekalkan ketaqwaan kepada Allah SWT, mereka bukan sahaja dapat mengembangkan ekonomi umat Islam bahkan mereka dapat memecahkan benteng monopoli ekonomi yang dikuasai oleh orang-orang Yahudi.

Sistem ekonomi yang dirintis oleh generasi awal Islam terus berkembang sejajar dengan perkembangan Islam sehingga ajaran Islam membahaskan persoalan perniagaan secara mendalam sama ada di dalam konteks *tasawur* ataupun fekah. Ia dibincangkan oleh ulamak Islam dari semasa ke semasa agar ia praktikal di sepanjang zaman.

Budaya perniagaan di dalam Islam juga memberikan sumbangan yang besar terhadap ketamadunan manusia apabila pusat-pusat perniagaan menjadi kota yang ternama di abad pertengahan dan di zaman kegemilangan Islam seperti Kota Baghdad, Istanbul dan beberapa kota di Afrika termasuk Iskandariah dan Qairawan.

Kota Sirfah di Teluk Parsi merupakan pelabuhan terbesar di dunia sehingga gempa bumi memusnahkannya pada tahun 977 Masehi. Kemudian kepentingan kota

Sirfah telah digantikan dengan pelabuhan Hormuz yang terletak berdekatan dengan tempat masuk Teluk Parsi. Kedatangan saudagar Islam ke India telah menyebabkan perkembangan perniagaan khususnya di kalangan masyarakat Melayu di Melaka, Aceh dan lain-lain lagi. Bangsa Melayu yang beragama Islam merupakan antara mereka yang banyak mendapat faedah dari budaya perniagaan ini. Di sinilah wujud beberapa istilah seperti *tahil*, *bahara*, *nakhoda* dan lain-lain lagi. Beberapa perantaraan perniagaan juga diterima seperti wang, barang kemas dan barang berharga bagi menggantikan sistem *Barter*.

Islam melihat perniagaan sebagai sesuatu yang bersifat global. Sebelum orang Barat meneroka benua Amerika pada abad yang ke 14, orang Islam dipercayai telahpun sampai ke sana sebagaimana sumber yang diperolehi daripada Mawa Mass dari Afrika Barat yang telah membuat kenyataan bahawa abangnya Abu Zuhar telah menghantar 2 rombongan iaitu satu rombongan yang terdiri dari 400 kapal dan satu lagi rombongan terdiri daripada 200 buah kapal telah belayar di Lautan Atlantik.

Beberapa maklumat lain juga turut diperolehi di mana orang Islam lebih dahulu mengetahui bahawa bumi ini berbentuk bulat sebelum ia dibuktikan oleh orang-orang Corpenicus. Al Biruni seorang ahli falsafah dan juga tokoh geografi Islam telah berjaya membuktikan bahawa bumi ini bulat. Ini bermakna keadaan bumi yang bulat telah diketahui lebih 600 tahun

sebelum kedatangan pelayar barat yang bernama Christopher Columbus yang telah belayar mengelilingi bumi.

Kejayaan pelayaran Columbus mustahak kerana ia menandakan detik penguasaan laluan perdagangan oleh orang Barat. Pelayaran ini bertujuan untuk memecahkan monopoli laluan perniagaan yang dikuasai oleh orang Islam di lautan Hindi dan lautan Arab. Apa yang tersirat ialah mereka menyimpan hasrat untuk menyebarkan agama Kristian dan menghancurkan Islam. Kejayaan Colombus meneroka dunia ini banyak dibantu oleh penterjemahnya yang berbangsa Arab yang memberi kelebihan kepada mereka untuk mengkaji kitab-kitab Arab.

Zaman terus berlalu dan sejak 500 tahun yang lalu umat Islam telah tersisih daripada menguasai perdagangan dan sistem ekonomi,

*Biarpun menghadapi saingan yang sengit daripada bukan Islam, ia bukannya penghalang tetapi menjadi cabaran kepada orang Islam untuk merebut kembali hak mereka yang selama ini telah jatuh ke tangan bukan Islam.*

*Sebagai umat pilihan, sepatutnya umat Islam mengulangi kembali kejayaan yang pernah mereka kuasai suatu ketika dahulu.*

sedangkan kebanyakan negara Islam mempunyaikekayaan sumber alam dan juga bahan galian.

Biarpun menghadapi saingan yang sangat daripada bukan Islam, ia bukannya penghalang tetapi menjadi cabaran kepada orang Islam untuk merebut kembali hak mereka yang selama ini telah jatuh ke tangan bukan Islam. Sebagai umat pilihan, sepatutnya umat Islam mengulangi kembali kejayaan yang pernah mereka kuasai suatu ketika dahulu.

*Berilmu di dalam konteks perniagaan bukan hanya semata-mata memahami hukum-hakam **muamalat** tetapi mereka juga perlu memenuhi ilmu di dada dengan pengetahuan pengurusan, pemasaran, rekacipta semasa, teknologi dan lain-lain lagi.  
Penguasaan ilmu akan menjadikan seseorang akan bersifat kontemporari dan memahami kehendak semasa.*

Oleh kerana perniagaan merupakan sesuatu yang begitu sebat dengan orang Islam, ia telah berjaya merencanakan budaya perniagaannya sendiri. Malangnya kerana kecuaian dan ketidakfahaman ajaran Islam sedikit demi sedikit budaya ini mula

terhakis seandainya ahli perniagaan Islam gagal memahami dan menguasai persepsi Islam dan bisnes.

Perniagaan juga boleh digunakan untuk meningkatkan kualiti. Ahli perniagaan Muslim perlu kembali kepada ciri-ciri budaya perniagaan sepertimana berikut:-

## **Ilmu**

Ilmu merupakan pra syarat kejayaan seseorang. Tanpa ilmu seseorang akan mudah terdedah kepada kegagalan. Begitu juga dengan perniagaan. Seseorang yang ingin menceburkan diri di dalam bidang ini sepatutnya mempunyai ilmu dan pengetahuan. Penjanaan ilmu akan menjamin bukan sahaja karakter, kredibiliti dan karisma seorang peniaga malahan ia merupakan asas penting ke arah pengembangan perniagaan.

Berilmu di dalam konteks perniagaan bukan hanya semata-mata memahami hukum-hakam **muamalat** tetapi mereka juga perlu memenuhi ilmu di dada dengan pengetahuan pengurusan, pemasaran, rekacipta semasa, teknologi dan lain-lain lagi. Penguasaan ilmu akan menjadikan seseorang bersifat kontemporari dan memahami kehendak semasa.

Selain daripada ilmu, kefahaman terhadap aqidah Islam juga hendaklah jelas. Seseorang hendaklah mempunyai pegangan yang betul dan hidup mengabdikan diri kepada Allah SWT supaya mempunyai pekerti yang tinggi.

## Jujur Di Dalam Urus Niaga

Kejujuran merupakan lambang keperibadian seseorang. Ahli perniagaan Muslim mesti mempunyai sifat sebegini kerana mereka bukan sahaja menonjolkan imej peribadi tetapi ia juga dikaitkan dengan agama yang dianuti. Bersifat benar dan jujur di dalam perniagaan merupakan satu keuntungan kepada peniaga Muslim kerana mereka bukan sahaja mendatangkan pulangan keuntungan malahan mereka juga mendapat tempat yang tinggi di sisi Allah SWT dan Rasulullah SAW.

## Menepati Janji

Di dalam Islam perjanjian memainkan peranan yang penting supaya apa juu perkara yang dikehendaki tidak lari daripada kehendak asal. Perjanjian yang dibuat hendaklah adil atau di dalam erti kata yang lain menepati kehendak pihak yang terlibat. Perjanjian menandakan kepercayaan. Justeru ia perlu dilakukan dengan teliti dan dilaksanakan dengan bijak. Perlanggaran perjanjian bermakna seseorang itu memungkiri janji dan ia boleh mengakibatkan kesan buruk seperti permusuhan, pergaduhan dan sebagainya. Setiap kontrak yang dibuat hendaklah dipatuhi. Bak kata pepatah: 'binatang dipegang pada tali dan manusia dipegang pada janji'.

## Sifat Siddiq dan Amanah

Sifat siddiq dan amanah merupakan sifat yang wajib bagi seorang Rasul

*Seseorang manusia akan menjadi lebih berkualiti sekiranya mempunyai sifat Sidiq dan Amanah. Ianya meliputi semua aspek khususnya di dalam percakapan, kontrak, memberi perkhidmatan dan mengklasifikasikan barang.*

dan sesiapa yang menghayati dan mengamalkannya, dia telah menghidupkan sunnah Rasulullah SAW. Ia boleh diperaktikkan di mana sahaja dan sesuai di sepanjang masa.

Seorang manusia akan menjadi lebih berkualiti sekiranya mempunyai sifat siddiq dan amanah. Ia meliputi semua aspek khususnya di dalam percakapan, kontrak, memberi perkhidmatan dan mengklasifikasikan barang.

Sifat amanah hendaklah wujud tanpa sifat khianat. Allah SWT meminta supaya umat Islam memunaikan amanah sebagaimana firman Nya di dalam surah an-Nisa', ayat 58:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤْدُوا الْأَمْوَالَ إِلَيْهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ إِنَّ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ

Maksudnya:

"Sesungguhnya Allah SWT menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerima) dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah SWT menyuruh) kamu menghukum dengan adil."

Sifat amanah juga menjamin kualiti kerja manusia agar ia menepati serta menjaga keperluan semua pihak dan ia menjadi darjah keinsanan.

### Berani Menghadapi Risiko

Seseorang ahli perniagaan hendaklah berani menghadapi risiko dan menganggap risiko sebagai cabaran dan bukannya halangan. Bersifat berani tidaklah bermakna berani membuat tuli tetapi yang dikatakan berani ialah dengan berilmu. Di dalam ertikata yang lain, mereka berani di dalam bentuk yang positif dan mendatangkan keuntungan dan bukannya berani di dalam perkara yang merugikan.

Sifat berani penting kerana ia dapat dijadikan pemangkin kepada seseorang untuk terus maju ke hadapan dengan mengambil kira halangan sebagai satu cabaran. Ini merupakan sebahagian jatidiri yang pernah mewarnai peribadi peniaga Muslim sebelum ini. Keberanian bersaing di dalam perniagaan, meredah lautan, merentas padang pasir, meredah denai menjadikan

mereka begitu unggul di dalam perniagaan.

### Kuat Bekerja

Islam sentiasa memberi galakan kepada umatnya supaya sentiasa kuat bekerja. Bekerja kuat merupakan asas kejayaan. Sifat gigih bekerja yang ditonjolkan oleh generasi Islam yang lalu sepatutnya dicerminkan untuk dijadikan teladan. Kebangkitan bangsa Jepun dan Korea sehingga di kenali sebagai "Naga Asia" disebabkan mereka kuat berusaha.

Setiap kerja yang dilakukan hendaklah di dalam bentuk yang konsisten. Sesungguhnya Allah SWT amat menyayangi umatnya yang kuat bekerja.

*Untuk menjadi peniaga atau apa sahaja, kesabaran merupakan tonggak yang dapat membimbing seseorang daripada melakukan sesuatu dengan terburu-buru atau bertindak dengan sesuka hati. Dimensi kesabaran yang diterapkan di dalam kehidupan menyebabkan para peniaga Islam mampu menghadapi apa jua corak cabaran dan halangan.*

## Gigih (Sabar)

Kesabaran dan kegigihan merupakan dua elemen yang mencorakkan keterampilan seseorang. Sifat sabar merupakan sebahagian daripada akhlak *Mahmudah*. Tanpa sifat sabar kegigihan tidak akan muncul. Membentuk sifat sabar bukannya satu usaha yang mudah kerana ia perlu kepada usaha dan latihan yang berterusan. Untuk menjadi peniaga atau apa sahaja, kesabaran merupakan tonggak yang dapat membimbing seseorang daripada melakukan sesuatu dengan terburu-buru atau bertindak dengan sesuka hati. Dimensi kesabaran yang diterapkan di dalam kehidupan menyebabkan para peniaga Islam mampu menghadapi apa jua corak cabaran dan halangan. Inilah yang dikatakan sebagai kegigihan. Berbekalkan kegigihan ini mereka mampu meredah ke segenap penjuru alam.

Ternyata kecekalan hati umat Islam di zaman lampau memberi faedah kepada umat Islam hari ini. Justeru itu, umat Islam hari ini memerlukan sifat sebegini terutamanya cekal hati, tekun, tidak cepat jemu, tahan hati terhadap kesusahan serta kejayaan yang lambat datang.

## Kuat Berusaha

Usaha tangga kejayaan. Inilah peribahasa yang sering diungkapkan. Tanpa usaha, kejayaan tidak akan tiba. Ramai orang mempunyai angan-angan tetapi mereka tidak mempunyai usaha

untuk merealisasikannya menyebabkan mereka menjadi bak kata pepatah “*angan-angan Mat Jenin*.”

Kuat berusaha merupakan sesuatu yang berkait rapat dengan ketahanan. Seseorang yang mempunyai wawasan akan terus berusaha untuk menzahirkan impian.

## Bekerjasama

Islam menekankan konsep kerjasama di dalam pelbagai aspek; daripada ibadat sehingga ke persoalan *muamalat*. Di dalam Islam, berjemaah merupakan sesuatu yang amat dituntut dan di dalam sesetengah keadaan berjemaah merupakan satu syarat seperti sembahyang Jumaat. Di dalam Islam, berjemaah merupakan aspek yang penting kerana ia menjadi pemangkin perpaduan ummah.

Apabila kerjasama wujud ia akan memudahkan pengembangan perniagaan terutamanya di dalam konteks yang global. Salah satu kejayaan ekonomi bangsa Jepun kerana mereka mewujudkan *konglomerat* yang dikenali sebagai ‘*Zaibatsu*’. Ternyata ia merupakan salah satu strategi yang berjaya. Kerjasama juga memudahkan ‘*networking*’ antara satu sama lain.

Islam amat menggalakkan umatnya supaya bekerjasama di dalam perkara-perkara yang mendatangkan kebaikan dan bukannya perkara yang membawa keburukan sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah al-Maidah, ayat 2:

*Perniagaan bukannya sesuatu yang asing bagi ajaran Islam.*

*Cuma salah faham dan kelemahan umat di dalam sistem ekonomi menjadikan mereka tersisih dan lebih tertarik kepada budaya perniagaan konvensional sebagai alternatif untuk maju di dalam perniagaan.*

وَعَاوُنَاعِلَّا لَّيْرَوَالنَّقَوَى  
وَلَكَعَوُنَاعِلَّا لَّيْرَوَالعَدُونَ

Maksudnya:

*"Hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebaikan dan taqwa dan jangan kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan."*

## **Berhemah**

Berhemah tinggi merupakan salah satu kriteria yang perlu ada pada diri peniaga Muslim dan juga kepada sesiapa sahaja yang ingin mengeburkan diri di dalam perniagaan.

Berhemah bermakna seseorang itu bijak bukan sahaja di dalam berfikir malahan sewaktu bertindak.

Rasulullah SAW juga mengajar umat Islam supaya sentiasa berdoa kepada Allah SWT memohon dikurniakan dengan sifat hemah.

## **Penindasan Adalah Di Larang**

Umat Islam merupakan umat yang terkenal dengan sifat adil yang mementingkan hubungan yang adil antara semua pihak dan golongan. Penindasan dilarang sama sekali meskipun kepada mereka yang bukan beragama Islam. Begitu juga dengan penindasan di dalam perniagaan, Islam melarang keras amalan ini. Antara penindasan yang sering timbul di dalam perniagaan ialah menaikkan harga dengan sembarangan, menyorok barang, memonopoli dan lain-lain lagi.

## **Kesimpulan**

Perniagaan bukannya sesuatu yang asing bagi ajaran Islam. Hanya salah faham tentang ajaran Islam dan kelemahan di dalam sistem ekonomi menjadikan umat Islam tersisih dan lebih tertarik kepada budaya perniagaan konvensional sebagai alternatif untuk lebih maju di dalam perniagaan.



ISLAM &  
BISNES

# PERANAN BISNES *dalam* KEBANGKITAN SEMULA UMMAH

Oleh

Prof. Madya Dr. Badri Bin Abu Bakar

Dip (Elect. Eng. Communication) (U.T.M), B. Sc (Hons) (Elect. And Electronics Eng.) (Glasgow), M. Sc (Control and Digital System Eng.) (Birmingham), Ph.D, (Automation Eng.) (Bradford),

Rector, Kolej JAIPETRA



embangkitkan ummah bukanlah suatu perkara yang mudah kerana ia memerlukan usaha yang berterusan dan sokongan daripada semua pihak.

Namun di dalam menjana kebangkitan ummah ini, para *mujaddid* (reformis) sewajarnya mempunyai ciri-ciri berikut:

## 1. Mengenali Diri Sendiri

Kegagalan mengenali diri sendiri merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada kelemahan umat Islam pada hari ini. Meskipun umat Islam mempunyai populasi tinggi tetapi ia tidak menjamin kualiti yang terbaik dan disegani. Pandangan ini turut disokong oleh Maulana Abu 'Ala al Maududi yang mengatakan bahawa umat Islam pada hari ini sedang tidur lena. Terdapat banyak faktor yang menyebabkan umat Islam tertidur. Walaupun setiap kurun akan bangkit para *mujaddid* yang akan menggerakkan reformasi, namun masih ada umat Islam yang leka dan alpa dengan tanggungjawab yang di-

amanahkan oleh Allah SWT. Pemilihan manusia sebagai khalifah di atas muka bumi merupakan salah satu penghormatan Allah SWT kepada umat manusia. Justeru, bagi menggambarkan ketinggian martabat manusia di kalangan makhluk yang lain, kebanyakan permulaan ayat suci di dalam al-Quran, dimulai dengan:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا

Maksudnya:

"Wahai orang-orang yang beriman."

Namun di sebalik ayat ini berapa ramaikan di antara umat Islam yang menyedari siapakah diri mereka yang sebenarnya? Adakah mereka berfungsi sebagai makhluk yang mentaati *al-Khaliq* (pencipta). Seandainya mereka lupa diri dan gagal mengenali diri sendiri nescaya manusia akan menuruti jejak langkah yang pernah disusuri oleh Firaun. Kekayaan dan darjah yang diberikan oleh Allah SWT, menyebabkan Firaun merasakan dirinya paling berkuasa dan mengaku sebagai Tuhan. Antara nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada Firaun, dia tidak pernah sakit, cuma sesekali sahaja merasa gatal dan hanya membuang air besar setiap 40 hari sekali. Tetapi apabila melihat tongkat Nabi Musa bertukar menjadi ular dan membaham ular-ular ahli sihirnya, Firaun membuang air besar 40 kali sehari.

## 2. Kuat Bergantung Kepada Allah SWT

Setiap Muslim hendaklah yakin bahawa segala nikmat yang diperolehi datangnya daripada Allah SWT. Semakin kuat seseorang bergantung dan memohon harap kepada Allah SWT nescaya mereka akan memperolehi rezeki dengan melimpah ruah. Bahkan orang yang berpegang kepada konsep Allah SWT pemberi rezeki, tidak akan mudah cemas apabila berhadapan dengan sebarang masalah atau kesulitan kerana menyedari bahawa setiap perkara yang berlaku datangnya daripada Allah SWT.

## 3. Bertanggungjawab

Setiap kerja yang diberikan hendaklah dilakukan dengan bersungguh-sungguh. Sifat bertanggungjawab merupakan salah satu tunjang terhadap apa jua amanah yang diberikan. Sifat *mahmudah* ini akan dapat mengawal diri daripada bersikap sambil lewa dan menyalahguna kuasa yang diamanahkan. Sifat bertanggungjawab merupakan sebahagian daripada latihan di dalam memupuk dan mendidik seseorang supaya mempunyai tahap kesabaran yang tinggi. Firman Allah SWT di dalam surah Hud, ayat 11:

إِلَّا الَّذِينَ صَبَرُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ  
أُولَئِكَ لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ كَبِيرٌ

Maksudnya:

*"Kecuali orang-orang yang sabar dan mengerjakan amal saleh, maka mereka itu akan beroleh keampunan dan pahala yang besar."*

Penghayatan dan pengamalan sifat sabar merupakan penampakan kepada diri seseorang. Misalnya sewaktu mengalami kegawatan, mereka tidak akan merasakan kegawatan sebagai suatu bebanan malahan ia adalah ujian daripada Allah SWT untuk menguji keimanan dan kesabaran.

#### **4. Peniaga Yang Fleksibel**

Peniaga yang fleksibel ialah mereka yang memahami keadaan dan bertindak mengikut keadaan. Islam tidak boleh dibangkitkan hanya sekadar berpandukan kepada buku atau fakta yang berbentuk teori sahaja kerana itu lebih bersifat statik. Sebaliknya mereka perlu juga mencari alternatif yang berbentuk praktikal. Peniaga yang bijak ialah peniaga yang

*Orang yang berpegang kepada konsep Allah SWT pemberi rezeki tidak akan mudah cemas apabila berhadapan dengan sebarang masalah atau kesulitan kerana menyedari bahawa setiap perkara yang berlaku datangnya daripada Allah SWT.*

tahu mencari peluang yang mendatangkan keuntungan. Bukannya bersifat pasif, kaku dan jumud yang mengharapkan keuntungan datang bergolek tanpa ada usaha. Fenomena ini timbul kerana peniaga ini tidak memadankan keadaan persekitaran dengan aspirasi perniagaan. Peniaga yang bijak ialah mereka yang pandai menyesuaikan perniagaan dengan keadaan persekitaran.

#### **5. Mempunyai Semangat Yang Tinggi Untuk Meningkatkan Diri**

Umat Islam hendaklah mempunyai perancangan yang rapi untuk meningkatkan diri mereka dari semasa ke semasa. Mereka tidak mengharapkan sumbangan daripada orang lain bahkan sentiasa mencari peluang untuk memperbaiki diri ke tahap yang lebih baik. Setiap saat yang dilalui merupakan peluang yang perlu direbut. Mereka yang leka dan suka menangguhkan kerja merupakan golongan yang rugi kerana mensiasiakan peluang yang ada. Manakala mereka yang malas dan berpeluk tubuh akan sentiasa berada di dalam keadaan kerugian.

#### **6. Serba Boleh**

Peniaga yang mempunyai peribadi serba boleh menepati maksud peribahasa Melayu:

*"Benih yang baik apabila jatuh ke laut akan menjadi pulau."*

Individu seperti ini mempunyai komitmen terhadap apa yang di-

lakukan. Ibnu Taimiyah mengatakan di dalam bab dakwah tentang ciri-ciri *da'ie*. Katanya, "Dia bukan sahaja mengimani di bibir malahan di hatinya. Dia mampu mempengaruhi orang lain."

## 7. Sensitif Kepada Suasana

Di dalam menjana kebangkitan semula ummah, para peniaga Muslim seharusnya mengambil kira sensitiviti persekitaran agar usaha dakwah dapat berjalan dengan lebih lancar. Justeru banyak faktor yang dapat diambilkira seperti faktor budaya, bangsa dan sebagainya. Ketokohan generasi awal Islam menjalankan tugas sebagai peniaga dan *da'ei* sepatutnya dijadikan teladan kerana mereka berjaya mengambilkira faktor sensitif kepada persekitaran sebagai salah satu inspirasi dakwah.

## 8. Bersama-sama Mengembangkan Tenaga Bagi Mempertingkatkan Sumber

Ia berlainan dengan mereka yang berada di luar bisnes yang mempunyai kekangan-kekangan yang pelbagai. Orang yang berniaga mempunyai kebebasan untuk berbuat sesuatu mengikut kehendak diri sendiri. Namun setiap perkara yang dilakukan hendaklah tidak bertentangan dengan hukum syarak. Cara ini bersesuaian sekali dengan metodologi dakwah Islam. Peniaga mempunyai kebebasan untuk menentukan bentuk dan peranan yang diinginkan. Kelebihan inilah yang ada pada peniaga sebagai penggerak kepada usaha-usaha dakwah. Ia merupakan aset penting bagi mereka

*Mereka yang leka dan suka menangguhkan kerja merupakan golongan yang rugi kerana setiap detik yang dilalui merupakan peluang keemasan yang perlu direbut. Sedangkan mereka yang malas dan berpeluk tubuh akan sentiasa berada di dalam kerugian.*

untuk menumpukan tenaga dan komitmen.

## 9. *Jiddiyah* (Bersungguh-sungguh)

ia bermakna seseorang itu sanggup melakukan apa sahaja asalkan ia mendatangkan manfaat kepada orang ramai. Pengalaman penceramah bertemu dengan seorang sheikh dari dunia Arab yang mengungkapkan kata-kata perangsan amat bermakna sekali. Katanya:

*"Jangan merasa kecil untuk melakukan benda-benda besar dan jangan merasa besar untuk melakukan benda-benda kecil."*

Pengajaran yang dapat difahami daripada kata-kata di atas ialah seseorang itu tidak akan merasa rendah diri dan cepat merasa putus asa. Sifat negatif yang sebegini akan menambahkan lagi bebanan dan membuat diri sentiasa berada dalam keadaan tertekan. Begitu juga apabila

berada di suatu tempat yang tinggi, jangan merasa malas apakah lagi memandang rendah untuk melakukan usaha-usaha yang dilakukan orang bawahan.

Seandainya kesemua ciri-ciri ini dapat digerakkan dengan sempurna, ia akan dapat membangkitkan umat Islam. Inilah adunan kebangkitan ummah. Tanpa ciri-ciri yang disebutkan di atas ia tidak berkesan. Peranan untuk kebangkitan semula ummah melalui bisnes dapat dilihat melalui tiga rangkaian. Harus diingat bahawa di dalam masyarakat terdapat individu-individu yang diamanahkan untuk menjaga sudut masing-masing. Sesiapa yang mengabaikan sudut-sudut tersebut bermakna ia telah mengabaikan tanggungjawab yang telah diberikan oleh Allah SWT.

Tiga golongan besar yang berperanan dalam masyarakat ini ialah ulamak, *umara'* dan *aghniya'* (orang kaya). Di dalam konteks ummah, seandainya ulamak tidak memainkan peranan, masyarakat akan runtuh. Di dalam masyarakat, kombinasi tiga elemen iaitu ulamak, *umara'* dan *aghniya'* berperanan besar terhadap jatuh bangunnya umat. Manakala ulamak pula perlu dihormati dan ditaati. Keharmonian sesuatu kaum terletak pada tiga benda. Pertama ketokohan ulamak, kedua, keadilan *umara'* dan ketiga, kemurahan *aghniya'*.

Ulamak mempunyai peranan yang cukup besar bagi meneruskan kesinambungan perjuangan para nabi di atas muka bumi ini. Masyarakat yang lahir tanpa kewujudan institusi ulamak merupakan masyarakat yang



Pengurusan sistematis adalah perlu bagi menghadapi persaingan global

tempang dan akan berhadapan dengan masalah keruntuhan moral. Kewujudan ulamak dan institusinya akan dapat menjamin *wasilah* perjuangan para *anbiya'*. Rasulullah SAW pernah bersabda:

أَعْلَمُ الْمَاءِ وَرَبِّهِ  
الْأَئِيَاءِ .

Maksudnya:

*"Para ulamak merupakan pewaris para nabi."*

(Hadis Riwayat Tirmizi)

Begitu juga dengan firman Allah SWT di dalam surah an-Nisa', ayat, 59:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا  
الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ مُّكْرَمُونَ

Maksudnya:

*"Wahai orang-orang yang beriman! taatilah kamu kepada Allah SWT, Rasul Nya dan orang-orang yang berkuasa di kalangan kamu."*

Berdasarkan kepada maksud ayat ini, ulamak memainkan peranan yang besar ke arah pembangunan dan kemakmuran ummah. Inilah yang dikatakan ulamak yang baik yang sentiasa berjuang untuk kepentingan agama dan ummah. Manakala *'su'ul ulama'* merupakan ulamak jahat, yang menyembunyikan kebenaran dengan kebatilan ataupun mana-mana ulamak yang menafikan kebenaran kerana kepentingan pihak tertentu. Rasulullah

*Harus diingat bahawa di dalam masyarakat terdapat individu-individu yang diamanahkan untuk menjaga sudut masing-masing. Sesiapa yang mengabaikan sudut-sudut tersebut bermakna ia telah mengabaikan tanggungjawab yang telah diberikan oleh Allah SWT.*

SAW pernah menyatakan bahawa akan datang satu masa di mana Islam hanya tinggal pada nama sahaja, tidak tinggal al-Quran itu melainkan pada tulisannya sahaja, masjid mereka tersergam indah tetapi tiada lagi petunjuk daripada masjid, ulamak mereka ialah golongan manusia yang jahat di bawah bumbung langit yang mengeluarkan fitnah.

Oleh itu ulamak perlu dihormati kerana peranannya yang besar. Tetapi ada juga beberapa insiden apabila ulamak diberi penghormatan oleh masyarakat, ada individu yang merasa cemburu. Pernah satu ketika, Abdullah al Mubarak pergi menunaikan haji, beliau telah menjadi tumpuan orang ramai. Sehingga ada orang yang bertanya kepada pemerintah Mekah pada masa itu, kenapa beliau tidak menyambut Abdullah sedangkan orang lain berebut-rebut menyambut beliau. Lantas dijawab oleh pemerintah Mekah, 'itulah taraf ulamak.'

Golongan *umara'* pula merupakan golongan pelaksana terhadap dasar yang diputuskan. Manakala golongan *aghniya'* (orang kaya) mempunyai peranan yang begitu besar dalam konteks gerakan dakwah. Menurut al Ghanusi, "Mereka inilah golongan penimbang dinamika ummah."

Inilah peranan golongan *al aghniya'* (orang kaya) iaitu untuk mempertahankan ummah. Seseorang perlu ingat bahawa kefakiran boleh membawa kepada kekufuran. Pernah satu ketika umat Islam dipandang rendah dan dianggap sebagai bakul sedekah dunia. Lihatlah apa yang berlaku di Somalia dan Bangladesh. Ia merupakan sesuatu yang amat menyedihkan. Bila timbul persepsi begini di manakah perginya tokoh-tokoh korporat dan golongan kaya Islam untuk membantu saudara mereka daripada belenggu kemiskinan dan mempertahankan maruah Islam?

*Al aghniya'* juga berperanan sebagai pembela dan pembina pengkalan umat, iaitu dengan memberi sumbangan kepada golongan yang tidak berasas baik, membiayai pengajian, jihad dan sebagainya. Di sinilah umat Islam boleh memanfaat kekuatan dan pada masa yang sama membina pengkalan kekuatan ummah.

Seterusnya *al aghniya'* berperanan sebagai pembentuk dana kepada ummah. Di dalam keadaan sekarang orang Islam berhadapan dengan masalah kekurangan dana apabila ingin membangunkan sesuatu projek

terutamanya projek yang melibatkan industri kecil-kecilan seperti membiayai modal untuk menjual goreng pisang dan sebagainya. Berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam (YPEIM), 99 peratus daripada peminjam yang terdiri daripada golongan peniaga kecil membayar balik pinjaman berbanding dengan golongan korporat. Data ini berbeza sama sekali dengan pinjaman yang dikeluarkan kepada golongan kelas pertengahan. Pembayaran balik pinjaman golongan ini tidak sampai pun 50 peratus.

*Al aghniya'* juga digalakkan memberi hutang kepada mereka yang memerlukan. Ini bertepatan sekali dengan maksud hadis Rasulullah SAW yang menggalakkan lebih baik kita memberi hutang daripada memberi sedekah. Jika direnungkan sejenak


*Ulamak mempunyai peranan yang cukup besar bagi meneruskan kesinambungan perjuangan para nabi di atas muka bumi ini. Masyarakat yang lahir tanpa kewujudan institusi ulamak merupakan masyarakat yang tempang dan akan berhadapan dengan masalah keruntuhan moral.*

*Kewujudan ulamak dan institusinya akan dapat menjamin wasilah perjuangan para anbiya'.*

bahawa dalam konteks ini, memberi hutang adalah lebih baik kerana ia mengajar seseorang supaya berusaha dan mencari alternatif untuk membayar hutang berbanding dengan mereka yang menadah tangan mengharapkan sedekah orang ramai.

## Pengajaran

Setiap nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT perlu dikenang dan dihargai. Firman Allah SWT di dalam surah ad-Dhuha, ayat 11:



Maksudnya:

"Adapun nikmat Tuhan mu, maka hendaklah engkau sebut-sebutkan sebagai menzhirkan kesyukuran."

Selain itu umat Islam harus bersedia menerima hakikat bahawa rezeki yang diperolehi kadang-kadang tidak disenangi oleh orang lain. Ini merupakan gejala negatif yang perlu dibendung. Tidak sepatutnya timbul rasa iri hati sesama sendiri. Sebaliknya sama-sama berusaha untuk mendapatkan rezeki yang lebih dan kemudian dimanfaatkan untuk kebangkitan semula ummah.

Halangannya bukan setakat itu sahaja malahan sikap suka berkira dan kikir harta juga merupakan antara penyakit hati yang masih ada dalam jiwa segelintir umat Islam. Seandainya terdapat pihak yang merasa iri hati kerana orang lain lebih kaya daripada

mereka, perasaan itu akan terhapus sedikit demi sedikit apabila seseorang itu membelanjakan harta di jalan Allah SWT.

Bahkan ada juga golongan yang berharta tetapi berlagak miskin. Ini juga merupakan fenomena yang kurang sihat. Sepatutnya orang Islam mencontohi Imam Abu Hanifah. Beliau terkenal sebagai tokoh perniagaan yang berjaya di samping pengasas mazhab Hanafi. Pada suatu ketika sekawtu beliau keluar berjalan-jalan melalui tepi parit dengan memakai pakaian yang kemas beserta wangian yang harum. Lantas seorang zindik menegur Imam Abu Hanifah dengan berkata:

*"Wahai imam! Kamu nampak sungguh cantik dan bergaya. Tidakkah kamu ingat sebuah hadis Rasulullah SAW yang bermaksud, dunia ini diibaratkan bangkai dan yang mencari bangkai-bangkai itu"*

*Membina kebangkitan ummah bukannya usaha yang berbentuk setempat malahan ia berbentuk global sebagaimana konsep ajaran Islam yang tidak mengenal garis sempadan dan kelompok bangsa. Walau apapun rencah yang digunakan untuk membangkitkan ummah kekuatan ekonomi merupakan salah satu tunjang yang penting.*


*adalah anjing. Dunia ini adalah penjara orang mukmin dan syurga orang kafir."*

Lantas dijawab oleh Imam Abu Hanifah,

*"Memanglah benar hadis yang dibacakan tadi, tetapi dunia inilah syurga kamu dan di akhirat nanti nasib kamu lebih buruk lagi dan lihatlah aku, ini belum lagi syurga baru di dunia."*

Sebagai kesimpulan, membina kebangkitan ummah bukannya usaha yang berbentuk setempat malahan ia berbentuk global sebagaimana konsep ajaran Islam yang tidak mengenal garis sempadan dan kelompok bangsa. Walau apapun rencah yang digunakan untuk membangkitkan ummah kekuatan ekonomi merupakan salah satu tunjang yang penting.





*"Berilah berita gembira kepada orang yang beriman dan beramal soleh bahawa bagi mereka syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai."*

Surah al-Baqarah: Ayat 25

# KEPERIBADIAN PENIAGA MUSLIM YANG BERJAYA

Oleh  
**Datuk Mohd Idris Bin Jauzi**  
B.A., (Sosiologi dan Sejarah) (U.K.M)  
Perunding Utama,  
Pusat Pembangunan dan Pendidikan Komuniti  
CEDC Sdn. Bhd.

## Pendahuluan



pa yang hendak dipaparkan menerusi tajuk ini ialah pada akhirnya peribadi Muslim yang berjaya akan menunjukkan pada dirinya sendiri suatu jenis budaya niaga di dalam artifiknya. Manifestasi dari peribadi Muslim yang terbangun tersebut adalah hasil daripada input ilmu-ilmu yang berteraskan sumber-sumber agama seperti al-Quran, hadis, sirah, sejarah dan juga kajian-kajian empirikal.

Dari sumber ilmu itu tadi, ia akan membangunkan nilai-nilai yang menjadi pegangan asas seperti norma, kepercayaan, persepsi dan juga peta pemikiran yang ditanamkan di kalangan insan. Manusia atau insan yang telah mempunyai asas yang benar, dibangunkan sebagai seorang peniaga yang berperibadi mulia dan peribadi yang membangun itu kemudiannya diterjemahkan ke dalam budaya niaganya sama ada di peringkat organisasi, sistem, struktur dan gaya masing-masing.

## Revolusi Mental

*Kuatnya pegangan orang Melayu jika diteliti dengan mendalam maksud dari peribahasa sebagaimana contoh-contoh di atas ialah, gagal pada kali pertama mereka tidak berputus asa kerana mengetahui bahawa Allah SWT yang menentukan segala-galanya dan mereka belajar dari kesilapan.*

Satu fenomena umum yang berlaku dalam usaha untuk membangun bangsa ialah sikap masyarakat Melayu yang pada umumnya sering mengambil contoh daripada tradisi dan budaya asing. Sebuah buku yang diterbitkan dalam tahun-tahun 70-an bertajuk *Revolusi Mental* telah menganjurkan agar diadakan usaha besar-besaran dalam revolusi mental masyarakat Melayu di mana tokoh-tokoh korporat Barat seperti John Paul Getty, Rockefeller dan sebagainya telah diketengahkan untuk dijadikan contoh dan ikutan bagi mencapai kejayaan. Buku tersebut menggambarkan seolah-olah, tidak ada apa-apa dari bangsa Melayu yang boleh dibangunkan sehingga nilai-nilai pegangan bangsa Melayu sendiri dikritik dan dinilaikan dengan serendah-rendahnya.

Di dalam buku tersebut juga digambarkan peribadi peniaga Muslim yang berjaya sebagai mereka yang berkeperibadian terhakis atau terkeluar dari tradisi dan agama sendiri. Mereka (orang Melayu) disebut sebagai pemalas, tidak kuat berusaha dan lain-lain lagi. Peneliti-peneliti buku *Revolusi Mental* ini juga menyatakan bahawa orang Melayu sebagai bersikap 'hangat-hangat tahi ayam', 'angan-angan Mat Jenin', dan sebagainya iaitu mengambil perumpamaan peribahasa Melayu sendiri.

Tanggapan dan peta pemikiran yang sedemikian telah mengakibatkan orang-orang Melayu merasa rendah diri sehingga apabila mahu membangunkan bangsa, mahu berjaya menjadi peniaga dan usahawan terkenal, mereka mesti melihat ke luar, keluar daripada kepompong yang mengongkong. Mereka tidak mengambil kira kekuatan dalaman yang sedia ada. Kesannya, timbullah wajah-wajah kejayaan seseorang ahli korporat Melayu yang dikagumi selalunya sebagai individu yang telah tercabut dari akar umbi budaya dan tradisi bangsa sama ada dari segi nilai, pegangan dan juga gaya hidup. Pandangan seperti ini timbul dari satu fenomena yang dipanggil 'kejulingan intelek'.

Kritikan dari Profesor Syed Hussain al Attas ke atas buku ini ialah, sekiranya mahu melihat dan memahami peribadi Melayu dari

sudut peribahasa, mesti mengetahui bahawa paling kurang terdapat 3 jenis peribahasa Melayu iaitu peribahasa teguran, peribahasa anjuran dan peribahasa gambaran. Peribahasa teguran adalah seperti 'jangan hangat-hangat tahi ayam' manakala peribahasa anjuran adalah 'genggam bara api biar sampai jadi arang', 'alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan', 'alang-alang berminyak biar licin', 'alang-alang berdakwat biar hitam' dan peribahasa gambaran 'biar putih tulang, jangan putih mata, biar mati bertitik bangkai namun menyerah tidak juga'.

Gabungan daripada ketiga-tiga peribahasa ini barulah dapat disimpulkan peribadi orang-orang Melayu. Peribahasa teguran yang digabungkan dengan peribahasa anjuran akan menghasilkan peribahasa gambaran iaitu peribahasa yang menggambarkan peribadi besar jiwa Melayu yang sebenarnya sudah diwarnakan oleh Islam. Peribahasa teguran menegah supaya jangan bersikap 'hangat-hangat tahi ayam' bahkan dianjurkan supaya jika 'menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan' tetapi jika gagal setelah berusaha kuat, maka dinasihatkan bahawa 'rezeki secupuk tidak akan menjadi segantang' dan 'sekali terkena dua kali jalan tahu'. Kuatnya pegangan orang Melayu jika diteliti dengan mendalam maksud daripada peribahasa sebagaimana contoh-contoh di atas ialah, gagal pada kali pertama mereka tidak berputus asa kerana mengetahui bahawa Allah SWT yang menentukan segala-galanya dan mereka belajar dari kesilapan. Terdapat hadis Rasullullah SAW berhubung dengan pembelajaran

daripada kesilapan di mana Baginda SAW mengingatkan bahawa orang-orang beriman tidak akan dipatuk oleh ular dua kali daripada satu lubang.

Jika dilihat peribadi Melayu dari sudut pemahaman yang tepat iaitu bukannya dari sudut pandangan 'kejulungan intelek', dapat melihat peribadi Melayu yang difahami daripada peribahasa adalah peribadi besar yang sebenarnya sudah menghayati ajaran dan nilai-nilai Islam sehingga apabila mereka melakukan sesuatu pekerjaan mereka akan melakukannya dengan bersungguh-sungguh kerana "alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan"; mereka juga tidak 'panjang/reti' dengan angan-angan kerana angan-



Klinik Waqaf An-Nur - Wakaf adalah salah satu pendekatan yang perlu diketengahkan oleh badan-badan korporat

angan itu perbuatan syaitan dan kerja yang bersungguh-sungguh itu sekiranya gagal, jangan sekali-kali berputus asa dan belajar dari kesilapan. Inilah peribadi besar orang Melayu tetapi malangnya kita sendiri tidak dapat melihatnya sehingga apabila hendak membangun, kita melanggar dan mengenepikan nilai-nilai tersebut.

Justeru, sekiranya seseorang hendak menjadi peniaga Muslim yang berjaya, mereka hendaklah melihat daripada sudut kekuatan yang dimiliki dan seterusnya menggunakan kekuatan tersebut sebagai landasan untuk membangunkan bangsa. Mereka mesti memahami bahawa tugas membangunkan bangsa mestilah di atas landasan kekuatan tradisi, budaya dan agama sendiri.

## Rasional Perlunya Membina Peribadi Peniaga Muslim

Usaha-usaha untuk membangunkan peribadi peniaga Muslim perlu dilaksanakan atas beberapa tuntutan iaitu tuntutan agama, tuntutan sejarah dan tuntutan realiti dan masa hadapan.

### 1. Tuntutan Agama

Di dalam hal ini umat Islam tidak ada pilihan melainkan membangunkan satu generasi peniaga-peniaga Muslim di kalangan ummah. Rasulullah SAW menyebutkan bahawa bekerja itu sebagai jihad, manakala ahli-ahli fikir Islam pula menyimpulkan bekerja itu sebagai fardhu ain. Hadis Rasulullah SAW ada menyebut bahawa sembilan

per sepuluh daripada sumber kekayaan dan harta berpuncu dari usaha bermiaga. Perkara ini juga telah dinyatakan di dalam al-Quran, surah al-Jumuah, ayat 9 dan 10:

يَكُنْ لَهُمَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نُودِعُ لِلصَّلَاةِ  
مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَأَسْعَوْا إِلَيْنَا ذِكْرَ اللَّهِ  
وَذَرُوا الْبَيْعَ ذَلِكُمْ خَرْجٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ  
تَعْلَمُونَ ﴿١﴾ إِنَّمَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ  
فَإِنَّ شَرُوفًا فِي الْأَرْضِ وَابْغُوا  
مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَإِذْ كُرُوا أَلَّاهُ كَيْرًا  
لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ ﴿٢﴾

Maksudnya:

"Wahai orang-orang yang beriman, apabila diseru untuk menunaikan sembahyang pada hari Jumaat, maka bersegeralah kamu untuk mengingati Allah SWT dan tinggalkanlah jual beli. Yang demikian itu lebih baik bagimu jika kamu mengetahui. Apabila telah ditunaikan sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi dan carilah kurniaan Allah SWT dan ingatlah Allah SWT banyak-banyak supaya kamu beruntung."

Al-Quran di dalam hal ini antara lain mengingatkan bahawa tidak ada pengasingan antara mencari kurnia Allah SWT (usaha niaga) dan solat (agama). Di dalam percaturan perniagaan, umat Islam perlu mengingati Allah SWT iaitu dengan mengingati hukum-hukum dan

peraturan Allah SWT seperti menjaga timbangan, harga dan sebagainya. Apabila seseorang menyatakan bermiaga sebagai tuntutan agama, mereka perlu mengaitkan perniagaan dengan rukun Islam yang keempat iaitu kewajipan membayar zakat. Tuntutan ini menganjurkan umat Islam mencari kekayaan supaya dengan kekayaan itu umat Islam akan dapat mengeluarkan zakat bagi membantu umat Islam lain yang memerlukannya.

## 2. Sejarah

Dilihat daripada perspektif sejarah, umat Islam dahulu pada asalnya merupakan peniaga-peniaga yang berjaya dan masyhur sebagaimana Dato' Dr Affifudin, bekas Timbalan Menteri Kewangan Malaysia pernah

*Sekiranya seseorang hendak menjadi peniaga Muslim yang berjaya, mereka hendaklah melihat daripada sudut kekuatan yang dimiliki dan seterusnya menggunakan kekuatan tersebut sebagai landasan untuk membangunkan bangsa. Mereka mesti memahami bahawa tugas membangunkan bangsa mestilah di atas landasan kekuatan tradisi, budaya dan agama sendiri.*

menyebut:

*'Memang boleh untuk membangunkan kembali masyarakat Melayu sebagai peniaga kerana orang-orang Melayu memang asalnya dahulu adalah golongan peniaga'.*

Ungkapan ini menjelaskan bahawa orang Melayu mempunyai suatu tradisi yang begitu erat dengan perniagaan.

## 3. Realiti Kini dan Masa Hadapan

Selain daripada tuntutan agama dan juga sebagai salah satu usaha untuk menghidupkan kembali kebenaran sejarah umat Islam, sejarah serantau dan sejarah bangsa Melayu, usaha niaga juga adalah suatu keperluan untuk menghadapi realiti semasa dan senario masa hadapan.

Realiti yang berlaku masa kini dan kekuatan dunia masa hadapan yang begitu bergantung kuat kepada keteguhan ekonomi turut menjadi tuntutan yang meletakkan tanggungjawab kepada umat Islam untuk menghidupkan peniaga Muslim yang berjaya dan mempunyai keperibadian yang kukuh, yang mana pada akhirnya mereka inilah yang akan menentukan kelangsungan ummah.

### Prinsip Asas Membentuk Keperibadian Peniaga Muslim Yang Berjaya

Ilmu merupakan asas usaha yang perlu dilakukan bagi membentuk keperibadian Muslim yang berjaya di dalam perniagaan. Di dalam Islam



Pendidikan merupakan salah satu proses penting ke arah melahirkan generasi yang cemerlang

asas ilmu mesti diambil daripada sumber yang sah iaitu sumber yang berteraskan al-Quran, hadis, sirah, sejarah dan juga kajian-kajian empirikal. Asas ilmu penting kerana dari sumber-sumber ini akan ditanamkan nilai-nilai tertentu dan apabila sumber itu betul, nilai yang ditanam juga akan betul. Kesannya ialah umat Islam akan mempunyai keyakinan diri yang kuat bahawa mereka mempunyai keupayaan untuk menjadi peniaga yang berjaya.

Selain itu, sumber ilmu juga penting kerana ia akan memberi kebenaran yang ditanam dalam diri dan kebenaran dalam itulah akhirnya yang perlu dibangunkan di kalangan masyarakat Islam. Justeru, proses pendidikan hendaklah bermula daripada sumber-sumber ilmu dengan menanamkan ciri-ciri keunggulan menerusi proses pendidikan, latihan, pemasyarakatan, pembudayaan dan

juga pemantauan. Melalui proses ini ia akan dapat melahirkan ciri-ciri peribadi Muslim sebagaimana yang diinginkan oleh ajaran Islam.

Terdapat 2 jenis ciri-ciri keperibadian:

1. Ciri yang tidak berubah-ubah atau mantap (*absolute*)

- menerapkan konsep ilmu, iman dan amal soleh dalam kehidupan
- tetap menjalankan kewajipan ibadah
- menuaikan zakat
- menuaikan tanggungjawab sosial
- memelihara diri dari syubhat dan haram
- tidak mudah berputus asa
- ikhlas dan jujur
- rajin, gigih, tekun dan sabar
- berwawasan
- mempunyai kemahiran ber-

- komunikasi yang baik
  - boleh dipercayai
  - mengambil dan mencipta peluang
2. Ciri yang berubah-ubah (*flexible*)
- boleh membaca masa hadapan, gaya dan senario
  - berani mengambil risiko
  - perlu mengenali pelbagai budaya
  - berpengetahuan tentang teknologi canggih
  - mengikuti perkembangan semasa
  - memiliki kemahiran-kemahiran yang relevan
  - cekap

Kesemua ciri ini penting kepada peniaga-peniaga Muslim yang ingin berjaya. Ciri-ciri ini perlu dikekalkan

*Peniaga Muslim yang mengamalkan etika dan perniagaan Islam yang sebenar, insya-Allah akan mendapat keberkatan dan ganjaran besar dari Allah SWT. Usaha membangunkan peniaga atau usahawan Muslim wajar digerakkan oleh pimpinan negara, pimpinan politik dan korporat secara tersusun, bertahap, berterusan dan bermatlamat.*

dan ditingkatkan lagi dari semasa ke semasa kerana budaya niaga yang diamalkan oleh setiap peniaga Muslim adalah manifestasi keperibadian peniaga itu sendiri yang mencerminkan budaya ilmu, budaya musyawarah, budaya pemikiran dan tindakan strategik dan budaya kerja yang cemerlang. Sifat cemerlang adalah penting kerana kecemerlangan merupakan jati diri orang Muslim yang boleh dijadikan model kepada peniaga-peniaga lain. Selain itu, budaya peniaga Muslim yang berjaya juga mencerminkan keperibadian peniaga tersebut yang mengutamakan pembangunan insan.

## **Kesimpulan**

Di dalam Islam, perniagaan bukanlah hanya suatu bentuk pekerjaan atau usaha mencari kekayaan di dunia semata-mata tetapi juga merupakan suatu amanah dan tanggungjawab sebagai suatu tuntutan agama. Setiap peniaga Muslim mempunyai peranan penting di dalam usaha memajukan umat Islam. Peniaga Muslim yang mengamalkan etika dan perniagaan Islam yang sebenar, insya-Allah akan mendapat keberkatan dan ganjaran besar dari Allah SWT.

Usaha membangunkan peniaga atau usahawan Muslim wajar digerakkan oleh pimpinan negara, pimpinan politik dan korporat secara tersusun, bertahap, berterusan dan bermatlamat.



*"Sesungguhnya Allah SWT itu cantik serta elok dan Dia tidak menyukai melainkan sesuatu yang cantik dan elok."*

Hadis Riwayat Muslim

# CIRI-CIRI KEPERIBADIAN PENIAGA MUSLIM *yang BERJAYA*

Oleh

Dr. Sidek Bin Baba

Dip., (Pengajian Islam) (U.K.M), B.A, (Hons) (Pengajian Melayu) (U.M),  
M.A, (Perbandingan Pendidikan) (Indiana), Ph.D. (Northern Illinois)  
Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar dan Disiplin (HEP), U.I.A

**B**idang perniagaan di dalam Islam amat besar pengertiannya dan mempunyai urutan sejarah kegemilangannya. Ia banyak diperkatakan sama ada di dalam al-Quran ataupun menerusi hadis Rasulullah SAW. Bidang perniagaan ini juga telah menjadikan agama Islam tersebar luas di segenap pelusuk dunia dan telah dianut oleh berbilion umat manusia di pelbagai lapisan masyarakat di dunia ini.

Di dalam usaha menyebarkan dakwah di atas muka bumi ini, satu fakta yang tidak dapat dipertikaikan iaitu peranan para pedagang. Mereka telah menggunakan perdagangan sebagai salah satu wasilah yang dapat mencerap usaha dakwah di samping menyebarkan syiar Islam. Usaha yang dilakukan ini bukan sahaja berjaya mengembangkan dakwah tetapi juga telah berjaya membangkitkan kesan yang akan tercalit di sepanjang sejarah iaitu kekuasaan ekonomi oleh orang-orang Islam. Namun kini, segala kegemilangan silam hanya terpahat di dalam lipatan sejarah.

## طلبِ كَسْبُ الْحَلَالِ فِرِيْضَةٌ

Maksudnya:

*"Berusaha mencari rezeki yang halal itu adalah suatu kewajiban."*

(Hadis Riwayat at Tabrani)

تِسْعَةُ أَعْشَارِ الرِّزْقِ فِي  
الْتَّجَارَةِ

Maksudnya:

*"Sembilan persepuluhan sumber rezeki boleh diperolehi melalui perniagaan."*

(Hadis Riwayat Tirmizi)

Di dalam sebuah hadis yang lain Rasulullah SAW juga bersabda:

تِسْعَةُ أَعْشَارِ رِزْقِ أَمَّتِي فِي  
الْبَيْعِ وَالشَّرَاءِ

Maksudnya:

*"Sembilan persepuluhan rezeki umatku terletak dalam bidang jual beli."*

(Hadis Riwayat at Thayalisi)

Perniagaan adalah suatu aktiviti dan kegiatan yang amat digalakkan di dalam Islam. Ia adalah sebahagian daripada ibadat dalam ertikata yang luas. Menghubungkaitkan aktiviti perniagaan sebagai ibadat, akan mengaitkan juga rezeki atau kekayaan yang diperolehi sebagai natijahnya. Rezeki dan kurniaan datangnya dari Allah SWT dan melakukan aktiviti perniagaan dengan cara yang diredhai Nya menjadikan rezeki itu halal. Rasulullah SAW telah bersabda:

Rezeki yang diperolehi dengan cara yang halal akan memberikan keberkatan dan diredhai oleh Allah SWT, apakah lagi sekiranya hasil atau kekayaan tersebut diinfaqkan dan dizakatkan kepada *asnaf* yang sepatutnya. Tidak semua rezeki dan kekayaan yang diperolehi daripada aktiviti perniagaan pada hakikatnya akan menjadi milik individu. Sifat *ar Rahman* dan *ar Rahim* Allah SWT menjadikan ikan di laut tidak semuanya akan menjadi rezeki manusia. Sudah pasti sisik dan perutnya apabila disiang akan dibuang dan seterusnya akan menjadi rezeki lalat, semut, lipas dan sebagainya. Walaupun selepas dimasak dan dimakan, tulang dan insang ikan tersebut akan menjadi rezeki kucing atau binatang lain. Keadilan Allah SWT menjadikan rezeki itu melimpah ruah bukan untuk sejenis makhluk secara khusus seperti manusia sahaja bahkan untuk makhluk yang lain juga.

Begitu juga hasil daripada sumber perniagaan bukan hanya menjadi hak individu atau monopolii sesuatu pihak sahaja tetapi telah dijanjikan oleh Allah SWT untuk menjadi sebahagian hak orang lain juga. Allah SWT telah

berfirman mengaitkan hakikat harta kekayaan dengan pihak yang memerlukan sebagaimana firman Nya di dalam surah an-Nur, ayat 33:

وَإِنْ أُنْوَهُمْ مِنْ مَالِ اللَّهِ الَّذِي مَا تَنْكِحُمْ

Maksudnya:

*"Dan berikanlah kepada mereka daripada harta Allah SWT yang telah dikurniakan kepada kamu."*

Dan firman Nya lagi di dalam surah al-Baqarah, ayat 177:

وَإِنَّ الْمَالَ عَلَى حِلْمَةٍ دَوِيِّ الشَّرِيفِ  
وَأَيْتَمَّ وَالسَّكِينَ

Maksudnya:

*"Seseorang yang menderma hartanya, (sedang ia menyayanginya) kepada kaum kerabat, anak-anak yatim dan orang miskin."*

Seseorang peniaga Muslim yang berjaya bukan sahaja mampu mengumpulkan harta kekayaan dan keuntungan yang berlipat ganda tetapi sumber kekayaan yang diperolehi tersebut mestilah berasaskan kepada etika yang murni dan sifat amanah yang ada di dalam diri. Melalui atas ini peniaga Muslim akan menempa kejayaan bukan sahaja di dunia tetapi juga di akhirat kelak. Inilah ciri utama yang dapat membentuk watak dan peribadi peniaga Muslim yang berjaya dan bertaqwa.

## Amanah Sebagai Tunjang

Seorang peniaga Muslim yang bertaqwa mempunyai ciri atau sifat amanah yang amat tinggi. Amanah yang ditunjangi dan didokongi oleh asas ketaqwaan akan menjadikan seseorang itu memiliki hemah dan pekerji yang tinggi. Konsep *atqaqum* atau ketaqwaan hendaklah sentiasa dijadikan sempadan supaya menjadi kawalan dan pedoman kepada setiap kegiatan urusniaga. Allah SWT telah berfirman dalam surah al-Hujurat, ayat 13:

إِنَّ أَكْثَرَ مَكْرُونَ عِنْدَ اللَّهِ أَنْفَقُوكُمْ

Maksudnya:

*"Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah SWT ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu (bukan yang lebih keturunan dan bangsanya)."*

Seseorang peniaga Muslim yang berjaya janganlah melihat harta dan hasil kekayaan yang diperolehi sebagai penghalang untuk tidak berlaku amanah di dalam dirinya kerana kesemua harta tersebut hanya sebagai alat di dunia dan semuanya itu adalah milik Allah SWT. Manusia dianugerahkan dengan tugas *khalifatullah fil ardh* yang memikul amanah yang tinggi. Amanah yang ditunjangi dengan sifat ketaqwaan, akan menjadikan seseorang peniaga Muslim tersebut sentiasa sedar dan insaf bahawa segala aktiviti perniagaan atau harta kekayaan yang diurusniagakan mestilah daripada sumber yang halal dan

diredhai oleh Allah SWT. Begitu juga dalam membuat timbangan dan sukatan, hendaklah sentiasa memenuhi ruang keadilan. Justeru dengan sifat sedemikian pembeli dan pengguna akan merasa redha melakukan pembelian ke atas barang berkenaan.

Sifat amanah yang menjadi asas peniaga Muslim sekiranya diperlakukan dan seterusnya berjalan dengan baik, akan menjadikan hubungan peniaga dengan Allah SWT amat kuat, begitu juga perhubungan antara pembeli dan pengguna. Dengan cara begini bukan sahaja Allah SWT meredhai terhadap aktiviti urusniaga malahan pengguna juga akan mendapat manfaat daripada pembelian dan secara langsung akan membina rasa kepercayaan yang tinggi dan memupuk rasa persaudaraan yang mendalam. Peniaga Muslim yang menjalankan aktiviti perniagaan sama ada secara kecil-kecilan ataupun sebaliknya, menyedari bahawa sifat amanah merupakan salah satu aset penting di dalam menentukan untung rugi perniagaan yang dijalankan. Amalan dan penghayatan nilai amanah pada diri seseorang akan memberikan kesan positif iaitu mendapat barakah daripada Allah SWT.

Allah SWT telah berfirman di dalam surah al-A'raf, ayat 128:

إِنَّ الْأَرْضَ لِلّٰهِ يُورِثُهَا مَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَالْعِنْقَبُوٰةُ  
الْمُتَّقِيْنَ

*Apabila neraca keadilan sentiasa berada di dalam diri, aktiviti perniagaannya akan sentiasa mengambil kira faktor kualiti barang, penentuan harga, timbangan, ukuran, peratus keuntungan dan sebagainya kerana faktor-faktor tersebut menjadi sebahagian daripada prasyarat untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT.*

Maksudnya:

*“Sesungguhnya bumi ini kepunyaan Allah SWT diwariskan kepada sesiapa yang dikehendaki daripada hamba-hamba Nya dan kesudahan yang baik adalah bagi orang yang bertaqwa.”*

### **Adil Sebagai Neraca**

Selain daripada sifat amanah, sifat lain yang perlu diutamakan sebagai imej peniaga Muslim ialah bersifat adil. Penghayatan dan amalan sifat adil akan menjadikan peniaga Muslim memiliki rasa sedar dan berperikemanusiaan untuk tidak melakukan penindasan, pemerasan, menyalahgunakan kuasa kerana perbuatan seperti itu akan mengakibatkan kezaliman kepada pengguna.



Sembahyang berjemaah dapat mewujudkan perpaduan di samping membentuk keperibadian seseorang Muslim

Apabila neraca keadilan sentiasa berada di dalam diri, aktiviti perniagaannya akan sentiasa mengambil kira faktor kualiti barang, penentuan harga, timbangan, ukuran, peratus keuntungan dan sebagainya kerana faktor-faktor tersebut menjadi sebahagian daripada pra syarat untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT. Di dalam al-Quran, Allah SWT telah memberi peringatan tentang kesan buruk amalan zalim dan ketidakadilan di dalam aktiviti perniagaan.

### Ikhlas Sebagai Titik-Tolak

Setiap perbuatan yang dilakukan mempunyai matlamat. Kunci kepada matlamat adalah niat. Ia memainkan peranan di dalam menentukan arah tuju perbuatan yang dilakukan. Sebagaimana maksud sebuah hadis Rasulullah SAW:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ

Maksudnya:

*"Sesungguhnya setiap amalan mengikut apa yang diniatkan."*

(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Niat yang ikhlas adalah salah satu ciri utama untuk menjadi seorang peniaga yang direhsti dan beroleh keberkatan. Bidang perniagaan merupakan suatu amalan yang terpuji. Ia bukan sahaja dapat menghidupkan kegiatan ekonomi dan jual beli di dalam sistem muamalat Islam tetapi pada masa yang sama bidang perniagaan memupuk semangat redha meredhai.

Allah SWT meredhai segala amalan urusniaga yang ikhlas selama mana ia tidak bercanggahan dengan garis panduan yang telah ditentukan oleh

syarak. Keredhaan ini sepatutnya datang daripada kedua belah pihak dan bukan hanya daripada satu pihak sahaja.

Pembeli yang redha dengan pembeliannya dan penjual yang redha dengan penjualannya akan menjadikan aktiviti perniagaan sebagai ibadat yang tinggi martabatnya. Sifat ikhlas merupakan titik tolak yang mendorong ketaqwaan peniaga kepada Tuhan kerana merasakan urusniaga adalah amanah terhadap Allah SWT. Hal ini jelas disebutkan oleh Rasulullah SAW dalam sabdanya:

الْتَّاجِرُ الصَّدُوقُ مَعَ الْكَرَامِ  
الْبَرَّ

Maksudnya:

"Peniaga yang jujur dan amanah akan bersama-sama dengan malaikat yang mulia dan berbakti."

(Hadis Riwayat al Mansili)

Sifat jujur dan amanah merupakan benteng yang akan dapat menghalang seseorang daripada melakukan penindasan ataupun penipuan. Sifat amanah dan neraca keadilan yang wujud di hati para peniaga akan menjadikan mereka insaf bahawa keikhlasan hanya tegak di hati para peniaga yang menyedari bahawa keikhlasan adalah sifat terbaik untuk menentukan ketelusan mereka kepada Allah SWT serta aktiviti perniagaannya. Sekiranya ketelusan ini wujud di atas asas keikhlasan, urusniaga ini akan berjalan atas landasan yang adil.

Bayangkan sekiranya sifat mulia ini tidak dimiliki oleh para peniaga, pastinya mereka akan cenderung untuk melakukan penipuan kualiti barang, timbangan, meletakkan harga yang tidak berpatutan, mengurangkan sukanan semata-mata untuk mendapatkan keuntungan yang lebih. Sekiranya hal ini berlaku, apakah keuntungan itu direhdai Allah SWT dan kekayaan itu diterima oleh Allah SWT? Apakah keuntungan yang diterima dan kekayaan yang diraih tersebut secara penipuan, penindasan dan kezaliman ini boleh menambat hati para pengguna?

*Apabila keikhlasan menjadi dorongan dan dilakukan di dalam urusan jual beli, ia bukan sahaja melahirkan perasaan redha meredhai tetapi dalam masa yang sama ia melahirkan natijah amalan yang soleh.*

Jawapannya mudah sahaja. Keuntungan itu pastinya tidak akan direhdai oleh Allah dan reputasinya di kaca mata para pengguna akan menjadi negatif. Apabila keikhlasan menjadi pendorong dan dilakukan di dalam urusan jual beli, ia bukan sahaja melahirkan perasaan redha meredhai tetapi dalam masa yang sama ia melahirkan natijah amalan yang soleh.

Kenyataan ini dijelaskan oleh Hujatul Islam, Imam al Ghazali di dalam Kitab Ihya' Ullumaddin:

Diriwayatkan Yunus bin 'Ubaid memiliki pelbagai jenis barang perhiasan dan pakaian (baju) di dalam kedainya. Setiap jenis perhiasan itu berharga 400 dirham dan sejenis lagi berharga 200 dirham. Pada suatu ketika Yunus bin 'Ubaid telah keluar meninggalkan kedai untuk pergi menunaikan sembahyang di sebuah masjid dengan meninggalkan kedai kepada anak saudaranya.

Kemudian telah datang seorang Arab Dusun. Dia telah meminta sehelai baju yang berharga 400 dirham. Bagaimanapun penjaga kedai tersebut menunjukkannya sehelai baju yang berharga 200 dirham tanpa menyebut atau memberitahu

bahawa baju itu 200 dirham sahaja. Orang Arab Dusun itu tertarik dengan baju tersebut dan bertanya harganya. Jawab anak saudara Yunus bin 'Ubaid harganya ialah 400 dirham, lantas orang tersebut terus membayar harga 400 dirham itu dan keluar membawa baju tersebut di atas lengannya.

Dalam perjalanan pulang Arab Dusun tersebut telah bertembung dengan Yunus bin 'Ubaid, iaitu pada ketika Yunus pulang daripada sembahyang di masjid. Yunus mengenali bahawa baju itu ialah baju yang dibeli dari kedainya, lantas dia pun bertanya kepada Arab Dusun itu. "Berapakah harga baju yang anda beli in?". Arab Dusun itu pun menjawab "400 dirham". Maka Yunus pun menyatakan bahawa harganya yang sebenar ialah 200 dirham, marilah ikut saya supaya



Perniagaan di dalam Islam amat luas skopnya termasuklah di dalam bidang pelancongan

*kembalikan wang lebihnya*", tetapi Arab Dusun itu menjawab "di kampung kami harga baju ini lebih daripada 500 dirham lagi pun saya membayar harga dengan penuh redha. Yunus pun menjawab lagi: "Sesungguhnya nasihat menasihati sesama Muslim lebih berharga daripada dunia ini beserta dengan kandungannya", kemudian dibawanya semula Arab Dusun itu ke kedainya dan beliau memulangkan semula wang 200 dirham kepadanya. Dia menegur anak saudaranya dengan kasar terhadap perbuatan mengambil untung secara berlebihan itu, dengan mengatakan: "Tidak malukah engkau? Ataupun

*tidakkah engkau takut kepada Allah SWT? Engkau mengambil untung berlebihan dengan meninggalkan amalan nasihat-menasihati sesama kaum Muslimin?*". Anak saudaranya menjawab: "Demi Allah SWT dia telah membeli baju itu dengan kerelaan hatinya sendiri?".

Lalu Yunus pun menjawab dengan mengatakan: "Adakah engkau redha perkara tersebut berlaku pada dirimu sendiri?" (atau adakah betul-betul engkau bersikap ikhlas kepadanya seperti kamu ikhlas kepada dirimu sendiri).

***Barakah merupakan kurniaan daripada Allah SWT, hasil daripada usaha manusia yang mengharapkan keredhaan Nya.***

***Manifestasinya akan dapat dilihat sekiranya peniaga Muslim berkenaan melakukan urusniaga dengan memenuhi segala ciri seperti sifat amanah, adil dan ikhlas. Sekiranya kesemua ciri-ciri ini dipenuhi, keuntungan yang diterima adalah barakah di sisi Allah SWT.***

### **Barakah Sebagai Dorongan Kepuasan**

Peniaga Muslim yang berjaya tidak akan lupa bahawa segala yang dilakukan mempunyai matlamat yang satu iaitu mendapatkan barakah daripada Allah SWT. Barakah membekakan hasil usaha itu berjaya ataupun sebaliknya.

Persoalan yang timbul, apakah ukuran barakah? Barakah merupakan kurniaan daripada Allah SWT, hasil daripada usaha manusia yang mengharapkan keredhaan Nya. Manifestasinya akan dapat dilihat sekiranya peniaga Muslim berkenaan melakukan urusniaga dengan memenuhi segala ciri seperti sifat amanah, adil dan ikhlas. Sekiranya kesemua ciri-ciri ini dipenuhi, keuntungan yang diterima adalah barakah di sisi Allah SWT.


Sebagai kesimpulan, inilah hakikat sebenar falsafah perniagaan di dalam tradisi Islam yang sentiasa ingin memenuhi tanggungjawab kepada Ilahi. Fakta ini telah dijelaskan di dalam al-Quran sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah al-Hadid, ayat 7:

عَامِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ، وَأَنْفَقُوا مِمَّا  
جَعَلَكُم مُّسْتَحْفِظِينَ فِيهِ فَإِنَّمَا يَأْمُنُوا  
مِنْكُمْ وَأَنْفَقُوا لَهُمْ أَجْرٌ كَبِيرٌ

Maksudnya:

"Berimanlah kamu kepada Allah SWT dan Rasul Nya dan berbelanjakanlah (pada jalan kebijakan) sebahagian daripada harta benda (pemberian Allah SWT) yang dijadikan kamu menguasainya sebagai wakil. Maka orang yang beriman di antara kamu serta mereka membelanjakan (sebahagian daripada harta itu pada jalan Allah SWT) mereka tetap beroleh pahala yang besar."



An aerial photograph of a port at night, showing numerous ships of various sizes docked along the shore. The lights from the ships and the surrounding city create a vibrant, glowing scene against the dark sky.

"Kamu melihat kapal-kapal di lautan, yang mencari rezeki. Kurnianilah SWT, mudah-mudahan kamu tersyukur."

Surah an-Nahl: 14



# Konsep AMANAH di dalam PERNIAGAAN

Oleh

Ustaz Dr. Johari Bin Mat  
B.A., (Hons) (Syariah), (Y.P.T.I.K), (Nilam Puri), M.A., (Usuluddin)  
(Riyadah), Ph.D., (Riyadh)  
Ketua Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam,  
Akademi Pengajian Islam, U.M



amanah adalah antara sifat *mahmudah* yang menjadi kunci kemuliaan akhlak seorang Muslim. Ahli-ahli moral telah membahaskan persoalan akhlak sejak daripada manusia mengenal erti ketamadunan sehingga sekarang. Mereka melihat akhlak sebagai batasan yang membezakan antara keharianan dan kemanusiaan. Manusia yang tidak memiliki akhlak adalah seumpama haiwan yang bertopengkan manusia. Antara mereka yang tersohor membicarakan persoalan akhlak ialah Imam al Ghazali yang telah mengupas di dalam adikaryanya *Ihya' Ulumuddin*.

Kupasan *Ihya' Ulumuddin* merupakan pandangan Imam al Ghazali terhadap akhlak seorang Muslim dan bagaimana untuk menjadikan seseorang itu mempunyai akhlak yang mulia sebagaimana yang dimiliki oleh Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW. Imam al Ghazali telah membahagikan antara akhlak *mahmudah* (mulia) dan *mazmumah* (buruk). Di dalam mencapai tahap *mahmudah* seseorang akan menempuh pelbagai kesukaran. Justeru

ia memerlukan kepada *riadah* dan *mujahadah*. Apabila ini semua berjaya diharungi barulah kemanisan hidup yang sebenar dapat dinikmati.

Amanah merupakan salah satu cabang akhlak *mahmudah*. Ia merupakan intipati kepada kejayaan diri dan kepercayaan orang lain. Kelangsungan sirah Rasulullah SAW merupakan pengajaran yang terbaik yang sepatutnya dicontohi oleh setiap individu. Sejak daripada usia remaja Rasulullah SAW dikenali sebagai *al-Amin* yang bermaksud orang yang amanah. Pada zaman jahiliyah, di sekitar kota Mekah, apabila disebut nama *al-Amin* masyarakat Arab yang berada di sekitarnya akan sedia maklum bahawa insan itu adalah Muhammad Bin Abdullah.

Pernah pada suatu ketika berlaku banjir di Kaabah yang telah menyebabkan sebahagian Kaabah runtuh, kaum Quraish telah berpakat untuk membinanya semula. Setelah selesai pembinaan mereka kemudiannya bertelagah siapakah yang layak mengangkat dan meletakkan semula Hajarul Aswad pada tempatnya. Setelah pemuaafakan dibuat mereka bersetuju melantik Nabi Muhammad SAW yang terkenal dengan panggilan *al-Amin* menyelesaikan pergaduhan tersebut. Nabi Muhammad SAW meminta ketua-ketua suku Arab yang bertelagah memegang setiap bucu serban dan membawanya ke Kaabah. Apabila sampai berhampiran Kaabah Nabi Muhammad SAW kemudiannya mengangkat Hajarul Aswad dengan tangannya dan diletakkan pada

*Kekayaan yang dimiliki  
bukanlah dengan cara tipu  
helah tetapi ia dilakukan di  
atas landasan syarak.  
Kejayaan Abdul Rahman Bin  
Auf memecahkan monopoli  
perdagangan Yahudi di  
Madinah bukannya dengan  
tipu helah tetapi di atas  
kebijaksanaan yang digarisi  
oleh akhlak Islamiah.*

tempatnya. Nabi Muhammad SAW dipilih kerana Baginda SAW merupakan orang yang paling amanah dan begitu dikenali dengan sifat yang terpuji.

Kesempurnaan Islam merupakan sesuatu yang unik kerana ia mengambilkira faktor fitrah yang ada pada diri manusia dan kemudiannya digabungkan dengan unsur-unsur ketauhidan Illahi. Paduan antara fitrah dan ketauhidan menjadikan umat Islam sebagai umat yang benar-benar berkualiti berbanding dengan umat yang lain. Keperibadian dan keunggulan akhlak yang ditonjolkan oleh Rasulullah SAW merupakan teladan mutlak yang menjamin kejayaan seseorang sama ada di dalam urusan di dunia ataupun di akhirat. Sifat amanah yang ditonjolkan oleh Baginda sepatutnya dicontohi oleh semua individu. Sebelum diutuskan

sebagai seorang Nabi dan Rasul, Baginda merupakan seorang peniaga yang berjaya dan terkenal dengan sifat-sifat terpuji yang dimilikinya. Keperibadian mulia yang dimiliki oleh Rasulullah SAW menjadi kunci utama keuntungan beberapa misi perdagangan yang diuruskannya. Baginda diberi amanah untuk menguruskan perdagangan milik Khadijah Binti Khuwailid dan ternyata di atas keberkatan sifat dan akhlak yang terpuji, misi perdagangan ke Syam itu telah mendapat keuntungan yang berlipat kali ganda.

Begitu juga dengan para sahabat, mereka masih memperolehi keuntungan. Kekayaan yang dimiliki bukanlah dengan cara tipu helah tetapi ia dilakukan di atas landasan syarak. Kejayaan Abdul Rahman Bin Auf memecahkan monopoli perdagangan Yahudi di Madinah bukannya dengan

tipu helah tetapi di atas kebijaksanaan yang digarisi oleh akhlak Islamiah.

Setiap insan yang hidup memerlukan barang sebagai wahana kehidupan. Keperluan antara manusia dan barang mewujudkan satu konsep yang diistilahkan sebagai perniagaan. Perniagaan merupakan aktiviti yang dapat memenuhi keperluan manusia bukan sahaja manusia dengan barang malahan sesama manusia. Justeru, selagi manusia wujud di dunia selama itulah mereka memerlukan perniagaan. Perniagaan bukan wujud di dalam skop yang sempit tetapi ia jauh menjangkaui daripada itu.

Perniagaan merupakan salah satu aktiviti utama yang menjadi teras di dalam kehidupan manusia. Di atas dasar ini, Allah SWT telah berfirman di dalam surah al-Fussilat, ayat 33:



*Disiplin dan amanah amat perlu dalam apa juu aktiviti yang dilaksanakan termasuklah perniagaan*

وَمَنْ أَحْسَنُ فَوْلَامَنْ دَعَاءً إِلَى اللَّهِ  
وَعَمِلَ صَدِيقًا وَقَالَ إِنِّي مِنَ  
الْمُسْلِمِينَ ﴿٢٣﴾

Maksudnya:

"Tidak ada yang lebih baik perkataan daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhui perintah Allah SWT, serta ia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: 'Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah SWT)!"'

Seterusnya Allah SWT juga telah berfirman di dalam surah at-Taubah, ayat 94:

قُلْ لَا تَتَذَرُّو لَنْ تُؤْمِنَ لَكُمْ  
قَدْ نَبَأَنَا اللَّهُ مِنْ أَخْبَارِكُمْ  
وَسَرِيَ اللَّهُ عَمَلُكُمْ وَرَسُولُهُمْ  
ثُرُدُونَ إِلَى عَلِيِّ الْقَنْبِ  
وَالشَّهَدَةُ فِيْتُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ  
تَعْمَلُونَ ﴿١٤﴾

Maksudnya:

"Katakanlah (wahai Muhammad): janganlah kamu menyatakan uzur lagi, kami tidak sekali-kali percaya kepada kamu, sesungguhnya Allah SWT telah menerangkan kepada kami akan berita-berita (perihal) kamu; dan Allah SWT serta Rasul Nya akan melihat amal kamu (sama ada kamu kembali beriman atau tetap

kufur); kemudian kamu akan dikembalikan kepada (Allah SWT) yang mengetahui perkara-perkara yang ghairah dan perkara-perkara yang nyata (untuk menerima balasan), lalu ia menyatakan kepada kamu, apa yang kamu telah kerjakan."

Nabi Muhammad SAW juga telah bersabda:

طَلَبُ الْحَلَالِ فِرْيَضَةٌ بَعْدَ  
الْفَرِيْضَةِ

Maksudnya:

"Mencari (rezeki) yang halal adalah satu fardhu selepas menuaikan fardhu yang lain."

(Hadis Riwayat Baihaqi)

Bagi mereka yang menghayati sifat amanah, ia merupakan satu tanggungjawab yang menentukan kejayaan bukan sahaja di dalam konteks sesama manusia malahan yang lebih mustahak lagi, ia melibatkan konteks hubungan antara 'abid dan Ma'bud. Interpretasi ini dizahirkan melalui pelbagai amal perbuatan manusia termasuklah di dalam perniagaan.

Menjalankan perniagaan dengan penuh etika merupakan kewajipan yang perlu dipikul oleh setiap manusia yang beriman. Matlamat utamanya ialah untuk mendapat keredhaan Allah SWT. Konsep pelaksanaan syarak di dalam Islam ialah membatasi perbuatan agar ia tidak terjerumus kepada perkara yang

dilarang. Tingkatan hukum di dalam Islam mempunyai tahap yang berbeza seperti wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Syariat merupakan lingkaran yang mengawasi perniagaan. Seandainya batasan ini dilanggari atau tidak dipatuhi, ia bermakna manusia tidak amanah dengan Allah SWT.

Sekiranya perniagaan dijalankan secara jujur dan mengikut lunas-lunas yang telah ditetapkan, seseorang itu akan termasuk ke dalam golongan orang yang beramanah kepada Allah SWT dan Rasul Nya. Perniaga yang amanah tidak akan menaikkan harga barang dengan sewenang-wenangnya ataupun mengambil kesempatan yang tertentu untuk menaikkan harga barang-barang. Sebagai contoh, untuk menaikkan harga gula mereka sanggup menyembunyikan stok supaya harganya

melambung tinggi kesan daripada permintaan pengguna. Terdapat segelintir peniaga yang sengaja berbuat demikian untuk mendapat keuntungan di dalam jangka masa yang pendek sedangkan perbuatan mereka ini mendapat kejadian daripada Allah SWT. Sekiranya inilah yang digunakan sebagai salah satu strategi perniagaan, seseorang itu hanya mendapat keuntungan di dalam bentuk zahir sahaja sedangkan untuk mendapat keberkatan Ilahi, ia amat jauh sekali.

Berlaku curang di dalam timbangan merupakan amalan masyarakat jahiliyah yang ingin mendapat keuntungan di dalam jangka masa yang singkat. Malangnya kerana kejahilan dan kebatilan, sehingga sekarang amalan ini masih berlaku. Perbuatan ini mendapat kutukan daripada Allah SWT. Firman Nya di dalam surah al-Muthaffifin, ayat 1-3:

*Peniaga yang amanah tidak akan menaikkan harga barang dengan sewenang-wenangnya ataupun mengambil kesempatan yang tertentu untuk menaikkan harga barang-barang. Sebagai contoh untuk menaikkan harga gula mereka sanggup menyembunyikan stok supaya harganya melambung tinggi kesan daripada permintaan pengguna.*

وَلِلْمُطَّغِينَ ﴿١﴾ الَّذِينَ إِذَا أَكَلُوا عَلَىٰ  
أَنَاسٌ يَسْتَوْفِونَ ﴿٢﴾ وَإِذَا كَلُوْهُمْ  
أَوْزُنُهُمْ بَخِسْرُونَ ﴿٣﴾

Maksudnya:

"Kecelakaan besar kepada orang-orang yang curang (dalam timbang dan sukatan) iaitu mereka yang menerima sukatan daripada orang lain, mereka mengambil dengan cukup dan (sebaliknya) apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka kurangi."

Allah SWT juga telah berfirman di dalam surah al-An'am, ayat 152:

وَأَوْفُوا الْكِيَالَ وَلَا تُبْرَأَنَّ بِالْقِسْطِ  
لَا تُكْلِفُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

Maksudnya:

"Dan sempurnakanlah segala sukatan dan timbangan dengan adil, kami tidak memberatkan seseorang dengan kewajiban melainkan sekadar kesanggupannya."

Di dalam perniagaan, sukatan dan timbangan atau seumpamanya, hendaklah dilakukan dengan tepat tanpa melebihkan atau mengurangkaninya daripada sukatan yang sebenar. Allah SWT telah mengingatkan manusia supaya berhati-hati agar tidak melakukan perkara-perkara yang boleh memesongkan dan membawa kepada kerosakan. Firman Allah SWT di dalam surah al-Qasas, ayat 77:

وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ  
وَلَا تَنْسِيْ الْفَسَادِ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا  
يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

Maksudnya:


"Berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah SWT) sebagaimana Allah SWT berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi, sesungguhnya Allah SWT tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan."

Perniagaan bukan matlamat utama kehidupan tetapi ia merupakan keperluan dan juga sebagai suatu cara untuk menegakkan aqidah Islam yang suci dan murni. Di dalam perniagaan, asas utama yang perlu diletakkan adalah aqidah. Tiada suatu yang lebih baik yang boleh dijadikan asas melainkan aqidah. Setiap hukum yang telah diturunkan oleh Allah SWT adalah untuk mengatur kehidupan manusia yang mana keseluruhannya adalah berhubung kait dengan aqidah.

Apabila iman bertakhta di dalam hati ia akan dapat mencegah manusia melakukan perkara-perkara yang ditegah oleh Allah SWT. Selain itu, manusia akan dapat memastikan bahawa amanah adalah sentiasa terpelihara di dalam kehidupan.

Orang yang beriman dengan Allah SWT tidak akan melakukan penipuan di dalam kehidupan. Ini adalah kesan daripada kesedaran bahawa segala perbuatan yang dilakukan di dunia ini akan didedahkan oleh Allah SWT di akhirat kelak. Apabila setiap orang Islam meninggal dunia, mereka akan memulakan episod baru di alam yang lain sama ada akan berada di dalam keadaan yang gemerlap atau di dalam keadaan gelap.

Sistem yang ada dalam kehidupan umat Islam bertujuan untuk meng-



Masjid Iman di Isfahan - Mempamerkan senibina Islam yang begitu indah

hubungkan manusia dengan Allah SWT. Akhlak pula bertujuan mengawal dorongan kurang baik yang ada di dalam setiap diri manusia, manakala syariat pula telah diwujudkan bagi membentuk dan memberitahu halal dan haram, melaksanakan keadilan dan menolak kezaliman. Selain itu, syariat juga adalah untuk mengatur hubungan di antara individu dengan individu, individu dengan masyarakat dan individu dengan negara.

Apabila iman bertakhta di dalam hati ia akan dapat mencegah manusia melakukan perkara-perkara yang ditegah oleh Allah SWT. Selain itu, manusia akan dapat mempastikan bahawa amanah adalah sentiasa terpelihara di dalam kehidupan. Di antara amanah yang dapat dilihat,

Allah SWT meminta agar manusia melakukan perniagaan ke atas perkara-perkara yang baik dan halal. Allah SWT telah berfirman di dalam surah al-Baqarah, ayat 168:

يَتَأْمِنُهَا النَّاسُ كُلُّاً مَّا فِي الْأَرْضِ  
حَلَالًا طَيْبًا وَلَا تَنْتَعِنُ حُطُوطَ  
السَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿١٦٨﴾

Maksudnya:

"Wahai sekalian manusia!, makanlah dari apa yang ada di bumi, yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan, kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu."

Dalam hubungan ini Allah SWT juga meminta agar umat Islam tidak mengharamkan apa yang telah dihalalkan oleh Allah SWT. Hanya Allah SWT sahaja yang boleh menghalalkan atau mengharamkan sesuatu benda. Hal tersebut bukanlah merupakan kuasa yang diberikan kepada manusia tetapi merupakan hak Allah SWT semata-mata.

Di dalam Islam terdapat tiga keperluan asas yang wajib dituntut iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal. Kesemua keperluan ini dapat dipenuhi melalui perniagaan. Antara keperluan yang menjadi asas manusia ialah perniagaan makanan dan juga minuman. Ia merupakan salah satu perniagaan yang tersebar luas di dalam masyarakat. Allah SWT telah berfirman di dalam surah al-Kahfi, ayat 19:

فَالْوَارِيَّكُمْ أَعْلَمُ بِمَا لَيْسَ  
فَأَبْعَثُوا الْحَدَّكُمْ بِوْرَقَكُمْ  
هَذِهِ إِلَى الْمَدِينَةِ فَلَيَنْظِرُاهَا أَذْكَى  
طَعَامًا فَلِيَأْتِكُمْ بِرِزْقٍ مِّنْهُ  
وَلِيَنْتَفِظُ وَلَا يُشْعِرُنَّ بِكُمْ  
أَحَدًا

Maksudnya:

"Mereka berkata: "Tuhan kamu lebih mengetahui tentang lamanya kamu tidur, sekarang utuslah salah seorang dari kamu, membawa wang perak kamu ini ke bandar, kemudian biarlah dia mencari dan memilih

mana-mana jenis makanan yang lebih baik lagi halal (yang dijual di situ), kemudian hendaklah ia membawa untuk kamu sedikit habuan daripadanya, dan hendaklah dia berlemah lembut dengan bersungguh-sungguh (semasa di bandar) dan janganlah dia melakukan sesuatu yang menyebabkan sesiapa pun menyedari akan hal kamu."

Tugas manusia sebagai khalifah di atas muka bumi merupakan satu tugas yang berat. Seandainya diperincikan perlantikan manusia sebagai khalifah, ia merupakan satu amanah Allah SWT kepada manusia setelah mengambilkira kemampuan manusia. Bukan setakat itu sahaja, menjaga hubungan dan kepentingan sesama manusia juga merupakan amanah. Amanah ini telah dijelaskan oleh Allah SWT dengan jelas dan nyata sebagaimana firman Nya di dalam surah an-Nisa', ayat 58:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تَوَدُّوا الْأَمْنَى  
إِلَى أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ  
النَّاسِ أَن تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ

Maksudnya:

"Sesungguhnya Allah SWT menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah SWT menyuruh) kamu menghukum dengan adil."

Berdasarkan kepada ayat ini, persoalan amanah merupakan sesuatu yang bersifat dominan bukannya bersifat relatif. Justeru, Islam menekankan sifat amanah sebagai salah satu pemangkin diri di dalam apa jua urusan termasuklah di dalam perniagaan. Di mana sahaja tanpa mengira waktu, tempat dan keadaan, menyempurnakan amanah ini tetap menjadi keutamaan di dalam Islam. Di atas dasar kepentingan ini, kebanyakkan ahli-ahli sufi meletakkan amanah sebagai salah satu maqam untuk menghampirkan diri kepada Illahi.

Di dalam urusan kedunaian, amanah merupakan akhlak terpuji yang bersifat sejagat. Pelaksanaan amanah bukan sahaja terbatas kepada orang Islam sahaja malahan kepada semua individu yang wujud di atas muka bumi ini.

*Amanah merupakan akhlak terpuji yang bersifat sejagat. Pelaksanaan amanah bukan sahaja terbatas kepada orang Islam sahaja malahan kepada semua individu yang wujud di atas muka bumi ini. Apabila seseorang menghayati sifat amanah, secara tidak langsung ia akan menjuruskan diri kepada akhlak terpuji yang lain seperti bersifat benar, ikhlas, sabar dan lain-lain lagi. Oleh itu tidak hairanlah sekiranya al Muhasibi, salah seorang tokoh tasawuf meletakkan sifat amanah sebagai salah satu maqam utama untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.*

Apabila seseorang menghayati sifat amanah, secara tidak langsung ia akan menjuruskan diri kepada akhlak terpuji yang lain seperti bersifat benar, ikhlas, sabar dan lain-lain lagi. Oleh itu tidak hairanlah sekiranya al Muhasibi, salah seorang tokoh tasawuf meletakkan sifat amanah sebagai salah satu maqam utama untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Setiap yang baik ada buruknya. Begitu juga dengan sifat amanah. Ia akan menjadi rosak sekiranya dicampuri dengan akhlak-akhlak *mazmumah* (keji). Antara sifat utama yang perlu dijauhi ialah sifat dusta. Sifat seterusnya ialah khianat. Allah SWT telah berfirman di dalam surah al-Anfal, ayat 27:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمْتُمُوا لَا تَحْكُمُوا أَنْعَالَ اللَّهِ  
وَالرَّسُولَ وَتَخْوِفُوا أَمْنَتِكُمْ  
وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya:

*"Wahai orang-orang yang beriman!. Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah SWT dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu sedang kamu mengetahui (salahnya)."*

Di dalam erti kata yang lain, kesemua penyakit hati merupakan musuh kepada sifat amanah. Antara penyakit hati yang sering membelenggu manusia ialah sifat hasad dengki. Rasulullah SAW telah meng-

ingatkan umatnya supaya menjauhkan diri agar tidak tercebur ke kancang ini. Baginda SAW bersabda:

إِيَّاكُمْ وَالْحَسَدُ إِنَّ الْحَسَدَ يَا كُلُّ الْحَسَنَاتِ كَمَا تَأْكُلُ النَّارُ الْخَطَبَ

Maksudnya:

"Jauhilah diri kamu daripada hasad dengki sesungguhnya hasad itu memakan kebaikan sebagaimana api memakan kayu."

(Hadis Riwayat Abu Daud)

Sifat hasad dengki merupakan racun yang akan membunuh kebaikan. Sekiranya direnung kembali ke durhakaan syaitan kepada Allah SWT ia berpunca daripada perasaan dengki iblis kepada Nabi Adam AS. Sifat dengkilah yang menyebabkan syaitan menjadi kufur dan segala kebaikan yang dilakukan sebelum ini terhapus.

Salah satu kelemahan manusia yang paling ketara ialah kegagalan mengawal nafsu. Kehendak yang melonjak menjadikan seseorang akan sanggup melakukan apa sahaja untuk memenuhi keinginan diri. Pelbagai cara dicuba. Seandainya cara yang dipilih diawasi oleh landasan syarak, insya-Allah ia akan menjadi halal tetapi seandainya ia didominasi oleh nafsu, lambat laun ia akan menjerumus kepada kemungkaran. Sebagai contoh, salah satu punca manusia melakukan rasuah ialah untuk memenuhi

*Di dalam Islam, pembatasan dan pengawalan tingkah laku dan perbuatan manusia bukannya sembarang, ia adalah berlandaskan hikmah kepentingan manusia sebagai makhluk pilihan yang memikul tugas sebagai pemakmur muka bumi bukannya perosak.*

kehendak diri. Amalan rasuah sekiranya tidak diawasi dan dihapuskan, akan menjadi penyakit yang bukan sahaja merosakkan individu dan masyarakat malahan ia akan merubah struktur sesebuah negara menjadi korup.

Rasulullah SAW telah mengingatkan umatnya agar menjauhi perbuatan ini kerana ia merupakan perbuatan keji yang dilaknat oleh Allah SWT. Sabda Baginda SAW:

لَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الرَّاشِئِ وَالْمُرْتَشِي

Maksudnya:

"Allah SWT melaknat pemberi rasuah dan juga penerima rasuah."


(Hadis Riwayat Ibnu Majah)

Bidang perniagaan merupakan salah satu bidang yang terdedah kepada gejala ini. Oleh itu, seseorang itu perlu mengawasi diri agar tidak menjadi golongan yang dilaknat oleh Allah SWT. Ketaqwaan dan keimanan kepada Allah SWT akan dapat mengawasi diri daripada tercebur di dalam gejala ini.

Di dalam Islam, pembatasan dan pengawalan tingkah laku dan perbuatan manusia bukannya sembarang. Ia adalah berlandaskan

hikmah kepentingan manusia sebagai makhluk pilihan yang memikul tugas sebagai pemakmur muka bumi dan bukannya perosak. Pembatasan dan pengawalan ini tidak bermakna mengongkong manusia, bahkan ia mendidik manusia ke jalan yang direhdai. Ia juga bukannya bermaksud untuk menutup pintu rezeki manusia, sebaliknya membentuk manusia agar memiliki nilai-nilai mulia di dalam apa jua urusan termasuklah di dalam bidang perniagaan.





*"(Al-ihsan ialah) bahwa  
kamu menyembah Allah  
SWT seolah-olah kamu  
melihat Ny. Jika  
sekiranya kamu tidak  
dapat melihat Ny yakin  
dan percayalah Allah  
SWT melihat kamu"*

Hadis Riwayat Bukhari  
dan Muslim

# BEBERAPA RUKHSAH *kepada PENIAGA MUSLIM* *di dalam PERNIAGAAN GLOBAL*

Oleh

Ustaz Hj. Sulaiman Bin Ibrahim

B.A., M.A., (Dakwah Islamiyah) (Al-Azhar)

Pensyarah, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan

Fakulti Pengajian Islam, UKM



i dalam Islam kedudukan hukum syarak terbahagi kepada dua iaitu hukum 'azimah dan juga hukum rukhsah. Hukum 'azimah merupakan tuntutan ibadat kepada setiap orang Muslim untuk melaksanakannya seperti sembahyang, puasa, zakat, haji dan lain-lain lagi. Ulamak memberikan berbagai-bagai takrif berhubung dengan rukhsah.

Rukhsah daripada sudut bahasa bermaksud keringanan. Manakala daripada istilah syarak ia merupakan keringanan yang diberikan kepada orang Islam di dalam keadaan yang tertentu. Hukum rukhsah terbahagi kepada beberapa bahagian seperti wajib, sunat dan harus. Ulamak membahagikan hukumnya kepada beberapa tahap yang berbeza mengikut kepada kesesuaian tempat dan keadaan.

**Rukhsah wajib.** Sebagai contoh apabila seseorang berada di dalam keadaan yang genting atau darurat, sesuatu yang haram boleh menjadi wajib. Misalnya seseorang

yang tersesat di padang pasir dan pada masa itu tiada apa yang boleh dimakan kecuali bangkai. Pada masa ini hukum memakan bangkai adalah wajib kerana menggelakkan diri daripada mati kebuluran.

**Rukhsah sunat.** Sebagai contoh melakukan sembahyang Jamak dan Qasar sewaktu musafir. Mengikut mazhab Hanafi hukum rukhsah menjadi hukum utama iaitu sembahyang Jamak dan Qasar diutamakan. Namun mengikut mazhab Syafi'e hukum Jamak dan Qasar ini adalah masih lagi sunat.

**Rukhsah harus.** Ia meliputi sebahagian besar hukum muamalat seperti '*jual salam*', sewa menyewa dan lain-lain lagi.

**Hukum khilafil aula.** Contohnya berbuka puasa ketika bermusafir. Seseorang yang bermusafir mempunyai pilihan sama ada berbuka puasa ataupun meneruskan puasa sekiranya perbuatan itu tidak mendatangkan kesan yang mudarat kepada diri sendiri.

*Bagi suami yang mengamalkan poligami mereka diberikan keringanan untuk membuat undian bagi membawa isteri ketika keluar bermusafir. Rukhsah ini diberikan di sepanjang tempoh musafir.*

Persoalan *rukhsah* memerlukan perbincangan yang lebih mendalam dan menyeluruh. Secara umumnya ia terbahagi kepada beberapa bahagian seperti darurat dan lain-lain lagi.

Di antara kaedah fekah yang masyhur di dalam penentuan hukum *rukhsah* ialah, *al masyaqqatul tajlibuttaisir* (المشقة تجلب تيسير) atau kesusahan mengundang kemudahan. *Ad Dharuratul yuzal* (الضرورة يزال) iaitu setiap perkara mudarat itu harus dibuang serta *la dharara wala dhirar* (لا ضرر ولا ضرار) iaitu tidak ada mudarat dan tidak boleh melakukan kemudarat dan lain-lain lagi.

## **Rukhsah Di Dalam Perniagaan**

Pembahagian *rukhsah* di dalam konteks perniagaan dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama, *rukhsah* kepada peniaga dan kedua, *rukhsah* di dalam perniagaan. Ia merupakan dua perkara yang berbeza.

## **Rukhsah Kepada Peniaga**

Orang yang bermusafir dibolehkan untuk melakukan sembahyang Qasar iaitu dipendekkan sembahyang *Ruba'ie* (sembahyang empat rakaat) ataupun sembahyang Jamak iaitu menghimpun dua sembahyang pada suatu masa seperti sembahyang Zuhur dengan Asar ataupun sebaliknya dan juga sembahyang Maghrib dengan Isyak. Seandainya sembahyang itu dikumpulkan pada waktu yang pertama seperti sembahyang Asar pada waktu Zuhur ia diistilahkan sebagai *Jamak*



Bidang kedoktoran merupakan tuntutan fardhu kifayah bagi umat Islam

*Taqdim* dan sekiranya ia dikumpulkan kemudian seperti sembahyang Maghrib pada waktu Isyak, ia diistilahkan sebagai *Jamak Ta'khir*.

Sewaktu bermusafir dibolehkan bersembahyang sunat di atas kenderaan walaupun tiada ruang untuk membolehkan sujud. Tetapi bagi sembahyang wajib hendaklah dilaksanakan rukun sembahyang seperti takbir, berdiri, duduk di antara dua sujud dan sebagainya. Seandainya rukun sembahyang ini mendatangkan kesulitan barulah ia dikecualikan atau diberi keringanan seperti sembahyang sambil duduk, sembahyang isyarat dan sebagainya.

Bagi suami yang mengamalkan poligami mereka diberikan keringanan untuk membuat undian bagi membawa isteri ketika keluar bermusafir.

*Rukhsah* ini diberikan di sepanjang tempoh musafir. Meskipun sekilas pandang ia kelihatan tidak adil, tetapi di atas dasar *rukhsah* ia diharuskan untuk pihak suami memilih mana-mana isteri untuk dibawa bersama.

Sewaktu bermusafir seseorang itu dibolehkan untuk berbuka puasa. Namun ia masih merupakan perbahasan ulamak dan termasuk di dalam perkara yang diistilahkan sebagai *khilafil aula*. Di dalam masalah ini para musafir diberi pilihan sama ada untuk berbuka puasa ataupun sebaliknya. Tetapi seandainya musafir itu mampu meneruskan puasanya, ia adalah lebih baik.

Keringanan atau *rukhsah* juga diberikan kepada musafir yang berhadapan dengan kesukaran mengambil *wudhu'*. Kesukaran ini

*Mazhab Hanafi membolehkan seseorang yang keluar bermusafir lebih daripada empat hari untuk melakukan sembahyang Jamak dan Qasar. Bahkan mazhab ini membolehkan sesiapa yang bermusafir selama 18 hari untuk sembahyang Qasar.*

seringkali berlaku apabila seseorang memakai *khuf* (but kulit). Para musafir hanya perlu menyapu *khuf* tanpa perlu membasuhkan kaki. *Khuf* yang di syaratkan oleh syarak bukanlah sembarang tetapi ia hendaklah terdiri daripada jenis *khuf* yang kalis air dan melepas buku lali. Begitu juga dengan penggunaan stokin yang tebal. Kaedahnya adalah sama sebagaimana yang digunakan pada *khuf*.

Masalah pelaksanaan sembahyang Jamak dan sembahyang Qasar bukanlah halangan ataupun masalah utama kepada peniaga Muslim tetapi masalah yang sering timbul ialah tempoh masa yang diperuntukkan untuk melakukan sembahyang Jamak dan Qasar. Sebagai contoh, peniaga yang berada di Amerika Syarikat selama dua minggu. Dalam mazhab Syafie, sesiapa yang berniat untuk bermukim di sesuatu tempat selama empat hari ataupun lebih, apabila dia sampai di tempat yang menjadi tujuannya, seseorang itu tidak boleh lagi sembahyang Jamak atau Qasar.

Inilah yang menjadi kekeliruan di kalangan orang Islam terutama mereka yang tidak mendalami ilmu agama serta tidak merujuk kepada sumber-sumber kitab yang asal.

Menurut kitab-kitab yang *muktabar*, semasa sampai di tempat yang dituju seseorang itu tidak boleh sembahyang Jamak atau Qasar iaitu apabila berniat untuk bermukim di suatu tempat selama empat hari ataupun lebih.

Pada zaman yang serba canggih sekarang ini, manusia boleh pergi ke mana sahaja seperti ke London, New York dan Washington dengan tempoh masa yang begitu singkat. Persoalan yang timbul adakah mereka terikat dengan *rukhsah* untuk sembahyang Jamak dan Qasar?

Masalah tempoh sembahyang Jamak atau Qasar tidak timbul kerana seseorang itu tidak hanya pergi ke suatu tempat sahaja. Sekiranya seseorang itu pergi ke satu tempat sahaja dan tempoh masanya tidak pasti sama ada seminggu atau dua minggu persoalan yang timbul adakah boleh sembahyang Jamak atau Qasar? Mengikut mazhab Syafie, tidak boleh sembahyang Jamak atau Qasar.

Mazhab Hanafi membolehkan seseorang yang keluar bermusafir lebih daripada empat hari untuk melakukan sembahyang Jamak dan Qasar. Bahkan mazhab ini membolehkan sesiapa yang bermusafir selama 18 hari untuk sembahyang Qasar. Sedangkan tiga mazhab yang lain iaitu mazhab Syafie, Maliki dan Hambali, bermuafakat ia hanya boleh dilakukan di dalam

tempoh empat hari sahaja. Seandainya seseorang itu berniat hanya empat hari, hari yang pertama tiba juga tidak dibolehkan bersembahyang Jamak ataupun Qasar. Ini merupakan persoalan yang sering dibahaskan oleh para ulamak sejak dahulu lagi.

Seandainya mengambil pendekatan untuk sembahyang Jamak dan Qasar selama 18 hari, ia bermakna seseorang itu terkeluar daripada keempat-empat mazhab utama kerana mencampurkan antara sembahyang Jamak dan Qasar. Sebenarnya, kekusutan ini masih ada jalan penyelesaiannya. Menurut Syeikh Najib al Muti'e, salah seorang ulamak mazhab Syafie memberikan pandangannya berhubung dengan masalah ini. Apa yang menarik, pandangannya telah mencetuskan kontroversi di kalangan ulamak yang lain. Beliau menjelaskan, sepanjang seseorang itu berada di luar kawasan bermukim seperti berada di luar negara selama empat tahun, sepanjang tempoh berkenaan dibenarkan untuk melakukan sembahyang Jamak dan Qasar.

Rukhsah juga diberikan kepada peniaga Muslim untuk meninggalkan sembahyang Jumaat. Pandangan ini berbeza dengan pendapat mazhab Syafi'e yang mensyaratkan apabila seseorang itu keluar rumah selepas waktu fajar, sembahyang Jumaat diwajibkan. Ia menjadi harus apabila seseorang itu yakin bahawa dia akan dapat sampai di tempat yang dituju sebelum masuk waktu sembahyang. Tetapi di dalam mazhab yang lain apabila meninggalkan rumah selepas gelincir matahari, hukum meninggal-

kan sembahyang Jumaat adalah makruh.

Di dalam kaedah hukum syarak terdapat tujuh sebab kenapa hukum '*azimah* boleh bertukar menjadi hukum *rukhsah*. Antaranya ialah musafir, sakit, bila ada paksaan, terlupa, jahil, kepayahan dan kekurangan.

Bagi orang yang sakit, *rukhsah* diberikan kepada mereka untuk melakukan ibadat. Tetapi bagi mereka yang kurang berkemampuan disebabkan keuzuran mereka masih boleh menunaikan ibadat seperti bersembahyang meskipun dengan menggunakan anggota badan sebagai isyarat. Kaedah yang sama juga digunakan di dalam masalah wudhu'. Seandainya anggota wudhu' berkenaan boleh mendatangkan kemudaran, wudhu' boleh digantikan dengan *tayammum* ataupun meninggalkan anggota berkenaan.

*Di dalam kaedah hukum syarak terdapat tujuh sebab kenapa hukum '*azimah* boleh bertukar menjadi hukum *rukhsah*. Antaranya ialah musafir, sakit, bila ada paksaan, terlupa, jahil, kepayahan dan kekurangan.*

Masalah pemakaian stokin dan anggota wudhu' merupakan masalah yang baru dibincangkan oleh ulamak kebelakangan ini. Di negeri yang mengalami musim sejuk, pemakaian stokin merupakan satu keperluan. Mengikut *ijtihad* ulamak semasa, sewaktu mengambil wudhu', stokin tidak perlu ditanggalkan sekiranya stokin tersebut tebal serta dapat menahan air daripada menyerap dengan begitu mudah dan kaedah mengambil wudhu' dilakukan sebagaimana cara menyapu *khuf*.

**Rukhsah juga diberikan kepada seseorang yang dipaksa melakukan perkara yang ditegah sepetimana yang dilakukan oleh Rejim Pol Pot ke atas orang Islam Kemboja. Mereka dipaksa menternak dan memakan babi. Pada masa ini hukum memakan babi adalah harus kerana keengganannya memakan babi boleh menyebabkan nyawa melayang.**

Alasan *rukhsah* ini disebabkan sebahagian pelajar meninggalkan sembahyang kerana merasa keberatan untuk menanggalkan stokin di musim sejuk. Kaedah ini juga lebih praktikal untuk digunakan sewaktu berada di dalam kapal terbang di mana

wujudnya kesukaran untuk membasuh kaki bagi menyempurnakan wudhu'. Di atas dasar menjaga kewajipan solat, penyapuan stokin ini diharuskan.

*Rukhsah* juga diberikan kepada seseorang yang dipaksa melakukan perkara yang ditegah sepetimana yang dilakukan oleh Rejim Pol Pot ke atas orang Islam Kemboja. Mereka dipaksa menternak dan memakan babi. Pada masa ini hukum memakan babi adalah harus kerana keengganannya memakan babi boleh menyebabkan nyawa melayang. Namun, di dalam hati mereka hendaklah ada perasan tidak redha di atas apa yang diperlakukan kepada mereka.

Sebagai seorang manusia sudah tentu mempunyai kekurangan. Di antara kekurangan yang menjadi fitrah manusia ialah sifat lupa dan apa yang menarik, kepenatan seringkali menjadikan seseorang itu mudah lupa. Sekiranya seseorang itu terlupa, dia masih dianggap tidak berdosa bahkan diberikan *rukhsah*. Seseorang yang benar-benar terlupa menunaikan kewajipan seperti sembahyang, mereka dimaafkan tetapi hendaklah diqada'. Begitu juga dengan masalah jahil di dalam hukum agama. Kejahilan terhadap sesuatu hukum merupakan suatu *rukhsah*. Seandainya kejahilan itu sesuatu yang disengaja, ia dianggap berdosa.

Manakala kepayahan juga membolehkan seseorang meninggalkan hukum akal dan digantikan dengan hukum *rukhsah* seperti sembahyang berjamaah tidak diwajibkan ke atas

kanak-kanak, orang mabuk, seorang yang pekak dan lain-lain lagi.

## Memakan Sembelihan dan Berkahwin Dengan Perempuan Ahli Kitab

Di dalam era globalisasi dan konsep dunia tanpa sempadan, ia memerlukan para peniaga Islam berada di mana sahaja. Ini sejajar dengan tuntutan ajaran Islam yang meletakkan perniagaan sebagai satu ibadat dan juga sebagai sebuah wadah dakwah. Bagi mereka yang tinggal di negara Ahli Kitab yang mana di dalam negara berkenaan, mereka tidak mempunyai pilihan selain daripada memakan sembelihan Ahli Kitab.

Di dalam konteks memakan sembelihan Ahli Kitab ia terbahagi kepada skop perbincangan yang lebih

luas iaitu sembelihan oleh Ahli Kitab dan hasil perburuan Ahli Kitab. Mengikut mazhab Maliki sekiranya hasil perburuan itu mati kerana terkena senjata perburuan, hasil buruan itu tetap najis dan tidak halal dimakan. Imam Malik juga menetapkan syarat-syarat yang menghalalkan sembelihan Ahli Kitab.

**Pertama**, disebutkan nama Allah SWT atau tidak disebut nama Allah SWT asalkan tidak disebut nama berhala, serta sembelihan ini tidak dijadikan persembahan untuk gereja atau apa jua upacara keagamaan.

**Kedua**, menyembelih binatang kepunyaan sendiri dan bukannya binatang yang dicuri.

**Ketiga**, tidak menyembelih sesuatu yang haram di dalam syariat mereka seperti kucing, unta, zirafah, angsa dan



Ihsan - Sekiranya kamu menyembelih, maka perelokkanlah sembelihan kamu

sebagainya. Tetapi seandainya mereka menyembelih binatang yang halal di sisi syarak Ahli Kitab, ia halal dimakan.

Menurut pandangan ulamak semasa, Dr. Yusof al Qardhawi, beliau menjelaskan bahawa apa-apa cara yang digunakan oleh Ahli Kitab sama ada Yahudi dan Nasrani untuk menyembelih binatang mereka, ia adalah halal bagi orang Islam. Tetapi ada ulamak yang mempertikaikan pandangan ini dengan mengatakan ia terlalu umum dan longgar.

Begitu juga di dalam konteks perkahwinan, Islam sebagai agama fitrah menggalakkan umatnya berkahwin sebagai salah satu jalan atau saluran untuk mengawal dan memenuhi fitrah nafsu manusia. Di dalam situasi ini, selain lelaki Islam diberi pilihan untuk mengahwini mana-mana perempuan Islam mereka juga diberi *rukhsah* untuk berkahwin dengan perempuan-perempuan Ahli Kitab sahaja manakala perkahwinan dengan mereka yang bukan Ahli Kitab dianggap sebagai zina.

Begitu juga dengan masalah berkahwin dengan perempuan Ahli Kitab. Di dalam mazhab Maliki, ia tidak mempersoalkan sama ada ayah atau ibu perempuan berkenaan Ahli Kitab atau sebaliknya. Tetapi mengikut mazhab Syafi'e, ia meletakkan syarat yang agak keras iaitu ibu bapa perempuan mestilah Ahli Kitab.

Mengikut pandangan Abu Bakar al Jazali, di dalam mazhab Hanafi mereka membataskan istilah Nasrani itu hanya kepada orang Arab, Eropah dan kacukan sahaja kerana pada pandangan mazhab ini, penggunaan istilah Ahli Kitab merangkumi maksud Yahudi dan Nasrani. Justeru tidak timbul persoalan ketulenan agama kerana sejak dahulu lagi sememangnya mereka telah menyelweng daripada ajaran asal.

### Beberapa Rukhsah Di Dalam Perniagaan

Rukhsah di dalam perniagaan merupakan sesuatu yang diharuskan. Kebanyakan aktiviti muamalat bernaung di bawah hukum *rukhsah* seperti di dalam urusan '*jual salam*' atau jualan secara tempahan. Ulamak berselisih pendapat di dalam masalah ini sama ada hukum '*jual salam*' itu harus, makruh ataupun haram. Mengikut pandangan setengah ulamak, '*jual salam*' itu haram disebabkan ia mengandungi unsur tipu daya dan kecabutan di mana kemungkinan risiko berlakunya penipuan adalah tinggi.

Memandangkan '*jual salam*' merupakan satu keperluan sejak dahulu lagi dan selepas mengambil kira kepentingannya kepada manusia, hukumnya adalah diharuskan. Dikhawatir sekiranya '*jual salam*' ini diharamkan ia akan menimbulkan kesusahan kepada orang ramai.

Antara contoh 'jual salam' ialah menempah baju. Penempah hanya perlu menentukan kain, corak dan sebagainya sedangkan barang tempahan tiada di hadapan mata. Di dalam proses penempahan ini, risiko untuk berlakunya penipuan adalah tinggi.

Begitu juga dengan *ijarah* atau jual beli secara ansuran. Ia menjadi perdebatan ulamak kerana mempunyai sedikit unsur riba' tetapi setelah dibahaskan secara terperinci, majoriti ulamak mengharuskan jual beli ini.

*Rukhsah di dalam perniagaan juga diharuskan di dalam masalah pembelian buah-buahan secara langsung dengan para peraih sewaktu ia masih berada di pertengahan jalan. Secara umumnya hukum jual beli sebegini adalah haram kerana dikhawatir berlaku penipuan di antara pemborong dan penjual yang menyebabkan petani ditipu.*

*Al Araya* ialah menjual buah-buahan yang belum masak dengan harga buah-buahan yang telah masak. Penjualan ini berisiko kerana sepanjang tempoh buah berputik sehingga ia masak keadaannya adalah

berubah-berubah dan sebarang kemungkinan boleh berlaku yang mungkin menguntungkan pembeli ataupun merugikan mereka. Namun di atas dasar kepentingan, ia diharuskan dengan syarat terdapat ahli yang mahir tentang buah-buahan berkenaan dan pajakannya tidak lebih tiga ratus gantang sahaja.

Begitu juga dengan keharusan mengawal harga. Hukum asal adalah tidak dibolehkan kerana pasaran mestilah bersifat terbuka dan ia bergantung kepada permintaan serta penawaran. Secara dasarnya kawalan harga tidak boleh dicampur tangan oleh pihak kerajaan ataupun badan-badan perniagaan untuk mengawal atau meletakkan harga barang. Ulamak telah melihat perubahan-perubahan yang berlaku dan menyesuaikannya dengan keperluan masyarakat serta kaedah hukum syarak.

Antara alasan keharusan syarak ialah perubahan di antara zaman Rasulullah SAW dengan zaman sekarang. Di zaman Rasulullah SAW para peniaga merupakan golongan yang kurang bernasib baik kerana berhadapan dengan pelbagai situasi seperti pemulauan oleh masyarakat Jahiliyah Mekah dan monopolii perdagangan oleh orang Yahudi tetapi zaman seterusnya para peniaga sudah lupa daratan dan sering mengambil kesempatan dengan menaikkan harga, menurunkan harga serta menyimpan stok barang secara berlebihan bagi tujuan monopolii. Di atas dasar ini ulamak telah mengizinkan kepada

kerajaan untuk mengawal harga barang bertujuan untuk menjaga kemaslahatan orang ramai.

*Rukhsah* di dalam perniagaan juga diharuskan di dalam masalah pembelian buah-buahan secara langsung dengan para peraih sewaktu ia masih berada di pertengahan jalan. Secara umumnya hukum jual beli sebegini adalah haram kerana dikhuatiri berlaku penipuan di antara pemborong dan penjual yang menyebabkan petani ditipu. Tetapi setelah dibahaskan secara terperinci, terdapat kelonggaran untuk berbuat demikian. Seandainya persefahaman antara keduanya untuk menawarkan harga yang berpatutan, ia diharuskan.

Mencari rezeki yang halal dengan hasil yang berlipat kali ganda adalah satu usaha yang sepatutnya dicontohi. Kebanyakan para sahabat seperti Saidina Uthman Bin al Affan, Abdul Rahman Bin Auf dan lain-lain lagi

merupakan antara para sahabat yang berjaya di dalam bidang perniagaan dengan mendapat keuntungan yang berlipat kali ganda. Para sahabat tidak meletakkan hanya keuntungan sebagai matlamat di dalam perniagaan bahkan mereka menjadikannya sebagai salah satu platform untuk mereka memakmurkan harta untuk berjihad di jalan Allah SWT.

Kegagalan mengawal nafsu merupakan penyebab yang mendorong peniaga untuk bertindak di luar batasan akhlak insam sehingga mereka sanggup menipu, menyorok dan memonopoli barang semata-mata untuk memastikan mereka mendapat keuntungan. Islam melarang keras keuntungan yang diperolehi dengan cara yang sebegini kerana ia mempunyai unsur-unsur penindasan dan kezaliman. Seandainya keuntungan yang diperolehi berdasarkan landasan dan ketentuan syarak ia adalah diharuskan.

*Persoalan rukhsah syari'e  
sebenarnya kalau diperhatikan  
terdapat dua kelonggaran  
iaitu kelonggaran kepada  
peniaga Muslim dan  
kelonggaran di dalam hukum-  
hukum perniagaan. Ia  
merupakan perbahasan yang  
perlu diperbincangkan kerana  
perniagaan pada masa  
sekarang bersifat global.*

Konsep perniagaan di dalam Islam merangkumi pelbagai aspek dan cabang perniagaan yang bertepatan dengan fitrah dan kehendak manusia. *Bai' al I'nah* merupakan antara jualan yang diberi keringanan di dalam Islam. Konsep jualan ini ialah memberikan pinjaman dengan menjadikan barang sebagai cagaran. Contohnya pihak bank memberikan pinjaman komputer kepada peminjam dengan harga RM10,000 sedangkan ia dibeli dengan harga RM8,000. Secara umumnya jualan ini terdapat unsur-unsur riba'. Tetapi ia dibenarkan

# PERANAN MUHAMMAD AL FATEH *di dalam perkembangan* EKONOMI UMAT ISLAM

Oleh

Ustaz Hasanuddin Hj. Mohd. Yunus  
B.A. (Jaied) (Bahasa Arab) (Jordan), M.A. (Pendidikan) (U.T.M)  
Pensyarah, Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, U.T.M



eristiwa pembukaan kota Constantinople adalah merupakan peristiwa penting bagi umat Islam hingga ke hari ini. Constantinople merupakan ibukota Byzantine, salah sebuah kerajaan Rom yang sangat digeruni oleh orang-orang Arab dan umat Islam pada ketika itu. Constantinople turut menjadi pusat pemerintahan kerajaan Rom Timur.

Rasulullah SAW pernah bersabda berhubung dengan pembukaan kota Constantinople oleh umat Islam:

لَتُفْتَحَنَ الْقِسْطَنْطَنْطِيْنِيَّةُ فَلَنْعَمْ  
الْأَمِيرُهَا وَلَنْعَمْ أَجْيَشُ  
ذَلِكَ الْجَيْشُ

Maksudnya:

"Bandar Constantinople akan dibuka oleh umatku, sebaik-baik raja adalah raja yang membukanya dan sebaik-baik tentera, tentera yang melakukan pembukaannya."

(Hadis Riwayat Ahmad)

Melalui hadis tersebut, Rasulullah SAW telah menyatakan bahawa bandar Constantinople akan dibuka oleh umat Islam. Pemimpin dan tentera yang melakukan pembukaannya adalah pemimpin yang diberi penghormatan oleh Allah SWT. Namun hadis tersebut tidak menyatakan siapakah raja dan tentera Islam yang akan membukanya.

*Bandar Constantinople  
akan dibuka oleh  
umatku, sebaik-baik raja  
adalah raja yang  
membukanya dan  
sebaik-baik tentera,  
tentera yang melakukan  
pembukaannya.*

Melihat kepada hadis Rasulullah SAW ini, kerajaan Islam ketika itu telah berlumba-lumba untuk membuka ibu kota kerajaan Kristian ini. Usaha untuk membuka ibukota Constantinople telah pun dilakukan sejak daripada zaman para sahabat Rasulullah SAW, kerajaan Khulafa' ar Rashidin, Kerajaan Bani Umayyah, Kerajaan Bani Abbasiyyah dan semua khalifah Islam ketika itu. Ini adalah kerana bagi mereka yang berjaya membuka ibukota tersebut, seolah-olah mereka lah raja dan tentera yang dipuji oleh Rasulullah SAW sebagaimana di

dalam hadisnya. Namun semua usaha ini tidak berjaya kerana tidak diizinkan oleh Allah SWT.

Di zaman Rasulullah SAW, kerajaan Mesir dan Syam adalah di bawah pemerintahan kerajaan Rom. Pada tahun 629 Masehi, Rasulullah SAW telah menghantar seorang sahabat bernama Syurahbil Bin Amru ke negeri Sham untuk berdakwah. Bagaimanapun sahabat Rasulullah SAW ini telah dibunuh dan berlakulah perperangan al Mu'tah. Pada masa yang sama kerajaan Islam telah semakin berkembang sehingga ke daerah Yarmouk.

Apabila berlakunya perperangan Yarmouk pada tahun 636 Masehi semasa pemerintahan Khalifah Umar al Khattab, hasil dari kemenangan perperangan tersebut, Khalifah Umar al Khattab telah berjaya menawan Masjidil Aqsa yang ketika itu berada di bawah pemerintahan Rom. Sementara itu pada tahun 639 Masehi, semasa zaman pemerintahan Khalifah Umar al Khattab, kerajaan Mesir telah berjaya ditawan oleh Amru Ibnu al Asr.

Setelah berjaya menawan beberapa kerajaan seperti kerajaan Rom, Mesir dan Yaman, umat Islam memulakan usaha untuk menawan kota Constantinople, ibukota kerajaan Rom. Percubaan di zaman pemerintahan Khulafa' ar Rashidin telah dimulakan oleh Muawiyah Bin Abu Sufian. Muawiyah yang ketika itu merupakan wakil pemerintah di Syam pada zaman Khalifah Othman Bin al Affan



Angkatan tentera laut memainkan peranan penting di dalam membantu kejayaan Muhammad Al-Fateh

telah melancarkan serangan pada tahun 653 Masehi. Tentera darat yang dipimpin oleh Muawiyah telah sampai ke sempadan Constantinople yang bernama Basfur sementara tentera lautnya telahpun sampai ke pergunungan Finiqiah. Pertempuran sengit telah berlaku sehingga mengakibatkan seramai 20,000 orang tentera musuh terkorban. Bagaimanapun kemenangan masih tidak dapat dicapai oleh tentera Islam kerana tidak diizinkan oleh Allah SWT. Tentera laut Muawiyah seterusnya kembali ke pengkalan di Trablos (Lubnan).

### Zaman Kerajaan Umaiyyah

Percubaan untuk membuka kota Constantinople diteruskan ketika pemerintahan kerajaan Bani Umaiyyah. Khalifah Muawiyah Bin Abu Suffian yang menjadi khalifah ketika itu telah menggabungkan anggota-anggota tenteranya dari Mesir, Trablos serta

Syam dan mula menuju ke Constantinople. Perperangan ini turut disertai oleh anaknya Yazid bin Muawiyah. Mereka telah mengepung bandar Constantinople selama 7 tahun di Qarn Zahabi dan menggunakan senjata moden. Bagaimanapun tentera Islam ketika itu, tidak dapat menyesuaikan diri di sekitar kawasan Constantinople, iaitu sebuah kawasan beriklim Mediteranean.

Akibatnya usaha membuka kota Contantinople sekali lagi menemui kegagalan. Ramai para sahabat yang mati syahid di dalam peperangan ini termasuklah Abu Ayyub al Ansari.

### Zaman Kerajaan Abbasiyyah

Ketika zaman pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah, bermula pada tahun 750 Masehi, beberapa percubaan untuk menawan kota Constantinople telah dilakukan oleh khalifah Islam pada

ketika itu. Bagaimanapun percubaan ini telah menemui kegagalan kerana terdapatnya pelbagai masalah dalam khususnya perebutan kuasa di kalangan Khalifah ketika itu. Pada ketika itu juga berlaku perperangan Salib di antara kerajaan Islam dan kerajaan Kristian.

## Sejarah Pemerintahan Kerajaan Othmaniyah

Ketika tentera Tartar menyerang kerajaan yang diperintah oleh Sultan Sulaiman Shah, baginda yang berada di Mahan telah melaikkan diri bersama-sama dengan 1,000 orang tentera berkudanya. Kemudian apabila tentera Tartar meninggalkan Mahan, Sultan Sulaiman Shah berhasrat untuk kembali semula ke Mahan. Tetapi sebelum sempat sampai ke Mahan, beliau telah meninggal dunia. Dengan kemangkatan Sultan Sulaiman Shah, anaknya yang bernama Artugul telah mencari kawasan baru untuk membina empayar baru.

*Memandangkan tiada tokoh yang layak untuk mengantikan Sultan Ala'uddin, Othman ibnu Sauji telah dilantik sebagai pemerintah. Kerajaan Saljuk Ar Rumi akhirnya semakin membesar dan seterusnya dinamakan Kerajaan Othmaniyah.*

Bagaimanapun beliau tidak merasa puas hati kerana kebanyakannya daripada kawasan yang ditemuinya adalah kawasan yang tidak subur dan tidak sesuai untuk dijadikan negara.

Akhirnya anak Artugul yang bernama Sauji Bin Artugul telah bertemu dengan Sultan Ala'uddin, raja kerajaan Saljuk ar Rumi dan menyatakan hasratnya untuk bernang di bawah pemerintahan Sultan Ala'uddin. Sultan Ala'uddin bersetuju lalu memberikan Sauji sebuah kawasan untuk bercucuk tanam. Sauji dan pengikutnya kemudian hidup di dalam aman damai serta taat kepada Allah SWT.

Semasa menduduki kawasan tersebut, satu perperangan di antara Sultan Saljuk ar Rumi dan tentera Tartar telah berlaku. Apabila mendengar berita tentang perperangan ini, Sauji telah menawarkan perkhidmatan ketenteraan kepada Sultan Ala'uddin. Beliau akhirnya berjaya mengalahkan tentera Tartar. Sebagai balasan dari pertolongan ini, Sauji dan rakyatnya telah dihadiahkan sebuah lagi tanah dan wilayah. Perperangan sekali lagi wujud dan Sultan Ala'uddin telah bertindak melantik anak Sauji sebagai ketua turus angkatan tentera Saljuk.

Pada tahun 1300 Masehi, Sultan Ala'uddin meninggal dunia dengan tidak meninggalkan zuriat sebagai penganti. Memandangkan tiada tokoh yang layak untuk mengantikan Sultan Ala'uddin, Othman Ibnu Sauji telah dilantik sebagai pemerintah. Kerajaan Saljuk ar Rumi akhirnya semakin

membesar dan seterusnya dinamakan Kerajaan Othmaniyah.

## Kota Constantinople

Raja Patrik yang memerintah Constantinople adalah seorang raja yang beragama Kristian Ortodok. Di kota Constantinople tersebut, percaduhan sering berlaku di antara penduduk-penduduk Kristian yang menganuti fahaman Kristian Ortodok dan Katolik. Perkembangan yang berlaku ini sentiasa diikuti oleh Muhammad Al Fateh sebagai strategi beliau untuk menawan kota Constantinople.

Sementara itu kebangkitan Kerajaan Othmaniyah yang begitu kuat amat ditakuti oleh Raja Patrik. Beliau kemudian telah menemui ketua agama Kristian yang bernama Pope.

Tindakan Raja Patrik mencium tangan Pope dan bersembahyang mengikut cara Katolik telah menimbulkan kemarahan rakyat Constantinople yang menganuti agama Kristian Ortodok. Ternyata faktor dan peritiswa ini adalah penting bagi Muhammad Al Fateh.

Pada 1397 Masehi, satu ijtimaik di antara Rom Barat dan Rom Timur telah diadakan bagi membincangkan tentang kebangkitan kerajaan Othmaniyah. Hasil dari ijtimaik ini, keputusan telah diambil untuk mengistiharkan perang Salib sekali lagi ke seluruh Eropah bertujuan mengambil balik tanah yang telah diambil oleh kerajaan Islam,

merampas kembali Masjidil Aqsa dan mengembalikan kerajaan Syam kepada kerajaan Rom.

Sementara itu seorang pahlawan Islam yang terkenal iaitu Bayazid dari kerajaan Othmaniyah telah berjaya menghadapi segala serangan musuh. Bagaimanapun kerajaan Turki yang dibina oleh kerajaan Othmaniyah telah musnah apabila diserang oleh sebuah pasukan tentera pimpinan Timurlane. Anak-anak Bayazid yang melarikan diri telah menubuhkan kerajaan kecil. Salah seorang dari cucu Othman ibnu Artugul, Sultan Murad ke II telah cuba membina semula kerajaan Othmaniyah tetapi tidak berjaya kerana terpaksa berperang sesama sendiri. Ekoran daripada itu usaha mengembalikan kegemilangan kerajaan Islam tidak dapat diteruskan.

## Muhammad al Fateh

Nama sebenar Muhammad al Fateh adalah Muhammad ibnu Murad II ibnu Bayazid ibnu Urphan ibnu Othman ibnu Sauji ibnu Artugal ibnu Sulaiman. Ketika berumur 14 tahun beliau telah memangku jawatan sebagai raja menggantikan ayahandanya. Ayahandanya merupakan seorang ahli sufi yang suka *beruzlah*. Namun apabila beliau melihat tanggung-jawabnya yang lebih besar, beliau kembali menjadi raja.

Muhammad Al Fateh berkebolehan bertutur di dalam lima bahasa iaitu bahasa Arab, Turki, Farsi, Yunani dan Hebrew (Yahudi). Beliau juga

menguasai beberapa ilmu seperti ilmu saraf, nahu, balaghah, fekah, aqidah, hadis dan akhlaq serta menghafaz Al Quran. Beliau juga berminat untuk mempelajari dan mengkaji jatuhan bangunnya perjuangan pahlawan Islam dan kegemilangan generasi Islam sebelumnya.

Apabila Muhammad al Fateh berumur 22 tahun, ayahandanya telah mangkat dan beliau telah menjadi sultan yang memerintah dengan sepenuhnya. Muhammad al Fateh telah mempelajari tentang sebuah hadis Rasulullah SAW yang mengatakan bahawa kota Constantinople akan dibuka sebagaimana sabdanya:

لَفَتَحْنَ الْقِسْطَنْطَنْطِينِيَّةَ فَلَنَعِمْ  
الْأَمِيرُ أَمِيرُهَا وَلَنَعِمُ الْجَيْشُ  
ذَلِكَ الْجَيْشُ

Maksudnya:

"Bandar Constantinople akan dibuka, sebaik-baik raja adalah raja yang membukanya dan sebaik-baik tentera, tentera yang melakukan pembukaannya."

(Hadir Riwayat Ahmad)

Oleh kerana itulah semua umat Islam telah berlumba-lumba untuk membuka ibu kota ini.

*Muhammad Al Fateh berkebolehan bertutur dalam lima bahasa iaitu bahasa Arab, Turki, Farsi, Yunani dan Hebrew (Yahudi). Beliau juga menguasai beberapa ilmu seperti ilmu saraf, nahu, balaghah, fekah, aqidah, hadis dan akhlaq serta menghafaz Al Quran.*

### **Aspek-aspek Tarbiyah Dalam Sebuah Organisasi Islam**

Aspek-aspek tarbiyah pendidikan yang terdapat di dalam sebuah organisasi yang dipimpin oleh Muhammad al Fateh ini adalah:-

#### **1. Tarbiyah Ruhiyah**

Aspek ini merupakan aspek rohani yang tidak boleh dipandang ringan.

#### **2. Tarbiyah Jasadiyah**

Aspek yang menyentuh mengenai pendidikan asas serta keadaan tubuh badan (fizikal) yang sihat.

#### **3. Aqliyah**

Seseorang itu mestilah seseorang

yang bijak dari segi akal, selalu berfikir dan sentiasa berusaha mencabar kekuatan minda.

#### 4. Tarbiyah Saqafiyah

Menyentuh mengenai ilmu dan seseorang itu hendaklah sentiasa belajar untuk menambahkan ilmu.

#### 5. Ijtimaiyyah

Dari aspek hubungan sosial. Seseorang itu mestilah sentiasa bercampur gaul dengan orang ramai, menghormati orang yang lebih tua serta memahami masalah orang miskin.

Sehubungan dengan itu Muhammad al Fateh telah berusaha untuk memulihkan ekonomi kerajaan Islam. Di antara usaha yang dilakukan termasuklah memulihkan pertanian di seluruh kawasan jajahan Islam. Bagi tujuan ini para petani telah diberikan latihan mengenai cara-cara pertanian yang berkesan. Muhammad al Fateh juga telah mengadakan urusan perdagangan dengan negeri Mesir, Syam, Semenanjung Arab dan Yaman kerana kesemua negara ini adalah negara Islam dan mempunyai pelabuhan.

Beliau berpendapat bahawa apa yang terdapat di Mesir dan yang terdapat di Semenanjung Arab adalah sangat berbeza. Negeri Syam adalah sebuah negeri yang bercuaca sejuk dan memerlukan pakaian yang tebal, sementara negeri Mesir pula merupakan negeri yang bercuaca panas. Sehubungan itulah beliau telah

### Pemulihan Ekonomi

Sebagaimana yang diketahui, empayar Islam merupakan sebuah empayar yang begitu besar. Empayar yang besar ini menyebabkan ianya berpecah-pecah termasuklah kerajaan Turki.



Aspek Tarbiyah Jasadiah telah menjadi asas kejayaan umat Islam terdahulu

*Muhammad al Fateh juga tidak lupa untuk berdoa kepada Allah SWT. Selain daripada berdoa, beliau juga sentiasa berpuasa dan menggalakkan semua pemimpin serta rakyatnya agar berpuasa kerana berpuasa ini merupakan kekuatan rohani di samping merupakan latihan fizikal.*

*Muhammad al Fateh sentiasa menunaikan sembahyang tahajud.*

memanfaatkan keperluan yang diperolehi seperti bulu kambing untuk di eksport negeri-negeri Islam yang lain.

Muhammad al Fateh berpendapat bahawa bulu-bulu kambing yang boleh didapati dari kawasan padang pasir di selatan boleh dimanfaatkan oleh umat Islam di kawasan Syam yang sentiasa bercuaca sejuk.

Beliau juga telah memperkenalkan sistem ladang secara besar-besaran. Contohnya buah zaitun yang menjadi sumber makanan masyarakat ketika itu boleh digunakan untuk membuat minyak, iaitu makanan orang-orang Arab. Begitu juga dengan susu kambing dan lembu yang

dikumpulkan telah dijadikan keju dan disimpan sebagai makanan. Makanan ini kemudiannya dihantar ke negeri Yaman dan Mesir.

### **Mengemaskini Pentadbiran Negara**

Muhammad al Fateh juga telah bertindak mengemaskini pentadbiran negara dengan menyelaraskan sistem gaji anggota pekerja. Beliau juga telah memanfatkan pengalaman-pengalaman yang diperolehi dari wilayah-wilayah lain. Di samping itu perbelanjaan negara yang membazir turut dihentikan. Seterusnya kawalan penyelewangan dan rasuah di kalangan masyarakat telah diketatkan.

### **Belanjawan Negara**

Dari segi belanjawan negara, peruntukan istana telah dikurangkan sementara peruntukan bagi pendidikan dan ketenteraan telah ditambah. Tindakan paling utama yang dilakukan oleh Muhammad al Fateh ialah menghapuskan jawatan seramai 7,000 pegawai pemburu istana yang bertindak untuk membantu raja-raja ketika berburu yang seterusnya telah diserapkan ke dalam angkatan bersenjata negara. Ini adalah bertujuan untuk mengelakkan pembaziran.

Seterusnya kubu-kubu yang besar sehingga sampai ke kawasan Constantinople telah dibina. Antaranya termasuklah Kubu Romanlili yang panjangnya 5 batu. Kerahan tenaga

untuk membinanya telah dilakukan termasuklah kepada para ulama', ahli perniagaan, petani, anggota tentera dan anak-anak raja.

### Mencipta Senjata Baru

Muhammad al Fateh telah menawarkan jurutera persenjataan yang pernah berkhidmat dengan kerajaan Constantinople dengan gaji yang tersangat mahal untuk berkhidmat dengan tentera Islam. Jurutera ini telah mencipta sebuah meriam terbesar di dunia ketika itu iaitu seberat 70 tan, di mana letupan dari meriam ini boleh didengari sehingga sejauh 13 batu. Meriam ini mengambil masa selama tiga bulan untuk disiapkan dan telah diheret selama dua bulan perjalanan untuk sampai ke kota Constantinople.

### Berdoa

Selain daripada berusaha untuk menguatkan kerajaan di atas, Muhammad al Fateh juga tidak lupa untuk berdoa kepada Allah SWT. Selain daripada berdoa, beliau juga sentiasa berpuasa dan menggalakkan semua pemimpin serta rakyatnya agar berpuasa kerana berpuasa ini merupakan kekuatan rohani di samping merupakan latihan fizikal. Muhammad al Fateh sentiasa menunaikan sembahyang tahajud. Tempat sembahyangnya turut dikelilingi oleh al-Quran, catatan zikir dan peta Constantinople. Beliau meletakkan peta Constantinople kerana beliau sentiasa bertahajud kepada Allah SWT agar kerajaan Constantinople dapat digantikan dengan kerajaan Islam.

### Menjalin Perdamaian

Muhammad al Fateh turut menjalin perdamaian. Beliau berpendapat bahawa sesebuah negara yang kuat tidak boleh dibina sekiranya pergaduhan berlaku. Sehubungan itu baginda telah menyelesaikan masalah dengan anak-anak raja yang ingin merebut takhta. Antaranya termasuklah bergabung tenaga, melakukan perjanjian damai serta menakluki kawasan mereka. Hasil dari usahanya ini, beliau akhirnya telah berjaya menyatukan kerajaan-kerajaan kecil di sekitar kerajaan Turki dan terbentuklah kerajaan Othmaniyyah yang kuat dan ditakuti oleh kerajaan lain di sekelilingnya.

### Kejatuhan Kota Constantinople

Pada tahun 1452 Masehi, Muhammad al Fateh dan tentera Islam telah mengepung bandar Constantinople selama 9 bulan. Pada tahun 1453 Masehi serangan terhadap kerajaan Constantinople oleh tentera Islam telah dimulakan. Muhammad al Fateh telah memecahkan tenteranya kepada tiga batalion iaitu satu batalion di Barat Laut (Maisarah), satu batalion di Barat (Batalion Qalbu Jaish) dan satu batalion di barat daya (batalion Maimanah). Muhammad al Fateh telah berada di kawasan barat dengan menaiki kuda.

Dari arah laut pula, serangan telah dibuat di sepanjang pantai iaitu di Teluk Qarn Zahabi. Teluk ini merupakan pintu masuk ke Constantinople iaitu melalui satu kawasan yang bernama Ghaltah. Di sepanjang pantai tersebut orang-orang Kristian telah memasang rantai besi berduri yang diikat dengan pelampung. Oleh yang demikian kapal tentera Islam tidak boleh memasuki Teluk Qarn Zahabi ini.

Pada 15 April 1453 Masehi, kapal-kapal Islam telah diserang oleh lima buah kapal perang Eropah Barat yang memberikan bantuan kepada tentera Constantinople. Tentera Islam yang bersedia untuk menyerang ketika itu telah merasa terkejut kerana menyangkakan bahawa kapal tersebut adalah kapal perniagaan. Ketika itu, tentera Islam di Telok Qarn Zahabi telah mengalami kekalahan. Maklumat kekalahan tentera Islam ini telah dilaporkan kepada Muhammad al Fateh yang sedang menyerang melalui arah barat.

Setelah mendengar berita kekalahan ini, Muhammad al Fateh telah mengambil alih kepimpinan tentera Islam di laut. Beliau telah membuat keputusan segera dengan mengarahkan supaya sebanyak 70 buah kapal perang Islam yang tidak dapat memasuki Costantinople melalui Teluk Qarn Zahabi diheret melalui jalan darat sejauh 5 km. Semua tentera Islam kemudian telah bertindak menebang pokok untuk dijadikan landasan. Ikan-ikan telah ditangkap dan lemaknya telah digunakan sebagai pelincir mengolek kapal. Usaha

menarik kapal ini telah dapat dilakukan dalam tempoh satu malam sahaja.

Tentera Constantinople yang melihat kapal tersebut di waktu pagi telah tidak mengambil tindakan kerana menyangkakan bahawa kapal tersebut adalah kepunyaan mereka kerana rantai besi berduri yang digunakan sebagai pelindung itu tidak putus. Sebaliknya Muhammad al Fateh yang telah berjaya menyeberangi halangan tersebut telah berpesan kepada para tenteranya supaya jangan membunuh kanak-kanak, wanita dan orang tua, jangan menganiaya tentera yang cedera dan jangan menganggu pendita agama

*Pada hari terakhir serangan semua tentera telah berpuasa ikhlas kepada Allah SWT dan beribu-ribu tentera Islam telah masuk ke dalam kubu dan tembok kerajaan*

*Constantinople. Serangan oleh tentera Islam dari darat dan laut juga telah diperkuatkan.*

*Akhirnya pintu masuk ke dalam kota Constantinople telah dapat dibuka dan tentera musuh telah menyerah kalah.*

*Pada 29 April tahun 1453 Masehi, Muhammad Al Fateh telah berjaya menawan kota Constantinople.*

ketika melakukan serangan.

Muhammad al Fateh juga telah mencari usaha lain. Beliau telah membina sebuah bangunan yang bergerak iaitu bangunan yang sama tinggi dengan tembok dan kubu Constantinople iaitu setinggi tiga tingkat. Tingkat atas bangunan tersebut telah diisi dengan anggota tentera, tingkat tengah diisi dengan senjata, bahan api, tali dan lain-lain, tingkat bawah diisi dengan tanah, kayu, batu untuk menghancurkan tembok, sementara bahagian depan ditampal dengan ikan pari supaya tidak terbakar apabila terkena tembakan dari tentera Constantinople.

Di waktu yang sama kerajaan Constantinople telah menghadapi masalah dalaman. Tindakan Raja Patrik yang bersembahyang cara Katholik telah menimbulkan kemarahan rakyatnya dan menyebabkan rusuhan. Pada hari terakhir serangan semua tentera telah berpuasa ikhlas kepada Allah SWT dan beribu-ribu tentera Islam telah masuk ke dalam kubu dan tembok kerajaan Constantinople. Serangan oleh tentera Islam dari darat dan laut juga telah diperkuatkan. Akhirnya pintu masuk ke dalam kota Constantinople

telah dapat dibuka dan tentera musuh telah menyerah kalah. Pada 29 April tahun 1453 Masehi, Muhammad al Fateh telah berjaya menawan kota Constantinople.

## Kesimpulan

---

Umat Islam pada hari ini harus mengambil iktibar dari kesungguhan yang ditunjukkan oleh Muhammad Al Fateh dan tenteranya. Sehubungan itu kita juga harus bangun dan terus bekerja bagi memastikan kita mampu melahirkan tokoh-tokoh seperti Muhammad al Fateh untuk membangunkan ekonomi negara.

Umat Islam perlu melihat bagaimana kepimpinan Muhammad al Fateh telah berjaya menawan kota Constantinople. Sekiranya seseorang itu kembali melihat kepada usaha Muhammad al Fateh di dalam mengkaji ilmu geografi, ekonomi dan perniagaan, mereka juga akan mendapati bahawa beliau telah banyak membuat kajian secara mendalam tentang sejarah kekalahan dan kemenangan tentera Islam serta mengkaji dan mendalami hadis dan al-Quran.



*"Sampaikanlah berita  
gembira kepada mereka  
yang beriman dan  
beramal soleh, bahwa  
bagi mereka disediakan  
syurga yang di  
bawahnya mengalir  
sungai-sungai."*

Surah al-Baqarah: Ayat 25

# HIJRAH sebagai PEMANGKIN KECEMERLANGAN *di dalam* PERNIAGAAN

Oleh

Tan Sri Dato' Haji Abdul Kader bin Talip  
B.A. (Hons), Al-Alamiyah, M.A. (Usuluddin) (Al Azhar)  
Pendakwah Bebas



ijrah di dalam Islam merupakan satu detik yang begitu bermakna. Malah penggunaannya begitu sinonim sama ada di dalam konteks kehidupan maupun di dalam maksud ibadat.


Hijrah yang dilakukan oleh Rasulullah SAW pada 1 Muharram tahun ke 13 kenabian bersamaan 15 Julai 622 Masehi telah membawa satu detik penting terhadap akidah dan ketamadunan umat manusia, kerana ia menyingkap tabir kejahilan yang selama ini membelenggu umat manusia. Mengenangkan detik bermakna ini, apabila tiba 1 Muharram pada setiap tahun, ia disambut dengan pelbagai upacara bagi memperingati detik yang bersejarah ini.

Hijrah merupakan perkataan Arab yang berasal daripada kata dasar "hajara" yang membawa maksud berpindah ataupun bergerak daripada satu tempat ke suatu tempat. Hijrah juga dinisbahkan kepada perubahan daripada suatu keadaan kepada keadaan yang lebih baik.

Hijrah kepada umat Islam merupakan satu peristiwa yang begitu agung yang telah membuka mata, mengungkap minda dan memperbetulkan kejulungan akidah umat manusia. Di dalam tempoh tiga tahun pertama dakwah yang disampaikan oleh Rasulullah SAW, lebih kurang empat puluh orang sahaja yang menerima dakwah tersebut. Pada peringkat awal dakwah ini, Baginda dan para sahabat telah mendapat tantangan yang hebat daripada kaum Quraisy. Ada di kalangan sahabat yang telah dibunuh seperti Yasir dan isterinya Sumaiyyah, sementara itu Bilal Bin Rabah telah diseksa dengan dahsyatnya oleh Umaiyyah Bin Khalaf dan begitu juga nasib yang menimpa Zinnirah hamba kepada Umar Bin al Khattab (yang masih belum Islam pada ketika itu) telah diseksa sehingga jatuh sakit dan buta matanya. Umat Islam diperlehkan dan diuji dengan

pelbagai dugaan. Keadaan ini menjadi semakin kritis apabila Abu Talib meninggal dunia dan kemudiannya disusuli pula oleh Ummul Mukminin Saidatina Khadijah. Selama hayat Abu Talib, dia merupakan seorang pemimpin yang disegani di kota Mekah. Manakala Khadijah Binti Khuwailid merupakan seorang wanita bangsawan Quraisy yang disegani sebagai tokoh perniagaan yang berjaya pada ketika itu. Apabila kedua-dua tokoh ini meninggal dunia, kaum Musyrikin Mekah telah meningkatkan lagi tekanan terhadap umat Islam dengan pelbagai tekanan seperti pemulauan dan penindasan.

Asakan dan tekanan yang berterusan daripada kaum Musyrikin Mekah menyebabkan umat Islam berada di dalam keadaan tersebut sehingga sampai kepada suatu tahap mereka telah mengambil keputusan



*Masjid Quba' - Masjid yang pertama dibina oleh Rasulullah SAW atas dasar taqwa kepada Allah SWT*

untuk membunuh Rasulullah SAW. Perancangan jahat kaum Musyrikin telah diwahyukan oleh Allah SWT dan kemudiannya memberi keizinan kepada Rasulullah SAW dan para sahabatnya untuk berhijrah.

Penghijrahan telah memberi kebebasan kepada umat Islam di dalam semua segi. Sebaik sahaja tiba di Quba', Rasulullah SAW terus membina masjid Quba' yang merupakan masjid pertama yang dibina di atas dasar ketaqwaan. Allah SWT berfirman di dalam surah at-Taubah, ayat 108:

لَمْ يَجِدُ أَسِسًا عَلَىٰ أَنْتَقَوْنَىٰ مِنْ أَوَّلِ  
بُوْمٍ حَقٌّ أَنْ تَقُومَ فِيهِ

Maksudnya:

"Sesungguhnya masjid (Quba') yang engkau bina wahai Muhammad SAW), yang telah didirikan di atas dasar taqwa dari mula (wujudnya), sudah sepatutnya engkau sembahyang padanya."

Walaupun pada permulaannya masjid ini dibina dengan pelepas tamar dan berdindingkan tanah, ia begitu bermakna di dalam konteks dakwah Islamiyah di semenanjung tanah Arab. Ia bukan sahaja menjadi masjid yang pertama didirikan, malah menjadi wakaf yang pertama di dalam sejarah Islam. Masjid yang dikenali sebagai Masjid Quba' ini begitu besar erti kepada umat Islam kerana ia merupakan perlambangan kebebasan untuk orang Islam beramal ibadat.

*Asakan dan tekanan yang berterusan daripada kaum Musyrikin menyebabkan umat Islam berada di dalam keadaan tersebut sehingga sampai kepada suatu tahap mereka telah mengambil keputusan untuk membunuh Rasulullah SAW.*

Hijrah memerlukan pengorbanan dan inilah yang dilakukan oleh generasi awal Islam. Kerana kecintaan yang begitu mendalam kepada Rasulullah SAW dan demi menyelamatkan akidah, mereka sanggup berkorban sama ada harta benda maupun jiwa raga mereka demi untuk menegakkan dakwah Islamiyah. Di antara mereka ialah Saidina Abu Bakar RA, orang dewasa yang paling awal memeluk Islam. Dia dikenali dengan nama as Siddiq kerana sifatnya yang tidak pernah meragui kebenaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW.

Sewaktu berhijrah, umat Islam terpaksa meninggalkan segala harta kekayaan mereka di Mekah. Di dalam keadaan yang seumpama ini mereka sanggup berkorban dan meletakkan kecintaan terhadap Allah SWT dan Rasul Nya mengatasi segala-galanya. Biarpun secara zahir umat Islam nampak kerugian dan kehilangan

hartanya benda tetapi pada hakikatnya mereka mendapat keuntungan yang berlipat ganda, apabila satu demi satu kejayaan ditempa oleh umat Islam sejurus daripada itu. Firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah ayat 218:

إِنَّ الَّذِينَ أَمْتُوا وَالَّذِينَ هَاجَرُوا  
وَجَهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَئِكَ  
يَرْجُونَ رَحْمَةَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَفُورٌ  
**رَّحِيمٌ**

Maksudnya:

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman! dan orang-orang yang berhijrah serta berjuang pada jalan Allah SWT (untuk menegakkan agama Islam), mereka itulah orang-orang yang mengharapkan rahmat Allah SWT dan (ingatlah) Allah SWT amat pengampun lagi amat mengasihi."

Sewaktu keluar daripada kota Mekah Rasulullah SAW telah mengatur strategi yang begitu rapi bagi memastikan kejayaan untuk berhijrah ke Madinah. Baginda telah memilih gua Thur sebagai tempat bersembunyi kerana kedudukannya yang bertentang dengan arah menuju Madinah. Pemilihan ini dibuat untuk mengabui Quraisy yang memburu Nabi SAW di setiap jalan yang menuju ke Madinah. Abu Bakar telah meminta anaknya Asma' menghantar makanan ke gua Thur, sementara anaknya Abdullah sebagai pemberi maklumat. Abu Bakar juga telah mengupah

Abdullah Bin Uraiqat seorang yang bukan Islam bertindak sebagai penunjuk arah menuju ke Madinah melalui jalan yang tidak biasa dilalui oleh orang Quraisy.

Meskipun secara sekilas pandang, hijrah kelihatan seperti perkara keduniaan, tetapi pada hakikatnya ia mempunyai maksud yang begitu besar di dalam konteks spiritual umat Islam. Rasulullah SAW dan para sahabat berhijrah bukan kerana takut tetapi untuk menyelamatkan akidah Islamiyah dan menyebarkan syiar Islam di atas muka bumi ini.

Selama 13 tahun dakwah yang disampaikan oleh Rasulullah SAW di kota Mekah menerima pelbagai tekanan, ugutan dan halangan. Keadaan ini semakin menjadi-jadi setelah kewafatan Saidatina Khadijah

*Meskipun secara sekilas pandang, hijrah kelihatan seperti perkara keduniaan, tetapi pada hakikatnya ia mempunyai maksud yang begitu besar di dalam konteks spiritual umat Islam. Rasulullah SAW dan para sahabat berhijrah bukan kerana takut tetapi untuk menyelamatkan akidah Islamiyah dan menyebarkan syiar Islam di atas muka bumi ini.*



Sambutan Maulidur Rasul memberi kekuatan bagi menghayati perjuangan Rasulullah SAW dan para sahabat

dan juga bapa saudaranya yang sering memberi perlindungan iaitu Abu Talib. Apabila kedua-dua orang yang dikasihinya ini meninggal dunia, Rasulullah SAW berada di dalam keadaan dukacita dan pada masa yang sama kaum Musyrikin Mekah meningkatkan lagi tekanan dan pemulauan terhadap orang Islam sehingga ke tahap mereka telah mengambil keputusan untuk membunuh Baginda SAW.

Usaha Baginda SAW ialah untuk membawa masyarakat Quraisy berhijrah daripada mengabdikan diri sesama manusia kepada mengabdikan diri kepada Tuhan semesta alam, daripada situasi yang bergelumang dengan kejahilan dan kezaliman kepada hidayah dan petunjuk Allah SWT. Seruan yang disampaikan ini tidak diendahkan bahkan mereka semakin kuat menentang.

Sebelum meninggalkan bumi Mekah Rasulullah SAW pernah menyatakan bahawa Mekah merupakan bumi yang paling Baginda SAW sayangi dan Mekah sendiri adalah tanah yang paling Baginda SAW cintai. Kalaulah bukan kerana penduduknya membenci dan mengusir Baginda SAW, nescaya Baginda SAW tidak akan meninggalkan tanah Mekah tersebut.

Apabila mendapat tahu bahawa Baginda SAW telah terlepas daripada kepuungan dan tiada di kota Mekah, kaum Musyrikin Mekah telah menawarkan 100 ekor unta kepada sesiapa yang berjaya memberi maklumat sehingga tertangkapnya Nabi Muhammad SAW sama ada hidup ataupun mati.

Bagi menjamin kejayaan Rasulullah SAW telah melakukan perancangan

Maksudnya:

*Apabila masuk ke Gua Thur, Allah SWT memerintah labah-labah supaya membuat sarang pada permukaan gua. Apabila Quraish melihat sarang labah-labah yang tidak terusik menunjukkan tiada manusia yang membolosinya.*

yang rapi dan teliti, bermula dengan peristiwa tempat tidur oleh Saidina Ali, persembunyian di gua Thur dan perjalanan ke Madinah. Ia dilakukan dengan perancangan penuh berhati-hati. Sewaktu berada di gua Thur ketika Umaiyyah Bin Khalaf bersama pahlawan Quraisy sampai di pintu gua dan Abu Bakar berada di dalam keadaan cemas, Rasulullah SAW menenangkannya dengan meletakkan pengharapan dan pergantungan kepada Allah SWT. Peristiwa ini dirakamkan oleh Allah SWT di dalam al-Quran, surah at-Taubah, ayat 40:

إِلَّا نَصْرُوهُ فَقَدْ نَصَرَ اللَّهُ  
إِذَا خَرَجَهُ الَّذِينَ كَفَرُوا ثَانِي  
أَثَيْنَ إِذْ هُمَافِ الْفَارِإِذ  
يَكُوُلُ لِصَحِيهِ لَا تَخْرُنَ  
إِنَّ اللَّهَ مَعَكُمْ

"Kalau kamu tidak menolongnya (nabi) maka sesungguhnya Allah SWT telahpun menolongnya, (iaitu) ketika kaum kafir (di Mekah) mengeluarkannya, ketika salah seorang dari dua (sahabat) semasa mereka berlindung di dalam gua. Ketika ia berkata kepada sahabatnya "Janganlah engkau berduka cita sesungguhnya Allah SWT bersama-sama kita."

Apabila masuk ke Gua Thur, Allah SWT memerintah labah-labah supaya membuat sarang pada permukaan gua. Apabila Quraisy melihat sarang labah-labah yang tidak terusik, mereka menyangka bahawa tiada manusia yang membolosinya.

Apabila Saidina Abu Bakar melihat Quraisy datang dia berkata:

*"Ya Rasulullah! Seandainya orang-orang Quraisy melihat ke bawah nescaya mereka akan nampak kita.*

Sebaik sahaja sampai di Yathrib yang kemudiannya dikenali sebagai Madinah, kaum Muhajirin telah dipersaudarakkan dengan golongan Ansar. Skop persaudaraan tidak lagi bernaung di bawah lingkaran keturunan dan perkahwinan sebagaimana yang menjadi kebiasaan masyarakat Arab Jahiliyyah sebaliknya ia menjadi semakin meluas kerana persaudaraan ditunjangi oleh ketauhidan kepada Allah SWT. Golongan Muhajirin telah dipersaudarakkan dengan golongan Ansar. Golongan pendatang yang hanya sehelai

sepenggang, telah dipersaudarakkan dengan golongan Aus dan Khazraj yang pada masa itu menjadi komuniti utama di Madinah.

Di dalam satu segi, persaudaraan ini meringankan bebanan yang ditanggung oleh golongan Muhajirin dan di dalam satu sudut yang lain ia merupakan peluang untuk mereka pergi lebih jauh di dalam apa juar bidang yang diceburi termasuklah di dalam bidang perniagaan. Sekiranya sebelum ini ekonomi di kota Madinah di monopoli oleh kaum Yahudi, apabila golongan Muhajirin melibatkan diri di dalam bidang perniagaan, monopolii ini telah berjaya ditembusi. Antara sahabat yang telah berusaha menerobos monopolii ini ialah Abdul Rahman Bin Auf, Uthman Bin Affan dan lain-lain lagi.

Apabila wujudnya persaudaraan antara golongan Muhajirin dengan golongan Ansar yang terdiri daripada kaum Aus dan Khazraj, umat Islam menjadi semakin kuat. Kekuatan mereka bukan sahaja di dalam perspektif ketenteraan malahan kesatuan umat. Maruah umat Islam tidak lagi diperlekehkan dan umat Islam terus berani mempertahankan diri sekiranya mereka diancam. Di dalam konteks perniagaan pula, umat Islam mula melibatkan diri di dalam perdagangan bukan sahaja di sekitar Madinah malahan sehingga ke Mesir dan Syam.

Sebelum Rasulullah SAW berhijrah ke kota Madinah, orang-orang Yahudi telah memonopoli perdagangan yang ada di kota Madinah. Apabila golongan Muhajirin berhijrah daripada

Mekah ke Madinah, mereka turut membawa kemahiran berniaga yang sememangnya menjadi kemahiran Arab Quraisy dan suku-suku lain yang berada di sekitar kota Mekah. Kemahiran ini kurang dimiliki oleh kaum Aus dan Khazraj kerana mereka lebih cenderung kepada aktiviti pertanian.

Hijrah perlu dihayati agar ia tidak tinggal sekadar cerita. Tanpa penghayatan, Hijrah tidak bermakna dan mungkin nama-nama tokoh yang membela Islam akan tinggal sebagai lagenda. Hijrah menandakan detik perubahan daripada kemiskinan kepada keadaan yang lebih baik. Secara umumnya terdapat tiga musuh Islam. Pertama, kejahilan iaitu tiada ilmu, kedua, miskin dan ketiga, berpenyakit atau di dalam ertikata yang lain tidak sihat.

*Kejahilan ilmu menjadikan umat Islam ketinggalan dan terperangkap. Untuk mengubah nasib manusia ia bergantung kepada manusia itu sendiri, kerana Allah SWT tidak akan merubah nasib sesuatu kaum melainkan mereka sendirilah berusaha merubah nasibnya.*

Kejahilan ilmu menjadikan umat Islam ketinggalan dan terperangkap. Untuk mengubah nasib manusia, ia bergantung kepada manusia itu sendiri, kerana Allah SWT tidak akan merubah nasib sesuatu kaum melainkan mereka sendirilah berusaha merubah nasibnya. Allah SWT berfirman di dalam al-Quran surah ar-Ra'du ayat 11:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا  
مَا بِأَنفُسِهِمْ

Maksudnya:

*"Sesungguhnya Allah SWT tidak akan mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri."*

Allah SWT menyebut perkataan *bi qaumin* kerana perubahan itu tidak boleh dilakukan di dalam bentuk individu. Ia hendaklah dilakukan di dalam bentuk yang ramai barulah keberkesanannya terserlah. Perubahan juga tidak bermakna sekiranya tidak dilibatkan orang lain.

Kemiskinan merupakan musuh Islam. Adalah suatu salah faham sekiranya ada pendapat yang melihat kemewahan sebagai halangan atau perkara yang mendatangkan dosa. Penghijrahan telah berjaya menyingkap tabir dan membawa pembaharuan perspektif ekonomi. Kekuatan ekonomi merupakan jaminan kepada martabat sesuatu bangsa. Seandainya ekonomi lemah, bukan sahaja diri diperlekehkan

malahan maruah negara akan turut dipersendakan. Lihat sahaja apa yang berlaku sekarang ini, kerana kerapuhan sistem ekonomi, umat Islam begitu terpinggir dan dipandang rendah. Umat Islam menjadi lemah dan sering meminta-meminta daripada negara luar apabila ditimpa musibah.

Di zaman awal penghijrahan Rasulullah SAW terdapat cadangan daripada sahabat supaya umat Islam mewujudkan pasar mereka sendiri supaya terasing daripada masyarakat Yahudi. Cadangan ini tidak dipersetujui oleh Baginda SAW.

*Di dalam apa jua bidang yang diceburi, Islam menekankan nilai-nilai murni sebagai contoh yang dapat dijadikan teladan. Akhlak yang ada pada diri Rasulullah SAW merupakan contoh yang terbaik.*

Sebaliknya umat Islam disuruh supaya bercampur dan bersaing dengan mereka.

Banyak pengajaran yang dapat diambil daripada peristiwa ini, antaranya perniagaan merupakan salah satu wadah untuk berdakwah dan umat Islam tidak boleh mengasingkan diri daripada orang

ramai sebaliknya mereka perlu bercampur gaul. Islam bukannya bererti pengasingan kerana ia akan menjadikan umat Islam bukan sahaja terbatas malahan tidak menguntungkan di dalam konteks perniagaan.

Di dalam sistem pengurusan moden, pengasingan merupakan sesuatu yang tidak menguntungkan bukan sahaja kepada individu malahan kepada masyarakat dan juga negara. Negara yang mengamalkan dasar pemencilan diri seperti Burma dan Korea Utara ternyata mempunyai pembangunan yang amat terbatas dan mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi.

Di dalam apa jua bidang yang diceburi, Islam menekankan nilai-nilai murni sebagai contoh yang dapat dijadikan teladan. Akhlak yang ada pada diri Rasulullah SAW merupakan contoh yang terbaik. Firman Allah SWT di dalam surah al-Anbiya' ayat 107:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Maksudnya:

"Tidaklah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad SAW), melainkan untuk memberi rahmat kepada sekelian alam."

Berdasarkan kepada ayat ini, Allah SWT menjelaskan bahawa Rasulullah SAW diutuskan untuk memberi rahmat kepada semua makhluk di atas muka bumi dan tidak terbatas kepada

*Di dalam menjelaki sunnah tidak semua perkara yang dilakukan oleh Rasulullah SAW boleh dilakukan oleh manusia biasa. Para nabi dan rasul merupakan makhluk pilihan dan mereka juga diberikan beberapa keistimewaan yang khusus untuk mereka sahaja.*

makhluk manusia sahaja. Manusia selaku makhluk pilihan dan juga sebagai khalifah di atas muka bumi sepatutnya memperlihatkan akhlak yang baik sejajar fungsi manusia sebagai khalifah di atas muka bumi.

Namun di dalam menjelaki sunnah tidak semua perkara yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dapat dilakukan oleh manusia biasa. Para nabi dan rasul merupakan makhluk pilihan dan mereka juga diberikan beberapa keistimewaan yang khusus untuk mereka sahaja.

Terdapat satu kisah di kalangan sahabat yang pergi ke rumah Nabi SAW dan bertanyakan tentang ibadat Baginda SAW dan apabila dijelaskan oleh Aisyah RA, sahabat-sahabat ini merasakan amalan mereka terlalu jauh berbanding dengan amalan yang

dilakukan oleh Rasulullah SAW. Sehingga ada di kalangan mereka yang berkata dia tidak akan tidur sepanjang malam, ada yang berkata dia akan berpuasa sepanjang masa dan ada yang berkata dia tidak akan berkahwin kerana ingin menumpukan diri kepada beribadat. Rasulullah SAW kemudiannya menjelaskan kepada sahabat-sahabat tersebut bahawa, Baginda SAW merupakan orang yang paling bertaqwa kepada Allah SWT, namun baginda bangkit *qiamullail* dan tidur, Baginda SAW berpuasa dan berbuka serta Baginda juga berkahwin.

Norma mulia yang terkandung di dalam ajaran Islam bukan hanya di dalam aspek-aspek ibadat sahaja tetapi ia bersifat sejagat. Inilah ketepatan Islam sebagai agama fitrah.

Manusia hendaklah berwaspada terhadap empat perkara dan mereka tidak akan berganjak di hadapan Allah SWT kecuali mereka di tanya empat perkara sebagaimana Sabda Rasulullah SAW:

لَا تَرُوْلُ قَدَمًا عَبْدٍ حَتَّىٰ  
يُسْأَلُ عَنْ عُمْرِهِ فِيمَ أَفْنَاهُ

وَعَنْ عِلْمِهِ فِيمَ فَعَلَ فِيهِ  
وَعَنْ مَالِهِ مِنْ أَيْنَ  
اَكْتَسَبَهُ وَفِيمَ أَنْفَقَهُ وَعَنْ  
جِنْسِهِ فِيمَ أَبْلَاهَ

Maksudnya:

"Kedua-dua kaki anak Adam tidak dapat bergerak (di padang Mahsyar pada hari kiamat nanti) sehingga dia ditanya tentang umurnya ke mana ia telah dilahirkan, tentang ilmu sejauh mana ia sudah mengamalkannya, tentang harta kekayaan iaitu dari mana ia perolehi dan ke mana ia digunakan dan tentang dirinya ke mana ia telah pergunakannya."

(Hadis Riwayat Tirmizi)

Di dalam meneruskan hidup, manusia mesti mempunyai cita-cita. Ia penting sebagai penerusan konsep manusia sebagai khalifah di atas muka bumi. Oleh itu, manusia hendaklah melakukan hijrah ke arah situasi yang lebih baik.

# MENSYUKURI NIKMAT ALLAH SUATU TUNTUTAN kepada PENIAGA MUSLIM

Oleh

Ustaz Hj. Morsid Bin Hj. Mahrof  
B.A., (Syariah) (Al-Azhar), Dip. (U.I.A),  
Penolong Pengarah,  
Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Johor



aksud syukur atau bersyukur yang ditakrifkan oleh para ulamak *tasawuf* ialah mengakui nikmat kurniaan yang telah diberikan oleh Allah SWT sama ada harta kekayaan atau sebagainya dengan cara khusyuk dan tawaduk, walau dalam apa bentuk sekalipun.

Namun, terdapat segelintir manusia yang jarang mahu mengakui nikmat kurniaan Allah SWT dan oleh sebab itu apabila sesuatu kurniaan itu diambil balik oleh Allah SWT, manusia itu akan terus meratap, menangis dan menyalahkan sesama manusia dan kadang kala menyalahkan Allah SWT.

Terdapat pelbagai cara untuk mensyukuri nikmat Allah SWT seperti memuji serta menyebut *alhamdulillah* dan juga dengan menggunakan nikmat yang telah Allah SWT kurniakan itu bukan setakat kepada benda atau perkara wajib tetapi juga kepada perkara yang sunat.

*Mensyukuri nikmat Allah SWT  
ialah dengan mengetahui,  
meyakini dan  
memakrifatkannya bahawa  
segala sesuatu yang ada yang  
berupa segala jenis nikmat sama  
ada yang berbentuk lahiriah  
ataupun batiniah, kesemuanya  
adalah kurniaan dari Allah  
SWT. Begitu juga dengan  
nikmat ilmu yang Allah SWT  
kurniakan, khususnya kepada  
para peniaga dan ahli korporat,  
hendaklah menggunakan ilmu  
itu untuk kebaikan ummah  
keseluruhannya.*

Malaikat Izrail telah ditanya oleh Allah SWT:

*"Ya Izrail! adakah engkau mengambil akan seorang suami, ketika isterinya sedang menyayanginya dan meratap menangis akan pemergiannya." Lalu jawab Malaikat Izrail, "Ya, aku ambil." Ditanya lagi, "Adakah engkau mengambil ayah kepada anak-anak yang masih kecil dan masih memerlukan kasih sayang?, Maka jawab Malaikat Izrail, "Ya, aku ambil." Akhirnya Izrail ditanya oleh Allah SWT: "Bagaimana keadaan orang yang kau ambil itu?" Jawab Malaikat Izrail, "Ada di antara hamba Mu ya Allah, ketika ku ambil mereka menyatakan alhamdulillah dan menjawab innalillah, mereka*

*tersebut adalah di dalam golongan yang bersyukur kerana mengiktiraf nikmat Mu."*

Rasulullah SAW pernah ditanya oleh isterinya:

*"Ya Rasulullah! Kenapa tuan tinggalkan tempat tidur, lalu mengerjakan sembahyang sehingga-lah Bilal bin Rabah datang, barulah tuan berhenti sembahyang?" Jawab Rasulullah SAW: "Ya Aisyah! Aku tinggalkan engkau daripada tempat tidur supaya aku menjadi hamba yang bersyukur.*

Jelas kepada manusia bahawa walaupun Saidatina Aisyah itu merupakan isteri yang masih muda, Rasulullah SAW sanggup meninggalkannya di tempat tidurnya, semata-mata bagi membolehkannya beribadat dan bersyukur kepada Allah SWT.

Selain itu, jika Allah SWT mengurniakan nikmat kepada umat Nya, jangan pula sampai lupa kepada tugas dan tanggungjawab asal manusia, iaitu sama ada tanggung-jawab kepada Allah SWT, tanggung-jawab kepada masyarakat, tanggung-jawab kepada keluarga, ibu bapa dan sebagainya.

Pernah diriwayatkan di dalam sebuah hadis di mana Rasulullah SAW telah menyatakan bahawa mensyukuri nikmat makan dan minum ialah makan sehingga habis makanan yang dihidang dan jangan sekali-kali ditinggalkan sedikitpun kerana seseorang itu tidak tahu di mana keberkatan makanan itu berada.



*Doa adalah senjata mukmin dan perlu diiringi dengan usaha gigih*

Justeru, di antara lain, perkara yang perlu diambil kira dalam mensyukuri nikmat Allah SWT ialah dengan mengetahui, menyakini dan memakarifatkan bahawa segala sesuatu yang ada yang berupa segala jenis nikmat sama ada yang berbentuk lahiriah ataupun batiniah, kesemuanya adalah kurniaan dari Allah SWT.

Begitu juga dengan nikmat ilmu yang Allah SWT kurniakan, khususnya kepada para peniaga dan ahli korporat, hendaklah menggunakan ilmu itu untuk kebaikan ummah keseluruhannya. Di Barat misalnya, terdapat sesetengah pihak yang menggunakan ilmu untuk membina sakan manusia seperti melalui penciptaan dan penggunaan senjata berbahaya dan sebagainya. Ini boleh diklasifikasikan sebagai tidak mensyukuri nikmat Allah SWT.

Allah SWT telah berfirman dalam surah Ibrahim, ayat 7:

وَإِذَا تَذَادَتْ رِبْكُمْ لِنَ شَكَرْتُمْ  
لَا زَيْدَكُمْ وَلَنِ كَفَرْتُمْ إِنَّ  
عَذَابِي لَشَدِيدٌ

Maksudnya:

*"Dan ingatlah ketika Tuhan kamu memberitahu: Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambah nikmat Ku kepada kamu, dan demi sesungguhnya jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azab Ku amatlah berat."*

Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud di antara ciri-ciri manusia yang bersyukur ini ada tiga

perkara yang disebut oleh Allah SWT. Pertamanya, jika dia memperolehi sesuatu dia akan bersyukur kepada Nya, kemudian kalau sesuatu perkara yang dia ada itu diambil oleh Allah SWT, dia bersabar dan jikalau dia melakukan kesalahan, dia akan beristighfar kepada Allah SWT.

Ciri-ciri tersebut telah dijelaskan oleh Allah SWT dalam firman Nya di dalam surah al-An'am, ayat 82:

الَّذِينَ آمَنُوا وَلَمْ يُلْسِوْا إِيمَانَهُمْ  
بِظُلْمٍ أُولَئِكَ لَهُمُ الْأَمْنُ وَهُمْ  
مُهْتَدُونَ ﴿٨٢﴾

Maksudnya:

"Orang yang beriman dan tidak mencampur adukkan iman mereka dengan kezaliman (syirik) mereka itulah yang mendapat keampunan dan merekaalah orang yang mendapat hidayah pertunjuk."

Di dalam sebuah hadis yang lain Rasulullah SAW telah bersabda:

*Mensyukuri yang sedikit akan dapat menarik yang banyak, sementara tidak mensyukuri nikmat yang sedikit akan menolak yang banyak, misalnya di dalam memperolehi sesuatu keuntungan di dalam menjalankan perniagaan.*

كَلِمَاتَنِ عَلَى الْلِسَانِ  
تَقِيلَاتَنِ فِي الْمِيزَانِ حَبِيبَاتَنِ  
إِلَى الرَّحْمَنِ سُبْحَانَ اللَّهِ  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ

Maksudnya:

"Dua kalimah sukar pada sebutan, berat pada timbangan tetapi disukai oleh Allah SWT iaitu Subhanallah dan Alhamdulillah."

(Hadis Riwayat Muslim)

Suatu pesanan daripada orang bijak pandai agama berbunyi "dunia dicari dan jangan dikejar." Mencari keduniaan adalah wajib sepetimana firman Allah SWT dalam surah al-Jumuah, ayat 10:

فَإِذَا قُضِيَتِ الْأَصْلَوَةُ فَأَنْتَشِرُ وَأَفِي  
الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَلَا كُنُوا  
اللَّهَ كَيْرًا لَعَلَّكُمْ فُلِحُونَ ﴿١٠﴾

Maksudnya:

"Kemudian setelah selesai sembahyang maka bertebarlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati daripada limpah kurnia Allah SWT, serta ingatlah kepadaNya banyak-banyak (di dalam segala keadaan) supaya kamu berjaya (di dunia dan akhirat)."

Dalam sebuah hadis yang lain Rasulullah SAW telah bersabda:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُرِضِيُّ عَنِ الْعَبْدِ  
يَا كُلُّ أَكْلَةٍ فِي حَمْدَهُ عَلَيْهَا  
وَيَشْرَبُ الشُّرْبَةَ فِي حَمْدَهُ  
عَلَيْهَا

Maksudnya:

"Allah SWT redha hamba Nya yang makan satu suap makanan dan minum satu minuman atau seteguk air kemudian memuji kepada Allah SWT."

(Hadis Riwayat Muslim)

Biasanya terdapat segelintir manusia yang tidak mensyukuri sesuatu nikmat yang Allah SWT

berikan secara sedikit, berbanding dengan nikmat tersebut diberikan atas kadar yang banyak. Sehubungan itu, mensyukuri yang sedikit akan dapat menarik yang banyak, sementara tidak mensyukuri nikmat yang sedikit akan menolak yang banyak, misalnya di dalam memperolehi sesuatu keuntungan di dalam menjalankan perniagaan.

Selain itu, di antara panduan yang paling mudah untuk mensyukuri nikmat Allah SWT adalah sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

أَنْظُرُوا إِلَى مَنْ هُوَ أَسْفَلُ  
مِنْكُمْ وَلَا تَنْظُرُوا إِلَى مَنْ  
هُوَ فَوْقُكُمْ



Allah SWT memberi rezeki kepada hamba Nya yang berusaha bersungguh-sungguh

*Bagi manusia yang berfikir, mereka merasakan bahawa nikmat yang Allah SWT kurniakan adalah terlalu banyak dan melimpah ruah. Seharusnya manusia bersyukur di atas nikmat yang dikurniakan kepada mereka.*

Maksudnya:

*"Lihatlah orang yang berada di bawah, jangan dilihat orang yang lebih tinggi dari kamu."*

(Hadis Riwayat Muslim)

Banyak contoh dan perbandingan yang boleh ditemui berhubung dengan perkara ini seperti nikmat dikurniakan harta kekayaan atau sebagainya. Justeru, janganlah membanding-bandinkan keupayaan antara sesama manusia.

Apabila direnung, setiap manusia mempunyai kekurangan dan ke-

lebihannya sendiri. Apabila dilihat ke bawah, jelas bahawa nikmat yang ada itu adalah lebih baik dari nikmat yang ada pada mereka dan apabila melihat mereka yang lebih tinggi, nescaya seseorang akan merasa bahawa nikmat yang diperolehi masih lagi belum mencukupi. Bagi manusia yang berfikir, mereka merasakan bahawa nikmat yang Allah kurniakan adalah terlalu banyak dan melimpah ruah. Seharusnya manusia bersyukur di atas nikmat yang dikurniakan kepada mereka. Gambaran ini diungkap oleh Allah SWT sebagaimana firman Nya di dalam surah an-Nahl, ayat 18:

وَإِن تَعْدُ أَنْعَمَةَ اللَّهِ لَا تُخْصُوهَا  
إِنَّ اللَّهَ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ

Maksudnya:

*"Dan jika kamu menghitung nikmat Allah SWT (yang dilimpahkan kepada kamu) tidaklah kamu akan dapat menghitungnya satu persatu, sesungguhnya Allah SWT Amat Pengampun lagi Amat Mengasihi."*

Bagi hamba yang taat kepada tuhannya, mereka tidak akan menghitung nikmat yang dikurniakan, sebaliknya mereka akan sentiasa mensyukurinya.

# BEBERAPA PESANAN PENTING KEPADA PENIAGA MUSLIM

Oleh

Ustaz Abd. Haris Bin Bain  
B.A, (Usuluddin), (Al Azhar), M. Ed. (Bimbangan & Kaunseling) (UTM)  
Penasyarah Universiti Teknologi Malaysia



etiap kerja yang baik akan diberi balasan yang baik. Begitu juga dengan perbuatan yang buruk, Allah SWT akan memberikan balasan yang buruk sama ada di dalam bentuk azab di dunia ataupun di akhirat. Pekerjaan merupakan suatu ibadat, inilah pendekatan Islam di dalam menzahirkannya sebagai suatu perbuatan yang menghampirkan manusia kepada keimanan dan keihsanan. Di dalam ruang pekerjaan, manusia tidak boleh menumpukan pada satu bidang pekerjaan sahaja kerana ia akan mendatangkan implikasi yang buruk kepada ketamadunan manusia. Setiap pekerjaan yang dilakukan oleh manusia yang waras semestinya inginkan pulangan dan pulangan itu tidak bermakna sekiranya ia tidak mendapat keberkatan daripada Allah SWT.

Antara bidang yang sering diceburi oleh manusia ialah bidang perniagaan. Allah SWT telah memberitahu hamba Nya di dalam al-Quran bahawa orang-orang yang menceburi bidang perniagaan akan



memperolehi keuntungan dan ganjaran yang besar sebagaimana firman Nya di dalam surah as-Shaf, ayat 10 dan 11:

بِأَنَّهُمْ أَمْوَالُهُمْ أَذْلَكُمْ عَلَىٰ تَحْزِفَ  
شُجُّوكُمْ مِّنْ عَذَابِ أَللّٰهِ تَوْمُونُ بِإِيمَانِهِ  
وَرَسُولِهِ وَجِهَدُهُمْ فِي سَبِيلِ اللّٰهِ يَأْمُوْلُهُمْ  
وَأَنْفَسِكُمْ ذَلِكُمْ حِزْبُ الْكُفَّارِ كُمْ نَعْلَمُونَ ﴿١٠﴾

Maksudnya:

"Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu Aku tunjukkan satu perniagaan yang akan menyelamatkan kamu daripada azab yang pedih, iaitu kamu beriman kepada Allah SWT dan Rasul Nya, serta kamu berjuang dalam membela dan menegakkan agama Allah SWT dengan harta benda dan diri kamu, yang demikian itulah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu hendak mengetahui (hakikat yang sebenarnya)."

*Setiap kejayaan semestinya ada petua, begitu juga dengan perniagaan. Pesanan kepada peniaga Muslim akan mengingatkan mereka bahawa perniagaan merupakan satu jihad dan suatu ibadat.*

Dengan menceburि bidang perniagaan, akan menyelamatkan diri mereka daripada azab yang amat pedih di akhirat kelak. Itulah faedah atau keuntungan yang mereka akan perolehi daripada perniagaan. Untuk mendapatkan keuntungan yang besar dan terselamat daripada azab yang pedih, mereka (golongan peniaga) hendaklah beriman kepada Allah SWT dan Rasul Nya serta berjihad pada jalan Nya dengan harta benda dan jiwa mereka. Sesungguhnya inilah yang paling baik dilakukan.

Beriman kepada Allah SWT merupakan kunci kejayaan. Ia menjadi asas yang menunjangi kejayaan seseorang sama ada di dunia mahupun di akhirat. Tanpa iman, jihad tidak akan wujud. Apa yang terpalit hanyalah perbuatan yang dilandaskan kepada kepuasan nafsu, bukannya perbuatan yang mencecah tahap ibadat. Sekiranya seseorang itu beriman kepada Allah SWT dan Rasul Nya, itu adalah yang terbaik meskipun manifestasi kerja sebagai ibadat melangkaui aspek yang menyeluruh dan bukan sekadar berbentuk teori semata-mata malahan ia seharusnya berbentuk praktikal. Ada iman, ada ilmu tetapi tiada amal ia juga tidak bererti. Gabungan ketiga perkara ini amat dititikberatkan oleh Islam kerana ia merupakan sumber kekuatan Islam.

Implementasi ketiga-tiga unsur ini menjadikan umat Islam mampan, berkualiti dan tidak mudah tercemar dengan anasir-anasir negatif kerana mempunyai jatidiri sebagai umat pilihan. Kekuatan ini seandainya diterapkan di dalam lapangan



Perniagaan daging halal merupakan tuntutan fardu kifayah dan perlu diperluaskan.

kehidupan akan menjamin kejayaan bukan sahaja kegembiran duniawi malahan keberuntungan di hari akhirat kelak. Perniagaan merupakan salah satu aktiviti yang bukan sahaja diberi keutamaan oleh segenap lapisan masyarakat tetapi adalah aktiviti utama yang terus menjana keperluan umat manusia.

Setiap kejayaan semestinya ada petua, begitu juga dengan perniagaan. Pesanan kepada peniaga Muslim akan mengingatkan mereka bahawa perniagaan merupakan satu jihad dan suatu ibadat.

Antara beberapa pesanan penting kepada peniaga Muslim ialah bersifat ikhlas. Keikhlasan merupakan elemen bersifat dalaman dan ia berpunca daripada hati. Neraca keikhlasan adalah hati dan penentunya adalah

waktu. Sifat keikhlasan hendaklah ditingkatkan dari masa ke semasa supaya ia terus subur dan menyingsirkan segala macam sifat *mazmumah* yang merangkumi hasad dengki, ujub, bohong, tamak dan sebagainya.

Dengan keikhlasan, peniaga Muslim bukan sahaja mendapat tempat di sisi manusia malahan mereka akan mendapat tempat yang tinggi di sisi Allah SWT. Perniagaan yang dijalankan bukan dinisbahkan kepada keuntungan semata-mata tetapi ia menitikberatkan kerja sebagai satu saluran untuk beribadat. Apabila keikhlasan wujud di dalam diri, matlamat perbuatan adalah kerana Allah SWT. Di dalam tasawuf, ahli sufi meletakkan ikhlas sebagai salah satu *maqam tasawuf*.

Justeru, seandainya para peniaga Muslim menghayati kepentingan keikhlasan di dalam diri, mereka akan bersungguh-sungguh, ikhlas dan jujur melakukan apa jua perbuatan termasuklah di dalam bidang perniagaan kerana mengharapkan keredhaan Allah SWT. Apabila mereka mengharapkan keredhaan Ilahi, nikmat yang dikurniakan Nya bukannya untuk berbangga atau bermegah. Ia sebenarnya ujian untuk menguji keimanan peniaga Muslim.

*Peniaga Muslim, walaupun zahirnya mungkin nampak alim ataupun banyak membelanjakan harta sedangkan diri sendiri bergelumang dengan maksiat, pasti akan mendapat siksaan daripada Allah SWT.*

Pesanannya seterusnya kepada peniaga Muslim, setiap keuntungan yang diperolehi perlu dimakmurkan atau di dalam erti kata lain harta kekayaan yang diperolehi tidak hanya untuk berbangga-bangga sebaliknya ia digunakan untuk disalurkan kepada golongan yang memerlukan atau golongan tidak bernasib baik. Islam sebagai agama yang lengkap telah mewajibkan ibadat zakat sebagai salah satu saluran perkongsian harta antara golongan kaya dan miskin. Harta yang dimiliki bukannya milik individu

ataupun golongan tertentu. Lantaran itu Islam mewajibkan zakat sebagai salah satu rukun Islam supaya kekayaan tidak hanya berlegar pada satu golongan sahaja. Tidak ada cara yang terbaik dalam kehidupan kecuali membuat kebaikan mengikut syariat Islam. Di dalam satu peristiwa seorang sahabat yang mati syahid di dalam suatu peperangan pada hakikatnya akan masuk syurga. Namun demikian Rasulullah SAW bersabda bahawa sahabat ini akan dimasukkan ke dalam neraka kerana dia telah mencuri barang-barang rampasan peperangan yang belum dibahagi-bahagikan. Baginda juga tidak dapat memberi syufaat kepadanya kerana sahabat tersebut tidak jujur. Ini kerana walaupun dia telah memberikan sumbangan yang baik, tetapi oleh kerana perbuatan mencuri, dia tidak mudah untuk dapat masuk ke syurga.

Kisah ini memberikan pengajaran walaupun sahabat itu gugur di medan perang tetapi dia tidak dapat masuk ke syurga kerana telah melakukan pembelotan kepada agama iaitu mencuri harta rampasan perang sedangkan sahabat yang lain yang gugur dianggap syahid dan mendapat kedudukan mulia di sisi Allah SWT. Begitu juga dengan peniaga Muslim, walaupun zahirnya mungkin nampak alim atau banyak membelanjakan harta sedangkan diri sendiri bergelumang dengan maksiat, pasti akan mendapat siksaan daripada Allah SWT.

Kebaikan yang dilakukan kerana Allah SWT, merupakan suatu pelaburan di akhirat kelak. Melakukan

sedekah jariah bukanlah bermakna membelanjakan keseluruhan harta. Sedikit tetapi ikhlas lebih bermakna daripada banyak tetapi riak dan takabur. Sifat riak dan takabur ini seumpama api di dalam sekam yang akan memusnahkan sedikit demi sedikit amalan yang dilakukan. Kerana kesan buruknya, Rasulullah SAW mengkategorikan riak sebagai syirik kecil.

Keberkatan merupakan suatu kelebihan yang ada antara orang Islam kerana ia merupakan anugerah daripada Allah SWT di atas usaha yang dilakukan oleh hamba Nya. Ke wujudan unsur berkat ini akan menjadikan apa jua yang dimiliki sentiasa makmur dan bukannya semakin berkurang. Keberkatan di dalam Islam bukan hanya pertambahan di dalam kategori harta benda sahaja malahan di dalam segenap aspek kehidupan termasuklah keluarga yang dimiliki.

*Manusia dicipta untuk menjunjung satu tugas yang amat berat iaitu sebagai khalifah di atas muka bumi dan pada masa yang sama menyumbang kepada kemakmuran muka bumi dan bukannya menjadi parasit yang membunuh kemakmuran alam ini.*

Kerana kesibukan, terdapat se gelintir peniaga Muslim yang mengeneplikan kepentingan keluarga sehingga tidak mempunyai masa yang terluang untuk bersama keluarga. Bahkan ada yang sanggup menggantikan kasih sayang dengan habuan yang berbentuk kebendaan. Ini merupakan suatu kesalahan yang menjadi punca timbulnya gejala keruntuhan institusi keluarga pada hari ini. Ia juga menyumbang kepada gejala keruntuhan moral. Apa guna kemewahan yang melimpah ruah seandainya suami, isteri dan anak hidup terbiar.

Tanpa keberkatan, apa sahaja yang dimiliki tidak akan ke mana. Bahkan ia akan beransur-ansur hilang. Dengan keberkatan, walau sebanyak mana harta benda yang dimiliki, ia akan menjadikan seseorang lebih menyedari siapa dirinya yang sebenar di atas muka bumi ini. Manusia dicipta untuk menjunjung satu tugas yang amat berat iaitu sebagai khalifah dan pada masa yang sama menyumbang kepada kemakmuran muka bumi dan bukannya menjadi parasit yang membunuh kemakmuran alam ini.

Harta dan kedudukan merupakan penyakit keduniaan yang sering menjadikan manusia lupa peranan dan kedudukan mereka di sisi Allah SWT. Harta yang dimiliki sekiranya tidak di manfaatkan *fi sabillah* akan menjadi benteng yang akan menghalang hubungan Khalik dengan makhluk. Sejarah juga telah membuktikan betapa kemewahan merupakan suatu penyakit yang membuatkan manusia lahir sebagaimana firman Nya di

dalam surah an-Nisa', ayat 29:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا  
أَمْوَالَكُمْ بَيْنَ كُمْ بِالْبَطْلِ إِلَّا أَنْ  
تَكُونَ تِحْكِرَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ  
وَلَا نَقْتُلُ أَنفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ  
بِكُمْ رَّحِيمًا ﴿٢٩﴾

Maksudnya:

"Wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu di antara kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan (jalan) perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu. Dan janganlah kamu berbunuh-bunuh sesama sendiri, sesungguhnya Allah SWT sentiasa mengasihani kamu."

Kedudukan pula menjadikan manusia terpesona seolah-olah mereka begitu berkuasa di dunia. Kesenangan dan kemewahan seringkali menjadikan manusia membatasi darjat mereka yang sebenarnya di sisi Tuhan. Bahkan sifat manusia yang lupa diri dan bongkok ini pernah diungkapkan oleh Allah SWT di dalam al-Quran. Apa yang berlaku kepada Qarun merupakan pengajaran supaya jangan terlalu bermegah dengan kedudukan dunia kerana ia hanya bersifat sementara. Firman Allah SWT di dalam surah Yunus, ayat 88:

وَقَالَكَ مُوسَى رَبِّنَا إِنَّكَ مَاتَتْ  
فِرْعَوْنُ وَمَلَأَدَرِيْنَهُ وَأَنْوَلَا  
فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا رَبَّالصُّلُوْأَعْنَ  
سِبِيلِكَ رَبَّالاطِّمِسِ عَلَى أَمْوَالِهِ  
وَأَشَدَّدَ عَلَى قُلُوبِهِمْ فَلَا يُؤْمِنُوا حَتَّى  
يَرُوُ الْعَذَابَ الْأَلِيمَ ﴿٨٨﴾



Amalan berpuasa membentuk iman serta keperibadian yang teguh.

Maksudnya:

*"Dan Nabi Musa AS pula (merayu dengan) berkata: "Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau telah memberikan kepada Firaun dan ketua-ketua kaumnya barang-barang perhiasan dan harta benda yang mewah dalam kehidupan dunia ini. Wahai Tuhan kami! (Kemewahan yang engkau berikan kepada mereka) akibatnya menyesatkan mereka dari jalanmu (disebabkan kekufturan mereka). Wahai Tuhan kami! Binaskanlah harta benda mereka dan metrikankahati mereka, mereka tidak akan beriman sehingga mereka melihat azab yang tidak terperisakitnya."*

Untuk menjadi peniaga Muslim sejati, para peniaga Muslim sepatutnya mempunyai jatidiri sebagai seorang hamba Allah SWT yang beriman dan bertaqwah kepadanya. Penghayatan ini akan menjadikan seseorang itu lebih bertaqwah, bertawadu' dan sentiasa mengingati Allah SWT sepanjang masa. Mereka sentiasa takutkan Allah SWT kerana dikhawatir rezeki yang diperolehi akan melekakan mereka. Di atas dasar inilah Abdul Rahman Bin Auf merupakan antara sahabat Baginda SAW yang banyak menangis di malam hari kerana dikhawatir harta yang dimiliki akan mengubah janji Rasulullah SAW bahawa beliau termasuk di kalangan sepuluh orang sahabat yang dijanjikan masuk syurga.

Di dalam sirah Rasulullah SAW banyak kisah yang diungkapkan tentang sahabat yang menginfaq harta

mereka di jalan Allah SWT. Amalan ini merupakan suatu kekuatan generasi awal Islam di dalam membentuk kesatuan ummah (*ummatan wahidah*). Rasa cinta kepada Allah SWT dan Rasul Nya menyebabkan para sahabat berebut-rebut untuk menyumbangkan harta. Di zaman Saidina Umar Bin Abdul Aziz, para amil terpaksa mengembara jauh semata-mata untuk mencari fakir miskin untuk diaghikhan duit zakat. Suasana ini lahir apabila masyarakat Islam mempunyai keprihatinan yang tinggi antara satu sama lain. Golongan kaya tidak lokek untuk memberi dan golongan miskin tidak mengemis untuk meminta-minta. Inilah fenomena yang wujud di zaman kegemilangan Islam.

Ahli perniagaan Islam di zaman kegemilangan Islam berjaya kerana mereka dikuatkan dengan dua aspek jatidiri iaitu kekuatan rohani dan juga jasmani. Ternyata semangat *mujahadah* yang ada pada diri mereka menjadikan mereka orang yang berani merentas lautan dan meredah apa jua cabaran. Berbekalkan semangat ini mereka bukan sahaja berjaya di dalam perniagaan malahan mereka juga

*Golongan kaya tidak lokek untuk memberi dan golongan miskin tidak mengemis untuk meminta-minta. Inilah fenomena yang wujud di zaman kegemilangan Islam.*

*Di dalam mengejar peluang perniagaan, para peniaga tidak sepatahnya mengenepikan kepentingan ummah semata-mata untuk mengejar keuntungan ataupun peluang perniagaan. Justeru untuk mengimbangi antara keperluan dan larangan, ahli perniagaan Islam perlu membekalkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan dan pemahaman hukum-hukum yang berkaitan dengan agama.*

Konsep dunia pada masa sekarang dan akan datang juga turut berubah. Dunia yang wujud adalah dunia tanpa sempadan dan segala urusan berjalan dengan pantas. Di dalam mengejar peluang perniagaan, para peniaga tidak sepatahnya mengenepikan kepentingan ummah semata-mata untuk mengejar keuntungan ataupun peluang perniagaan. Justeru untuk mengimbangi antara keperluan dan larangan, ahli perniagaan Islam perlu membekalkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan dan pemahaman hukum-hukum yang berkaitan dengan agama.

Perniagaan di dalam Islam merupakan bidang yang amat luas pengertiannya manakala konsep perniagaan konvensional merupakan aspek yang sentiasa berkembang. Bagi menghadapi situasi ini semua pihak daripada segenap lapisan masyarakat perlu memahami syariat Islam dengan lebih mendalam agar tidak terpesong dengan tuntutan nafsu.

berjaya mengembangkan syiar Islam di atas muka bumi ini. Mereka bukan sahaja pedagang dan usahawan malahan mereka juga adalah peneroka alam.

Di saat masyarakat Barat berada di dalam kegelapan, umat Islam telah berada di suatu tahap ketamadunan yang tinggi. Ketamadunan yang ditunjukkan dalam zaman kegembilan Islam sebahagiannya adalah sumbangan peniaga Islam. Banyak kawasan baru yang diteroka dan sesetengahnya menjadi pusat dakwah. Kesannya wujudlah kerajaan Islam di Melaka, Aceh, Patani, Sulu dan lain-lain lagi.

Usaha-usaha untuk mempertingkatkan ilmu-ilmu yang berkaitan "Fiqh Muamalat" perlu terus dikembangkan. Para peniaga Muslim perlu mengetahui dengan jelas panduan feqah Islam berhubung dengan *Fiqh Dharurat*, *Fiqh Maslahat*, *Fiqh Al Awlawiyat* dan *Fiqh Al Muwazanat* dan lain-lain lagi kaedah yang dibincangkan di dalam perbahasan *Qawaed Fiqhiyyah*.

# BEBERAPA PESANAN KEPADA PENIAGA MUSLIM

Oleh

Ustaz Abdul Rahman Rukaini

B.A, (Pengajian Islam) (UKM)

Pengarah Urusan,

Synergymate Sdn. Bhd.



i dalam kehidupan seharian, ingat mengingati merupakan akhlak yang mulia yang dapat menyedarkan seseorang daripada kelalaian dan seterusnya menghindarkan diri daripada melakukan kemungkaran. Begitu juga dengan perniagaan, kesibukan dan keghairahan mengejar keuntungan menyebabkan kadang-kadang seseorang itu terlupa tentang tanggungjawabnya yang sebenar. Perniagaan di dalam Islam bukannya perkara yang mendatangkan keburukan sebaliknya ia merupakan satu urusniaga yang memberikan pulangan keuntungan sama ada di dunia ataupun di akhirat sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah as-Shaf, ayat 10 - 11:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا هُنَّ أَكْفَارٌ عَلَىٰ مَا يَحْرُفُ  
شَيْجَكُمْ مِنْ عَدَابِ أَلِيمٍ ۝ نَوْمُنَّ بِاللَّهِ  
وَرَسُولِهِ وَبِجَهَدِهِنَّ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يَا أَمْوَالَكُمْ  
وَأَنَفْسِكُمْ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَمَّا إِنْ كُنْتُمْ تَقْعُدُونَ ۝

Maksudnya:

*"Wahai orang-orang yang beriman! mahukkah kamu Aku tunjukkan satu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya? Iaitu, kamu beriman kepada Allah SWT dan Rasul Nya, serta kamu berjuang dalam membela dan menegakkan agama Allah SWT dengan harta benda dan diri kamu; yang demikian itulah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu hendak mengetahui (hakikat yang sebenarnya)."*

Berdasarkan maksud ayat ini, Islam mementingkan etika di dalam apa jua perkara termasuklah di dalam perniagaan untuk menjamin kesinambungan kejayaan.

Ayat ini juga menyentuh tentang jihad. Di dalam Islam terdapat pelbagai jenis jihad sama ada jihad dengan nafsu, akal, tangan, usaha dan lain-lain lagi. Ia bergantung kepada kemampuan seseorang. Bagi ahli

*Di dalam mengejar kekayaan, ahli peniagaan Muslim mestilah sentiasa insaf dan menyedari bahawa harta yang diperolehi bukannya milik mutlak individu tetapi ia merupakan hak yang perlu dikongsi dengan orang lain.*

perniagaan mereka bolehlah menjadi perniagaan sebagai salah satu agenda di dalam jihad.

Semangat berjihad merupakan kekuatan dalam yang ada pada diri peniaga Muslim kerana itu, semakin lama terlibat di dalam dunia perniagaan, seseorang peniaga itu seharusnya semakin komited kepada agama Islam, kepada umat Islam dan umat manusia.

Di dalam mengejar kekayaan, ahli peniagaan Muslim mestilah sentiasa insaf dan menyedari bahawa harta yang diperolehi bukannya milik mutlak individu tetapi ia merupakan hak yang perlu dikongsi dengan orang lain.

Apabila mencebur dunia perniagaan adalah perlu diingat bahawa terdapat banyak pengaruh kebendaan dan pengaruh ini ada bermacam-macam. Firman Allah SWT di dalam surah al-Munafiqun, ayat 9:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمْنَوْا لَا تُنْهِكُوهُ كُمْ أَمْوَالُكُمْ  
وَلَا أَوْلَادُكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ  
وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ  
الْخَسِيرُونَ

Maksudnya:

*"Wahai orang yang beriman!, janganlah kamu dilalaikan oleh (urusan) harta benda dan anak pinak kamu daripada mengingati Allah*

*SWT (dengan menjalankan perintah Nya). Dan (ingatlah!) sesiapa yang melakukan demikian maka mereka itulah orang-orang yang rugi."*

Ayat di atas menyatakan bahawa manusia seringkali dilalaikan oleh harta. Dilalaikan di sini boleh dibahagi kepada dua kategori iaitu lalai sewaktu tiada harta dan juga lalai sewaktu memiliki harta. Sewaktu berharta manusia menjadi boros dan berbelanja dengan sesuka hati dan apabila berada di dalam keadaan yang sebaliknya, manusia berfikir bagaimakah cara untuk mendapatkan harta.

Perniagaan merupakan salah satu bidang yang bergantung kepada *vitaliti* harga. Oleh itu di dalam mengharungi ini semua para peniaga Islam sewajarnya mempertingkatkan amalan diri kepada Allah SWT sebagai suatu pendekatan untuk mempastikan perniagaan yang dijalankan tidak terdedah kepada risiko kerugian. Mengingati Allah SWT sama ada di dalam keadaan susah ataupun senang bukannya sesuatu yang merugikan. Ia akan memberikan pulangan sama ada di dalam bentuk material maupun spiritual.

Mengingati Allah SWT akan menjadikan ahli perniagaan Muslim lebih peka bahawa apa yang dimiliki merupakan amanah daripada Nya. Di dalam mengendalikan amanah ini manusia terdedah kepada ancaman nafsu yang bersifat tamak dan rakus sehingga manusia akan melakukan apa sahaja untuk memenuhiinya. Di

atas dasar inilah Rasulullah SAW tidak merasa bimbang sekiranya umatnya hidup susah, sebaliknya Baginda SAW lebih bimbang sekiranya umatnya hidup di dalam keadaan yang senang kerana mengetahui bahawa umatnya mudah dilalaikan dan dihancurkan oleh kesenangan.

Nafsu serta kecintaan kepada harta merupakan punca kerosakan kepada manusia. Sekiranya dilalaikan oleh harta, umat Islam akan mengalami kerugian. Di dalam apa jua perkara, iman merupakan tonggak segalagallanya. Orang yang beriman akan menjadikan perniagaan sebagai suatu jihad berbanding dengan mereka yang tidak beriman yang melihat perniagaan sebagai salah satu alternatif untuk mereka memuaskan nafsu. Keimanan yang diterapkan di dalam apa jua perkara termasuklah perniagaan akan menjadikan seseorang itu sukar untuk dilekakan sama ada dengan kesenangan ataupun dengan apa jua perkara yang melalaikan.

Ahli perniagaan yang beriman, bijak di dalam menguruskan dan membelanjakan harta (*infaq*) agar ia bukan sahaja mendapat keredhaan daripada Allah SWT malahan mendapat keberkatan daripada Nya. Al-Quran juga mengungkapkan tentang kelebihan memberi sumbangan *fi sabillillah*, sebagaimana Firman Nya di dalam surah al-Baqarah, ayat 261:

مَثُلُّ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلٍ  
اللَّهُ كَتَّلَ حَبَّةً أَنْبَتَ سَبْعَ سَابِيلًا



Bermuhasabah merupakan amalan yang dapat menghampirkan diri kepada Allah SWT

فِي كُلِّ سُبْلَةٍ مَا ثَمَّ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يَعْلَمُ  
لِمَن يَكْسِبُهُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِ

Maksudnya:

"Bandingan orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah SWT, samalah seperti satu biji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai, tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Sesungguhnya Allah SWT menggandakan lagi pahala bagi sesiapa yang dikehendakki Nya. Allah SWT amat luas (rahmat) kurnia Nya lagi meliputi ilmu pengetahuan."

*Infaq* atau sumbangan harta adalah penting dalam beberapa aspek iaitu untuk memenuhi keperluan, memberi kemudahan dan kesempurnaan. Di

dalam soal pengurusan harta dan perbelanjaan, Islam tidak ada peruntukan untuk perkara-perkara makruh dan haram apatah lagi perkara-perkara yang membawa kepada kekufturan. Di dalam Islam, harta yang dibelanjakan di jalan maksiat bukannya akan membawa pulangan sebaliknya ia akan menyumbang kepada kerugian dan yang lebih malang lagi apa yang dibelanjakan itu tidak dinilai oleh Allah SWT sebagai perkara yang menyumbang kepada pahala tetapi ia dikira sebagai dosa.

Seajar dengan fitrah manusia yang terdiri daripada dua unsur iaitu unsur rohani dan juga jasmani, kedua-dua unsur ini perlu diberi perhatian agar kehidupan yang dibentuk akan menjadi seimbang. Seandainya kehidupan ini terlalu memberatkan

aspek-aspek jasmani, manusia akan menjadikan kebendaan sebagai suatu kepuasan. Untuk mencapai kepuasan inilah manusia sering dilalaikan. Allah SWT mengingatkan umat manusia agar tidak leka dengan permainan ini sebagaimana firman Nya di dalam surah al-Hadid, ayat 20:

أَعْمَلُوا أَنَّمَا الْحَيَاةُ الَّذِيَا لَعْبٌ  
وَلَطْوُ وَرَبِّيَّةٌ وَنَفَارُخُ بَيْنَكُمْ وَتَكَارُ  
فِي الْأَمْوَالِ وَالْأَوْلَادِ

Maksudnya:

*"Ketahuilah bahawa (dikatakan) kehidupan dunia itu tidak lain melainkan (bawaan hidup yang berupa semata-mata) permainan dan hiburan (yang melalaikan) serta perhiasan (yang mengurang), juga (bawaan hidup yang bertujuan) bermegah-megah di antara kamu (dengan kelebihan, kekuatan dan bangsa keturunan) serta berlumba-lumba memperbanyakkan harta benda dan anak pinak."*

Apa yang berlaku sekarang ialah para peniaga Muslim seringkali gagal akibat terpedaya dengan harta yang dimiliki. Bagi para peniaga yang telah melakukan kecurangan dan kelalaian terhadap Allah SWT, mereka tidak akan terlepas daripada menerima balasan sama ada hukuman di dunia ataupun di hari akhirat kelak.

Perlu diingatkan bahawa mereka yang terlibat di dalam dunia perniagaan sebenarnya memegang

*Di dalam apa jua perkara, keupayaan yang dimiliki oleh manusia sebenarnya amat terbatas dan segala apa yang berlaku merupakan ketentuan Ilahi. Allah SWT meminta hambanya berusaha bersungguh-sungguh. Kemudian, Dia akan memberikan jalan keluar kepadanya.*

satu amanah yang berat dan keuntungan yang diperolehi itu bukannya hak milik mutlak individu. Ia perlu dikongsi dengan mereka yang layak.

Di dalam apa jua perkara, keupayaan yang dimiliki oleh manusia sebenarnya amat terbatas dan segala apa yang berlaku merupakan ketentuan Ilahi. Allah SWT meminta hamba Nya berusaha bersungguh-sungguh. Kemudian, Dia akan memberikan jalan keluar kepadanya. Firman Allah SWT di dalam surah at-Talaq, ayat 2 - 3:

وَمَن يَقِنَ اللَّهَ بِجَعْلِهِ مُحْرِماً ﴿١﴾  
وَبِرِزْقَهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ وَمَن يَوْمَئِنَ  
عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسِيبٌ إِنَّ اللَّهَ بِنَعْلَمُ أَمْرَهُ  
قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا ﴿٢﴾

### Maksudnya:

"Dan sesiapa yang bertaqua kepada Allah SWT (dengan mengerjakan suruhan Nya dan menjauhi segala larangan Nya) nescaya Dia akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala yang menyusahkannya). Serta memberikannya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. Dan (ingatlah!) sesiapa yang berserah diri bulat-bulat kepada Allah taala , maka Allah SWT cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah taala tetap melakukan perkara yang dikehendaki Nya. Allah SWT telahpun menentukan qadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu."

Ayat ini menjelaskan sesiapa yang bertawakal kepada Allah SWT, nescaya Dia akan memberi jalan keluar daripada masalah yang dihadapi. Konsep tawakal merupakan penawar bagi umat Islam sekiranya mereka berhadapan dengan masalah ataupun kebuntuan. Tawakal tidak akan lahir sekiranya manusia tidak mempunyai taqwa. Tahap ketaqwaan terbahagi kepada empat iaitu:

1. Takut pada Allah SWT
2. Melaksanakan tuntutan Islam
3. Menerima segala ujian Allah SWT. Menerima rezeki yang diberi oleh Nya, sama ada sedikit atau banyak. Apa yang penting, rezeki yang diperolehi adalah berkat.

### 4. Bersedia untuk kembali kepada Allah SWT.

Seseorang peniaga Muslim hendaklah membina keempat-empat ciri taqwa ini dalam diri masing-masing. Sekiranya seseorang memohon dengan bersungguh-sungguh kepada Nya, insya-Allah, Allah SWT akan memberikan jalan penyelesaian. Ini adalah janji Allah SWT kepada manusia yang beriman serta taat kepada Nya.

*Ayat ini menjelaskan sesiapa yang bertawakal kepada Allah SWT, nescaya Dia akan memberi jalan keluar daripada masalah yang dihadapi. Konsep tawakal merupakan penawar bagi umat Islam sekiranya mereka berhadapan dengan masalah ataupun kebuntuan. Tawakal tidak akan lahir sekiranya manusia tidak mempunyai taqwa.*

### Mengamalkan Sembahyang Sunat Dhuha

Sembahyang sunat Dhuha banyak kelebihannya. Walaupun sembahyang Dhuha merupakan amalan sunat, ia merupakan salah satu alternatif bukan

sahaja menghampirkan diri kepada Ilahi malahan menjadi pemangkin ke arah pembentukan Muslim sejati.

Solat Dhuha mempunyai banyak kelebihan. Para peniaga Muslim dinasihatkan supaya tidak meninggalkan solat Dhuha ini yang boleh dibuat di dalam rakaat-rakaat yang dikehendaki dan setiap rakaat mempunyai fadilatnya sebagaimana diriwayatkan oleh Abu Dzar RA. Sekiranya engkau bersembahyang Dhuha 2 rakaat, engkau tidak akan lalai dalam kehidupan dunia; sekiranya engkau bersembahyang 4 rakaat, engkau akan termasuk di dalam golongan *mohsinin* (salah satu ciri solihin), sekiranya engkau bersembahyang 6 rakaat maka pada hari itu engkau tidak akan terjebak di dalam dosa. Sekiranya engkau melakukan sembahyang 8 rakaat pula, engkau akan termasuk dalam golongan '*abidin*' di akhirat kelak dan sekiranya engkau bersembahyang Dhuha 12 rakaat, Allah SWT akan membina rumah untukmu di dalam syurga.

Di dalam sebuah hadis lain ada dinyatakan bahawa di hari akhirat kelak, bagi orang yang kuat mengamalkan sembahyang Dhuha, sebuah syurga akan dibina khas yang dinamakan Dhuha dan syurga akan bertanya: "Di manakah hamba Allah SWT yang mengamalkan Dhuha, ini tempatmu". Jelaslah bahawa pengamal sembahyang sunat Dhuha bukan sahaja mendapat keuntungan di dunia, bahkan di akhirat.

Selain itu umat Islam juga digalakkkan supaya supaya membaca surah al-Waqiah sebagai amalan harian. Rasulullah SAW menjelaskan tentang kelebihan surah al-Waqiah sebagaimana sabdanya:

مِنْ فَرَأَ سُورَةً الْوَاقِعَةَ  
فِي كُلِّ لَيْلَةٍ لَمْ تُصِبْ  
فَاقْتَهُ أَبَدًا

Maksudnya:

"Sesiapa yang membaca surah al-Waqiah pada setiap malam nescaya ia tidak akan papa."

Hadis Riwayat Baihaqi

Ini adalah di antara contoh amalan yang patut diikuti.

Berhubung dengan amalan membaca surah al-Waqiah ini ada beberapa kelebihan lain seperti yang diriwayatkan, iaitu sesiapa yang sentiasa membaca surah al-Waqiah, ia tidak akan ditimpah kepapaan dan kefakiran sepanjang hayat.

Selain membacanya untuk amalan diri sendiri, adalah dinasihatkan supaya surah ini diajar kepada anak-anak, pekerja dan sebagainya. Insya-Allah, apa yang dihajati akan dimakbulkan Nya.

Di dalam menjalani kehidupan sebagai peniaga Muslim, al-Quran dan as-Sunnah sepatutnya dijadikan

sebagai panduan supaya perniagaan yang diceburi tidak tersasar daripada landasan syarak dan seterusnya ia akan mendatangkan pulangan di dalam bentuk keberkatan. Di dalam sebuah hadis lain, Rasulullah SAW ada menyebutkan bahawa terdapat surah-surah yang menjadi benteng kepada beberapa perkara antaranya ialah:

1. Surah al-Fatiha

- Mencegah kemurkaan Allah SWT

2. Surah Ya Sin

- Mengelakkan kehausan se-waktu hari kiamat di padang mahsyar

3. Surah ad-Dukhan

- Berada di dalam keadaan yang selamat semasa dilanda ke-dahsyatan kiamat

4. Surah al-Kafirun

- Selamat daripada kufur ketika menghadapi maut

5. Surah al-Ikhlas

- Terselamat daripada kedaifan

6. Surah al-Falaq

- Dibaca 40 kali, maka akan ter-selamat daripada hasad dengki.

Terdapat juga doa yang diamalkan bahawa sesiapa yang sentiasa membaca surah ad-Dhuha sebanyak 40 kali selama 40 hari dan selepas itu membaca doa yang maksudnya:



*Umat Islam wajib bersyukur di atas segala rezeki yang dikurniakan oleh Allah SWT*

"Ya Allah! Yang maha kaya, yang boleh memberi kaya, berilah kekayaan kepada diri aku sehingga tidak akan menimbulkan rasa takut (kepada kefakiran), dan berilah hidayah, sesungguhnya aku ini dalam keadaan sesat. Ajarlah aku Ya Allah!, sesungguhnya aku ini bodoh."

Setiap amalan yang dilakukan dengan bersunguh-sungguh nescaya akan mendapat ganjaran di sisi Allah SWT. Begitu juga dengan pembacaan surah-surah yang tertentu, ia pastinya akan mendatangkan manfaat. Allah SWT akan mengutuskan malaikat yang boleh mengajar hikmah sama ada di dalam tidur atau jaga. Ini bermakna Allah SWT memberikan bantuan kebatinan melalui malaikat yang akan menyampaikan hikmah. Hikmah adalah anugerah Allah SWT dan tidak boleh dipelajari seperti ilmu-ilmu yang lain di dunia ini. Allah SWT memberi hikmah kepada sesiapa yang dikehendaki Nya.

Di dalam apa juu keadaan, seorang Muslim hendaklah memohon pertolongan llahi yang akan memberinya mengikut sejauh mana kesungguhan dan kesediaan seseorang itu untuk melaksanakan tanggung-jawab yang sedang dipikul.

### Bangun Malam (Qiamulail)

Ada disebutkan bahawa Abu Hurairah RA pernah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda:

Hikmah adalah anugerah Allah SWT dan tidak boleh dipelajari seperti ilmu-ilmu yang lain di dunia ini. Allah SWT memberi hikmah kepada sesiapa yang dikehendaki Nya.

يَنْزِلُ رَبُّنَا تَبَارَكَ وَتَعَالَى كُلُّ  
لَيْلَةٍ إِلَى السَّمَاءِ الدُّنْيَا حِينَ  
يَقَوِيُ ثُلُثُ الْلَّيْلِ الْأَخِيرِ  
فَيَقُولُ مَنْ يَدْعُونِي  
فَاسْتَجِيبْ لَهُ وَمَنْ يَسْأَلِي  
فَأَعْطَاهُ وَمَنْ يَسْتَغْرِئِي  
فَأَغْفِرْ لَهُ

Maksudnya:

"Allah SWT turun ke langit dunia apabila tinggal satu pertiga malam dan Allah SWT berpesan, sesiapa yang berdoa kepada Ku, Aku perkenankan. Siapa yang meminta, akan Aku beri dan siapa yang memohon ampun, akan Akuampunkan."

(Hadis Riwayat Bukhari)

Amalan bangun dan beramal pada waktu malam adalah amalan yang sangat digalakkan kerana pada waktu malam tidak banyak gangguan dan ini akan memberi ruang untuk seseorang Muslim mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan penuh khusyuk.

## **Kelebihan Ayat Kursi**

Sheikh al-Bunni seorang sufi, ada menyebut bahawa ayat kursi mempunyai banyak fadilatnya di antaranya ialah apabila membaca ayat-ul-kursi sebanyak 170 kali pada satu waktu tertentu, Allah SWT akan memberi pertolongan di dalam semua urusan, Allah SWT akan menunaikan segala hajat, akan melaikan kedukaan, akan menjauhkan segala bahanaya, akan meluaskan rezekinya dan akan tercapai apa yang dituntut atau dicari.”

Ini merupakan beberapa pesanan yang penting yang manusia manusia, perlu yakin apabila mengamalkannya. Pesanan-pesanan ini hendaklah diamalkan oleh orang Muslim sama ada terlibat di dalam perniagaan atau pun tidak supaya beroleh kejayaan di dunia dan juga di akhirat.

## **Tanggungjawab Peniaga Muslim**

Seorang peniaga Muslim perlulah beristiqamah dari segi iman, amal dan iltizam dengan al-Quran. Ia hendaklah dijadikan teman dengan membacanya

dan bukan menjadikannya sebagai hiasan. Insya-Allah apa yang dilakukan akan mendapat rahmat dan berkat. Untuk terus maju ke hadapan umat Islam perlu meneliti hadis-hadis Rasulullah SAW, memperbanyakkan beribadat, melakukan pekerjaan dengan bersungguh-sungguh dengan kejujuran dan keikhlasan, berusaha dengan jujur. Berlaku jujur di dalam urusniaga merupakan suatu tuntutan sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah an-Nisa', ayat 29:

يَأَيُّهَا أَيُّهَا الْذِينَ يَأْمُنُوا لَا تَأْكُلُوا  
أَمْوَالَكُمْ إِنَّمَا كُمْ بِالْبَطْلِ إِلَّا آنَّ  
تَكُونُ تِحْكَرَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ

*Sekilas pandang, menceburkan diri di dalam perniagaan nampak begitu mudah. Begitu juga dengan keuntungannya. Namun untuk menjadikan rezeki yang diperolehi diredhai dan diberkati Allah SWT, setiap usaha yang dilakukan mestilah mengikuti garis panduan dan kaedah-kaedah yang telah ditentukan oleh syarak.*

# BEBERAPA TAZKIRAH PENTING KEPADA PENIAGA MUSLIM

Oleh

Nik Mustapha Bin Hj. Nik Hassan

B.B.A, M.Econs (Ohio)

Penolong Ketua Pengarah,  
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

**D**i dalam teori kenegaraan moden, kekuatan sesebuah negara bukanlah diukur dari sudut ketenteraan semata-mata tetapi ekonomi merupakan kekuatan yang sebenar. Ia menjadi tunjang keutuhan sebuah negara kota dan juga negara bangsa. Jepun sebagai contoh, selepas sahaja perang dunia kedua, memiliki keupayaan tentera yang begitu terbatas, tetapi berbekalkan semangat yang kental, di dalam tempoh sepuluh tahun (1945 sehingga 1955) rakyat Jepun telah berjaya menebus maruah mereka yang kalah di dalam medan perang dengan menjadi kuasa ekonomi dunia. Produk yang dihasilkan oleh mereka memenuhi pasaran dunia sebagai barang yang murah dan berkualiti. Pada masa kini, barang seperti Sony, Mitsubishi, Daihatsu, Mazda dan lain-lain lagi boleh didapati di serata dunia. Kini rakyat Jepun telah berjaya menebus maruah mereka. Bagaimana pula dengan umat Islam?

*Islam meletakkan ahli perniagaan di suatu persada yang begitu tinggi tempatnya dan di atas kepentingan yang dimainkan oleh mereka Allah SWT menjanjikan balasan syurga di atas amal perbuatan mereka.*

Penguasaan bidang ekonomi merupakan agenda penting yang perlu dilakukan oleh umat Islam bagi mempastikan keunggulan dan kepentingan mereka terpelihara dan juga supaya umat Islam tidak di-perlekehkan. Penguasaan ekonomi akan meletakkan umat Islam di barisan hadapan dan bukannya menjadi masyarakat yang terpinggir. Sesuatu yang menyedihkan apabila ditinjau fenomena yang berlaku pada hari ini, masyarakat Islam berada di dalam keadaan yang dhaif. Kemiskinan dan kemunduran menjadi penghalang untuk mereka terus maju ke hadapan. Persengketaan sesama sendiri seperti mana yang berlaku di Yaman, Iran, Iraq dan lain-lain lagi merupakan sesuatu yang memalukan. Kemelut ini meranapkan potensi sumber alam sebagai salah satu produk utama. Kekayaan hasil bumi dan sumber alam gagal dieksplorasi untuk tujuan komersial.

Untuk mengembalikan kekuatan ummah, umat Islam perlu mempelajari semangat yang pernah dicetuskan oleh Rasulullah SAW yang

telah menggunakan ekonomi sebagai salah satu senjata utama untuk memartabatkan umat Islam. Rasulullah SAW merupakan seorang peniaga, begitu juga dengan para sahabat seperti Saidina Abu Bakar, Umar, Uthman, Abdul Rahman Bin Auf dan lain-lain lagi. Mereka merupakan peniaga yang berkaliber di zamannya.

Mereka bukan sahaja telah berjaya menerajui dan menguasai kekuatan ekonomi di Madinah, tetapi juga telah berjaya menguasai ekonomi Madinah yang sebelum itu diterajui oleh orang-orang Yahudi. Ternyata kekuatan Islam ketika itu bukan sekadar kekuatan keimanan sahaja tetapi turut diterjemahkan bagi memberi rahmat kepada semua masyarakat sama ada Islam ataupun bukan Islam.

Inilah yang dikatakan negara yang mendapat keampunan dan rahmat Allah SWT. Sesungguhnya masyarakat beginilah yang diinginkan iaitu sebuah tamadun yang besar dengan kejayaan di dalam dimensi kekuatan ekonomi yang diintegrasikan dengan nilai-nilai keimanan yang berpaksikan kepada semangat tauhid dan mengesakan Allah SWT. Sehubungan itu, penglibatan diri di dalam bidang perniagaan secara langsung atau tidak langsung akan dapat menguatkan umat Islam.

Islam meletakkan ahli perniagaan di suatu persada yang begitu tinggi tempatnya dan di atas kepentingan yang dimainkan oleh mereka Allah SWT menjanjikan balasan syurga di atas amal perbuatan mereka. Di dalam sebuah hadis Rasulullah SAW telah bersabda:

الْتَّاجِرُ الصَّدُوقُ الْأَمِينُ مَعَ  
النَّبِيِّنَ وَالصَّدَّيقِينَ  
وَالشُّهَدَاءِ

Maksudnya:

"Peniaga yang jujur dan amanah akan bersama para nabi, orang-orang yang benar dan para syuhada' (di hari Kiamat nanti)."

(Hadis Riwayat Tirmizi)

Status umat Islam yang melibatkan diri di bidang perniagaan sama ada secara langsung ataupun tidak langsung adalah tinggi di sisi Allah SWT. Kebanyakan perniagaan yang dijalankan pada hari ini adalah secara besar-besaran. Justeru, sekiranya umat Islam ingin berjaya dan maju dalam perniagaan, mereka perlu menguasai ilmu perniagaan dengan sebaik mungkin.

Melihat kepada kepentingan perniagaan di dalam penyusunan sesebuah masyarakat, ia perlu dilihat sebagai suatu kegiatan penting dalam kehidupan manusia dan bukan hanya sekadar untuk tujuan mendapatkan keuntungan semata-mata. Namun begitu keuntungan juga tidak harus dilihat sebagai sesuatu yang negatif.

Seorang ulamak terkemuka dari Universiti Al-Azhar dalam suatu kertas kerja mengenai kepentingan nilai dalam penghayatan perniagaan, telah menyebut bahawa penghayatan perniagaan bukanlah hanya untuk

mewujudkan ahli perniagaan yang jujur dan amanah semata-mata tetapi ia adalah untuk melahirkan ahli perniagaan yang dinamik. Justeru, individu Muslim juga harus memahami bahawa nilai akhlak itu bukan sahaja untuk mewujudkan ahli perniagaan yang lurus, tetapi juga untuk melahirkan mereka yang dinamik, kreatif, inovatif dan sentiasa membuat rombakan untuk meningkatkan prestasi perniagaan.

Terdapat sebuah syarikat multinasional di Amerika Syarikat yang mengakui bahawa mereka mengadaptasikan nilai-nilai murni yang berkonsepkan Islam di dalam sistem pengurusan korporat mereka misalnya di dalam sistem pengurusan, pemasaran, kewangan dan lain-lain lagi. Ternyata sistem yang diketengahkan oleh Islam merupakan sistem yang bersandarkan kepada nilai-nilai murni yang boleh mencetuskan usaha untuk mempertingkatkan prestasi anggota pekerja dan seterusnya organisasi korporat.

Penemuan ini bukannya sesuatu yang pelik sebaliknya ia mungkin sesuatu yang memalukan kerana ilmu yang sepatutnya ada pada diri orang Islam ditemui oleh mereka yang bukan Islam. Satu persoalan yang memerlukan umat Islam mencari jawapan ialah mengapa orang Islam tidak mengkaji ilmu yang terdapat di dalam Al-Quran serta prinsip-prinsip umum yang boleh digunakan di dalam perdagangan dan perniagaan? Adakah disebabkan kejahilan ataupun ketidakfahaman mereka tentang ajaran Islam?



*Islam sebagai ad-Din perlu dihayati secara menyeluruh.*

Terdapat organisasi korporat di Barat yang menyokong penghayatan prinsip kepimpinan melalui teladan. Penghayatan ini merupakan sebahagian daripada ajaran Islam. Di dalam Islam konsep kepimpinan bukan hanya sekadar menjadi imam sembahyang sahaja tetapi ia menjangkaui lebih jauh daripada itu. Di dalam Islam, pemimpin itu perlulah mempunyai karisma dan kredibiliti. Di dalam menepati maksud ini, syarak merupakan garis panduan yang menjadi pengukur.

Apa yang malang ialah kebanyakan daripada umat Islam yang menjalankan perniagaan, meletakkan keuntungan sebagai skop yang perlu mereka penuhi. Mereka tidak mempunyai citra untuk mewujudkan kekuatan ekonomi sedangkan Rasulullah SAW telah bersabda:

تَسْعَةُ أَعْشَارِ الرِّزْقِ فِي  
الْتَّجَارَةِ

Maksudnya:

"Sembilan persebeluh sumber rezeki  
boleh diperolehi melalui perniagaan."

(Hadis Riwayat Tirmizi)

Terdapat di kalangan para sahabat Rasulullah SAW yang kaya dan berjaya di dalam perniagaan tetapi tidak mengabdikan diri kepada kekayaan tersebut. Inilah yang membezakan di antara falsafah hidup Islam dengan falsafah hidup bukan Islam di mana falsafah hidup Islam meletakkan konsep kekayaan itu tepat pada tempatnya. Sistem sekular mendorong seseorang untuk mengabdikan diri kepada harta kekayaan. Sebaliknya agama Islam

meletakkan kekayaan sebagai alat untuk menyusun masyarakat supaya bertamadun tinggi serta mengabdikan diri kepada Allah SWT.

Pandangan yang mengatakan bahawa sistem perniagaan sekular adalah terbaik telah menyebabkan umat Islam dipengaruhi oleh falsafah hidup Barat, yang seterusnya telah menyebabkan mereka menganggap bahawa usaha untuk meningkatkan kekuatan ekonomi sesebuah organisasi korporat itu bukanlah suatu tuntutan dan perjuangan agama. Walhal hadis Rasulullah SAW jelas menyatakan bahawa sembilan persepuluhan punca rezeki kita itu datang daripada perniagaan. Di atas inspirasi ini, sepatutnya umat Islam merebut peluang keemasan ini.

Bagaimana seseorang itu dapat menguatkan kedudukan ekonomi sekiranya mereka mengasingkan perniagaan daripada tuntutan agama. Justeru, ahli-ahli perniagaan Islam perlu memahami dan menghayati ilmu yang terkandung di dalam al-Quran mengenai ajaran dan garis panduan jual beli dan perniagaan. Di dalam hal ini ahli perniagaan tidak boleh melalaikan atau melupakan beberapa tuntutan asas akhlak yang perlu ada pada setiap ahli perniagaan. Antaranya:

### **1. Thaharah - Penyucian Diri**

Maksudnya, penyucian terhadap diri sendiri. Umumnya di antara sifat negatif yang seringkali terdapat pada orang Melayu dan organisasi Melayu

ialah perasaan hasad, dendki serta dendam. Oleh yang demikian sekiranya budaya ini wujud, di manakah letaknya nilai *thaharah* penyucian diri di mana seseorang perlu mempunyai hubungan secara langsung dengan Allah SWT. Melalui sembahyang Tahajud misalnya, seseorang perlu menjalankan ibadat penyucian diri kepada Allah SWT secara dalaman dan juga luaran.

### **2. Tunduk kepada kebenaran**

Orang yang berakhlik adalah orang yang tunduk kepada kebenaran, mencari serta mencintai kebenaran. Semangat kebenaran haruslah wujud di dalam masyarakat. Perlu juga diwujudkan semangat syura di dalam masyarakat. Sebagai contoh, masyarakat Jepun telah berjaya kerana mereka di antara lain menghayati semangat *musyawarah*. Mereka

*Pandangan yang mengatakan bahawa sistem perniagaan sekular adalah terbaik telah menyebabkan umat Islam dipengaruhi oleh falsafah hidup Barat, yang seterusnya telah menyebabkan mereka menganggap bahawa usaha untuk meningkatkan kekuatan ekonomi sesebuah organisasi korporat itu bukanlah suatu tuntutan dan perjuangan agama.*

memberi penekanan terhadap kerja berkumpulan seperti QCC (*Quality Control Circle*) dan TQM (*Total Quality Management*). TQM sebagai mekanisme yang digunakan untuk menggerakkan para pekerja. Seandainya diperhalusi, kewujudan mekanisma ini bukannya sesuatu yang baru. Ia telah lama wujud tetapi bagaiakan ada tabir yang melindungi lantaran tiada usaha daripada orang Islam sendiri untuk mengkaji dan menghayati mekanisma ini.

### 3. *Samahah - Tolak Ansur*

---

Umat Islam dibentuk dengan akhlak yang murni. Antara akhlak mulia yang ada pada diri orang Islam ialah mempunyai sifat pemurah dan pemaaf. Di dalam sebuah organisasi yang mempunyai pelbagai pandangan yang berbeza, seseorang perlu banyak bertolak ansur selama mana ia tidak bercanggahan dengan hukum asas di dalam Islam. *Tasamuh* (bertolak ansur) berbeza dengan *tasuhul* (ambil mudah). Masyarakat seringkali terkeliru dengan dua istilah ini. Apa yang penting, *tasamuh* tidak dapat dielakkan apabila ia menyentuh perkara-perkara asas seperti syahadah, sembahyang, puasa, zakat dan lain-lain lagi.

Di dalam pengurusan Barat, mereka memberi penekanan kepada *individualisme* di mana mereka memberi ruang kepada individu supaya dapat membentuk kreativiti dan bersifat inovatif. Sebagai perbandingan di dalam sistem pengurusan, Jepun lebih memberi

penumpuan kepada semangat kerja berkumpulan dan kolektif, manakala ajaran Islam pula lebih memberi perhatian terhadap keharmonian dan kemakmuran. Di dalam hal ini terdapat persamaan antara konsep Timur dan Islam.

Persamaan ini bukanlah sesuatu yang pelik kerana setiap nilai kebaikan yang ada pada ajaran Islam merupakan nilai yang sejagat. Islam sebagai agama fitrah memenuhi segala keperluan manusia di atas landasan yang dibenarkan.

Pertentangan antara sistem pengurusan dengan tabie manusia akan membentuk konflik yang akan mendatangkan impak bukan sahaja kepada manusia malahan sistem itu sendiri. Pastinya sistem yang bertentangan dengan tabie manusia akan menempa kehancuran dan merosakan fungsi manusia sebagai makhluk pilihan di atas muka bumi.

Kepada mana-mana sistem yang bercanggahan dengan tabie manusia, sistem itu sukar untuk dijayakan. Oleh yang demikian orang Islam perlu memahami ilmu politik, ekonomi, psikologi dan kemasyarakatan di dalam membentuk dan melaksanakan sesuatu dasar. Demikian juga di dalam membuat fatwa, suasana dan keadaan perlu diambil kira dan ia merupakan sebahagian daripada *sahsiah syari'eah*.

### 4. Keadilan

---

Allah SWT menuntut supaya umatnya bersifat adil dengan mengambil kira

dimensi-dimensi lain. Di dalam masyarakat Jepun, walaupun mereka mempunyai nilai dan etika yang murni seperti berdisiplin dan rajin, mereka masih tidak mengambil pendekatan secara menyeluruh. Hanya sebahagian sahaja yang diperaktikkan. Kebanyakan mereka bekerja sehingga boleh mengabaikan institusi kekeluargaan. Oleh itu selain menjalankan pekerjaan, seseorang itu perlu mempunyai masa bersama keluarga dan masa untuk ber-masyarakat. Kesepadan dan ke-harmonian inilah yang dinamakan memenuhi semua dimensi. Oleh itu apabila melihat kepada semua faktor ini, ia sememangnya wujud di dalam ajaran Islam.

Menyentuh mengenai akhlak, orang Barat turut mengakui bahawa pengurusan perlulah bersandarkan kepada akhlak dan mempunyai norma

kerana etika itu merangkumi personaliti, kerektor dan cara berfikir. Akhlak bukanlah bermaksud bersifat jujur semata-mata tetapi ia adalah penggerak yang membawa kepada perubahan yang bersifat kebaikan dan sentiasa kreatif. Seterusnya daya inilah yang akan membolehkan seseorang berada di barisan hadapan. Bagaimanapun, untuk menjadi kreatif, seseorang perlulah memiliki ilmu.

Ilmu adalah kunci kejayaan seseorang. Tanpa ilmu, bakat, potensi diri dan harta yang dimiliki tidak akan ke mana. Ilmu adalah penting di dalam kehidupan dan seseorang itu mestilah kreatif, mempunyai daya cipta serta sentiasa membuat penyelidikan. Malangnya budaya ini kurang diamalkan di kalangan orang Islam. Apakah penyisihan ini bermakna orang Islam tidak mahu menjadi bangsa yang terbaik di atas



Zakat - Satu bentuk penyucian harta, diri dan akhlak

*Agama-agama lain selain daripada Islam telah mengasingkan di antara kehidupan harian dengan ibadat. Sekiranya umat Islam juga mengasingkan kehidupan harian dan ibadat, ini bererti mereka juga mengamalkan prinsip sekular di dalam kehidupan.*

muka bumi? Sedangkan Allah SWT telah menyatakan bahawa orang Islam adalah khalifah Allah di muka bumi ini.

Apabila bercakap tentang Islam, kebanyakan orang Islam akan mengatakan bahawa Islam adalah hebat dan ia meliputi segala segi, tetapi sejauh manakah kehebatan itu boleh dilihat sekiranya umat Islam sendiri tidak berdisiplin. Oleh itu umat Islam, khususnya para peniaga, perlu memiliki budaya kreatif, inovatif dan sentiasa mencari pendekatan terbaik dengan berlandaskan kepada ajaran Islam bagi membuktikan kenyataan ini.

Sistem yang cekap dan tersusun merupakan tuntutan agama. Ajaran agama lain telah mengasingkan di antara kehidupan harian dengan ibadat. Sekiranya umat Islam juga mengasingkannya, ini bererti mereka juga mengamalkan prinsip sekular di dalam kehidupan. Inilah yang ditakuti.

Kadang kala umat Islam mengatakan bahawa mereka tidak sekular kerana masih bersandar kepada agama dan tuntutan Islam. Tetapi perjalanan pengurusan, prinsip-prinsip agama masih tidak dihayati sepenuhnya. Sebaliknya sekiranya umat Islam membaca tulisan-tulisan Barat, didapati wujud perkara-perkara yang menyerupai budaya Islam walaupun tidak secara keseluruhan. Di dalam mengejar kebendaan ternyata masyarakat Barat dan bukan Islam telah mengenepikan elemen-elemen yang berkaitan dengan akhlak dan nilai. Ini merupakan sebahagian daripada punca yang menyebabkan timbulnya kepincangan di dalam sistem pengurusan.

Di dalam mengimbangi kuasa ekonomi umat Islam sepatutnya lebih peka dan memahami keadaan persekitaran. Seorang ahli korporat Islam di zaman Rasulullah SAW, Abdul Rahman Bin Auf, apabila beliau berhijrah ke Madinah beliau telah berusaha untuk mendapatkan tempat perniagaan dan bukannya pertolongan subsidi kerana semangat perniagaan di dalam diri beliau adalah tinggi. Beliau mampu membaca kehendak masyarakat di ketika itu dan inilah keistimewaan yang diberikan oleh Allah SWT kepadanya sehingga perniagaan dan kekuatan ekonomi serta monopoli kaum Yahudi ketika itu dapat diatasi. Sesungguhnya inilah contoh terbaik kekuatan ekonomi orang-orang Islam yang boleh dijadikan ikutan oleh masyarakat Islam hari ini.



# Indeks

<b>AL-QURAN</b>			
ad			
ad-Dhuha: 11	59, 178	al-Kahfi: 19	206
al		al-Maidah: 1	163
al-An'am: 82	248	al-Maidah: 2	35, 169
al-An'am: 152	204	al-Maidah: 8	109
al-Anbiya': 107	243	al-Maidah: 38	20
al-A'raf: 96	11	al-Maidah: 45	144
al-A'raf: 128	192	al-Munafiqun: 9	260
al-A'raf: 179	69	al-Muthaffifin: 1	67
al-Ahzab: 23	44	al-Muthaffifin: 1 - 3	203
al-Ahzab: 36	66	al-Qasas: 77	7, 204
al-Ahzab: 72	90	ali	
al-Anfal: 27	207	ali-Imran: 104	78
al-Anfal: 39	29	ali-Imran: 152	104
al-Anfal: 45	73	an	
al-Anfal: 60	24	an-Nahl: 18	250
al-Ankabut: 69	15, 43	an-Nahl: 78	71
al-Baqarah: 16	72, 76	an-Nahl: 112	9
al-Baqarah: 30	53, 90	an-Najm: 39	29, 30
al-Baqarah: 168	205	an-Nisa': 29	80, 256, 268
al-Baqarah: 177	191	an-Nisa': 32	109
al-Baqarah: 198	72	an-Nisa': 58	167, 206
al-Baqarah: 218	238	an-Nisa': 59	176
al-Baqarah: 261	22, 78, 261	an-Nur: 33	191
al-Baqarah: 275	3, 15, 67, 79, 82, 119, 124, 144	an-Nur: 37	2, 19, 82, 162
al-Baqarah: 276	163	ar	
al-Baqarah: 278-279	23, 121	ar-Ra'du: 11	242
al-Baqarah: 282	83	ar-Rom: 39	106
al-Fajr: 27 - 28	51	as	
al-Fussilat: 33	201	as-Sajdah: 9	71
al-Hadid: 7	101, 197	as-Shaf: 10	3, 160
al-Hadid: 20	263	as-Shaf: 10-11	13, 111, 252, 259
al-Haj: 41	31	as-Shaf: 10-12	76
al-Haj: 78	15	as-Shaf: 4	11
al-Hasyr: 7	99	as-Syura: 20	19
al-Hasyr: 9	33	at	
al-Hijr: 99	44	at-Talaq: 2 - 3	114, 263
al-Hujurat: 13	191	at-Taubah: 24	80
al-Jin: 16	117	at-Taubah: 38	36
al-Jumuah: 10	72, 248	at-Taubah: 40	240
al-Jumuah: 11	14, 79	at-Taubah: 94	202
al-Jumuah: 9	137	at-Taubah: 99	32
al-Jumuah: 9 - 10	184	at-Taubah: 108	237
		at-Taubah: 111	77, 138

# *Indeks*

az		AL-HADIS	
az-Zaariyat: 56	54, 89	Abu Daud	208
az-Zukhruf: 32	97	Ahmad	61, 139, 223, 228
Faathir: 29	77	Al Bazar	9
Hud: 11	172	Al Hakim	5
Hud: 52	81	Al Khudaei	5
Hud: 61	54	Al Mansili	194
Ibrahim: 7	247	Al-Baihaqi	70, 202, 265
Ibrahim: 24	135	Bukhari	46, 93, 267
Yunus: 88	256	Bukhari dan Muslim	17, 66, 74, 91, 103, 193
		Ibnu Majah	208
		Ibnu Majah dan Hakim	4
		Muslim	9, 17, 18, 45, 64, 67, 97, 157, 248, 249, 250
		Tabrani	131, 190
		Thayalisi	190
		Tirmizi	5, 37, 96, 102, 132, 144, 160, 164, 176, 190, 244, 273, 274
		Tirmizi dan Hakim	4

# Indeks

## TOKOH

Abd Rahman bin Auf	3, 34, 66, 92, 201, 220, 241, 257, 272, 278	Imam as Syatibin	94
Abdullah	238	John Paul Getty	182
Abdullah al-Mubarak	176	Khadijah binti Kwaillid	201, 236
Abdullah bin Uraiqat	93, 238	Khalid Al-Walid	95, 96
Abdullah Umar	37	Khalifah Umar al Khattab	57, 224
Abdul Wahab al Muti'e	52	Malik bin Dinar	112
Abu Abdullah	104	Maulana Abu 'Ala al-Maududi	171
Abu Ali ad Daqiq	49, 50	Mawa Mass	165
Abu Bakar al-Jazali	218	Muawiyah bin Abu Sufian	224
Abu Bakar as Siddiq	3, 92, 93	Muhammad al-Fateh	227
Abu Ishak As Shirazi	20	Muhammad bin Abdullah	200
Abu Talib	236, 239	Nabi Adam	65, 208
Abu Thaur	86	Nabi Isa	65, 73
Abu Zuhar	165	Nabi Daud	65
Al Arqam bin Abi Al Arqam	92	Nabi Lut	24
Al-Biruni	165	Nabi Musa	65, 257
Al-Fadlu Ibnu Jiyad	104	Nabi Noh	81
Al-Ghanusi	7	Nabi Zakaria	65
Al-Ghazali	156	Othman Ibnu Saugi	226
Al-Hakam	86, 87	Prof. Dr. Abdul Rahman al-'Adawie	88
Al-Qistollani	87	Profesor Syed Hussain al Attas	182
Amru Ibnu al-Asr	224	Raja Patrik	227
Artugal	226	Rockefeller	182
Asma'	238	Pol Pot	216
Bayazid	227	Saidatina Khadijah	1, 66, 92, 93, 115, 127, 138, 236
Bilal bin Rabah	236, 246	Saidina Abu Bakar	66, 93, 116, 237, 238, 240, 272
Christopher Columbus	165	Saidatina Aisyah	243, 246
Dato' Dr Affitudin	185	Saidina Ali	58, 240
Dr Yusof al Qardawi	55, 218	Saidina Umar al Khattab	18, 57
George Soros	98	Saidina Umar	36, 37, 38, 66, 108, 116
Hammad	86, 87	Saidina Uthman bin Affan	66, 116, 220, 272
Ibnu Al-Musaiyyib	86, 87	Sauji bin Artugul	226
Ibnu Al-Qayyim	86	Sheikh al-Bunni	268
Ibnu Kathir	58	Sheikh Yusuf al-Dajwae	88
Ibnu khaldun	59	Stephen R. Covey	51
Ibnu Qayyim al Jawzi	94	Sultan Sulaiman Syah	225
Ibnu Qudamah	87	Sumaiyyah	236
Ibnu Sairin	86, 87	Syed Qutb	49
Ibnu Taimiyah	57, 86, 87	Syeikh Ibrahim al-Jibali	88
Ibrahim al Khawas	51	Syeikh Najib al-Muti'e	215
Imam Abu Hanifah	9, 61, 147, 164, 179	Syurahbil bin Amru	224
Imam Ahmad	86	Thalhah bin Ubaidillah	92
Imam al Ghazali	97, 119, 156, 195, 199	Thowus	86, 87
Imam As-Syaukani	88	Timurlane	227
Imam Syafie	86, 88, 214, 215, 218, 221	Ubai bin Ka'ab	57

# Indeks

	ISTILAH
Umaiyyah bin Khalaf	236, 240
Umar bin Abdul Aziz	257
Umar bin Al Khatab	236, 272
Uthman bin Affan	3, 92, 241
Yasir	236
Yunus bin Ubaid	195
Zaid bin Ali	86, 88
Zaid bin Harithah	93
Zinnirah	236
'Abid	202
'Abidin	265
Ad Dharuratul Yuzal	212
Ad Din	143
Aghniya'	5, 7
Ajrun	72, 73
Al Bai'e	65
Al Khaliq	172
Al Amin	200
Al Araya	219
Alhamdulillah	245
Al-Ihsan	46
Al-Ijarah	126
Al-Istisahn	147
Al-Masyaqatul Tajibuttaisir	212
Al Muamalat	258
Al-Murabahah	125
Al-Wadih	128
Anbiya'	81, 96, 102, 176
Anfiqu	102
Aqad	56, 85, 86
Aqliyah	228
Aqoda	56
Ar Rahim	190, 104
Ar Rahman	190, 104
As Sa'yu	41
As Sakinah	117
As Syira'	65
Asnaf	190
Atqaquam	191
Azimah	211
Bai'e Bithaman Ajil	85, 86, 88, 125
Bai'e al 'Inah	220, 221
Batiniah	247
Da'e	3, 174
Epistemalogi	70
Fi Sabillillah	78, 93, 107, 261,
	255
Fiqh al Muwazanat	258
Fiqh Dharurat	258
Fuqaha'	15, 83, 85, 86, 88
Gharar	15, 156
Hablun Minallah	113, 153
Hablun Mina nas	113, 153
Hajara	235
Haul	136
Ladharara Wala Dhirar	212
Ibadat Am	65
Ibadat Khusus	65
Ibtila'	83

# Indeks

Ijab Kabul	156	Muraqabah	108
Ijtima'iyyah	229	Musyahadah	50
Ihya' Ulumuddin	199	Musyarakah	127
Ijamak	143	Musyarakah Mutanaqisah	128
Ijarah	219	Musyawarah	275
Ijtihad	216	Nifak	104
Iktikaf	90	Nisab	136
Imaratul ard	91	Qawaed Fiqhiyyah	144, 258
Inna Lillah	246	Qias	143, 144, 145
Infaq	32, 190, 261, 262	Quba'	156
Insan	155	Riadah	200
Iqra'	69	Rijal	2, 139, 162
Jahada	15	Roh al Infaq	32
Jamak	212, 215, 214	Roh al Itbar	33
Jamak Ta'khir	213	Roh Ta'awun	34
Jamak Taqdim	213	Roh Taat	35
Jariah	72, 73, 136	Rubaie	212
Jinayat	64	Ruhi	109
Jumhur fuqaha'	86	Rujulah	2
Jumud	60, 173	Rukhsah	211, 212, 213, 214, 215, 216, 218, 219, 220
Kalamullah	63	Rukhsah Syarie	221
Khalifah Fil Ard	191	Sa'a	29
Khilafil Aula	212, 213	Sabilillah	78
Khuf	214, 216	Sa'e	41
Khusyuk	245	Sahsiah syari'ah	276
Kinayah	45, 50	Su'ul Ulama'	176
Kun Fayakun	90	Syuhada'	96, 102
Ma'ruf	29	Syumul	1, 18
Mahmudah	4, 5, 7, 169, 172, 199, 200	Syura	275
Ma'mud	202	Ta'abudie	83
Malakah	57	Ta'bud	137, 138
Maqam al Mujahadah	42	Taharah	275
Maqam Tasawuf	253	Tahsinun niat	103
Maqam Taubah	42	Takaful	128
Maqam	4	Tarbiyah Jasadiyah	228
Maslahah	109, 146, 147,	Tarbiyah Ruhiyah	228
Mazam tasawuf	253	Tarbiyah Saqafiah	229
Mazmumah	119, 207, 253	Tasawuf	245
Mohsinin	265	Tasawwur	164
Muamatat	64, 65, 66, 110, 166, 169	Tasahul	276
Mudharabah	127	Tasamuh	276
Mujaddid	171	Tawaduk	245
Mujahadah	42, 43, 49, 50, 113, 200, 257	Tayammum	215
Mujahadah Fi Sabilillah	43, 44	Tijarah	3, 13, 14, 15, 65, 72, 73, 75
Muktabar	86, 214	Tujjarur Rahman	5
Mumayyiz	156	Ubudiah	134, 139
Munakahat	64	Ujrah	72

## *Indeks*

- |                 |                                |
|-----------------|--------------------------------|
| Ukhwawi         | 4, 27, 35, 143                 |
| Umara'          | 175, 177                       |
| Ummatan Wahidah | 257                            |
| Uzlah           | 227                            |
| Vitaliti        | 261                            |
| Wasilah         | 10, 31, 39, 48,<br>50, 81, 176 |
| Zindik          | 178                            |
| Zuhud           | 36, 37, 38, 112                |

# Glosari

'Abid	Orang yang banyak beribadat atau mengabdikan diri kepada Allah SWT tanpa mengharapkan sebarang ganjaran daripada Nya.	Infaq	Membelanjakan atau mendermakan.
Azimah	Melaksanakan perintah Allah SWT dengan apa yang telah ditetapkan tanpa mengambil sebarang rukhsah (keringanan).	Jamak Taqdim	Himpunan dua solat yang dilakukan pada waktu pertama, seperti sembahyang Asar di dalam waktu Zohor
Barter	Tukar menukar barang.	Jamak Ta'khir	Himpunan dua solat yang dilakukan pada waktu yang kedua, seperti solat Zohor dalam waktu Asar.
Epistemologi	Teori tentang pengetahuan, terutamanya yang berkaitan dengan kajian krisis tentang kesahihan, kaedah dan skop sesuatu pengetahuan.	Jinayat	Perbuatan kejahatan seperti mencuri, merompak, membunuh dan sebagainya.
Haul	Salah satu daripada syarat zakat iaitu cukup tempoh setahun berdasarkan kepada kiraan tahun Hijrah.	Jual Salam	Tempahan barang yang dibuat dengan ditentukan sifat-sifat barang yang dikehendaki sedangkan barang tersebut masih belum ada lagi pada ketika itu.
Ibadat Am	Setiap perbuatan yang menepati kehendak syarak bertujuan mendapat keredhaan Allah SWT.	Jumud	Beku, kaku dan kolot.
Ibadat Khusus	Ibadat-ibadat yang telah ditentukan oleh syarak seperti solat, zakat, puasa dan haji.	Kalamullah	Kitab Allah atau al-Quran.
Al Ihsan	Peringkat pencapaian ahli sufi yang merasakan segala gerak gerinya di dalam perhatian Allah SWT.	Khilafi Aula	Melakukan sesuatu yang lebih baik mengikut suasana dan keadaan tempat.
Al Ijarah	Sewaan dengan bayaran tertentu yang dipersetujui oleh kedua belah pihak.	Likuiditi	Kecairan tunai
Imaratul ardh	Memakmurkan muka bumi	Ma'bud	Sesuatu yang disembah
		Mahmudah	Sifat-sifat yang dipuji oleh syarak
		Maqam	Darjat kerohanian yang dicapai oleh orang yang soleh untuk menuju kepada Allah SWT.
		Maqam Mujahadah	Tahap atau peringkat menahan diri zahir dan batin daripada kehendak hawa nafsu untuk mencapai kesempurnaan rohani dan juga keredhaan Allah SWT.

# Glosari

Maqam at Taubah	Tahap pencapaian pertama yang dilalui oleh orang sufi untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.	Ar Rahman	Salah satu nama Allah SWT (al asma' al Husna) yang bermaksud Yang Maha Pemurah.
Mazmumah	Sifat-sifat yang buruk, dicela, dikeji dan dihina oleh syarak	Riadah	Latihan bagi memperbaiki diri ke tahap yang lebih baik.
Muamalat	Urusan yang berkaitan jual beli atau perhubungan kemasyarakatan.	Ruhi	Perkara yang berkaitan dengan aspek kerohanian.
Mujahadah	Amalan menahan diri secara zahir dan batin daripada kehendak hawa nafsu untuk mencapai kesempurnaan rohani dan juga keredhaan Allah SWT.	As Sakinah	Ketenangan seseorang hasil daripada pancaran cahaya Ilahi ke hatinya.
Muktabar	Sesuatu yang diterima dan diiktibar oleh syarak.	Silk Route	Laluan Perdagangan Timur Barat yang merentas daratan bermula di Isntanbul, Turki dan berakhir di Xian China. Ia merupakan laluan perdagangan yang utama sebelum jalan laut dijumpai.
Munakahat	Hukum fekah berkenaan perkahwinan seperti pernikahan, perceraian, kewajiban suami isteri dan lain-lain lagi.	Su 'ul Ulamak	Ulamak yang menyembunyikan kebenaran kerana kepentingan diri sendiri atau ulamak yang jahat.
Mummayiz	Dapat membezakan perkara yang baik dengan yang buruk.	Syumul	Bersifat menyeluruh atau lengkap
Muraqabah	Pemerhatian diri yang berterusan kepada Allah SWT kerana mengharapkan rahmat Nya dan takut kepada azab Nya.	Tasawur	Sesuatu pandangan atau tanggapan
Nifik	Tidak memperlihatkan keadaan diri yang sebenar serta berpura-pura berperangai baik.	Ubudiah	Tunduk, patuh, mengagung dan mengasihi Allah SWT serta redha dengan hukum Nya zahir dan batin.
Nisab	Salah satu daripada rukun zakat iaitu cukup kadar sukatan tertentu.	Wasilah	Jalan dan amalan yang boleh menghampirkan diri kepada Allah SWT.
Ar Rahim	Salah satu nama Allah SWT (al asma' al Husna) yang bermaksud Yang Maha Pengasih.	Zindik	Orang sesat yang tidak percaya kepada Allah SWT, orang yang mana imannya telah terpesong.